

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS
2024

22 JULAI HINGGA 1 OGOS 2024
SOALAN NO. 1 HINGGA 137

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR TUAN PELE PETER
TINGGOM**

TUAN PELE PETER TINGGOM minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan pihak Kerajaan telah memberi penekanan terhadap kepentingan dalam penggunaan Rukun Negara dalam kehidupan seharian rakyat Malaysia melalui program yang dijalankan oleh Kementerian. Bagaimanakah Kementerian memastikan penggunaan Rukun Negara dalam kalangan rakyat khususnya murid-murid berkesan dan efektif.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Perpaduan Negara sentiasa memberi komitmen yang tinggi dalam usaha menerapkan elemen Rukun Negara yang berfokuskan kepada pengukuhan pengetahuan, pemahaman, penghayatan dan pengamalan Rukun Negara dalam kalangan murid.
2. Penerapan nilai-nilai perpaduan dan hidup bermasyarakat jua diberikan kepada kanak-kanak seawal usia 4 hingga 6 tahun di Tabika Perpaduan (TP) dan kanak-kanak yang berusia bawah 4 tahun di bawah program Taska Perpaduan (TSP). Kini ada sebanyak 1,781 TP dan 41 TSP di seluruh negara. Aktiviti Modul Rukun Negara juga diperkenalkan dalam program Pembelajaran dan Pengajaran di TP dan TSP dalam usaha menyemai benih-benih perpaduan diperingkat awal persekolahan agar sentiasa dijiwai dan dijadikan sebagai pembudayaan dalam kehidupan seharian.
3. Kementerian Perpaduan Negara (KPN) telah mengadakan kerjasama bersepadu dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam usaha penerapan Rukun Negara di sekolah melalui penubuhan Kelab Rukun Negara (KRN) dan Institut Pengajian Tinggi (IPT) melalui penubuhan Sekretariat Rukun Negara (SRN) semenjak tahun 2004. Sehingga 30 Jun 2024, bilangan Kelab Rukun Negara (KRN) di seluruh negara adalah sebanyak 6,849 merangkumi 4,416 sekolah rendah dan 2,433 sekolah menengah. Manakala penubuhan Sekretariat Rukun Negara (SRN) sehingga Jun 2024 adalah sebanyak 189 SRN.

4. Pada tahun lepas, Jemaah Menteri telah meluluskan cadangan supaya sesi lafaz ikrar Rukun Negara dibaca penuh bermula dengan mukadimah dan diikuti dengan lima perinsip Rukun Negara dalam program-program rasmi Kerajaan termasuk semasa majlis perhimpunan di semua sekolah dan IPT.

5. Bagi menyemarakkan lagi penghayatan dan pemahaman Rukun Negara, Kementerian telah melancarkan inisiatif Explorasi Rukun Negara yang melibatkan penyertaan pelbagai lapisan masyarakat. Aspirasi inisiatif ini adalah untuk meningkatkan penghayatan Rukun Negara sebagai wadah penyatupaduan rakyat Malaysia. Selain itu, Kementerian melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional telah melaksanakan pelbagai program penghayatan Rukun Negara seperti berikut :

- i. Eksplorasi Rukun Negara
- ii. Simposium Pendidikan Rukun Negara Prasekolah
- iii. Pendidikan Perpaduan di Kelas Tabika Perpaduan
- iv. Pendidikan Rukun Negara di Kelas Tabika Perpaduan
- v. Kem Anak Malaysia
- vi. Kenali Budaya Kita
- vii. Program Raja Kita Payung Kita
- viii. Debat Perpaduan
- ix. Jelajah Belia Rukun negara
- x. Diskusi Perpaduan: Chit Chat Belia
- xi. Jalinan Integrasi Nasional Mahasiswa

6. Kementerian sentiasa menekankan dan memberikan fokus kepada agenda pengukuhan penghayatan Rukun Negara dalam kalangan rakyat

Malaysia khususnya generasi muda. Antara inisiatif baharu yang akan diusahakan oleh Kementerian dan JPNIN adalah:

- **Syor Rukun Negara sebagai mukadimah Perlembagaan Persekutuan** - Kementerian Perpaduan Negara (KPN) akan meneliti cadangan menjadikan Rukun Negara sebagai mukadimah Perlembagaan Persekutuan
- **Lafaz Ikrar Rukun Negara**- Kementerian akan berbincang dan kerjasama dengan semua Kerajaan Negeri agar Ikrar Rukun Negara turut dilafazkan secara penuh ketika pembukaan penggal di Dewan Undangan Negeri.
- **Simposium Pendidikan Rukun Negara** - bagi mendedahkan dan memperkenalkan modul pendidikan Rukun Negara di peringkat pendidikan awal kanak-kanak khususnya di prasekolah KPM, Tadika KEMAS dan Tadika Swasta.
- **Konvensyen Sekretariat Rukun Negara** – akan dilaksanakan dengan penglibatan 188 SRN seluruh negara
- **Modul Penghayatan Rukun Negara**- dibangunkan dan diaplikasikan di 6 buah zon negeri bagi membentuk kemenjadian Belia Menjiwai Rukun Negara.
- **Jelajah Belia Rukun Negara** - dijadualkan pelaksanaan bermula bulan Julai hingga Disember 2024 di seluruh negara

melibatkan 1,200 peserta. Majlis *softlaunch* dijadualkan pada Julai 2024 di Zon Tengah. Aktiviti seperti **Bicara Rukun Negara : Menjiwai Rukun Negara, Pemekaan Rukun Negara serta Interaktif dan Inovasi Penghayatan Rukun Negara.**

- **PLKN 3.0** – Kementerian akan bekerjasama dengan Kementerian Pertahanan bagi menyediakan modul kenegaraan dan jati diri bagi PLKN 3.0.

7. Rukun Negara perlu dihayati dan difahami bersama-sama Perlembagaan Persekutuan yang menjadi tunjang kepada perpaduan dalam kepelbagaian etnik, kaum dan agama. Penghayatan Rukun Negara bukan sahaja menyuntik semangat patriotisme, malah turut menyuburkan perpaduan dalam kalangan masyarakat yang berbilang kaum, bangsa dan agama.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR TUAN PELE PETER
TINGGOM**

TUAN PELE PETER TINGGOM minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan mengapakah tindakan diplomatik tidak diambil ke atas negara-negara yang sering mencerobohi perairan negara ini.

JAWAPAN

**YB DATO' SERI UTAMA HAJI MOHAMAD BIN HAJI HASAN
MENTERI LUAR NEGERI
KEMENTERIAN LUAR NEGERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Senator Tuan Pele Peter Tinggom** di atas pertanyaan yang dikemukakan dan di atas keprihatinan yang diberikan terhadap isu-isu di bawah seliaan Kementerian Luar Negeri.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Kerajaan melalui Kementerian Luar Negeri secara konsisten mengemukakan Nota Bantahan Diplomatik apabila terdapat pencerobohan terhadap perairan Malaysia. Ini adalah selari dengan pendirian tegas Kerajaan dalam memastikan kedaulatan, hak kedaulatan dan kepentingan Malaysia terus kekal terpelihara.

3. Dalam hal ini, Kerajaan Malaysia menerusi Majlis Keselamatan Negara (MKN), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) sentiasa memberikan perhatian serius terhadap keselamatan di kawasan perairan negara. Semua agensi penguatkuasa dan pemantauan maritim negara amat komited dalam tindakan-tindakan yang diambil termasuklah rondaan, pengawasan, pemantauan dan penguatkuasaan di dalam kawasan maritim Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR TUAN PELE PETER
TINGGOM**

TUAN PELE PETER TINGGOM minta **PERDANA MENTERI** menyatakan Laporan Audit Negara yang dibentangkan dan syor yang telah dilaporkan. Berapakah jumlah penjawat awam yang telah diambil tindakan dan jumlah yang didapati bersalah serta diambil tindakan tatatertib.

JAWAPAN**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

1. Berdasarkan statistik Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) setakat 4 Jun 2024, status Tindakan Susulan Laporan Ketua Audit Negara tahun 2015 hingga tahun 2022 adalah bahawa seramai 311 penjawat awam telah dikenakan hukuman tatatertib dengan pecahan seperti yang berikut:

Bil.	Jenis Hukuman	Bil. Pegawai
1.	Amaran	183
2.	Denda	12
3.	Tanggung Pergerakan Gaji	37
4.	Turun Gaji	10
5.	Turun Pangkat	1
6.	Denda dan Amaran	9
7.	Denda dan Surcaj	2
8.	Surcaj dan Amaran	9
9.	Tanggung Pergerakan Gaji dan Amaran	3
10.	Turun Gaji dan Amaran	7
11.	Turun Gaji dan Denda	1
12.	Turun Pangkat dan Amaran	1
13.	Buang Kerja	3
14.	Surcaj	31
15.	Dijatuhkan hukuman oleh mahkamah (SPRM)	2

2. Selain itu, sebanyak 64 kes telah disiasat oleh SPRM berkenaan dengan tindakan berkaitan rasuah dan salah guna kuasa manakala sebanyak 24 kes disiasat oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi kes melibatkan kes sivil atau jenayah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR TUAN PELE PETER
TINGGOM**

TUAN PELE PETER TINGGOM minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan laporan prestasi ekonomi negara terkini terhadap kompetitif, pelaburan, keuntungan, gross domestic product (GDP), pertumbuhan, inflasi, fiskal defisit dan hutang negara berbanding dengan negara-negara ASEAN.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, ekonomi Malaysia telah mencatat pertumbuhan sederhana sebanyak 3.6% pada tahun 2023. Pertumbuhan yang menyederhana ini disebabkan oleh prestasi ekonomi global yang lebih perlahan berikutan perdagangan yang lembap, kitaran teknologi yang menurun (*technology downcycle*), ketegangan geopolitik dan dasar monetari oleh negara maju yang ketat. Keadaan ini turut menjejaskan prestasi sektor pembuatan dalam negara akibat daripada permintaan eksport yang rendah.

Walaupun menghadapi persekitaran luaran yang mencabar, pertumbuhan ekonomi telah didorong oleh permintaan dalam negeri yang berdaya tahan, terutamanya oleh perbelanjaan sektor swasta serta pemulihan aktiviti pelancongan yang berterusan. Prestasi pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) di Malaysia pada tahun 2023 adalah lebih tinggi berbanding dengan Thailand (1.9%) dan Singapura (1.1%), manakala pertumbuhan ekonomi Indonesia kekal kukuh sebanyak 5.0%.

Pada suku tahun pertama tahun ini, KDNK Malaysia telah berkembang sebanyak 4.2%, lebih baik berbanding 2.9% pada suku sebelumnya. Pertumbuhan ini dipacu oleh aktiviti permintaan domestik yang menggalakkan dan disokong oleh keadaan pasaran buruh yang lebih baik serta pertumbuhan eksport yang positif.

NO SOALAN: 4

Dari segi pelaburan langsung asing (FDI), Malaysia mencatatkan pengaliran masuk pelaburan sebanyak AS\$1.01 bilion berbanding Singapura sebanyak AS\$96.67 bilion dan Indonesia sebanyak AS\$14.56 bilion pada tahun 2023. Jumlah ini adalah lebih baik jika dibandingkan dengan negara Thailand yang mencatat pengurangan FDI sebanyak AS\$5.82 bilion pada tempoh yang sama. Dari segi perdagangan pula, Malaysia mencatatkan penurunan bagi eksport barangan dan perkhidmatan sebanyak 8% pada tahun 2023. Ini adalah lebih rendah berbanding dengan negara Singapura yang meningkat sebanyak 2.4%, Thailand sebanyak 2.1% dan Indonesia sebanyak 1.3%. Selain itu, Malaysia turut mencatatkan penurunan bagi import barangan dan perkhidmatan sebanyak 7.5% berbanding negara Thailand yang meningkat sebanyak 2.3%, Singapura sebanyak 1.0% dan Indonesia sebanyak 1.6%.

Kadar inflasi Malaysia bagi tahun 2023 telah mencatatkan peningkatan dengan kadar yang lebih perlahan, iaitu sebanyak 2.5% (2022: 3.3%), dan kekal pada paras 2.0% dan ke bawah sejak Julai 2023. Secara umumnya, penyederhanaan inflasi dinilai berdasarkan peningkatan kadar harga barangan dan perkhidmatan yang lebih perlahan dan bukannya disebabkan oleh penurunan paras harga. Berdasarkan perbandingan dengan negara serantau, inflasi Malaysia bagi tempoh tersebut masih rendah berbanding dengan beberapa negara ASEAN seperti Filipina (6.0%), Singapura (4.8%), Vietnam (3.9%) dan Indonesia (3.7%). Selain daripada usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan, peranan yang dimainkan oleh pengguna dan peniaga turut mendorong penyederhanaan kadar inflasi di Malaysia.

NO SOALAN: 4

Walau bagaimanapun, kedudukan defisit fiskal (% kepada KDNK) Malaysia pada tahun 2023 adalah yang tertinggi pada 4.9%, berbanding kedudukan fiskal bagi negara Asean seperti Thailand (3.8%), Indonesia (2.8%) dan Singapura (0.5%). Manakala, hutang negara (% kepada KDNK) adalah pada kadar 61.5%, berbanding Singapura (164.6%), Thailand (52.7%) dan Indonesia (40.3%).

Menurut laporan *World Competitiveness Ranking*, Malaysia berada di kedudukan ke-34 daripada 67 negara dalam kedudukan Daya Saing Global (WCR) 2024 dan ke-empat dalam kalangan negara di ASEAN selepas Singapura, Thailand serta Indonesia. Malaysia telah turun tujuh tangga berbanding kedudukan ke 27 pada tahun 2023.

Pada tahun 2024, Kerajaan menjangkakan ekonomi negara mencatatkan pertumbuhan antara 4% hingga 5%, mengambil kira pertumbuhan ekonomi dan perdagangan dunia serta jangkaan peningkatan permintaan domestik dan keadaan pasaran buruh yang lebih baik. Jangkaan kadar pertumbuhan KDNK ini adalah selari dengan anggaran beberapa agensi antarabangsa seperti Tabung Kewangan Antarabangsa sebanyak 4.4% dan Bank Dunia sebanyak 4.3%.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATO' DR. AHMAD AZAM
BIN HAMZAH**

DATO' DR. AHMAD AZAM BIN HAMZAH minta **MENTERI
PENDIDIKAN** menyatakan :

(a) program sokongan yang disediakan oleh Kementerian untuk membantu pelajar yang berisiko tinggi keciciran daripada sistem pendidikan; dan

(b) bagaimanakah Kementerian memberi sokongan kepada pelajar yang menghadapi masalah kesihatan mental atau tekanan emosi yang menghalang mereka daripada menduduki peperiksaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merujuk kepada definisi murid berisiko cicir iaitu murid warganegara Malaysia yang berada dalam sistem pendidikan (bersekolah) tetapi menunjukkan kebarangkalian untuk keluar daripada sistem sebelum tamat tempoh pendidikan. KPM sentiasa prihatin dalam memantau dan menangani isu murid berisiko cicir. Pada tahun 2018, Garis Panduan Mengurus Murid Berisiko Cicir (GPMBC) telah diedarkan ke semua sekolah KPM. GPMBC ini bertujuan membantu pihak sekolah mengenal pasti dan mengurus murid berisiko cicir secara berkesan dan sistematik. Garis panduan ini juga menjadi panduan kepada pihak jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan sekolah dalam memastikan pemantauan secara berterusan dapat dilaksanakan bagi membantu murid-murid yang berisiko cicir agar mereka kekal bersekolah sehingga tamat Tingkatan 5.

Selain itu, KPM telah mengambil inisiatif dengan menyediakan modul Serlahkan Keunggulan Diri (SUDI) sebagai panduan kepada sekolah untuk melaksanakan intervensi dalam menangani keciciran murid. Melalui modul ini, aktiviti sokongan yang sistematik dapat dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan murid kekal bersekolah sehingga tamat persekolahan. KPM juga telah memperkenalkan Buku Penulisan Kajian Kes Murid Berisiko Cicir dan Murid Cicir. Buku ini dijadikan panduan dan rujukan intervensi kepada guru bimbingan dan kaunseling untuk membantu murid berdasarkan isu yang berlaku dalam kalangan murid berisiko cicir dan murid cicir.

KPM turut memandang serius isu keciciran murid dengan

NO SOALAN: 5

menyediakan sebanyak 18 jenis bantuan persekolahan yang terdiri daripada 13 jenis Bantuan Persekolahan Khusus dan 5 jenis Bantuan Persekolahan Umum. Seterusnya, bagi memastikan lebih banyak peluang dan akses murid berisiko cecir dan cecir dari kawasan luar bandar, KPM telah menyediakan Sekolah Model Khas Komprehensif 9 (K9) supaya semua murid dapat kekal bersekolah terutamanya murid di kawasan luar bandar dan pedalaman. Sekolah Model Khas K9 telah diperluas daripada yang sedia ada dan terkini pada tahun 2024 terdapat sebanyak 28 buah Sekolah Model Khas K9 di seluruh negara.

Selain itu, KPM juga memperluaskan konsep K9 kepada sekolah komprehensif 11 (K11) yang dijangka mampu mengurangkan kadar keciciran transisi murid dari Tingkatan 3 ke Tingkatan 4. KPM telah memulakan program rintis K11 di SK RPS Betau, Kuala Lipis, Pahang dan SK Long Bedian, Baram, Sarawak. Status terkini sekolah tersebut adalah beroperasi sebagai sekolah komprehensif K11. Di samping itu juga, peluasan konsep Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK) turut diperkenalkan di Sabah sebagai satu program bertempat di SK Sembulan, Kota Kinabalu, Sabah di samping SBJK sedia ada di Kuala Lumpur.

Dalam usaha yang berterusan menangani keciciran murid, salah satu perancangan dalam RMKe-12 adalah membangunkan Sistem Pengesanan KPM (SiPKPM), iaitu satu sistem untuk mengesan pergerakan murid dalam keseluruhan sistem pendidikan, murid cecir, murid berisiko cecir dan yang tidak mendapat akses pendidikan. Sistem ini bertujuan menambah baik kaedah pemantauan dalam mengesan kehadiran murid dan mengenal pasti murid yang berisiko cecir secara sistematik supaya langkah-langkah awal dapat diambil. Instrumen bagi

NO SOALAN: 5

kriteria murid berisiko cicir yang digunakan dalam sistem ini sentiasa dinilai dan ditambah baik bagi memastikan sistem tersebut selaras dengan keperluan semasa.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa prihatin dan peka terhadap kesihatan mental dan kebajikan murid khususnya kepada murid yang menghadapi masalah kesihatan mental atau tekanan emosi yang menghalang mereka daripada menduduki peperiksaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, KPM telah mengeluarkan surat Pelaksanaan Program Bitara Minda Sihat sebagai panduan kepada institusi pendidikan bawah KPM sebelum, semasa dan selepas peperiksaan berlangsung. Program ini bertujuan menyediakan sokongan emosi yang bersesuaian kepada murid, mewujudkan persekitaran positif sebelum, semasa dan selepas peperiksaan berlangsung serta meningkatkan kesejahteraan sosioemosi dan mental dalam kalangan murid.

Antara aktiviti yang dilaksanakan dalam Program Bitara Minda Sihat adalah menyebarkan luas infografik maklumat penjagaan diri (*self care*) kepada murid, menyediakan ruangan santai dan selesa untuk berehat dan menenangkan fikiran, mengaktifkan khidmat bimbingan dan kaunseling, menyediakan pasukan sokongan emosi dalam kalangan Pembimbing Rakan Sebaya dan sesi konsultasi bersama-sama ibu bapa/penjaga murid. Di samping itu juga pemantauan terhadap perubahan tingkah laku, emosi, pemikiran dan tindakan murid di luar daripada kebiasaan dilaksanakan dan intervensi krisis kepada sasaran murid yang dikenal pasti turut diberikan.

NO SOALAN: 5

Selain itu, KPM bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melaksanakan Program Minda Sihat Sekolah. KPM telah menyediakan panduan pelaksanaan Program Minda Sihat sebagai rujukan kepada sekolah dalam melaksanakan program tersebut dengan terancang dan sistematik. Program Minda Sihat ini bertujuan memperkasa psikososial, menyokong kesejahteraan sosioemosi murid dan melaksanakan intervensi kepada murid yang dikenal pasti agar mereka dapat menguruskan emosi dengan baik. Melalui program ini Saringan Minda Sihat dilaksanakan sebagai pengesanan awal untuk mengenal pasti murid yang mempunyai masalah gangguan emosi.

KPM yakin usaha yang dilaksanakan dapat meredakan kebimbangan, mengurangkan tekanan dan mewujudkan suasana yang harmoni kepada murid dalam menghadapi peperiksaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATO' DR. AHMAD AZAM
BIN HAMZAH**

DATO' DR. AHMAD AZAM BIN HAMZAH minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menyokong industri perikanan dan ternakan bagi meningkatkan pengeluaran dan memastikan keterjaminan makanan dan bagaimanakah Kementerian membantu petani kecil yang menghadapi masalah seperti kekurangan modal serta akses kepada teknologi dan pasaran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sentiasa komited dalam usaha untuk meningkatkan produktiviti pengeluaran agromakanan tempatan termasuk industri perikanan dan ternakan. Melalui Dasar Agromakanan Negara 2021 – 2030 (DAN 2.0) dan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021 – 2025, pelbagai strategi telah dirangka untuk meningkatkan tahap keterjaminan makanan negara.

Selain itu, mulai tahun 2024, KPKM telah memperkenalkan konsep Program Inovasi Nasional Keterjaminan Agromakanan Rakyat (PINTAR) melalui pelaksanaan pembudayaan inovasi dan *re-engineering* dalam sektor tanaman, ternakan, perikanan dan industri asas tani di sepanjang rantai pengeluaran dan nilai agromakanan. Dalam hal ini, sektor perikanan dan ternakan menjadi antara fokus utama Kementerian bagi tahun 2024 iaitu:

- (i) Memperkasakan kapasiti industri akuakultur;
- (ii) Meningkatkan pengeluaran daging lembu tempatan;
- (iii) Melaksanakan projek pengeluaran makanan ternakan melalui penanaman jagung bijian; dan
- (iv) Meningkatkan libat urus dalam memudah cara Kebenaran Merancang (KM) bagi industri ayam dan telur.

Antara langkah dan inisiatif semasa KPKM untuk menyokong industri perikanan dan ternakan adalah seperti berikut:

Industri Perikanan:

- (i) **Program Pembangunan Integrasi Akuakultur (PPIA)** bagi pembangunan sistem sangkar bersepadu yang menyumbang kepada peningkatan pengeluaran akuakultur;

- (ii) **Program Kebun Komuniti MADANI (Kebuniti MADANI)** Sub Sektor Akuakultur bagi setiap Parlimen di seluruh negara melibatkan peruntukan sejumlah RM5.2 juta pada tahun 2023;
- (iii) Dana Jaminan Makanan (DJM) untuk **Program Modernisasi Vesel dan Mekanisasi Tangkapan** berbentuk pinjaman sebanyak RM150 juta dengan kadar tiga (3.0) hingga tiga persepuluh lima (3.5) peratus dalam tempoh sepuluh (10) tahun bagi tujuan pemodenan vesel dan meningkatkan mekanisasi, menaik taraf peralatan dan keselamatan;
- (iv) **Sistem Penyampaian dan Khidmat Sokongan (SPeKS)** merangkumi bantuan aspek perkhidmatan, sistem, infrastruktur, teknologi, input dan peralatan. Pada tahun 2023, Kerajaan telah menyalurkan bantuan sebanyak RM8 juta manakala RM12.1 juta telah diluluskan bagi tahun 2024;
- (v) **Program Pembangunan Semula Projek Agromakanan (PPSPA)** atau dikenali sebagai **Tabung Bencana Pertanian (TBP)** menyediakan bantuan bencana kepada pengusaha akuakultur yang terjejas akibat banjir, ribut dan ledakan alga;
- (vi) **Program myKomuniti Perikanan (myKP)** dan **Program myAgropreneur Perikanan (myAP)** bertujuan mempelbagaikan aktiviti dalam rantai nilai perikanan seperti akuakultur, industri asas tani, pemasaran produk perikanan, industri sokongan perikanan, agropelancongan dan perikanan rekreasi;
- (vii) **Pemeriksaan Pelan Pembangunan Baka dan Benih Akuakultur** menerusi pelaksanaan program dan aktiviti penyelidikan serta pengembangan seperti *Nucleus Breeding Centre* (NBC) bagi menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan untuk mengeluarkan baka dan induk ikan yang berkualiti dan *Broodstock Multiplier Centre* (BMC) yang menjalankan aktiviti pengeluaran benih berkualiti hasil daripada baka yang telah diberikan oleh NBC; dan

- (viii) **Penyelidikan** oleh Institut Penyelidikan Perikanan (IPP) di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) seperti kajian biologi dan pentaksiran sumber ikan pelagik, tuna dan bilis, kajian pembenihan pembangunan udang dan ikan serta kajian pemuliharaan penyu.

Industri Ternakan:

- (i) **Program Pembangunan Projek Lembu Pedaging Secara Intensif** bertujuan untuk memperkukuhkan industri ternakan lembu dilaksanakan oleh Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP). Sehingga Disember 2023, jumlah keseluruhan ternakan lembu adalah sebanyak 17,730 ekor dengan nilai pendapatan sebanyak RM35.5 juta. Program ini telah melibatkan seramai 355 orang usahawan dengan kapasiti 12,876 ekor lembu dengan nilai pendapatan sebanyak RM30.1 juta dan 38 Pertubuhan Peladang dengan kapasiti sebanyak 4,854 ekor lembu dengan nilai pendapatan berjumlah RM5.4 juta;
- (ii) **Program bersama dengan Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu (UniSZA)** seperti:
- (a) Program menghasilkan makanan alternatif kepada lembu pedaging yang boleh mengatasi masalah kenaikan harga makanan sedia ada di pasaran yang dapat mengurangkan kos makanan; dan
- (b) Program Latihan Pengurusan Haiwan kepada penternak untuk mengoptimumkan penjagaan, pemeliharaan, dan penternakan haiwan. Penternak dapat mempelajari dan mengenal pasti tanda-tanda awal penyakit dan langkah-langkah yang perlu diambil untuk mencegah penularan seterusnya membantu mengurangkan kematian ternakan;
- (iii) **Skim Rezeki Ternakan Ruminan dan Unggas** bertujuan untuk membantu penternak kecil menambah sumber pendapatan menerusi pakej bantuan bagi perolehan ternakan, makanan

NO SOALAN: 6

ternakan dan input peralatan ladang dengan jumlah peruntukan keseluruhan sebanyak (RM30 juta di bawah RMKe-12. Bagi tempoh 2021 hingga 2023, seramai 847 penternak telah menerima bantuan bernilai RM6.529 juta dan skim ini diteruskan tahun ini dengan peruntukan sebanyak RM6 juta;

- (iv) **Program Peningkatan Ruminan** bertujuan untuk meningkatkan populasi asas ternakan ruminan pedaging menerusi pakej bantuan perolehan ternakan dan peralatan kepada penternak yang berkonsepkan geran padanan pada kadar nisbah 50% Kerajaan dan 50% penternak dengan jumlah peruntukan keseluruhan sebanyak RM40 juta di bawah RMKe-12. Pada tahun 2023, dua (2) syarikat peneraju yang dilantik iaitu Koperasi Ladang Berhad (KLB) dan RISDA Livestock telah membawa masuk 1,570 ekor lembu baka dengan jumlah keseluruhan bernilai RM4.8 juta. Program ini diteruskan pada tahun ini dengan penawaran kepada dua (2) syarikat peneraju baharu dengan nilai sebanyak RM2 juta;
- (v) **Projek Insentif Galakan Peningkatan Produktiviti Lembu Pedaging Ke arah Purata Kadar Kelahiran Nasional 60 Peratus** adalah projek yang dilaksanakan melalui pemberian geran penuh kepada penternak lembu pedaging yang mempunyai kadar kelahiran lembu sekurang-kurangnya 60% dan dinilai berpotensi oleh DVS. Objektif projek ini adalah untuk menyediakan insentif kepada penternak berpotensi untuk terus meningkatkan prestasi pengeluaran ladang, meningkatkan kadar kelahiran ternakan ruminan pedaging negara dan meningkatkan bilangan ladang yang mengamalkan Amalan Penternakan Yang Baik (*Good Animal Husbandry Practice*). Pada tahun 2023, 40 penternak telah menerima geran berjumlah RM4.198 juta dan projek ini diteruskan pada tahun semasa dengan peruntukan sebanyak RM5 juta;
- (vi) Menubuhkan sebanyak 16 buah Ladang Satelit Nasional (LSN) di kawasan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM);

- (vii) Membangunkan dua (2) kawasan tanah milik Kerajaan Persekutuan sebagai Taman Kawasan Pengeluaran Ruminan (TKPR);
- (viii) Membangunkan tujuh (7) buah Pusat Pengembangan Veterinar (VetEC) di kawasan tumpuan projek ternakan;
- (ix) Memperkasa keupayaan kawalan penyakit ternakan terutamanya penyakit berkaitan ekonomi dan rentas sempadan seperti Penyakit Kuku Dan Mulut (FMD), *Lumpy Skin Disease* (LSD) dan penyakit pembiakan seperti Brusella;
- (x) **Program Pembangunan Industri Tenusu Negara**
 - (a) **Skop Transformasi Usahawan Berskala Besar**

Kerajaan akan membuat bayaran balik (*reimbursement*) sebanyak 30% daripada harga perolehan mengikut harga siling yang telah ditetapkan dengan kaedah *reimbursement* 70:30 (70 peratus harga perolehan akan ditanggung oleh peserta manakala baki tiga puluh (30) peratus daripada harga perolehan akan dibayar oleh Kerajaan). Bantuan input yang disediakan oleh kerajaan dalam program ini adalah induk lembu tenusu bunting (*heifers*), tangki penyejuk susu (RFT) dan perincih rumput.
 - (b) **Skop Transformasi Penternak Kecil**

Kerajaan akan membuat bayaran balik (*reimbursement*) sebanyak 70% daripada harga perolehan mengikut harga siling yang telah ditetapkan dengan kaedah *reimbursement* 30:70 (30 peratus harga perolehan akan ditanggung oleh peserta manakala baki tujuh puluh (70) peratus daripada harga perolehan akan dibayar oleh Kerajaan). Bantuan input yang disediakan oleh Kerajaan dalam program ini adalah induk lembu tenusu bunting (*heifers*), tangki penyejuk susu (RFT) dan lori tangki susu.

Bagi membantu petani kecil yang menghadapi masalah seperti kekurangan modal serta akses kepada teknologi, antara inisiatif yang dilaksanakan oleh Kementerian adalah seperti berikut:

(i) **Pemberian Bantuan/Insentif**

Sepanjang RMKe-12, sebanyak RM249.5 juta diperuntukkan merangkumi 12 projek pembangunan pertanian dengan peruntukan sebanyak RM44.8 juta bagi tahun 2024 telah disediakan untuk membantu golongan petani mengusahakan pelbagai jenis tanaman. Bantuan ditawarkan dalam bentuk *in-kind* seperti pembersihan kawasan, peralatan pertanian serta input pertanian seperti benih, baja, racun dan sebagainya termasuk geran padanan;

(ii) **Program Agropreneur Muda**

Program untuk membantu golongan muda berumur di antara 18 hingga 40 tahun bertujuan membantu dan menggalakkan penglibatan golongan muda dalam bidang keusahawanan agro berasaskan semua aktiviti di sepanjang rantai nilai sektor pertanian seperti pengeluaran tanaman, ternakan dan perikanan serta industri makanan dan asas tani. Bantuan ditawarkan menerusi Geran Agropreneur Muda (GAM) dengan nilai maksimum RM20,000 dalam bentuk *in-kind* serta khidmat nasihat teknikal dan latihan secara intensif dalam bidang yang diusahakan;

(iii) **Penyediaan Kursus dan Latihan**

Latihan teknikal pertanian dan asas keusahawanan berkaitan teknologi moden merupakan antara kursus jangka pendek yang ditawarkan oleh Jabatan Pertanian (DOA) kepada orang awam termasuk petani kecil yang memberikan pendedahan pengetahuan dan kemahiran secara teori dan latihan *hands-on* berkaitan teknologi moden seperti fertigasi, hidroponik, *smart farming*, penggunaan dron dalam pertanian dan sebagainya.

(iv) **Program Pembiayaan dan Fasiliti Kewangan**

NO SOALAN: 6

Antara dana yang disediakan oleh Agrobank dan Bank Negara bagi kemudahan pengusaha sektor pertanian dan agromakanan untuk perolehan aset dan modal kerja adalah:

- (a) Dana Pertanian Agromakanan 3 (DPA 3) yang menyediakan jumlah pembiayaan sebanyak RM10 ribu sehingga RM5 juta oleh Agrobank;
- (b) Dana Program Pembiayaan Agroteknologi MADANI (DPPAM) yang menyediakan jumlah pembiayaan sebanyak RM10 ribu sehingga RM5 juta oleh Agrobank; dan
- (c) Kemudahan Automasi dan Digitalisasi (ADF) yang menyediakan jumlah pembiayaan sehingga RM3 juta oleh Bank Negara.

Di samping itu, bagi tahun 2024 KPKM melalui **Program Pengukuhan Keterjaminan Makanan** telah melaksanakan projek untuk mengoptimumkan penggunaan tanah melalui kerjasama kerajaan negeri dengan nilai peruntukan sebanyak RM150 juta. Sebanyak 12 negeri telah mendapat manfaat daripada peruntukan ini melalui pelaksanaan 77 projek melibatkan 28 projek subsektor tanaman, 18 projek subsektor ternakan, 15 projek subsektor perikanan, 12 projek subsektor padi, dua (2) projek agropelancongan dan dua (2) projek bagi lain-lain kategori iaitu infrastruktur dan pemasaran.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATO' DR. AHMAD AZAM
BIN HAMZAH**

DATO' DR. AHMAD AZAM BIN HAMZAH minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tindakan Kementerian dalam menangani isu ketidakadilan dan diskriminasi dalam tenaga kerja yang melibatkan jantina (*gender*) di Malaysia serta ketidakadilan pendapatan yang boleh mengakibatkan pengagihan sumber daya yang tidak seimbang dalam ekonomi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) menerusi Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) telah membuat pindaan terhadap Akta Kerja 1955 [Akta 265] yang telah berkuat kuasa pada 1 Januari 2023, di mana satu peruntukan baharu di bawah seksyen 69F telah diwujudkan bagi memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia untuk menyiasat, memutuskan serta mengeluarkan perintah bagi sebarang pertikaian di antara pekerja dan majikan berhubung diskriminasi dalam pekerjaan termasuk diskriminasi yang melibatkan jantina (gender). Setakat ini JTKSM hanya menerima satu (1) aduan berkaitan diskriminasi jantina. Hasil siasatan mendapati aduan tersebut tidak berasas dan telah selesai.

Mana-mana majikan yang gagal mematuhi peruntukan seksyen 69F Akta 265 dan disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 dan bagi kesalahan berterusan boleh dikenakan denda tidak lebih RM1,000 bagi setiap hari kesalahan berterusan.

Selain daripada pindaan Akta 265, KESUMA telah mengambil pelbagai inisiatif lain untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam pasaran buruh yang pada masa ini pada kadar 56.4 peratus berbanding lelaki iaitu 83.1 peratus. KESUMA melalui Talentcorp telah melaksanakan inisiatif Career Comeback Program untuk membolehkan lebih ramai wanita kembali bekerja dengan pengecualian cukai. Pertubuhan Keselamatan Sosial juga telah melaksanakan inisiatif untuk

SOALAN NO: 7

meningkatkan kebolehpasaran wanita dengan usaha-usaha penempatan pekerja menerusi portal MYFutureJobs.

Langkah-langkah yang diambil oleh KESUMA ini akan membantu meningkatkan penyertaan wanita dalam pasaran buruh dan seterusnya meningkatkan pendapatan wanita itu sendiri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATUK DR. DOMINIC LAU
HOE CHAI**

DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan data penumpang Transit Aliran Automatik (ART) di Putrajaya seperti carta aliran trafik penumpang dan kesannya dalam mengurangkan kesesakan lalu lintas:-

- (a) apakah cabaran yang dihadapi seperti kekerapan jadual perjalanan yang tidak mencukupi atau saiz trem yang besar yang menjejaskan kenderaan lain; dan
- (b) jelaskan perancangan Kementerian dalam mengemudi sistem ini di kawasan lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sistem Transit Aliran Automatik (*Automatic Rapid Transit* - ART) di Putrajaya sedang dilaksanakan secara ujian rintis (*pilot*) bermula Mei 2024 sehingga akhir Julai 2024, hasil kerjasama strategik di antara syarikat swasta dan Perbadanan Putrajaya dan disokong Kementerian Pengangkutan (MOT). Dalam fasa pengujian ini, hanya satu stok kereta tiga gerabak yang digunakan, beroperasi sepenuhnya dengan kuasa elektrik dan mempunyai kekerapan perjalanan yang terhad setiap hari.

2. Semasa tempoh pengujian ini, didapati bahawa bilangan penumpang yang menaiki ART setiap hari secara purata adalah antara 80 hingga 100 orang. Jumlah penumpang dan aliran berubah mengikut laluan dan waktu perjalanan.

3. Sistem ART beroperasi di jalan raya sedia ada di Putrajaya dan berkongsi trafik bersama pengguna jalan raya yang lain. Berdasarkan pemerhatian setakat ini, terdapat beberapa cabaran yang telah dikenal pasti seperti berikut:

i. radius persimpangan yang kecil dan kelebaran jalan sedia ada menyukarkan ART sepanjang 32 meter untuk membelok dan boleh mendatangkan risiko keselamatan kepada pengguna jalan raya yang lain terutamanya kepada penunggang motosikal yang melalui antara lorong;

ii. halangan perabot jalan dan lokasi berhenti yang kurang selamat;
dan

iii. kenderaan lain memintas ART kerana kelajuan operasi ART terhadap kepada 40-50km/j.

4. Kerajaan sedang meneliti dasar dan kebolehlaksanaan mod pengangkutan awam darat baharu, iaitu sistem trem yang bercirikan teknikal keretapi tetapi beroperasi di atas jalan raya secara perkongsian trafik. ART yang diklasifikasikan sebagai *Trackless Tram*, yang sedang dibuat pengujian *Proof Of Concept* (POC) di Putrajaya ini akan dijadikan asas untuk mengesahkan/validasi kebolehlaksanaan sistem ini dari segi teknikal, infrastruktur dan kawalan pergerakan.

5. Sehubungan itu, penilaian POC ART di Putrajaya ini akan diambil kira dalam pertimbangan penggubalan dasar bagi mod pengangkutan ini. Manakala perancangan untuk pelaksanaan sistem pengangkutan baru ini di kawasan lain akan diputuskan berdasarkan kepada dapatan hasil pengujian POC ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATUK DR. DOMINIC LAU
HOE CHAI**

DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah justifikasi kenderaan jenis menunda (trak tunda) tidak layak untuk menerima diesel bersubsidi memandangkan sektor perkhidmatan menunda disenaraikan sebagai perkhidmatan keperluan (essential services).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada ketika ini, kenderaan yang diklasifikasikan layak untuk penyasaran subsidi di bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) terdiri daripada 10 jenis Kenderaan Pengangkutan Darat Awam di bawah SKDS 1.0 dan 23 jenis Kenderaan Pengangkutan Darat Barangan di bawah SKDS 2.0. Kesemua 33 kenderaan ini dikenalpasti terlibat secara langsung melalui rantai pembekalan barang-barang keperluan (*essentials*).

Kenderaan jenis menunda (trak tunda) memberikan perkhidmatan opsyenal yang telah dimasukkan ke dalam insurans setiap kenderaan. Kenderaan ini juga pada asasnya tidak termasuk dalam kenderaan yang terlibat secara langsung melalui rantai pembekalan barang-barang keperluan (*essentials*).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATUK DR. DOMINIC LAU
HOE CHAI**

DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan secara terperinci usaha dan inisiatif Kementerian dalam memperluaskan penanaman koko bagi memenuhi permintaan pasaran global yang sedang mengalami kekurangan bekalan koko.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Harga biji koko kering telah menunjukkan peningkatan yang amat ketara dengan purata harga bagi suku pertama tahun 2024 sebanyak RM20.45 per tan berbanding RM7.87 pada tahun 2023. Peningkatan harga turut memberi kesan kepada permintaan bekalan biji koko kering di peringkat domestik dan global. Trend harga yang memberangsangkan ini juga telah mendorong para pekebun untuk kembali aktif mengusahakan tanaman koko.
2. Bagi meningkatkan bekalan koko domestik, Kementerian melalui Lembaga Koko Malaysia (LKM) sedang memperluaskan kawasan penanaman koko sebanyak 550 hektar di seluruh Malaysia bagi tempoh 2022 hingga 2025 dengan melaksanakan Program Rangsangan Pengeluaran Hasil Koko (RPHK). Menerusi program ini, LKM akan membekalkan bahan tanaman, peralatan dan penyelenggaraan bagi pembangunan kawasan tanaman koko yang dijalankan secara integrasi dengan tanaman lain di tanah milik peserta projek (pekebun) yang terlibat. RPHK dilaksanakan di Ranau dan Tenom, Sabah; Samarahan, Kapit dan Sibu di Sarawak; serta di Bagan Datuk, Perak dan Jengka, Pahang yang merupakan kawasan-kawasan penanaman koko utama di Malaysia. Projek ini turut menyediakan infra mini pemprosesan koko di kelompok-kelompok pengeluaran koko bagi menyokong keluaran biji koko kering yang berkualiti dan bersih.
3. Kementerian juga telah mengemukakan permohonan peruntukan pembangunan bagi menambah kawasan tanaman koko sebanyak 3,900 hektar di bawah Program Perluasan Tanaman dan Pemulihan Koko. Projek bernilai RM73 juta dan akan dilaksanakan dalam tempoh lima (5) tahun dari tahun 2025 hingga 2029. Di bawah projek ini, 800 hektar kawasan penanaman koko baharu akan dibangunkan di Madai, Sabah dengan menggunakan Klon Koko Kelas 1. Menerusi program ini juga, LKM akan mengusahakan 250 hektar tanaman koko dengan varieti "*Fine Flavour*" di Sarawak dan

NO SOALAN: 10

Semenanjung Malaysia untuk memenuhi permintaan pasaran premium dan meningkatkan nilai tambah produk koko tempatan. Selain itu, LKM akan membangunkan semula 2,850 hektar kawasan tanaman koko yang terbiar di seluruh Malaysia melalui teknik agronomi moden.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATUK DR. DOMINIC LAU
HOE CHAI**

DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan inisiatif kerjasama awam dan swasta dalam pembangunan dan pemeraksanaan ekosistem sektor angkasa negara yang dijangka dapat menyumbang sehingga RM10 bilion kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) selaras dengan matlamat Dasar Angkasa Negara 2030 (DAN2030).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Pembangunan sektor angkasa negara yang berterusan amat penting bagi penyumbang kepada penjanaan sumber ekonomi baharu negara. Selaras dengan teras di dalam Dasar Angkasa Negara 2030 (DAN2030), Kerajaan melalui Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sentiasa berusaha menggalakkan kerjasama antara kerajaan dan sektor swasta dalam pembangunan sektor angkasa negara .
2. Berdasarkan Kajian Industri Angkasa Tempatan yang telah dilaksanakan oleh Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) pada tahun 2022, terdapat 63 syarikat berkaitan angkasa yang menyumbang pendapatan sebanyak RM3.7 bilion dalam tempoh 2017-2020. Melalui pelaksanaan DAN2030, sektor angkasa negara disasarkan dapat berkembang dan mampu menyumbang sekurang-kurangnya 1% atau RM10 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang tahun 2030.
3. Antara inisiatif-inisiatif kerjasama awam dan swasta yang sedang dilaksanakan oleh MOSTI dalam usaha mencapai sasaran DAN2030 adalah seperti berikut:

- i. Pelaksanaan program **Pembangunan Satelit Penderiaan Jauh Negara (PSPJN)** yang akan dilaksanakan secara kerjasama awam swasta bagi membuka potensi baharu kepada pemain industri tempatan untuk menceburi bidang pembangunan dan pelancaran satelit serta penyediaan perkhidmatan satelit, baik dalam negara mahupun kepada pasaran global. Dokumen *Request for Proposal* (RFP) PSPJN telah berjaya diiklankan pada 17 Januari 2024. Sambutan yang diterima daripada pemain industri tempatan dan antarabangsa amat menggalakkan dan syarikat-syarikat yang berminat perlu mengemukakan cadangan RFP selewat-lewatnya pada 31 Julai 2024. Satelit penderiaan jauh yang bakal dibangunkan ini dijangka akan dilancarkan ke angkasa lepas pada tahun 2027.

- ii. Penubuhan **Pusat Teknologi Inovasi Industri (ITIC) bagi sektor angkasa** adalah usaha berterusan MOSTI untuk menggalakkan penglibatan industri tempatan dalam pembuatan produk atau komponen serta penyediaan perkhidmatan yang berasaskan teknologi angkasa. Melalui projek ini, infrastruktur teknologi maju di bawah kendalian MYSA dapat dimanfaatkan bagi tujuan meningkatkan daya cipta produk dan perkhidmatan inovatif berasaskan teknologi angkasa. Pada masa kini, MYSA sedang bekerjasama dengan pemain industri bagi membangunkan produk dan perkhidmatan berasaskan teknologi satelit *Internet of Things* (IoT).

- iii. Pelaksanaan inisiatif **pembangunan kemudahan pelancaran angkasa lepas** bagi menggalakkan penglibatan industri tempatan dalam pembangunan sektor angkasa, terutamanya industri hulu bagi menyumbang kepada penjana sumber ekonomi baharu negara. Bagi tujuan tersebut, MOSTI melalui MYSA telah membangun dan melancarkan Garis Panduan Kajian Kebolehlaksanaan Pembangunan Kemudahan Pelancar di Malaysia pada 2 November 2023. Penyediaan garis panduan ini adalah bagi memastikan pembangunan kemudahan pelancar dapat dilaksanakan dengan terancang, lebih berkesan dan memberi pulangan besar kepada negara dalam aspek penjana ilmu baharu, penerokaan saintifik, penjana kekayaan, kesejahteraan masyarakat dan keselamatan serta kedaulatan negara.

- iv. Pelaksanaan inisiatif **pembangunan Bandar Angkasa (Space City)** bertujuan untuk memangkin pembangunan industri teknologi angkasa berimpak tinggi seperti industri pembuatan komponen berkaitan angkasa, pusat kawalan operasi pelancaran angkasa (*spaceport*) dan aktiviti berkaitan aeroangkasa seperti *Maintenance, Repair and Overhaul* (MRO). MOSTI melalui MYSA kini sedang merangka Garis Panduan Perancangan Pembangunan *Space City* yang boleh dimanfaatkan sebagai rujukan oleh pihak berkepentingan yang ingin membangunkan *Space City*.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATUK DR. DOMINIC LAU
HOE CHAI**

DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan sejauh manakah negara ini menjalinkan hubungan kerjasama dengan negara lain bagi memacu pembangunan industri angkasa tempatan selaras dengan pembangunan Pelan Strategik Industri Angkasa 2030 (SISP).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) sentiasa berusaha untuk meningkat dan memperkukuhkan jaringan kerjasama strategik di peringkat antarabangsa selaras dengan Teras 5 Dasar Angkasa Negara 2030 (DAN2030) bagi memacu sektor angkasa negara yang menyumbang kepada ekonomi baharu dan strategik. Kerjasama terutamanya dengan pelbagai agensi kecemerlangan di negara-negara maju dalam teknologi angkasa dengan izin, *space-faring nation* melibatkan penyelidikan dan pembangunan teknologi angkasa seperti satelit, pelancar, aplikasi, eksplorasi dan sains angkasa serta pembangunan industri dan pengkomersialan.

2. Antara kerjasama antarabangsa yang sedang dan telahpun dilaksanakan oleh MOSTI dalam usaha memacu pertumbuhan sektor angkasa negara adalah seperti berikut:
 - i. **Kerjasama dengan Negara Jepun**

Kerjasama MYSA dengan agensi kecemerlangan angkasa Jepun iaitu *Japan Aerospace Exploration Agency (JAXA)* telah bermula

sejak tahun 2007 melalui projek penyelidikan sains mikrograviti di Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS). Di bawah kerjasama ini, MYSA bersama beberapa universiti tempatan telah melaksanakan kajian dalam persekitaran mikrograviti menggunakan penerbangan parabola (*parabolic flight*). Selain itu, MYSA dan JAXA juga turut bekerjasama dalam Program *Multi-GNSS Monitoring Network* (MGM-Net) bagi pemantauan kualiti dan ketepatan isyarat sistem satelit navigasi global (*Global Navigation Satellite System - GNSS*). Bagi memastikan Malaysia terus mendapat manfaat teknologi angkasa terkini dari Jepun, MYSA dan JAXA telah memeterai Memorandum Kerjasama (MoC) pada 16 Disember 2023 yang bertujuan untuk mempertingkatkan lagi keupayaan negara dalam penyelidikan dan pembangunan teknologi angkasa.

ii. Kerjasama dengan Negara China

Kementerian melalui MYSA telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan *China National Space Administration* (CNSA) pada 30 November 2021. Kerjasama ini adalah bertujuan untuk mengukuhkan hubungan kerjasama dua hala melalui pertukaran saintifik dan teknologi dalam bidang angkasa serta potensi kerjasama dalam penerokaan angkasa lepas bagi tujuan aman, pemerhatian bumi serta satelit dan infrastruktur termasuk penyertaan Malaysia dalam program *International Lunar Research Station* (ILRS).

iii. Kerjasama dengan Negara Turkiye

Susunan daripada mesyuarat dua hala antara MYSA dengan Institut Penyelidikan Teknologi Angkasa TÜBÄ°TAK (TUBITAK UZAY) yang diadakan semasa Pameran Maritim dan Aeroangkasa Antarabangsa Langkawi (LIMA) 2023, MOSTI melalui MYSA sedang memperincikan potensi kerjasama dalam pembuatan komponen satelit serta pembangunan, pelancaran dan operasi satelit kecil dengan pihak Turkiye melalui beberapa siri perbincangan bagi membolehkan jaringan kerjasama antara kedua-dua pihak dapat dimuktamadkan.

iv. Kerjasama dengan Negara Scotland

Bagi meneroka peluang pelaburan dalam sektor angkasa negara, Kementerian melalui MYSA dan Malaysian Industry Group High Technology (MIGHT) telah menganjurkan Program TECHNOMART Malaysia - Scotland pada 13 dan 14 Februari 2024. Program yang dianjurkan secara bersama dengan *Scottish Development International* (SDI) ini menyediakan platform kepada pemain industri angkasa Scotland dan Malaysia menjalin hubungan kerjasama dalam penyelidikan dan pembangunan teknologi angkasa di samping mempromosi visibiliti (kebolehlihatan) pemain industri angkasa tempatan di peringkat antarabangsa.

3. MOSTI melalui MYSA juga sedang mengusahakan kerjasama strategik dengan agensi kecemerlangan antarabangsa yang lain

seperti Italian Space Agency (ASI), State Space Agency of Ukraine (SSAU), Australian Space Agency (ASA) dan United Arab Emirates (UAE) bagi menyokong pelaksanaan DAN2030 dalam memacu pembangunan sektor angkasa negara.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Di peringkat serantau, MOSTI melalui MYSA turut menjalinkan kerjasama aktif dengan negara-negara anggota ASEAN dalam bidang angkasa terutamanya pembangunan kapasiti melalui *Sub-Committee on Space Technology and Applications (SCOSA)* yang bernaung di bawah *ASEAN Committee on Science, Technology and Innovation (COSTI)*.

5. Kementerian juga akan terus memastikan Malaysia terlibat secara aktif dalam pertubuhan dan organisasi antarabangsa berkaitan angkasa bagi memastikan pandangan dan keperluan negara dapat disampaikan ke peringkat antarabangsa di samping memastikan kepentingan negara dapat dijaga. Antara pertubuhan dan organisasi antarabangsa yang dianggotai MYSA adalah seperti berikut:
 - i. *Committee on the Peaceful Uses of Outer Space (COPUOS)*;
 - ii. *International Astronomical Union (IAU)*;
 - iii. *International Astronautical Federation (IAF)*; dan
 - iv. *Asia-Pacific Regional Space Agency Forum (APRSAF)*.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATO' SRI TI LIAN KER**

DATO' SRI TI LIAN KER minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

- a) perincian pecahan perbelanjaan yang telah digunakan bagi mempromosi Malaysia MADANI sejak 12 bulan yang lalu menerusi semua platform yang digunakan; dan
- b) apakah pulangan pelaburan yang dianggarkan telah diterima oleh Kerajaan menerusi perbelanjaan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendekatan yang diambil oleh Kerajaan MADANI dalam mempromosikan Agenda Malaysia MADANI adalah melalui konsep turun padang bagi memastikan keperluan, kehendak atau pandangan rakyat dapat didengari dan diambil tindakan sewajarnya. Dalam hal ini, Unit Penyelarasan Lonjakan Prestasi (PACU) telah menganjurkan program yang dinamakan Program MADANI Rakyat (PMR) pada tahun 2024. Program ini melibatkan dua (2) komponen utama iaitu perkhidmatan *touchpoint* kepada rakyat dan inisiatif kesejahteraan rakyat.
2. Melalui penganjuran PMR, kementerian, jabatan dan agensi kerajaan dikumpul di satu lokasi yang strategik bagi memberi peluang kepada rakyat untuk mendapat penjelasan, penerangan atau perkhidmatan yang diperlukan di bawah satu bumbung. PMR juga merupakan platform bagi menerangkan dasar-dasar dan inisiatif-inisiatif baharu kerajaan yang tujuan akhirnya adalah untuk meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat. Dalam masa yang sama, melalui program ini rakyat boleh mengemukakan pandangan, pendapat atau komen berhubung apa-apa perkara yang menjadi keutamaan mereka. Kerajaan percaya melalui usaha dan pendekatan sebegini, rakyat lebih memahami hasrat dan hala tuju negara seterusnya membina kepercayaan dan keyakinan antara kerajaan dan rakyat.
3. Sebanyak enam (6) siri PMR telah dirancang untuk diadakan sepanjang tahun 2024. Tiga (3) siri program telah diadakan iaitu:
 - i. PMR Zon Tengah pada 23 hingga 25 Februari 2024 bertempat di Kompleks Sukan Kuala Selangor, Selangor;
 - ii. PMR Zon Utara pada 3 hingga 5 Mei 2024 bertempat di Tapak Pesta Sungai Nibong, Pulau Pinang; dan
 - iii. PMR Zon Timur pada 5 hingga 7 Julai 2024 bertempat di Dataran Sayangi Kuantan, Pahang.

4. Penganjuran PMR yang seterusnya dijadualkan akan diadakan di:
 - i. PMR Zon Selatan pada 15 hingga 17 Ogos 2024 di Johor;
 - ii. Sarawak pada 27 hingga 29 September 2024; dan
 - iii. Sabah pada 18 hingga 20 Oktober 2024.

5. PMR dianjurkan secara kerjasama strategik bersama kementerian peneraju dan kerajaan negeri selaku tuan rumah. Kos penganjuran juga akan dikongsi bersama antara kementerian peneraju dan kerajaan negeri. Bagi setiap penganjuran PMR, Kerajaan telah menetapkan kos siling sebanyak RM3.2 juta sahaja. Semua urusan perolehan untuk penganjuran PMR ini dilaksanakan dengan mematuhi tatakelola perolehan kerajaan yang berkuat kuasa.

6. Sepanjang PMR berlangsung, pengunjung dapat menikmati pelbagai perkhidmatan *touchpoint* rakyat. Kira-kira 178 jenis perkhidmatan yang telah ditawarkan di setiap zon PMR. Sehingga kini, seramai 1.05 juta pengunjung yang telah menikmati perkhidmatan secara langsung yang disediakan.

7. Antara perkhidmatan dan program yang dijalankan adalah:
 - i. Jualan RAHMAH, Jualan Agro MADANI, jualan *food truck*;
 - ii. program padanan perniagaan di PMR Zon Timur;
 - iii. karnival kerjaya; dan
 - iv. perkhidmatan-perkhidmatan oleh kementerian/agensi umpamanya bayaran saman trafik Polis Diraja Malaysia (PDRM), perkhidmatan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan bayaran perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

8. Jumlah keseluruhan kutipan jualan perniagaan bagi PMR Zon Tengah adalah sebanyak RM1.4 juta dan Zon Utara sebanyak RM1.05 juta. Bagi PMR Zon Timur, jumlah kutipan padanan perniagaan dan jualan perniagaan yang dicatatkan adalah sebanyak RM1.8 juta. PMR di setiap zon ini telah memberi peluang kepada peniaga-peniaga kecil tempatan untuk menjana pendapatan sekaligus mempromosikan produk mereka di pasaran. Manakala,

NO SOALAN: 13

kutipan hasil kerajaan seperti bayaran saman trafik PDRM, perkhidmatan JPJ dan perkhidmatan PBT adalah berjumlah RM5.2 juta bagi ketiga-tiga zon tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATO' SRI TI LIAN KER**

DATO' SRI TI LIAN KER minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan bilangan pemegang pas aktif program Malaysia Rumah Kedua Ku (MM2H) dan statistik pecahan peserta MM2H bagi kategori platinum, gold dan silver mengikut pecahan negara sehingga Mei 2024.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, MOTAC tidak mempunyai statistik pecahan peserta MM2H bagi kategori platinum, gold dan silver mengikut pecahan negara sehingga Mei 2024 memandangkan dasar baharu Program MM2H mengikut kategori ini baru diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 21 Mei 2024. Pada ketika ini, MOTAC sedang menerima permohonan baharu Program MM2H berdasarkan syarat-syarat baharu untuk diproses dan dibincangkan di mesyuarat jawatankuasa bersama Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATO' SRI TI LIAN KER**

DATO' SRI TI LIAN KER minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan statistik bilangan rakyat Malaysia yang masih dilaporkan hilang di luar negara sehingga Mei 2024 dan apakah antara punca yang menjurus ke arah berlakunya kes kehilangan mereka di luar negara ini.

JAWAPAN

**YB DATO' SERI UTAMA HAJI MOHAMAD BIN HAJI HASAN
MENTERI LUAR NEGERI
KEMENTERIAN LUAR NEGERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Senator Dato' Sri Ti Lian Ker** atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Yang Berhormat, setakat 11 Julai 2024, terdapat **22 orang** warganegara Malaysia dilaporkan masih hilang di luar negara. Jumlah ini berdasarkan laporan yang dibuat waris dan ahli keluarga kepada Kementerian Luar Negeri atau Pejabat Perwakilan Diplomatik Malaysia di luar negara.

3. Antara punca laporan kehilangan lazim dibuat ke atas mereka yang telah bekerja, melanjutkan pelajaran, mendirikan rumah tangga dan bermastautin di luar negara bagi suatu tempoh yang lama sehingga terputus komunikasi dengan ahli keluarga di Malaysia. Ada di kalangan mereka yang telah melakukan perjalanan ke luar negara tanpa pengetahuan ahli-ahli keluarga atau dengan tujuan yang tidak dapat dikenal pasti. Faktor-faktor lain termasuklah kehilangan telefon bimbit semasa melancong di luar negara, masalah kesihatan mental, penahanan di luar negara atas kesalahan-kesalahan tertentu sementara

penahanan Malaysia tidak dimaklumkan kepada Perwakilan Diplomatik Malaysia, dan kanak-kanak bawah umur yang dibawa keluar ke negara lain oleh ibu atau bapa mereka yang berstatus warganegara asing.

4. Dalam kes-kes kehilangan seperti ini, Pejabat Perwakilan Diplomatik Malaysia yang berkenaan akan berusaha mengesan rekod keluar masuk mangsa yang dilaporkan hilang dengan pihak berkuasa imigresen tempatan bagi mengesahkan keberadaan mereka di negara tersebut, dan seterusnya berusaha berhubung dengan mereka menggunakan saluran seperti panggilan telefon, semakan dengan pihak hospital, polis dan pusat tahanan tempatan. Namun, kesediaan pihak berkuasa tempatan untuk membantu banyak bergantung kepada undang-undang tempatan negara itu sendiri.

5. Ada ketikanya, pihak berkuasa tempatan berjaya mengesan warganegara Malaysia yang dilaporkan hilang tersebut. Namun begitu, melalui penguatkuasaan undang-undang berkaitan perlindungan data peribadi di negara-negara tersebut, maklumat subjek tidak boleh dikongsikan dengan Pejabat Perwakilan Diplomatik Malaysia yang terbabit tanpa persetujuan daripada individu yang dilaporkan hilang berkenaan. Dalam senario ini, terpulang kepada individu tersebut untuk berhubung dengan pihak Pejabat Perwakilan Diplomatik Malaysia atau sebaliknya. Pejabat Perwakilan Diplomatik Malaysia di negara berkenaan tidak mempunyai kuasa yang boleh memaksa mana-mana individu yang tidak ingin berhubung atau mendedahkan diri mereka disebabkan penguatkuasaan undang-undang perlindungan data peribadi tersebut.

6. Jumlah yang dinyatakan di atas tidak termasuk **188 orang** warganegara Malaysia yang dilaporkan hilang setakat 2 Julai 2024 dan

NO SOALAN: 15

disyaki terlibat dengan sindiket jenayah penipuan tawaran pekerjaan, atau dengan izin, *job scam*. Keberadaan mereka pada masa ini masih sedang dijejaki oleh Pejabat Perwakilan Diplomatik Malaysia dengan kerjasama pihak berkuasa tempatan. Walaupun laporan telah dibuat waris dan ahli keluarga, terdapat kemungkinan di mana mereka dihalang berhubung dengan pihak luar atau mereka tidak berhasrat untuk pulang ke Malaysia kerana bekerja dengan rela hati dan memegang jawatan tinggi di dalam sindiket tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATO' SRI TI LIAN KER**

DATO' SRI TI LIAN KER minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan status pelaksanaan e-baucar buku yang dibuka bagi fasa pertama pada Mei 2024 dan apakah penambahbaikan mekanisme yang akan dilaksanakan oleh Kementerian dalam fasa seterusnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) menyambut baik pengumuman YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim berkenaan pemberian baucar pembelian buku berjumlah RM100 kepada pelajar Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) sewaktu perasmian Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2024 (PBAKL 2024) pada 30 Mei 2024 yang lalu.
2. Pengumuman tersebut adalah satu langkah yang tepat dalam membantu menerapkan budaya cintakan ilmu dan buku sekali gus dapat membugar budaya membaca terutama dalam kalangan pelajar IPT.
3. Inisiatif tersebut bakal memberi manfaat kepada lebih 1.2 juta pelajar IPT warganegara Malaysia yang akan dilaksanakan secara berfasa bermula 1 Jun 2024 sehingga 31 Disember 2024.
4. Bagi fasa pertama, penyaluran telah dilaksanakan melalui kaedah e-baucar di mana KPT menawarkan 50,000 e-baucar sebagai menyokong PBAKL 2024. Kod baucar ini dijana setelah semakan kelayakan dibuat di portal GREaT – *Graduate Reference Hub for Employment and Training* (kendalian KPT) iaitu <https://great.mohe.gov.my>, bermula 1 Jun 2024 (Sabtu) jam 10.00 pagi.
5. Baki baucar buku selebihnya akan disalurkan pada fasa berikutnya dengan mekanisme yang akan diumumkan kelak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATO' SRI TI LIAN KER**

DATO' SRI TI LIAN KER minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan pecahan pemberian Geran Padanan Sukan dan Dana Sukan Komuniti kepada pertubuhan belia dan sukan mengikut negeri sehingga jendela ketiga permohonan geran berkenaan pada tahun 2024 dan apakah justifikasi atau kelayakan yang ditetapkan bagi setiap permohonan yang diluluskan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Geran Padanan Sukan (GPS) adalah bertujuan untuk memberikan bantuan berbentuk geran padanan bagi penganjuran program sukan berprestasi tinggi dan berimpak tinggi yang dilaksanakan oleh Persatuan/ Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)/ Koperasi atau Syarikat. Kaedah pemberian bantuan GPS KBS adalah secara tuntutan bayaran balik atau *reimbursement*.

Sehingga 15 Mei 2024, permohonan GPS untuk jendela ketiga adalah sebanyak 167 penerima dengan jumlah keseluruhan yang diluluskan sebanyak RM20,552,000.00. Jumlah peruntukan dan penerima mengikut 2 kategori penerima GPS adalah seperti berikut: -

Bil.	Kategori	Bilangan Penerima	Nilai yang diluluskan (RM)
1.	Persatuan Sukan/Badan Bukan Kerajaan (NGO)/ Koperasi	107	13,476,000.00
2.	Syarikat	60	7,076,000.00
Jumlah Keseluruhan		167	20,552,000.00

NO SOALAN: 17

Manakala agihan kelulusan GPS mengikut negeri sehingga jendela ketiga permohonan pula adalah seperti berikut: -

Bil.	Negeri	Bilangan Penerima	Nilai yang diluluskan (RM)
1.	Selangor	41	6,337,000.00
2.	Kuala Lumpur	30	5,173,000.00
3.	Melaka	9	864,000.00
4.	Kedah	7	623,000.00
5.	Putrajaya	10	1,041,000.00
6.	Perak	15	1,402,000.00
7.	Johor	11	1,110,000.00
8.	Sarawak	5	642,000.00
9.	Terengganu	5	384,000.00
10.	Pahang	6	372,000.00
11.	Negeri Sembilan	5	662,000.00
12.	Sabah	6	387,000.00
13.	Pulau Pinang	8	389,000.00
14.	Perlis	5	306,000.00
15.	Kelantan	4	275,000.00

16.	Labuan	-	-
Jumlah Keseluruhan		167	20,552,000.00

Dana Sukan Komuniti (DSK) pula bertujuan untuk memberikan bantuan berbentuk dana bagi penganjuran program sukan oleh pertubuhan belia dan sukan yang dilaksanakan di peringkat komuniti negeri, daerah, parlimen, DUN serta kampung. Bayaran pendahuluan sebanyak 70 peratus daripada nilai kelulusan akan diberikan kepada semua program pengupayaan komuniti negeri atau permohonan terbuka. Manakala baki bayaran 30 peratus lagi perlu dituntut selepas program dilaksanakan dengan mengemukakan laporan pelaksanaan program beserta dokumen lengkap tuntutan bayaran seperti yang disyaratkan.

Agihan kelulusan DSK mengikut negeri sehingga jendela ketiga permohonan pula adalah seperti berikut: -

Bil.	Negeri	Bilangan Penerima	Nilai yang diluluskan (RM)
1.	Johor	49	507,500.00
2.	Kedah	50	501,000.00
3.	Kelantan	53	501,200.00
4.	Melaka	31	334,100.00
5.	Negeri Sembilan	39	511,000.00
6.	Pahang	37	347,500.00

NO SOALAN: 17

7.	Perak	69	743,500.00
8.	Perlis	7	115,000.00
9.	Pulau Pinang	26	290,000.00
10.	Sabah	63	805,300.00
11.	Sarawak	29	395,000.00
12.	Selangor	71	632,850.00
13.	Terengganu	62	574,000.00
14.	W.P. Kuala Lumpur	44	506,000.00
15.	W.P. Putrajaya	5	70,000.00
16.	W.P. Labuan	12	109,000.00
Jumlah Keseluruhan		647	6,942,950.00

Justifikasi atau kelayakan yang ditetapkan bagi setiap permohonan GPS yang diluluskan, setiap permohonan adalah berdasarkan Garis Panduan Pemberian Geran Padanan Sukan (GPS) 2024 iaitu: -

- a) Anggaran Permohonan perlu melebihi RM50,000.00;
- b) Permohonan adalah untuk penganjuran acara sukan yang tertakluk kepada 103 acara dalam Akta Sukan 576;
- c) Persatuan yang berdaftar dengan PJS, ROY, ROS serta syarikat boleh memohon GPS KBS;
- d) Setiap pemohon hanya dipertimbangkan SATU (1) permohonan sahaja;

NO SOALAN: 17

- e) Pemberian geran adalah sehingga 50% daripada kos program atau maksimum sehingga RM1,000,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Juta Sahaja); dan
- f) Kelulusan adalah untuk membiayai sebahagian kos penganjuran program sukan bagi sukan prestasi tinggi/ impak tinggi di peringkat Negeri/ Kebangsaan/ Antarabangsa (yang dilaksanakan di dalam negara);

Manakala kelulusan setiap permohonan bagi DSK pula adalah berdasarkan Garis Panduan Pemberian Dana Sukan Komuniti (DSK) 2024 iaitu: -

- a) Permohonan adalah untuk penganjuran acara sukan yang tertakluk kepada 103 acara dalam Akta Sukan 576;
- b) Permohonan daripada persatuan dan kelab yang berdaftar dengan Pesuruhjaya Sukan (PJS) dan Pendaftar Pertubuhan Belia (ROY) di bawah Kementerian Belia dan Sukan dalam penganjuran program sukan;
- c) Setiap pemohon hanya dipertimbangkan 1 permohonan sahaja;
- d) Pemberian dana bantuan adalah maksimum sehingga RM20,000.00 sahaja; dan
- e) Permohonan adalah meliputi penganjuran program sukan yang melibatkan 103 jenis sukan di bawah Jadual Pertama Akta Pembangunan Sukan 1997. Contoh: Kejohanan, pertandingan, program kursus asas atau kemahiran sukan, program latihan dan pembangunan sukan atau yang seumpamanya di peringkat akar umbi.

Walau bagaimanapun, keputusan ini tertakluk kepada asas pertimbangan yang diguna pakai oleh Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Pelulus sebagai kawalan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATUK LIM PAY HEN**

DATUK LIM PAY HEN minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan langkah strategik yang diambil untuk memperkukuh daya saing industri pembuatan tempatan dalam menghadapi persaingan global dan apakah butiran mengenai insentif yang disediakan untuk menarik pelaburan asing.

JAWAPAN

Tuan yang Di-pertua,

Kerajaan pada September 2023 telah melancarkan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (*New Industrial Master Plan - NIMP 2030*) yang merupakan Pelan Induk Perindustrian edisi keempat yang telah dirangka untuk meningkatkan keupayaan sektor perindustrian negara agar lebih mampan dan berdaya saing di peringkat global.

Antara perkara utama yang digariskan di bawah NIMP 2030 dan langkah strategik yang diambil bagi memperkukuh daya saing industri pembuatan tempatan adalah melalui program Tech-Up yang merupakan penambahbaikan kepada program *Readiness Assessment* di bawah dasar Industry4WRD yang telah dilancarkan pada Oktober 2018.

Secara khususnya, intervensi berhubung Industri 4.0 ditangani melalui *Misi 2: Tech up for a digitally vibrant nation* yang digariskan di bawah NIMP 2030 yang memberi keutamaan terhadap penerimgunaan teknologi maju dan pendigitalan untuk mendorong inovasi, meningkatkan produktiviti, dan mencipta peluang baharu bagi pertumbuhan ekonomi.

Di bawah Misi ini, program-program Industry4WRD akan ditambah baik dan diperkukuhkan di mana projek penerimgunaan teknologi Industri 4.0 akan dilaksanakan dengan lebih bersepadu. Program intervensi baharu yang lebih sistematik ini akan merangkumi aspek penilaian teknologi, integrasi sistem, pembiayaan dan pembangunan kapasiti bagi memastikan sasaran untuk mewujudkan 3,000 kilang pintar (*smart factories*) dalam tempoh tujuh (7) tahun sehingga tahun 2030 dapat dicapai.

Antara insentif yang disediakan berkenaan dengan Industry4WRD dan juga Program Tech-Up adalah seperti:

- a. Program Penilaian Kesiediaan (RA) bagi mengenal pasti jurang keupayaan syarikat dalam aspek modal insan, proses serta

teknologi untuk mengaplikasikan teknologi Industri 4.0. Sejak pelaksanaannya pada tahun 2019 sehingga 31 Disember 2023, sebanyak 1,192 syarikat telah selesai menjalani program RA melibatkan penyaluran dana sebanyak RM22.5 juta;

- b. Dana Intervensi (IF) Industry4WRD oleh MIDA yang bertujuan menanggung perbelanjaan berkaitan latihan kemahiran, penambahbaikan proses dan aplikasi teknologi. Dana ini menyediakan geran padanan kepada syarikat yang layak dengan nisbah 70 peratus ditanggung oleh Kerajaan, tertakluk kepada had maksimum RM500 ribu, manakala baki 30 peratus lagi perlu ditanggung oleh pihak syarikat. Sejak pelaksanaannya pada tahun 2019 sehingga 30 Jun 2024, sebanyak 401 syarikat telah diluluskan program IF dengan jumlah geran padanan sebanyak RM146.2 juta;
- c. MITI melalui agensinya iaitu Institut Automotif Robotik dan IoT Malaysia (MARii) telah melaksanakan Program Platform Kolaboratif Perkongsian Pintar (SPCP) bagi mewujudkan perkongsian awam-swasta (PPP) dan program kerjasama untuk aktiviti pembuatan yang memupuk penerimaan kembar digital (digital twin), penggunaan kolaboratif dan pembangunan keupayaan tempatan, Terdapat tiga projek yang dilaksanakan di bawah program ini iaitu Pusat Simulasi dan Analisis MARii (MARSAC), Sistem Data Penyelenggaraan Ramalan Pintar (SPMDS), dan Platform Kolaboratif Pintar Reka Bentuk Digital (DDSCoP); dan
- d. Kolaborasi SIRIM-Fraunhofer, yang dilancarkan pada tahun 2015 hasil daripada bekerjasama dengan Institut Fraunhofer dan SIRIM sebagai agensi pelaksana. Objektif program ini adalah untuk meningkatkan produktiviti, merangsang inovasi, dan mempromosikan pertumbuhan PKS. Setakat ini, 2,600 syarikat telah mendapat manfaat daripada peruntukan kerajaan berjumlah RM157.3 juta. Tiga sektor industri utama yang menerima sokongan adalah Makanan & Minuman, Peranti Perubatan & Penjagaan Kesihatan, dan Jentera & Peralatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATUK LIM PAY HEN**

DATUK LIM PAY HEN minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan inisiatif Kerajaan dalam memastikan impak domino secara negatif dapat dikurangkan susulan langkah penyasaran semula subsidi diesel khususnya melibatkan sektor yang terkesan seperti kenderaan Rigid Roll-On Roll-Off (RORO) dan lori penunda (towing)

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan impak domino secara negatif tidak berlaku dalam penyasaran semula subsidi diesel, Kementerian telah melaksanakan penguatkuasaan di bawah OPS KESAN 2.0 untuk memastikan tidak berlaku elemen pencatutan terhadap harga barang dan perkhidmatan dengan alasan pelarasan harga runcit diesel di stesen minyak. Kementerian akan membuat pemantauan dan penguatkuasaan sepenuhnya berpandukan kepada Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

Pada ketika ini, kenderaan yang diklasifikasikan layak untuk penyasaran subsidi di bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) terdiri daripada 10 jenis Kenderaan Pengangkutan Darat Awam di bawah SKDS 1.0 dan 23 jenis Kenderaan Pengangkutan Darat Barangan di bawah SKDS 2.0. Kesemua 33 kenderaan ini dikenalpasti terlibat secara langsung melalui rantai pembekalan barang-barang keperluan (*essentials*).

Kenderaan *Rigid Roll-On Roll-Off* (RORO) dan lori penunda (towing) pada asasnya tidak termasuk dalam kenderaan yang terlibat secara langsung melalui rantai pembekalan barang-barang keperluan (*essentials*).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DR. HAJAH WAN
MARTINA BINTI WAN YUSOFF**

DR. HAJAH WAN MARTINA BINTI WAN YUSOF minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan jumlah miskin tegar terkini mengikut negeri dan sejauh mana pencapaian terhadap sasaran pihak Kerajaan mengurangkan miskin tegar pada tahun 2023.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, berdasarkan Laporan Survei Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah 2022 (HIES 2022), kadar kemiskinan tegar nasional telah berkurang daripada 0.4 peratus pada tahun 2019 kepada 0.2 peratus atau sekitar 18.4 ribu isi rumah pada tahun 2022. Jumlah ini merangkumi Sabah (1.2 peratus), Kelantan (0.8 peratus), Sarawak (0.4 peratus), Kedah (0.3 peratus), Perak dan Terengganu (0.2 peratus). Bagi Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Pulau Pinang dan Perlis, kadarnya adalah 0.1 peratus manakala Selangor, Wilayah Persekutuan bagi Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya (semuanya 0.0 peratus).

Kerajaan terus komited untuk menoktahkan kemiskinan tegar tanpa mengira latar belakang kaum dan wilayah melalui beberapa tindakan intervensi yang bersifat jangka masa pendek dan sederhana. Ini termasuk menerusi pendekatan baharu yang memberi penekanan kepada keupayaan menjana pendapatan tambahan secara mampan.

Bagi jangka masa pendek, pelbagai langkah akan diteruskan bagi membantu golongan miskin seperti Sumbangan Tunai Rahmah (STR), Sumbangan Asas Rahmah (SARA), subsidi kepada pesawah dan pekebun kecil serta projek pembaikan melibatkan infrastruktur luar bandar dan program pembasmian kemiskinan. Inisiatif yang diperkenalkan di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) juga akan diteruskan seperti Inisiatif Payung

Rahmah dan Jualan Terus dari Ladang yang menawarkan barangan dan perkhidmatan mampu bayar kepada pengguna.

Bagi strategi jangka masa sederhana dan panjang di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (KSP RMKe-12) 2021-2025, program peningkatan pendapatan golongan miskin akan diteruskan melalui program-program keusahawanan, peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran semula serta penyediaan dasar perlindungan sosial yang komprehensif. Inisiatif ini termasuk program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) yang dilaksanakan oleh Kementerian Ekonomi yang meliputi penyediaan ekosistem yang lengkap dan bantuan secara *in-kind* diberi kepada peserta bagi menyokong dan menggalakkan mereka untuk menjalankan aktiviti ekonomi bagi menjana pendapatan tambahan secara mampan. Sehingga kini, sejumlah kira-kira 4,600 isi rumah telah mendapat limpahan manfaat hasil daripada pelaksanaan program ini.

Kerajaan turut menumpukan pemberian bantuan kepada ahli isi rumah (AIR) sebagai kaedah dalam membantu keluarga mereka keluar daripada belenggu kemiskinan serta mengurangkan masalah kemiskinan bergenerasi. Bagi AIR miskin tegar yang ingin menceburi bidang pekerjaan, proses pepadanan pekerjaan berserta latihan dalam kerja (*on-the-job training*) diberi bagi memastikan kemahiran mereka menepati keperluan pasaran semasa.

Sebagai contoh, mereka turut diberi peluang untuk menyertai program Academy in Industry (Ail) di mana pelajar lepasan sekolah diberi pekerjaan dengan bayaran gaji minimum sambil mempelajari ilmu dan kemahiran diperlukan serta diberi sijil graduan Ail yang setaraf dengan

NO SOALAN: 20

Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3. Program ini telah memberi manfaat kepada 94 graduan kohort pertama yang telah melengkapkan pengajian mereka selama tempoh sehingga 18 bulan.

Natijahnya, usaha mengurangkan kemiskinan tegar ini memerlukan tekad yang berterusan melalui pembangunan modal insan, pewujudan pelbagai peluang pekerjaan berpendapatan tinggi dan pengukuhan perlindungan sosial.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DR. HAJAH WAN
MARTINA BINTI WAN YUSOFF**

DR. HAJAH WAN MARTINA BINTI WAN YUSOFF minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah punca kemerosotan pelaburan langsung asing (FDI) sebanyak RM40.4 bilion pada tahun 2023 berbanding RM75.4 bilion pada tahun sebelumnya sedangkan pihak Kerajaan mengumumkan pelaburan yang telah diluluskan tertinggi dalam sejarah dengan RM329.5 bilion pada tahun 2023.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) mendapati bahawa masih terdapat **kesamaran** dan **pelbagai pertanyaan** di kalangan **masyarakat umum** berhubung **data pelaburan** seperti mana yang dilaporkan oleh **MITI** menerusi Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (**MIDA**), berbanding Jabatan Perangkaan Malaysia (**DOSM**). Kekeliruan ini boleh mendatangkan **kesan negatif** dan **implikasi** besar kepada negara kerana ianya berkait rapat dengan **tahap keyakinan masyarakat umum**, termasuk **komuniti pelaburan** terhadap **reputasi** Malaysia sebagai negara yang berdaya maju.

Justeru itu, Mesyuarat **Jawatankuasa Tindakan Penyelarasan Pelaburan dan Perdagangan** (JTPPP) pada **7 Disember 2023** telah **membincangkan isu percanggahan data pelaburan** yang dilaporkan oleh **MITI/MIDA** dan **DOSM**, yang mana, kedua-dua pihak iaitu MITI/MIDA dan DOSM **telah membentangkan** mengenai **definisi** serta **kaedah perolehan data** masing-masing. Berikutan itu, JTPPP antara **lain**, telah bersetuju dengan pemakaian istilah "**Pelaburan Asing**" (*Foreign Investment* - FI) oleh **MIDA**, manakala bagi **DOSM** pula menggunakan istilah "**Pelaburan Langsung Asing**" (*Foreign Direct Investment* - FDI).

Tindakan ini diambil dalam usaha untuk **mengurangkan kekeliruan** dan **meningkatkan kecekapan dalam pelaporan** serta analisis pelaburan dalam negara. Perkara ini juga telah **dilaporkan** dan **diambil maklum** oleh **Jemaah Menteri** pada **12 Jun 2024**.

Berikut adalah penerangan ringkas berkenaan **perbezaan** maklumat pelaburan yang dilaporkan oleh **MITI / MIDA** dan **DOSM**:

i. **FI yang Diumumkan oleh MITI / MIDA**

- Sejak **tahun 2004**, **MITI / MIDA** telah diberi **mandat** oleh **Jemaah Menteri** untuk **menyelaras** serta **menyediakan**

laporan komprehensif secara berkala pada **setiap suku tahunan** berkaitan prestasi pelaburan swasta yang diluluskan dalam pelbagai **sektor ekonomi** negara yang merangkumi **sektor utama, perkilangan, dan perkhidmatan.**

- Laporan prestasi pelaburan ini terdiri daripada **gabungan** maklumat-maklumat daripada **61 buah Kementerian dan Agensi** (termasuk MIDA) berkenaan **cadangan projek baharu dan pembesaran/pelbagaian** yang telah mendapat kelulusan lesen, insentif, permit, status, geran atau pinjaman mudah.
- Bagi pengelasan aktiviti ekonomi **mengikut sektor dan sub-sektor** pula, pelaporan adalah berdasarkan **Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia** (*Malaysia Standard Industrial Classification* - MSIC) yang diterbitkan oleh **DOSM.**
- **Nilai pelaburan diluluskan** yang **diumumkan** oleh MIDA adalah merujuk kepada **cadangan projek pelaburan yang diusulkan oleh pelabur.** Nilai pelaburan yang dicadangkan ini juga bertindak sebagai **ukuran proksi** kepada **pelaburan** yang **dilaksana / direalisasikan** dengan syarat projek tersebut **telah mencapai salah satu status pelaksanaan,** iaitu sama ada telah **memulakan operasi;** sedang membuat **pemasangan mesin;** atau sedang dalam proses pembinaan / penyewaan **kilang / bangunan / gudang.**
- Berdasarkan jumlah nilai pelaburan yang dilaporkan, **pecahan FI dan pelaburan domestik** (*Domestic Investment* - DI) dihitung melalui **pengagihan ekuiti tempatan atau asing dalam setiap projek** untuk mendapatkan gambaran menyeluruh tentang pelaburan tersebut.

- Sebagai **contoh**, **prestasi pelaburan** Malaysia bagi **tahun 2023** mencatatkan nilai yang **tertinggi** dalam sejarah, berjumlah **RM329.5 bilion**, iaitu **peningkatan** sebanyak **23%** berbanding **tahun 2022**. Daripada jumlah tersebut:
- **FI** menyumbang sebanyak **RM188.4 bilion** atau **57.2%** daripada jumlah keseluruhan pelaburan yang diluluskan bagi tahun 2023; dan
- Baki **RM141.1 bilion** atau **42.8%** disumbangkan oleh **DI**.

ii. **FDI yang Diumumkan oleh DOSM**

- Nilai **FDI** yang dilaporkan oleh **DOSM** pula merujuk kepada pelaburan dalam **konteks aliran masuk dan keluar pelaburan asing**, dengan **fokus** kepada **aktiviti pelaburan sebenar**, berdasarkan **transaksi kewangan** yang dilakukan oleh **syarikat-syarikat asing**. FDI hendaklah memiliki **sekurang-kurangnya 10% pegangan dan kuasa undi** dalam syarikat gabungan di Malaysia.
- Sebagai **contoh**, **laporan DOSM** seperti yang **dirujuk** oleh YB Senator merupakan **FDI** yang direkodkan pada **tahun 2023** berjumlah **RM40.4 bilion**, berbanding **RM75.4 bilion** pada **tahun sebelumnya**.

Sebagai rumusan, **pelaporan MIDA** menekankan **penilaian impak ekonomi** dan **hasil pembangunan** yang dijana oleh projek-projek yang diluluskan, di mana ia secara berterusan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara dan menjadi **petunjuk keyakinan pelabur** terhadap **prospek ekonomi negara**. Sebaliknya, **pelaporan DOSM** pula lebih **tertumpu** kepada **aspek kewangan** dan **statistik makroekonomi** dengan memberi ilustrasi sebenar aliran masuk dan keluar modal asing.

Dengan penjelasan ini, diharap kita semua akan **lebih cakna** dengan **keunikan kedua-dua set data** tersebut. Menerusi penjelasan

yang lebih terperinci ini dan **pemahaman** yang lebih mendalam, semua pihak boleh bertindak sebagai **advocator** kepada data yang menunjukkan **kelebihan daya saing Malaysia** bagi **meneguhkan** lagi **keyakinan para pelabur** ke atas negara ini.

Melangkah ke hadapan, **MITI** dan **MIDA** akan **terus proaktif** dalam **memperluaskan liputan pengumpulan data** dengan melaksanakan pelbagai inisiatif, termasuk mengadakan **libat urus** bersama pihak Kementerian dan Agensi, serta meneroka skop pelaporan baharu. Usaha ini bertujuan untuk memastikan penyampaian maklumat yang komprehensif, tepat, dan relevan dalam memenuhi keperluan pihak berkepentingan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DR. HAJAH WAN MARTINA
BINTI YUSOFF**

YB SENATOR DR. HAJAH WAN MARTINA BINTI WAN YUSOFF minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak Kerajaan berhasrat untuk menggubal undang-undang dan garis panduan berkempen khususnya bagi melibatkan parti pemerintah agar tidak sewenang-wenangnya menyalahgunakan agensi Kerajaan dan mengumumkan peruntukan semasa berkempen.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mana-mana calon pilihan raya yang bertanding di dalam suatu pilihan raya Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri, wakil calon, agen mereka atau mana-mana orang adalah tertakluk kepada peruntukan di dalam Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 serta mana-mana undang-undang bertulis yang sedang berkuat kuasa.
2. Adalah menjadi satu kesalahan di bawah Seksyen 4A Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 sekiranya calon atau mana-mana individu membuat sebarang pernyataan dengan tujuan atau dengan kecenderungan untuk mengembangkan perasaan jahat, tidak puas hati atau permusuhan di antara kaum yang sama atau kaum yang berlainan.
3. Antara langkah-langkah yang akan diambil oleh SPR pada Pilihan Raya Negeri akan datang ialah hebahan sosial media tentang laman web, nombor *hotline* agensi-agensi seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)
4. Walaubagaimanapun kerajaan akan mengkaji kaedah untuk menambahbaik pemantauan secara bersepadu antara agensi-agensi kerajaan dan mekanisme aduan terhadap dakwaan yang berunsur fitnah dan maklumat palsu yang menyentuh sensitiviti kaum, agama di media sosial berkaitan semasa Pilihan Raya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DR. HAJAH WAN
MARTINA BINTI WAN YUSOFF**

DR. HAJAH WAN MARTINA BINTI WAN YUSOFF minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilangan pencarum terkini bagi Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) sejak dilancarkan dan apakah usaha pihak Kerajaan bagi meningkatkan bilangan pencarum di kalangan suri rumah luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan statistik PERKESO, sehingga 30 Jun 2024, seramai 467,361 pencarum aktif telah berdaftar di bawah Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR). Bagi memastikan kadar pencarum di bawah skim ini terus meningkat, Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) melalui PERKESO dari semasa ke semasa sentiasa berusaha dan mengatur strategi bagi mempromosikan Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) termasuk masyarakat di luar bandar. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah seperti;

i. Mempergiat sesi libat urus dan hebahan dengan Kementerian, Jabatan, Agensi, Badan Bukan Kerajaan (NGO), Persatuan dan aktiviti turun padang ke kawasan luar bandar seperti Kampung Medong Hilir, di daerah Mukah Sarawak, Kampung Medang, di bahagian Betong, Sarawak, Kampung Kuala Rui, daerah Gerik, Perak, Kampung Orang Asli Limau, daerah Kampar, Perak dan Kampung Orang Asli Legap dan Poi, daerah Sungai Siput, Perak. Berdasarkan statistik sehingga 30 Jun 2024, sebanyak 2,067 sesi libat urus telah dilaksanakan. Hasil daripada libat urus yang dilaksanakan, Jabatan Pembangunan Wilayah (JWP) telah menaja caruman Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) kepada 434 suri rumah B40 di dalam Wilayah Persekutuan dengan nilai tajaan berjumlah RM52,080,00 bagi menyediakan perlindungan kepada golongan suri rumah daripada bencana domestik, keilatan dan kematian.

SOALAN NO: 23

- ii. Melaksanakan Program SERANTA dan Pemimpin Masyarakat. Berdasarkan statistik dari tempoh Februari hingga 30 Jun 2024 sebanyak 20 program telah dilaksanakan oleh Pejabat PERKESO seluruh negara.

- iii. Menjalinkan kerjasama strategik dengan majikan/Ahli Parlimen/Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)/orang perseorangan. Objektif kerjasama ini adalah untuk menggalakkan penajaan daripada majikan/Ahli Parlimen/Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)/orang perseorangan. Berdasarkan statistik PERKESO, dari tempoh 1 Disember 2022 sehingga 30 Jun 2024 sebanyak 73 penaja yang terdiri daripada majikan/Ahli Parlimen/ADUN/orang perseorangan telah menaja 13,440 orang suri rumah dengan jumlah penajaan sebanyak RM1,612,800.00.

- iv. Menjalinkan kerjasama strategik bersama Yayasan Kebajikan Negara (YKN) untuk memberikan pengecualian cukai kepada badan-badan korporat, syarikat swasta, GLCs, NGO, agensi, Ahli Parlimen, ADUN dan mana-mana individu yang menaja caruman SKSSR untuk golongan wanita B40; dan

- v. Menggalakkan pekerja untuk membuat potongan gaji melalui majikan bagi bayaran caruman SKSSR dengan kerjasama Jabatan Tenaga Kerja, kesatuan majikan dan kesatuan sekerja. Majikan juga digalakkan untuk membuat pendahuluan caruman dan membuat potongan bulanan melalui gaji pekerja.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DR WAN MARTINA BINTI
WAN YUSOFF**

DR. WAN MARTINA BINTI WAN YUSOFF minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan berapakah jumlah pemohon Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED) oleh rakyat negeri Kelantan mengikut sektor perniagaan. Apakah pencapaian atau kejayaan pemohon-pemohon ini dalam meningkatkan ekonomi penduduk setempat.

JAWAPAN :

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tempoh 2020 sehingga kini, seramai 31 usahawan luar bandar di Negeri Kelantan telah menerima pembiayaan SPED dengan nilai kelulusan berjumlah RM3.9 juta dalam pelbagai sektor seperti berikut :

SEKTOR PERNIAGAAN	BIL. USAHAWAN	NILAI PEMBIAYAAN (RM)
Perkhidmatan	12	1,630,000
Automotif	7	1,156,000
Gaya Hidup	6	425,000
Makanan dan Minuman	3	320,000
Pembuatan	3	440,000
JUMLAH	31	3.971 JUTA

Berdasarkan rekod jualan tahunan usahawan Negeri Kelantan yang menerima pembiayaan SPED pada tahun 2023, didapati 13 daripada 15 usahawan atau 87% usahawan telah berjaya mencatatkan peningkatan pendapatan sehingga 30% berbanding pendapatan sebelum menerima pembiayaan SPED.

Pembiayaan SPED ini secara keseluruhannya telah dapat membantu membangunkan usahawan luar bandar di dalam bidang ekonomi yang berdaya maju dan seterusnya dapat mewujudkan peluang pekerjaan dan peningkatan ekonomi tempatan khususnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR TUAN NIK MOHAMAD
ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ**

TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BINTI NIK ABDUL AZIZ minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan komitmen pihak Kerajaan dalam melaksanakan pembaharuan strategik untuk membina Malaysia yang lebih makmur dan inklusif

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, Kerajaan sentiasa komited dalam membina Malaysia yang lebih makmur dan inklusif. Dengan berpaksikan konsep Malaysia MADANI, marilah kita sama-sama berusaha mencapai aspirasi ekonomi MADANI: Rakyat Sejahtera untuk menjadi peneraju ekonomi di rantau Asia.

Konsep Malaysia MADANI ini juga telah diujarkannya dalam penyediaan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (KSP RMKe-12). Sebanyak 17 Anjakan Besar dan 71 inisiatif utama telah diperkenalkan bagi memastikan pembangunan sosioekonomi negara secara menyeluruh. Anjakan Besar ini akan menjadi pemangkin utama dalam mempercepat usaha reformasi pembangunan sosioekonomi negara, selari dengan aspirasi Malaysia MADANI.

Anjakan Besar ini antaranya termasuk, pembangunan industri *high growth, high value* (HGHV), dengan izin, pengukuhan kemampuan fiskal, penyasaran semula subsidi, peralihan tenaga yang lebih cepat, peluasan teknologi dan pendigitalan melalui GovTech serta pemerksaan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS). Di samping itu, reformasi perlindungan sosial, pembudayaan masyarakat MADANI, peningkatan akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan, perumahan dan pengangkutan awam serta reformasi pasaran buruh dan gaji bagi memastikan ketersediaan bakat masa hadapan juga merupakan sebahagian daripada Anjakan Besar ini.

Pembangunan industri HGHV dijangka akan mewujudkan pekerjaan bernilai tinggi yang menawarkan peluang pekerjaan yang lebih baik serta meningkatkan kesejahteraan rakyat secara menyeluruh. Fokus ini dilihat dapat menangani kemiskinan dan ketidaksamarataan daripada perspektif pelbagai dimensi, meningkatkan pendapatan dan kesejahteraan golongan miskin, isi rumah mudah terjejas, M40, Bumiputera, Orang Asli dan kumpulan sasar khusus.

Di samping itu, Kerajaan juga sedang melaksanakan Dasar Gaji Progresif yang merupakan inisiatif untuk memastikan pemberian upah atau gaji yang adil kepada semua pekerja. Pihak kerajaan komited untuk mereformasi pasaran buruh dengan matlamat bagi meningkatkan gaji pekerja selari dengan peningkatan produktiviti. Pelaksanaan dasar ini akan memberi manfaat kepada pekerja peringkat permulaan dan pekerja bukan peringkat permulaan daripada pelbagai sektor yang bergaji antara RM1,500 dan di bawah RM5,000. Manakala, majikan pula akan mendapat tenaga kerja yang berkemahiran tinggi yang dapat meningkatkan produktiviti, daya saing dan pendapatan syarikat.

Selain itu, Kerajaan juga memberi fokus kepada peningkatan modal insan melalui pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) yang relevan dengan keperluan industri masa kini. Ini termasuk memperkukuhkan sistem pendidikan dan latihan bagi memastikan generasi muda kita mempunyai kemahiran yang diperlukan untuk bersaing dalam pasaran kerja global.

Kerajaan yakin pelaksanaan strategi dan inisiatif yang telah digariskan dalam KSP RMKe-12 akan dapat membina Malaysia yang lebih makmur dan inklusif.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR TUAN NIK MOHAMAD
ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ**

TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah pengukuhan industri ayam dan telur serta khidmat pemasaran dan perancangan pengaturan pembekalan bagi memastikan bekalan mencukupi dan pengguna mendapat harga yang munasabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Industri ayam dan telur merupakan industri yang telah matang yang mana kadar sara diri (SSR) bagi industri ayam pernah mencapai melebihi 100 peratus iaitu dari tahun 2017 hingga tahun 2021 dan tahun 2017 hingga 2022 bagi industri telur. Untuk memastikan industri ini kekal mampan, Dasar Agromakanan Negara 2021 - 2030 (DAN 2.0) telah menetapkan sasaran SSR bagi ayam/itik ialah 140% dan bagi telur ialah 123% pada tahun 2030. Industri ayam dan telur turut menjadi antara industri fokus utama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bagi tahun 2024.

Bagi mencapai sasaran tersebut, strategi yang digariskan adalah untuk meningkatkan pertumbuhan dan kemampanan dalam industri ternakan ayam dan telur melalui inisiatif jangka pendek dan jangka panjang oleh KPKM melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) seperti berikut:

(a) Inisiatif Jangka pendek

- (i) Meneruskan subsidi sebanyak RM0.10/biji bagi penternak ayam penelur kerana harga telur masih dikawal; dan
- (ii) Membenarkan pengimportan anak ayam (*Day Old Chick-DOC*) atau telur bernas dari negara Brazil, New Zealand, Perancis dan Australia bagi memastikan stok pengganti ayam penelur mencukupi.

(b) Inisiatif Jangka panjang

- (i) Mengurangkan kebergantungan kepada sumber jagung import sebanyak 30% menerusi inisiatif penanaman jagung bijian dalam negara menjelang tahun 2032 melalui Pelan Pembangunan Industri Jagung Bijian;

- (ii) Menjalankan kajian bagi menghasilkan bahan mentah gantian berasaskan isirung sawit dan sumber alternatif lain seperti *Black Soldier Fly* (BSF);
- (iii) Menawarkan pinjaman mudah melalui Agrobank sebanyak RM300 juta kepada penternak ayam melalui Dana Pembiayaan Agromakanan untuk membantu penternak mengatasi masalah modal pusingan kewangan yang terjejas akibat kenaikan kos pengeluaran;
- (iv) Melaksanakan sesi libat urus dengan Pihak Berkuasa Tempatan bagi mempercepatkan kelulusan Kebenaran Merancang (KM) bagi menggalakkan pemodenan sistem ternakan serta menarik minat penternak baharu; dan
- (v) Mengadakan sesi libat urus dengan pemegang taruh di dalam industri ini bagi mengenal pasti isu-isu semasa supaya penyelesaian yang sewajarnya dapat dilaksanakan dengan segera.

Bagi memastikan bekalan ayam dan telur ayam mencukupi di pasaran, KPKM melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) juga turut memainkan peranan dalam aspek pemasaran dan pembekalan seperti berikut:

- (i) Penyediaan peluang pasaran melalui 218 buah Pasar Tani di seluruh negara yang memberi peluang kepada para penternak untuk memasarkan hasil ternakan terus kepada pengguna. Sehingga 31 Mei 2024, seramai 269 usahawan pemasar ayam telah berniaga di Pasar Tani yang beroperasi setiap minggu;
- (ii) Penyediaan infrastruktur serta kemudahan pemasaran, pengedaran dan logistik yang efisien dan sistematik; dan
- (iii) Pelaksanaan program jualan terus seperti program Jualan Agro MADANI yang memberikan akses kepada rakyat untuk mendapatkan bekalan pada harga yang berpatutan. Sehingga

28 Julai 2024, FAMA telah melaksanakan sebanyak 4,254 program Jualan Agro MADANI di seluruh negara. Melalui program ini, sebanyak 1,454 tan metrik ayam proses dengan kutipan jualan RM13.69 juta telah direkodkan, manakala sebanyak 8.60 juta biji telur ayam telah dijual dengan janaan nilai jualan RM3.74 juta.

Di samping itu, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) turut memainkan peranan penting bagi memperkukuhkan industri ayam. LPP melalui Pertubuhan Peladang melaksanakan inisiatif pemantapan di setiap rangkaian pengeluaran ayam iaitu bermula dari peringkat pengeluaran DOC (anak ayam), pengeluaran ayam pedaging (*broiler*), pemprosesan ayam sehingga pemasaran ayam. Di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), LPP telah membangunkan industri ayam melalui Pertubuhan Peladang seperti berikut:

- (i) Pembangunan 13 reban ayam baharu untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran ayam Pertubuhan Peladang sebanyak 1.89 juta ekor ayam setahun;
- (ii) Menaik taraf Pusat Hatcheri DOC Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) untuk memastikan pengeluaran DOC adalah berkualiti dan berupaya mengeluarkan 6 juta ekor anak ayam dalam setahun;
- (iii) Melaksanakan program *stokpile* ayam dengan kapasiti sebanyak 2,390.72 tan metrik ayam yang melibatkan lima (5) Pertubuhan Peladang sebagai *stockpiler*;
- (iv) Memperkukuhkan rangkaian pemasaran ayam dengan penyediaan outlet pemasaran, kemudahan logistik, penyediaan peralatan pemasaran seperti peti sejuk beku (*freezer*) bagi memastikan produk sentiasa segar dan berkualiti untuk tujuan pemasaran; dan
- (v) Melaksanakan program jualan terus seperti program Jualan Agro MADANI. Sehingga 19 Julai 2024, LPP telah melaksanakan

NO SOALAN: 26

sebanyak 166 program Jualan Agro MADANI di seluruh negara yang melibatkan jualan ayam segar kepada pengguna.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR TUAN NIK MOHAMAD
ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ**

TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistik terkini kedudukan data berkaitan kesan sampingan selepas imunisasi (AEFI) yang berpunca daripada vaksin COVID-19 serta pemantauan kesan sampingan jangka panjang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA), memantau secara berterusan keselamatan semua vaksin berdaftar yang digunakan di Malaysia seperti vaksin COVID-19. Pemantauan berterusan ini adalah termasuk melalui pemantauan laporan Kesan Advers Susulan Imunisasi (*Adverse Events Following Immunisation, AEFI*). NPRA menerima semua jenis laporan AEFI) tempatan.
2. Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) telah dimulakan secara rasminya pada 24 Februari 2021. Sejak bermulanya PICK sehingga 30 April 2024, lebih dari 72 juta dos vaksin COVID-19 telah diberikan yang terdiri daripada jenama Comirnaty (Pfizer), CoronaVac (Sinovac), Vaxzevria (AstraZeneca), Convidecia (CanSino) dan Covilo (Sinopharm). Dalam tempoh yang sama tersebut, terdapat 26,750 laporan AEFI dengan kadar **368 laporan bagi setiap 1 juta dos (0.037%) vaksin COVID-19** yang dilaporkan melalui Sistem Pelaporan Kesan Advers Susulan Imunisasi (AEFI) NPRA. Jumlah ini turut melibatkan penerima dos penggalak dan juga kanak-kanak berusia 5 hingga 11 tahun. Demam, sakit pada tempat suntikan, sakit kepala, sakit otot dan keletihan merupakan antara kesan advers yang dikaitkan dengan vaksin COVID-19.

3. Daripada jumlah keseluruhan laporan AEFI yang diterima melalui Sistem Pelaporan AEFI NPRA, terdapat sejumlah 1,869 laporan dengan kadar **26 laporan bagi setiap 1 juta dos (0.0026%)** yang dikategorikan sebagai AEFI serius telah diterima. Berdasarkan klasifikasi Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), AEFI serius merujuk kepada kesan yang menyebabkan kemasukan ke dalam wad, atau pemanjangan tempoh di wad, membahayakan nyawa, menyebabkan kehilangan upaya yang signifikan atau memerlukan intervensi untuk mencegah kerosakan kekal tubuh, menyebabkan kecacatan semasa lahir, atau disyaki menyebabkan kematian.
4. Maklumat lanjut berkaitan laporan AEFI vaksin COVID-19 boleh diperolehi daripada Laporan Ringkas Kesan Advers Susulan Imunisasi (AEFI) Vaksin COVID-19 di Malaysia (data sehingga 30 November 2023) yang telah diterbitkan melalui laman sesawang NPRA (www.npra.gov.my). Tiada laporan AEFI baharu yang diterima sejak laporan tersebut diterbitkan. Walau bagaimanapun sekiranya terdapat isu keselamatan terkini yang dikesan bagi vaksin COVID-19, ia akan dimaklumkan kepada umum.
5. Secara keseluruhannya, pemantauan yang dijalankan ini mendapati risiko kesan advers pengambilan vaksin COVID-19 yang digunakan di dalam PICK adalah rendah dan setakat ini, perbandingan manfaat-risiko (*benefit over risk*) pemberian vaksin ini kekal positif.
6. KKM melalui NPRA sentiasa komited dalam memantau dan menilai

NO SOALAN: 27

AEFI yang diterima demi memastikan kebajikan mereka yang terlibat. Data AEFI yang diterima adalah penting bagi memastikan penilaian manfaat-risiko bagi produk vaksin dapat dijalankan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR TUAN NIK MOHAMAD
ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ**

TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah penyelesaian terhadap Laporan Bank Dunia yang menyatakan wujudnya ketidakcekapan dan mempersoalkan tahap kualiti pendidikan negara dan hanya 58 peratus pelajar di Malaysia mampu menguasai kemahiran membaca menjelang akhir darjah lima jauh ketinggalan berbanding negara-negara di rantau ini termasuk negara Vietnam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memaklumkan bahawa dalam laporan Bank Dunia berkaitan sistem pendidikan Malaysia adalah berlandaskan keputusan Kajian *Southeast Asia Primary Learning Metrics* (SEA-PLM) 2019 yang melibatkan murid Tahun 5 sahaja. Laporan Kebangsaan SEA-PLM 2019 mencatatkan 37 peratus murid Tahun 5 mencapai Aras Penguasaan 3 hingga 5 (proficient) dalam Literasi Bacaan. 58 peratus murid Tahun 5 di Malaysia telah mencapai Aras 6. Hanya 5 peratus murid Tahun 5 berada pada Aras Penguasaan 2 dan ke bawah. Sehubungan dengan itu, isu yang dibangkitkan dalam laporan telah dan sedang ditangani di peringkat Kementerian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, KPM telah menubuhkan enam pasukan petugas khas (task force) di bawah reformasi pendidikan bagi memperkasakan haluan pendidikan negara. Antaranya ialah Pasukan Petugas Khas Intervensi Kurikulum yang merupakan pasukan yang bertanggungjawab bagi memastikan pelaksanaan kurikulum selaras dengan hasrat dan matlamat kurikulum persekolahan. Pasukan Petugas Khas ini dianggotai oleh bahagian KPM dan ahli Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan. Pasukan Petugas ini bertanggungjawab untuk merangka pelan komunikasi strategik, menentukan aktiviti utama dan sokongan intervensi kurikulum dan memantau pelaksanaannya.

Antara inisiatif yang dilaksanakan di bawah Pasukan Petugas Khas Intervensi Kurikulum ini adalah Pengesanan Awal Literasi dan Numerasi

murid Tahun 1. Inisiatif ini bertujuan mengenal pasti murid yang belum menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira serta memerlukan intervensi awal yang bersesuaian dengan kebolehan, keupayaan dan gaya pembelajaran mereka. Pengesanan awal melalui Pentaksiran Bilik Darjah dilaksanakan setelah murid mengikuti persekolahan selama tiga bulan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator juga, murid yang masih belum menguasai literasi dan numerasi akan kekal dalam program tersebut bagi tempoh tiga (3) bulan selanjutnya. Bagi murid yang belum menguasai literasi dan numerasi pada akhir sesi persekolahan, mereka akan mengikuti Program Pemulihan Khas apabila berada di Tahun 2. Melalui Program Pemulihan Khas, murid akan diberi bimbingan secara berfokus bagi membantu mereka menguasai kemahiran asas 3M supaya dapat membina keyakinan diri untuk belajar dan berkomunikasi dengan berkesan.

Selain itu, KPM juga memperkenalkan Program Literasi dan Numerasi Sekolah Rendah (PLaN). Pelaksanaan program ini adalah sebagai sokongan pengajaran dan pembelajaran (PdP) untuk membantu memantapkan kemahiran asas 3M bagi murid Tahun 2 dan Tahun 3. Antara aspek yang diberi penekanan dalam program ini ialah pemugaran literasi dan numerasi.

Selain itu, KPM turut mengambil inisiatif dengan melaksanakan Program Bantu Baca. Murid sekolah yang dikenal pasti belum menguasai kemahiran membaca bagi mata pelajaran Bahasa Melayu diberi

bimbingan secara berfokus dengan kerjasama daripada sukarelawan Institut Pendidikan Guru dan juga komuniti.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, KPM telah memberi autonomi kepada pihak sekolah melaksanakan pelbagai intervensi mengikut kesesuaian persekitaran murid. KPM turut membekalkan bahan bantu belajar untuk murid dan modul bimbingan kepada guru khususnya dalam melaksanakan PdP terbeza.

KPM yakin dengan pelbagai program, intervensi, dan langkah strategik yang dilaksanakan dapat membantu murid menguasai kemahiran asas 3M, terutamanya di peringkat sekolah rendah, seterusnya meningkatkan pencapaian akademik dan menyediakan asas yang kukuh untuk pembelajaran sepanjang hayat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR TUAN NIK MOHAMAD
ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ**

TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah keseluruhan pendeposit Tabung Haji (TH) yang telah dan belum menunaikan ibadah Haji serta tahap keselamatan perkhidmatan digital milik TH bagi mengelakkan wang pendeposit menjadi mangsa kepada sindiket penipuan.

JAWAPAN :

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM
BIN HAJI MOKHTAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Tabung Haji telah membantu menguruskan seramai lebih dari 1.5 juta orang untuk menunaikan ibadat haji sejak penubuhannya pada tahun 1963. Daripada jumlah ini, hanya 600 ribu orang pendeposit masih mempunyai akaun bersama Tabung Haji .
2. Sehingga kini juga kira-kira 3.8 juta orang pendeposit Tabung Haji telah mendaftar haji dan sedang menanti giliran untuk mengerjakan ibadat haji.
3. Dari segi perkhidmatan digital yang ditawarkan Tabung Haji, THiJARI adalah aplikasi platform atas talian yang selamat dan dibangunkan dengan pelaksanaan ciri-ciri keselamatan yang selaras dengan standard dan piawaian yang digunapakai oleh industri perbankan termasuk ciri-ciri tambahan yang bersesuaian dengan profil pendeposit Tabung Haji. Ciri-ciri keselamatan tersebut meliputi perkara-perkara berikut:

NO SOALAN: 29

- (i) Penetapan ID Pengguna & Kata Laluan oleh Pendeposit sendiri.
- (ii) Gambar Keselamatan yang dipilih oleh pendeposit sendiri untuk memastikan pengguna mengakses Aplikasi THiJARI yang sebenar.
- (iii) Pendaftaran THiJARI hanya boleh menggunakan nombor telefon yang unik, iaitu tidak digunakan oleh orang lain.
- (iv) Penggunaan No. TAC, bagi setiap transaksi pindahan dihantar ke nombor telefon bimbit Pendeposit yang didaftarkan oleh Pendeposit sendiri dengan Tabung Haji.
- (v) THiJARI tidak membenarkan pindahan keluar ke mana-mana bank pihak ketiga kecuali ke akaun Bank pendeposit sendiri.
- (vi) THiJARI hanya membenarkan pindahan dari akaun Tabung Haji ke akaun Tabung Haji sahaja.
- (vii) Pendeposit akan menerima notifikasi SMS melalui nombor telefon bimbit yang berdaftar untuk setiap transaksi pindahan.
- (viii) Pengguna boleh menghubungi THCC atau hadir ke cawangan untuk memilih perkhidmatan THiJARI sama ada "akses penuh" atau akses perkhidmatan "bukan Kewangan" sahaja.
- (ix) Pendeposit juga boleh memilih untuk mendapatkan notifikasi bagi transaksi pindahan yang dilakukan mengikut amaun.

- (x) Fungsi *time out* dengan log keluar secara automatik jika aplikasi THiJARI tidak digunakan selama 2 minit.
 - (xi) Sekatan "akses pindahan wang" secara automatik kepada pengguna yang berumur 61 tahun ke atas.
 - (xii) Fungsi sekatan ke atas akses THiJARI sekiranya kata laluan yang salah dimasukkan melebihi *threshold* yang dibenarkan.
 - (xiii) Fungsi notifikasi menerusi pesanan SMS bagi setiap transaksi pindahan yang berlaku untuk makluman dan pengesahan pendeposit.
4. Tabung Haji sebelum ini juga melaksanakan had pindahan kepada pihak ketiga yang lebih rendah berbanding amalan institusi perbankan lain iaitu dengan menetapkan had sebanyak RM3,000 sehari sahaja. Pendeposit juga boleh menetapkan sendiri had pindahan yang lebih rendah mengikut kesesuaian dan kehendak pendeposit.
5. Tabung Haji juga sentiasa mengemaskinikan perisian ciri-ciri keselamatan mengikut standard industri dan menjalankan "penetration testing" kepada sistem THiJARI secara berkala. Tabung Haji mengesahkan tiada sebarang bukti yang dijumpai bahawa sistem THiJARI dapat digodam kerana ianya telah dilengkapi dengan infrastruktur keselamatan yang terkini bagi melindungi sistem aplikasi ini sendiri. Sebagai langkah berterusan, Tabung Haji juga akan mengambil tindakan meningkatkan kawalan aplikasi sistem dari semasa ke semasa selaras dengan perkembangan teknologi dan amalan terbaik pasaran.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATUK SERI HAJAH
ZURAINAH BINTI MUSA**

DATUK SERI HAJAH ZURAINAH BINTI MUSA minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

- (a) purata gaji permulaan semasa untuk graduan TVET dalam tempoh 5 tahun yang lepas; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk meningkatkan gaji permulaan graduan ini kepada RM4,000 dan ke atas seperti yang diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini.

JAWAPAN:**DIJAWAB OLEH YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI,
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN
MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**

1. Berdasarkan Laporan Kajian Pengesanan Graduan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi, majoriti graduan TVET (Tahap 5 & Tahap 6) mendapat gaji sekitar RM2,000 dan ke atas. Peratusan graduan yang mendapat gaji RM2,000 dan ke atas mengikut tahap kelayakan dalam tempoh lima tahun adalah seperti berikut:

Tahap kelayakan	Peratus Graduan (%)				
	2019	2020	2021	2022	2023
Tahap 6	53.4	45.6	46.4	68.3	74.4
Tahap 5	52.0	47.0	23.7	37.9	57.9
Tahap 4	11.8	10.8	14.1	21.7	23.2
Tahap 3	6.7	7.3	8.9	13.6	12.9

2. Berdasarkan jadual, peratusan graduan TVET yang mendapat gaji RM2,000 ke atas merekodkan peningkatan bermula tahun 2020 sehingga tahun 2023.
3. Pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi memastikan graduan TVET mendapat gaji setimpal dengan kelayakan atau tahap kemahiran yang diperolehi. Kementerian Sumber Manusia telah menerbitkan buku Panduan Gaji Permulaan 200 Pekerjaan Terpilih Berasaskan Kemahiran, Edisi Kedua (Tahun 2020) sebagai langkah berterusan Kementerian bagi menyokong strategi memperkukuh penjenamaan

SOALAN NO: 30

dan profil graduan TVET di Malaysia. Buku panduan ini adalah rujukan dan asas kepada majikan dalam melaksanakan gaji permulaan yang disyorkan kepada graduan TVET berdasarkan tahap kemahiran, dan sekaligus mampu meningkatkan motivasi dan produktiviti pekerja di negara ini.

4. Pengiktirafan profesional seperti Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) merupakan satu nilai tambah yang akan menyumbang kepada penerimaan majikan serta industri terhadap graduan TVET. Pengiktirafan profesional kepada graduan TVET ini membuka lebih banyak peluang kepada majikan di sektor awam dan swasta termasuk GLC untuk menawarkan pakej pekerjaan yang lebih kompetitif dalam menyokong hasrat kerajaan bagi memperkasa golongan ini.
5. Kerajaan turut menggalakkan graduan TVET melengkapkan diri dengan lesen dan sijil kompetensi tambahan dari badan profesional sebagai usaha meningkatkan tahap kemahiran mereka. Kompetensi tambahan seperti CISCO Certified Networking Associate (CCNA) dalam bidang teknologi maklumat, Certified Welding Supervisor (CWS) dalam bidang kimpalan dan AutoDesk Certified Profesional dalam bidang rekabentuk berbantuan komputer (CAD) memberi peluang cerah kepada graduan TVET untuk ditawarkan pekerjaan dengan gaji yang lebih lumayan sama ada oleh majikan dalam atau luar negara
6. Kerajaan akan secara berterusan membantu dan memastikan graduan TVET ini mendapat gaji yang setimpal dengan kelayakan dan kemahiran mereka melalui kerjasama strategik antara Kerajaan dengan pihak industri. Melalui kerjasama ini, pihak industri akan

SOALAN NO: 30

terlibat secara langsung dalam pelaksanaan TVET melalui pembangunan kurikulum, penyampaian latihan, perkongsian kepakaran dan peralatan serta seterusnya mengambil pelatih TVET yang telah dilatih berdasarkan acuan industri ini untuk terus bekerja.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATUK SERI HAJAH
ZURAINAH BINTI MUSA**

DATUK SERI HAJAH ZURAINAH BINTI MUSA minta **MENTERI
PERTAHANAN** menyatakan :

(a) bilangan peratusan anggota angkatan tentera yang menerima perumahan keluarga tentera serta bantuan perumahan mengikut negeri dalam tempoh 5 tahun yang lepas; dan

(b) apakah inisiatif yang akan diambil untuk memastikan pencapaian sasaran 60 peratus daripada keseluruhan lebih 100,000 anggota untuk memiliki perumahan tersendiri.

JAWAPAN:

Pada masa ini, jumlah anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang menduduki Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) di seluruh negara ialah seramai 43,950 anggota, iaitu meliputi 61.43% daripada bilangan keseluruhan anggota ATM yang berstatus telah berkahwin. Manakala baki anggota berstatus berkahwin tetapi tidak menduduki RKAT iaitu seramai 27,593 anggota telah menerima kemudahan elaun Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) secara bulanan.

Bilangan anggota ATM yang menduduki RKAT mengikut formasi/negeri dalam tempoh 5 tahun terkini adalah seperti berikut:

**Bilangan Anggota ATM Yang Menduduki RKAT Mengikut
Formasi/Negeri Dalam Tempoh 5 Tahun Terkini (2020 – 2024)**

Bil	Formasi/Negeri	Bilangan Pegawai dan Anggota LLP Yang Menduduki RKAT Mengikut Tahun				
		2020	2021	2022	2023	2024
1.	1 Divisyen / Sarawak	2,920	2,939	3,052	3,073	3,518
2.	2 Divisyen / Pulau Pinang, Perak, Kedah, Perlis & Kelantan	8,339	8,150	8,357	8,103	8,509
3.	3 Divisyen /	10,746	9,841	11,211	11,322	11,556

	Pahang, Terengganu, Negeri Sembilan, Melaka & Johor					
4.	4 Divisyen / Selangor & Kuala Lumpur	15,419	14,907	16,432	16,380	16,341
5.	5 Divisyen / Sabah & Labuan	3,932	3,991	4,017	4,025	4,026
	Jumlah	41,356	39,828	43,069	42,903	43,950

Bagi memastikan warga kerja pertahanan dan veteran ATM memiliki kediaman sendiri, Kementerian Pertahanan telah melaksanakan inisiatif program Satu Anggota Satu Rumah (SASaR). Program SASaR ini merupakan salah satu daripada agenda teras Kementerian bagi menjaga kebajikan dan kualiti hidup anggota ATM dan warga veteran ATM selaras dengan Pelan Strategik Kementerian Pertahanan 2021–2025, iaitu di bawah Teras 3 - Pelestarian Kesejahteraan Warga dan Veteran ATM. Di bawah inisiatif SASaR, jumlah rumah yang akan dibina adalah sebanyak 3,500 unit di Sungai Besi, 974 unit di Wardieburn dan 6,400 unit di Setapak dengan jumlah keseluruhan sebanyak 10,874 unit kediaman yang dijangka siap menjelang tahun 2032.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATUK SERI HAJAH
ZURAINAH BINTI MUSA**

DATUK SERI HAJAH ZURAINAH BINTI MUSA minta **MENTERI
PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP**
menyatakan :-

- (a) bilangan kes siasatan aduan pengguna berkaitan transaksi atas talian yang telah dilaporkan dalam tempoh 5 tahun yang lepas; dan
- (b) adakah Kementerian memantau jumlah aduan dan penyelesaian yang dibuat secara terus kepada syarikat platform e-dagang dalam talian seperti Lazada, Shopee dan Tik Tok.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pengurusan aduan pengguna merupakan salah satu fungsi dan peranan penting KPDN yang bertanggungjawab dalam menyelenggarakan isu-isu kepenggunaan yang dikuatkuasakan di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN). Pengurusan aduan pengguna di KPDN adalah bersifat *one stop centre* yang diselaraskan melalui pewujudan Pusat Pengurusan Aduan Pengguna (PPAP), bermula pada 26 Mei 2010. PPAP dilengkapi dengan petugas-petugas Call Centre yang mengendalikan aduan melalui talian Hotline KPDN 1800-886-800, aplikasi WhatsApp, selain dari pengguna yang hadir sendiri ke KPDN/ pejabat KPDN Negeri di samping memberikan khidmat nasihat kepada pengadu.

Dari 1 Januari 2020 sehingga 10 Julai 2024, KPDN telah menerima sebanyak 52,353 aduan, dan antara kategori aduan tertinggi yang diterima oleh KPDN adalah aduan berkaitan transaksi dalam talian. Pada tahun 2020 sahaja (semasa bermulanya era pandemik), KPDN telah menerima sebanyak 11,511 aduan berkaitan transaksi dalam talian. Diikuti tahun 2021 pula, sebanyak 11,468 aduan berkaitan transaksi dalam talian telah diterima oleh KPDN.

Pada tahun berikutnya iaitu 2022, KPDN telah menerima sebanyak 8,851 aduan berkaitan transaksi dalam talian dan diikuti pada tahun 2023 iaitu sebanyak 14,441 aduan berkaitan transaksi dalam talian telah dilaporkan. Pada tahun ini iaitu dari 1 Januari sehingga 10 Julai 2024, KPDN telah menerima sebanyak 6,082 aduan berkaitan transaksi dalam talian.

Untuk makluman, KPDN sentiasa memantau aduan dan penyelesaian yang dibuat secara terus kepada syarikat platform e-dagang dalam talian seperti Lazada, Shopee juga Tik Tok. Antara inisiatif yang telah pun dilaksanakan adalah:

- 1) menjalankan pemeriksaan di syarikat platform e-dagang dalam talian agar mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan seperti mempamerkan harga barangan atau perkhidmatan, penyimpanan dan penyenggaraan rekod nama, nombor telefon dan alamat peniaga *online* yang berniaga di platform pasar dalam talian untuk tempoh dua (2) tahun;
- 2) menjalinkan kerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bagi menghalang akses laman web (*site blocking*) atau penurunan kandungan (*contents removal*) di bawah peruntukan Seksyen 263(2) Akta Komunikasi & Multimedia 1998 [AKM 1998] bagi mana-mana laman sesawang perniagaan yang tidak beretika;
- 3) meningkatkan kerjasama dengan Pembekal Perkhidmatan Internet (ISP) dan Syarikat Telekomunikasi (Telcos) bagi mendapatkan butiran maklumat pemilik laman sesawang atau pemilik talian komunikasi yang terlibat dengan penipuan pasar dalam talian; dan
- 4) bekerjasama dengan pengendali pasar dalam talian untuk sama-sama membantu membuat pemakluman atau notis amaran kepada pengguna/pembeli supaya berhati-hati semasa menjalankan transaksi pembelian di pasar dalam talian.

Sekiranya mana-mana peniaga dalam talian gagal mematuhi mana-mana peruntukan di dalam Peraturan-Peraturan Perlindungan Pengguna (Urusniaga Perdagangan Elektronik) 2012 semasa menawarkan untuk membekalkan barangan atau perkhidmatan, aduan boleh dipanjangkan kepada Kementerian melalui sembilan (9) saluran berikut:

- (a) Portal e-Aduan : <http://www.eaduan.kpdn.gov.my>
- (b) Talian Hotline : 1-800-886-800
- (c) Hadir sendiri ke pejabat KPDN yang berhampiran
- (d) Media sosial melalui Twitter dan Facebook KPDN
- (e) Emel di alamat e.aduan@kpdn.gov.my
- (f) Aplikasi telefon pintar : Ez Adu KPDN

- (g) Surat rasmi kepada KPDN
- (h) Pusat Arahan Penguatkuasaan (Enforcement Command Centre)
- (i) Aplikasi Whatsapp : 019-848 8000

Usaha dan langkah kerjasama yang dijalankan oleh Kementerian diharap mampu membantu menyelesaikan aduan transaksi atas talian di samping dapat meningkatkan pematuhan platform e-dagang dalam talian dan pada masa yang sama meningkatkan keyakinan pengguna terhadap pembelian atas talian.

Selain itu, bagi memantau aduan dan penyelesaian yang dibuat secara terus kepada syarikat platform e-dagang dalam talian, KPDN sedang menjalankan Kajian Semakan Semula Perundangan e-Dagang yang bermula pada bulan April 2024 dan dijangka selesai dalam tempoh 18 bulan.

Objektif dan skop kajian tersebut adalah seperti berikut:

- 1) Mengenalpasti semua perundangan e-dagang dan perundangan lain di Malaysia, skop kawal selia serta kekurangan perundangan tersebut;
- 2) Mengenalpasti semua perundangan e-dagang di peringkat antarabangsa, skop kawal selia serta perbandingan dengan perundangan di Malaysia;
- 3) Mengkaji isu dan keperluan industri e-dagang di Malaysia;
- 4) Mencadangkan kaedah kawal selia e-dagang yang terbaik kepada Kerajaan; dan
- 5) Menyediakan draf awal perundangan baharu atau pindaan perundangan berkaitan e-dagang yang bersesuaian.

Manakala hasil daripada kajian ini adalah seperti berikut:

- 1) Mekanisma pengawal seliaan industri e-dagang yang berkesan;

NO SOALAN: 32

- 2) Perundangan e-dagang yang komprehensif dan selari dengan keperluan pengguna dan industri;
- 3) Peningkatan perlindungan kepada pengguna dan pemain industri e-dagang;
- 4) Perkembangan industri e-dagang yang inovatif dan berdaya saing; dan
- 5) Peningkatan pendapatan dan peluang pekerjaan dalam industri e-dagang kepada rakyat Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATUK SERI HAJAH
ZURAINAH BINTI MUSA**


DATUK SERI HAJAH ZURAINAH BINTI MUSA minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) nisbah doktor di Malaysia untuk setiap 1,000 rakyat sama ada ia memenuhi nisbah yang disarankan oleh Organisasi Kesihatan Sedunia (WHO); dan
- (b) butiran pecahan nisbah ini mengikut doktor di sektor swasta berbanding doktor Kerajaan dalam tempoh 5 tahun yang lepas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan Petunjuk Kesihatan Tahun 2023 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan, nisbah doktor kepada penduduk pada tahun 2022 telah mencapai nisbah 1 doktor kepada 412 penduduk (2.42 doktor untuk 1,000 penduduk) berbanding nisbah 1 doktor kepada 420 penduduk pada tahun 2021. Kementerian Kesihatan komited untuk mencapai sasaran nisbah 1 doktor kepada 400 penduduk menjelang tahun 2025. Trend nisbah doktor kepada penduduk boleh dirujuk seperti gambar rajah berikut:




Source: Ministry of Health (2011-2022)

2. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) tidak pernah menetapkan satu standard khusus bagi nisbah doktor kepada penduduk. Selain daripada nisbah petugas kesihatan kepada penduduk, Kementerian Kesihatan turut mengambil kira beberapa parameter lain bagi mengenalpasti dan menjajarkan keperluan petugas kesihatan seperti beban kedatangan pesakit serta tempoh rawatan bagi pesakit di klinik dan hospital.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Berdasarkan data daripada **Profil Sumber Manusia Untuk kesihatan Negara 2019-2021** dan **Petunjuk Kesihatan 2023**, terdapat peningkatan dalam jumlah doktor di kedua-dua sektor awam dan swasta. Perbandingan jumlah doktor awam dan swasta bagi tahun 2007-2021 boleh dirujuk pada graf di bawah.

Figure 26: Trend of Medical Officer in Public and Private Sector, 2007-2021



Source: Ministry of Health (2008-2022)

4. Secara keseluruhannya, Malaysia menunjukkan perkembangan positif dalam sektor kesihatan negara. Kejayaan ini adalah hasil daripada perancangan strategik dan usaha berterusan kerajaan untuk memastikan bahawa setiap rakyat Malaysia mendapat akses kepada perkhidmatan kesihatan yang mencukupi dan berkualiti. Pencapaian ini bukan sahaja penting dalam memastikan kesihatan

NO SOALAN: 33

yang baik bagi rakyat, tetapi juga dalam meningkatkan kestabilan dan kemakmuran negara secara keseluruhan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATUK SERI HAJAH
ZURAINAH BINTI MUSA**

DATUK SERI HAJAH ZURAINAH BINTI MUSA minta **MENTERI
DALAM NEGERI** menyatakan :-

(a) status siasatan Polis Diraja Malaysia berkenaan serangan asid terhadap saudara Faisal Halim; dan

(b) berapakah kes siasatan kecederaan melibatkan serangan asid telah dibuat dalam tempoh 5 tahun yang lepas dan berapakah daripada kes tersebut diteruskan kepada peringkat dakwaan oleh pihak Pendakwa Raya.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) selaku kementerian yang menerajui aspek keselamatan dalam negeri dan ketenteraman awam memainkan peranan amat penting untuk menyediakan platform yang selamat dan aman bagi menyokong pembangunan negara berlandaskan nilai ihsan, kesejahteraan, keyakinan dan kemampunan demi memastikan hasrat Agenda Malaysia MADANI dicapai.

- a) Polis Diraja Malaysia (PDRM) melalui Unit Siasatan Jenayah Terkelas (USJT), Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) telah menjalankan siasatan berhubung pemain bola sepak negara, Muhammad Faisal bin Abdul Halim yang telah disimbah asid bersabit laporan polis, Kota Damansara Repot 6113/2024 di bawah Seksyen 325, Kanun Keseksaan iaitu mendatangkan cedera parah. Setakat ini, siasatan masih dijalankan dalam usaha bagi mengesan suspek sebenar berdasarkan keterangan oleh saksi-saksi yang telah diambil keterangan.
- b) Untuk makluman Yang Dipertua, sejak tahun 2019 hingga 2024 sebanyak 41 kertas siasatan telah dibuka bagi kes serangan asid. Daripada 41 kertas siasatan tersebut, 10 kes masih dalam siasatan dan baki 31 kes telah diteruskan untuk tujuan pendakwaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR TUAN MUSODDAK BIN
AHMAD**

TUAN MUSODDAK BIN AHMAD minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan rasional utama keputusan Kerajaan untuk tetap memilih Global Infrastructure Partners (GIP) yang kini dimiliki oleh syarikat pro-Israel iaitu BlackRock sebagai pemegang 30 peratus saham dalam Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Secara prinsipnya, cadangan pengambilalihan MAHB ini adalah **merupakan urusan transaksi komersial yang diketuai oleh Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) selaku pemegang saham MAHB sedia ada.**

Pemilihan GIP secara khususnya dibuat selepas proses pencarian komprehensif melibatkan beberapa pengendali antarabangsa terkemuka. Sebagai sebuah dana ekuiti persendirian, GIP akan melepaskan pegangannya dalam MAHB setelah usaha transformasi tersebut membuahkan hasil dan meningkatkan nilai.

GIP memiliki kepakaran dalam pembangunan laluan perjalanan, penambahbaikan perkhidmatan penumpang dan pelaksanaan projek bermodal tinggi, di samping rekod kerja yang terbukti seperti berikut:

- a. Bagi lapangan terbang Edinburgh, ia telah meningkatkan jumlah penumpang dari 9.2 juta orang kepada 14.4 juta orang dan menambah destinasi laluan daripada 141 laluan kepada 225 laluan dalam tempoh 2012 sehingga 2023;
- b. Bagi lapangan terbang Gatwick, GIP telah menyiapkan penggantian tren *Gatwick Airport Shuttle Transit* dalam tempoh 10 bulan [model tren dan kepanjangan trek *Gatwick Airport Shuttle Transit* hampir sama seperti Aerotrain di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala

Lumpur (KLIA)] di samping meningkatkan kadar memproses penumpang daripada 220 orang kepada 550 orang sejam; dan

- c. Bagi lapangan terbang Sydney, GIP telah mengurangkan waktu menunggu sebanyak 60% daripada 28 minit kepada 11 minit.

Dalam memilih rakan teknikal yang sesuai, GIP bersetuju dengan ketetapan untuk hanya memegang saham minoriti sementara institusi pelaburan berkaitan Kerajaan memiliki penguasaan melalui majoriti saham.

Khazanah dan KWSP percaya penglibatan GIP dalam Konsortium ini dalam memberikan nilai tambah khususnya dari segi kepakaran teknikal dan pengalaman antarabangsa yang mampu melengkap keupayaan pengurusan MAHB ketika ini.

Di samping itu, **perlu ditegaskan bahawa perbincangan yang telah dijalankan oleh wakil-wakil Konsortium juga tidak melibatkan BlackRock.** Kerajaan juga dimaklumkan oleh wakil-wakil daripada Konsortium bahawa meskipun setelah GIP diambil alih oleh BlackRock nanti, GIP akan kekal beroperasi secara berasingan daripada BlackRock termasuklah dalam menguruskan syarikat-syarikat yang berada di bawah pelaburan mereka.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR TUAN MUSODDAK BIN
AHMAD**

TUAN MUSODDAK BIN AHMAD minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menaik taraf Balai Polis Jeniang seiring dengan peningkatan jumlah penduduk di kawasan berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) selaku kementerian yang menerajui aspek keselamatan dalam negeri memainkan peranan amat penting untuk menyediakan platform yang selamat dan aman bagi menyokong pembangunan negara berlandaskan nilai ihsan, kesejahteraan, keyakinan dan kemampanan demi memastikan hasrat Agenda Malaysia MADANI dicapai. Ini termasuk menyediakan kemudahan yang selesa kepada warga KDN meliputi pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sama ada di tempat kerja mahupun kuarters kediaman. KDN dan PDRM turut menyediakan perancangan jangka pendek dan panjang *Rolling Plan* Rancangan Malaysia dalam melengkapkan pasukan keselamatan dan penguatkuasaan dengan aset-aset strategik yang terkini.

Berdasarkan data bancian tahun 2020, Jeniang berkeluasan 37.4 kilometer persegi mempunyai penduduk seramai 13,760 orang. Pada masa ini, Balai Polis Jeniang, Sik telah beroperasi dengan perjawatan seramai 20 orang pegawai/anggota yang diketuai oleh Ketua Polis Balai berpangkat Sarjan Mejar (SM). Balai Polis ini berada di bawah pentadbiran Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sik yang terletak 17 kilometer dan boleh dihubungi melalui jalan darat. Berdasarkan penelitian pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), jumlah kekuatan polis di Balai Polis Jeniang mencukupi bagi mentadbir kawasan berkenaan. Bantuan kekuatan dari IPD Sik seramai 200 orang pegawai/anggota diketuai oleh Pegawai Polis Daerah berpangkat *Deputy Superintendent Police* (DSP) masih mencukupi bagi mentadbir keselamatan dan ketenteraman awam di kawasan Jeniang.

Kajian dan penelitian dari semasa ke semasa sentiasa dilaksanakan oleh pihak PDRM bagi menilai keperluan menaiktaraf kategori sesebuah pondok polis, balai polis atau mewujudkan IPD baharu selari dengan pertambahan penduduk, pembangunan sesebuah lokaliti serta situasi semasa keselamatan di lokaliti berkenaan seperti jumlah laporan polis, jumlah jenayah indeks, jumlah sasaran penting dan keluasan sektor rondaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR TUAN MUSODDAK BIN
AHMAD**

TUAN MUSODDAK BIN AHMAD minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan urusan persempadanan semula kawasan-kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri di seluruh negara.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Urusan kajian semula persempadanan terhadap bahagian-bahagian pilihan raya sedia ada, hanya boleh dilaksanakan selepas tamat lat tempoh 8 tahun atau terdapat pindaan undang-undang ke atas komposisi bilangan keanggotaan Ahli Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri. Bagi maksud tersebut, lat tempoh 8 tahun bagi kajian semula persempadanan **Negeri Sarawak telah berakhir pada tahun 2023, Negeri Sabah pada tahun 2025** manakala **Negeri-Negeri Tanah Melayu pula pada tahun 2026**. SPR kini sedang mempertimbang dan meneliti kesesuaian untuk melaksanakan urusan kajian semula persempadanan Negeri Sarawak.

2. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menjalankan urusan kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya Persekutuan dan negeri berlandaskan kepada prinsip-prinsip dan tatacara persempadanan yang ditetapkan di bawah Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan serta menurut bidang kuasa SPR yang diperuntukkan di bawah Perkara 113, Perlembagaan Persekutuan.

3. Sesuatu syor kajian semula persempadanan hanya akan dimulakan apabila terdapat pemberitahuan kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat

dan YAB Perdana Menteri oleh SPR serta disiarkan suatu notis sebagaimana yang diperuntukkan dibawah Bahagian II, Seksyen 4, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan.

4. Berdasarkan peruntukan yang ditetapkan oleh Perlembagaan, prinsip-prinsip persempadanan yang dipegang oleh SPR adalah seperti berikut:

- a) **Kemudahan diadakan bagi pemilih-pemilih keluar mengundi** semasa pilihan raya dan bahagian pilihan raya tidak merentasi sempadan negeri;
- b) Mengambil kira **kemudahan pentadbiran** yang boleh didapati dalam bahagian pilihanraya itu untuk mengadakan jentera yang perlu bagi pendaftaran dan pengundian;
- c) Jumlah pemilih yang lebih kurang sama banyak bagi setiap bahagian pilihan raya dalam sesebuah Negeri **kecuali apabila terdapat kesukaran perhubungan dan pengangkutan yang dihadapi di luar bandar, luas bahagian pilihan raya patut diberi pertimbangan;** dan
- d) **Mengekalkan hubungan masyarakat tempatan.**

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR TUAN MUSODDAK BIN
AHMAD**

TUAN MUSODDAK BIN AHMAD minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan peranan Malaysia selaku Pengerusi ASEAN 2025 bagi menyediakan jalan keluar yang lebih mapan terhadap kemelut pertindihan kedaulatan di Laut China Selatan khususnya melibatkan kepentingan ASEAN dengan China.

JAWAPAN

**YB DATO' SERI UTAMA HAJI MOHAMAD BIN HAJI HASAN
MENTERI LUAR NEGERI
KEMENTERIAN LUAR NEGERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Senator Tuan Musoddak bin Ahmad** di atas pertanyaan yang dikemukakan dan di atas keprihatinan yang diberikan terhadap isu-isu di bawah seliaan Kementerian Luar Negeri.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Sepertimana Yang Berhormat Senator sedia maklum, Malaysia akan mengambil alih Kepengerusian ASEAN pada tahun 2025. Ini akan membuka satu lagi lembaran penting untuk negara kita. Sebagai Pengerusi ASEAN, Malaysia akan memainkan peranan utama dalam menetapkan hala tuju ASEAN bagi mengharungi cabaran-cabaran semasa dan masa hadapan.

3. Dalam konteks isu Laut China Selatan, saya ingin menegaskan bahawa kedaulatan dan kepentingan negara sentiasa dijadikan teras utama di dalam setiap tindakan yang diambil. Sepertimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, isu berkaitan Laut China Selatan merupakan isu yang kompleks dan sensitif. Oleh yang demikian, ia perlu dikendalikan secara berhati-hati, teliti dan menyeluruh. Setiap tindakan yang diambil Kerajaan adalah berdasarkan pertimbangan yang komprehensif.

4. Pendirian Malaysia berhubung tuntutan bertindih di Laut China Selatan adalah jelas dan konsisten. Semua tuntutan dan penyelesaian isu-isu berhubung Laut China Selatan hendaklah berdasarkan undang-undang antarabangsa, termasuklah Konvensyen Undang–Undang Laut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 1982, atau dengan izin, *United Nations Convention on the Law of the Sea 1982 (UNCLOS 1982)*.

5. Malaysia kekal komited untuk menyelesaikan isu-isu berkaitan Laut China Selatan secara konstruktif, dengan menggunakan forum dan saluran diplomatik yang sesuai. Kementerian Luar Negeri akan terus menyuarakan pendirian tegas Malaysia berhubung isu Laut China Selatan di platform-platform yang berkaitan bagi memastikan kedaulatan, hak kedaulatan dan kepentingan negara terus kekal terpelihara.

6. Bagi memastikan keamanan, kestabilan dan mengelakkan ketegangan di Laut China Selatan, negara-negara ASEAN dan China juga telah memeterai Deklarasi Tatalaku Pihak-Pihak Berkepentingan di Laut China Selatan, atau dengan izin, *Declaration on the Conduct of Parties in the South China Sea (DOC)* pada 4 November 2002.

7. Negara-negara ASEAN dan China juga sedang merundingkan Kod Tatalaku di Laut China Selatan, atau dengan izin, *Code of Conduct in the South China Sea (COC)*. COC dilihat sebagai satu kod tatacara untuk mengekalkan keamanan dan kestabilan serta untuk mengelakkan konflik dan ketegangan di Laut China Selatan. Ianya adalah tanpa prejudis terhadap tuntutan wilayah dan maritim negara masing-masing.

8. Malaysia kini mengambil alih peranan sebagai Negara Penyelaras (*Country Coordinator*) bagi hubungan kerjasama ASEAN – China untuk tempoh tiga (3) tahun. Sebagai Negara Penyelaras, Malaysia juga mempengerusikan bersama (*Co-Chair*) dengan China bagi, dengan izin, *ASEAN-China Joint Working Group on the Implementation of the DOC* (JWG-DOC), Malaysia komited untuk melaksanakan deklarasi tatalaku (DOC) secara menyeluruh dan efektif serta memutakhirkan rundingan kod tatalaku (COC) yang efektif dan substantif di Laut China Selatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR TUAN MUSODDAK BIN
AHMAD**

TUAN MUSODDAK BIN AHMAD minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan perincian keseluruhan 22 projek pembangunan negeri Kedah di bawah Kementerian yang dirangkumkan di bawah Rolling Plan 4 (RP4) Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) sentiasa bekerjasama dengan setiap Kerajaan Negeri dan sentiasa memberi perhatian akan ketersediaan infrastruktur asas pelancongan dalam menyokong aktiviti pelancongan di setiap negeri.

Untuk makluman, dalam tempoh Rolling Plan 4 (RP4) RMKe-12, Kerajaan Persekutuan melalui MOTAC telah meluluskan sejumlah RM5,302,000.00 bagi melaksanakan projek-projek untuk Negeri Kedah seperti di Lampiran.

MOTAC mengalu-alukan cadangan oleh Ahli Yang Berhormat dan bersedia untuk mempertimbangkan sebarang permohonan baharu. Walau bagaimanapun, Ahli-Ahli Yang Berhormat juga dimohon untuk berbincang terlebih dahulu dengan Kerajaan Negeri masing-masing untuk memastikan permohonan projek pembangunan infrastruktur pelancongan yang dicadangkan adalah seiring dengan Keutamaan Kerajaan Negeri.

Sekian, Terima Kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR TUAN ABUN SUI ANYIT**

TUAN ABUN SUI ANYIT minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan jumlah permohonan Inisiatif Kemudahan Rakyat (IKR) di Sarawak serta status permohonan IKR mengikut kawasan Parlimen dari tahun 2023 dan hingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, sehingga 17 Julai 2024, sebanyak 9,825 permohonan termasuk 446 permohonan projek Inisiatif Kemudahan Rakyat (IKR) dari Negeri Sarawak telah diterima oleh Kementerian Ekonomi. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 99 projek telah disenarai pendek di peringkat Kementerian Ekonomi. Walau bagaimanapun, setelah agensi membuat semakan kebolehlaksanaan projek, hanya 46 projek diluluskan untuk dilaksanakan. Baki permohonan projek sebanyak 400 tidak diluluskan atas faktor permohonan di luar skop, permohonan tidak lengkap, kos projek melebihi siling yang ditetapkan dan maklum balas berdasarkan semakan kebolehlaksanaan projek oleh agensi pelaksana.

Memandangkan permohonan yang diterima adalah tinggi, saringan ke atas permohonan perlu dilakukan bagi memastikan projek yang dipohon menepati kriteria serta garis panduan IKR. Secara umumnya, pertimbangan ke atas permohonan dibuat berdasarkan kepada ketersediaan baki peruntukan, kebolehlaksanaan projek oleh agensi pelaksana dan pematuhan kepada garis panduan IKR.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR SENATOR TUAN ABUN
SUI ANYIT**

TUAN ABUN SUI ANYIT minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan :-

- (a) jumlah Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) di Sarawak mengikut Parlimen serta berapakah peratusan statistik dan nisbah jumlah ini berbanding kampung yang ada di Sarawak; dan
- (b) berapakah jumlah peruntukan yang telah diberikan oleh Kementerian terhadap JPKK di Sarawak pada tahun 2024.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, Pelaksanaan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) di Sarawak dilaksanakan sepenuhnya oleh pihak Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Sarawak selaku Pihak Berkuasa Melantik (PBM) sebagaimana keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 12 Julai 2023 yang turut menetapkan kuota JKKK Sarawak berjumlah 5,976.

Peranan Kerajaan Sarawak selaku PBM JKKK juga merangkumi hal ehwal dasar seperti penetapan bilangan JKKK berdasarkan jumlah populasi penduduk keseluruhan di dalam sesebuah kawasan parlimen mahupun jumlah minimum bilangan penduduk kampung untuk penubuhan sebuah JKKK. Memandangkan dinamik penduduk dan masyarakat luar bandar di Sarawak sangat unik dengan kewujudan rumah panjang serta jawatan tuai rumah, Kementerian ini tidak akan mencampuri sebarang keputusan penetapan bilangan nisbah JKKK kecuali menekankan kepentingan supaya siling pelantikan JKKK di Sarawak berjumlah 5,976 untuk dipatuhi bagi penyediaan bajet peruntukan.

Untuk tahun 2024, Kementerian telah menyalurkan sejumlah peruntukan berjumlah RM24,511,200.00 bagi tujuan pembayaran elaun anggota JKKK Sarawak dari Januari hingga Jun.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATUK WIRA DR. MOHD
HATTA BIN MD RAMLI**

DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik terkini bagi projek pembinaan sekolah baharu yang dalam perancangan, sedang dibina dan telah siap dibina bagi kategori sekolah rendah dan sekolah menengah bermula dari tahun 2023 sehingga Jun 2024.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2023 dan 2024, sebanyak 35 projek pembinaan sekolah baharu telah diluluskan dengan agihan 9 projek pada tahun 2023 dan 26 projek pada tahun 2024. Daripada jumlah ini, sebanyak 9 projek melibatkan sekolah rendah, 17 projek sekolah menengah, 4 projek adalah terdiri daripada kompleks sekolah (sekolah rendah dan sekolah menengah), 1 projek sekolah menengah berasrama penuh dan 4 projek kolej tingkatan enam.

Sehingga 16 Julai 2024, kesemua 35 projek berada di pelbagai peringkat pada status prabina. Pelaksanaan kerja awalan telah dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia melibatkan kerja ukur dan siasatan tanah. Berdasarkan kos projek yang diluluskan, projek-projek ini perlu melalui pelaksanaan Makmal Pengurusan Nilai (VM) yang merangkumi Makmal Kajian Nilai (VA) oleh pihak Kementerian Ekonomi dan Makmal Kejuruteraan Nilai (VE) yang diselaraskan oleh pihak JKR. Seterusnya akan melalui proses perolehan secara tender dan pelantikan kontraktor.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATUK WIRA DR. MOHD
HATTA BIN MD RAMLI**

DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI minta **MENTERI
SUMBER MANUSIA** menyatakan :

- a) statistik terkini bagi individu yang sedang menjalani program Malaysia Short-term Employment Programme (MySTEP) dalam Kementerian dan juga agensi Kerajaan; dan
- b) berapakah peratusan peserta program MySTEP yang telah diserap masuk dalam perkhidmatan awam secara kontrak ataupun tetap.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan Yang Mulia ini, berdasarkan statistik PERKESO dari tempoh Januari hingga 5 Julai 2024 bilangan individu yang sedang menjalani program *Malaysia Short-term Employment Programme* (MySTEP) dalam Kementerian/Jabatan/agensi Kerajaan adalah seramai 15,650 orang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATUK WIRA DR. MOHD
HATTA BIN MD RAMLI**

DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah laporan kes diskriminasi yang diterima berdasarkan Akta Kerja 1955 (Pindaan 2022), Diskriminasi Dalam Pekerjaan (Seksyen 69F) mengikut jenis kes dan tindakan susulan yang diambil.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2023, Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) telah menerima dua belas (12) aduan diskriminasi berkaitan bayaran tunai dan dua puluh satu (21) aduan diskriminasi selain bayaran tunai. Sebelas (11) daripada aduan-aduan tersebut adalah berasas dan majikan telah diarah untuk membuat tindakan pembetulan dan telah selesai. Manakala sehingga 30 Jun 2024, sebanyak lima (5) aduan diskriminasi berkaitan bayaran tunai dan enam (6) aduan diskriminasi selain bayaran tunai diterima JTKSM. Lima (5) daripadanya adalah berasas dan telah selesai diambil tindakan pembetulan oleh majikan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATUK WIRA DR. MOHD
HATTA BIN MD RAMLI**

DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN RAMLI minta **MENTERI
PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan:

- a) jumlah statistik bagi permohonan, tawaran yang dikeluarkan dan kemasukan pelajar ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) mengikut kaum dan markah merit pada tahun terkini; dan
- b) pelan tindakan Kementerian untuk menyemak semula sistem Permohonan Kemasukan Pelajar (UPUOnline)

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) berperanan menyelaraskan kemasukan pelajar Lulusan SPM dan STPM atau Setaraf ke program sijil, asasi, diploma dan sarjana muda di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) berasaskan prinsip meritokrasi. Prinsip ini mengambil kira pencapaian akademik (90%) dan pencapaian kokurikulum 10% tanpa mengira agama, bangsa, keturunan dan negeri.
2. Berdasarkan permohonan UPUOnline® calon **Lulusan SPM** bagi **sesi akademik 2023/2024**:
 - i. Seramai 210,136 **calon Bumiputera** telah membuat permohonan UPUOnline untuk ke Universiti Awam (UA). Daripada jumlah tersebut, seramai 144,380 calon telah berjaya ditawarkan, dan
 - ii. Bagi **calon Bukan Bumiputera** pula, seramai 29,158 calon telah membuat permohonan UPUOnline untuk ke Universiti Awam (UA). Daripada jumlah tersebut, seramai 16,356 calon telah berjaya ditawarkan.
3. Selain itu, berdasarkan permohonan UPUOnline® calon **Lulusan STPM atau Setaraf** bagi **sesi akademik 2023/2024** pula:
 - i. Seramai 99,697 **calon Bumiputera** telah memohon UPUOnline untuk ke Universiti Awam (UA). Daripada jumlah tersebut, seramai 66,508 calon telah berjaya ditawarkan, dan
 - ii. Bagi **calon Bukan Bumiputera** pula, seramai 18,396 calon membuat permohonan UPUOnline untuk ke Universiti Awam (UA). Daripada jumlah tersebut, 13,138 orang calon telah berjaya ditawarkan ke program pengajian Ijazah Sarjana Muda.

4. Selaras dengan perkara ini juga, adalah dimaklumkan bahawa sistem permohonan UPUOnline[®] telah melalui fasa penambahbaikan setiap tahun sejak penubuhannya pada tahun 2001 bagi menepati perkembangan teknologi terkini.
5. Penambahbaikan dibuat pada sistem pengaturcaraan yang membolehkan kaedah meritokrasi dilaksanakan bagi pemohon atau calon UPUOnline.
6. Secara kesimpulannya, Kementerian sentiasa mengambil serius semua usaha meningkatkan akses ke pendidikan tinggi, konsisten mempergiat dan menyebarkan akses ke pendidikan tinggi termasuk memberi bantuan kepada pelajar yang menerima tawaran ke IPT bila mana diperlukan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATUK WIRA DR. MOHD
HATTA BIN MD RAMLI**

DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI minta **MENTERI
PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah
usaha Kerajaan dalam meningkatkan tahap Kadar Sara Diri (SSR) daging
lembu dan susu di negara ini dan nyatakan kadar SSR bagi komoditi
tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2022, Kadar Sara Diri (SSR) daging lembu/kerbau negara berada pada tahap 14.7% dan susu segar pada 57.3%. Bagi memastikan pengeluaran dalam negara mampu memenuhi keperluan tempatan, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) telah melancarkan Pelan Strategik Pembangunan Industri Pedaging Negara (BIF Plan) 2021-2025 dan Pelan Strategik Pembangunan Industri Tenusu Negara (Dairy Plan) 2021-2025 bagi memberi tumpuan kepada peningkatan SSR daging lembu/kerbau dan susu segar. Ini adalah sejajar dengan Dasar Agromakanan Negara 2021 - 2030 (DAN 2.0) yang menumpukan kepada peningkatan bilangan ternakan ruminan (lembu, kerbau dan kambing) dalam negara bagi keperluan tempatan serta mengurangkan kebergantungan yang tinggi kepada daging dan produk tenusu import.

KPKM menerusi DVS melaksanakan pelbagai program untuk meningkatkan SSR daging lembu seperti berikut:

- (i) **Program Pengukuhan Keterjaminan Makanan 2024** bertujuan untuk meningkatkan populasi lembu dengan kerjasama kerajaan negeri antaranya seperti berikut:
 - (a) perolehan sebanyak 500 ribu ringgit untuk mendapatkan lembu pedaging kacukan tempatan kepada penternak di negeri Johor;
 - (b) Pusat Ternakan Bersepadu Ruminan Sawit Kinabalu dibina dengan kos sebanyak 15 juta ringgit, adalah kerjasama antara Jabatan Veterinar Sabah dan Sawit Kinabalu;
 - (c) perolehan induk lembu Wagyu sebanyak 500 ribu ringgit untuk syarikat peneraju baharu di bawah projek Wagyu Pahang; dan

- (d) Projek Pembangunan Mampan & Penyelidikan Wagyu Malaysia dengan kos sebanyak 1.8 juta ringgit di negeri Kelantan.
- (ii) **Program Pembangunan Projek Lembu Pedaging Secara Intensif** bertujuan untuk memperkukuhkan industri ternakan lembu dilaksanakan oleh Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP). Sehingga Disember 2023, jumlah keseluruhan ternakan lembu adalah sebanyak 17,730 ekor dengan nilai pendapatan sebanyak 35.5 juta ringgit. Program ini telah melibatkan seramai 355 orang usahawan dengan kapasiti 12,876 ekor lembu dengan nilai pendapatan sebanyak 30.1 juta ringgit dan 38 Pertubuhan Peladang dengan kapasiti sebanyak 4,854 ekor lembu dengan nilai pendapatan berjumlah 5.4 juta ringgit;
- (iii) **Program bersama dengan Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu (UniSZA)** seperti:
- (a) Program menghasilkan makanan alternatif kepada lembu pedaging yang boleh mengatasi masalah kenaikan harga makanan sedia ada di pasaran yang dapat mengurangkan kos makanan; dan
- (b) Program Latihan Pengurusan Haiwan kepada penternak untuk mengoptimumkan penjagaan, pemeliharaan, dan penternakan haiwan. Penternak dapat mempelajari dan mengenal pasti tanda-tanda awal penyakit dan langkah-langkah yang perlu diambil untuk mencegah penularan seterusnya membantu mengurangkan kematian ternakan;
- (iv) **Skim Rezeki Ternakan Ruminan dan Unggas** bertujuan untuk membantu penternak kecil menambah sumber pendapatan menerusi pakej bantuan bagi perolehan ternakan, makanan ternakan dan input peralatan ladang dengan jumlah peruntukan keseluruhan sebanyak 30 juta ringgit di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Bagi tempoh 2021 hingga 2023, seramai 847 penternak telah menerima bantuan bernilai 6.529 juta ringgit

dan skim ini diteruskan tahun ini dengan peruntukan sebanyak 6 juta ringgit;

- (v) **Program Peningkatan Ruminan** bertujuan untuk meningkatkan populasi asas ternakan ruminan pedaging menerusi pakej bantuan perolehan ternakan dan peralatan kepada penternak yang berkonsepkan geran padanan pada kadar nisbah 50 peratus kerajaan dan 50 peratus penternak dengan jumlah peruntukan keseluruhan sebanyak 40 juta ringgit di bawah RMKe-12. Pada tahun 2023, dua (2) syarikat peneraju yang dilantik iaitu Koperasi Ladang Berhad (KLB) dan RISDA Livestock telah membawa masuk 1,570 ekor lembu baka dengan jumlah keseluruhan bernilai 4.8 juta ringgit. Program ini diteruskan pada tahun ini dengan penawaran kepada dua (2) syarikat peneraju baharu dengan nilai sebanyak 2 juta ringgit;
- (vi) **Projek Insentif Galakan Peningkatan Produktiviti Lembu Pedaging Ke arah Purata Kadar Kelahiran Nasional 60 Peratus** adalah projek yang dilaksanakan melalui pemberian geran penuh kepada penternak lembu pedaging yang mempunyai kadar kelahiran lembu sekurang-kurangnya 60 peratus dan dinilai berpotensi oleh DVS. Objektif projek ini adalah untuk menyediakan insentif kepada penternak berpotensi untuk terus meningkatkan prestasi pengeluaran ladang, meningkatkan kadar kelahiran ternakan ruminan pedaging negara dan meningkatkan bilangan ladang yang mengamalkan Amalan Penternakan Yang Baik (Good Animal Husbandry Practice). Pada tahun 2023, 40 penternak telah menerima geran berjumlah 4.198 juta ringgit dan projek ini diteruskan pada tahun semasa dengan peruntukan sebanyak 5 juta ringgit;
- (vii) **Program Agropreneur Muda** yang bertujuan untuk membantu dan menggalakkan penglibatan golongan muda dalam bidang penternakan menerusi Geran Agropreneur Muda dalam bentuk pemberian barangan bernilai 20 ribu ringgit bagi setiap individu. Sehingga tahun 2023, sebanyak 5.4 juta ringgit telah dibelanjakan yang memanfaatkan seramai 272 penternak muda;

- (viii) menubuhkan sebanyak 16 buah Ladang Satelit Nasional (LSN) di kawasan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM);
- (ix) membangunkan dua (2) kawasan tanah milik Kerajaan Persekutuan sebagai Taman Kawasan Pengeluaran Ruminan (TKPR);
- (x) membangunkan tujuh (7) buah Pusat Pengembangan Veterinar (VetEC) di kawasan tumpuan projek ternakan; dan
- (xi) memperkasa keupayaan kawalan penyakit ternakan terutamanya penyakit berkaitan ekonomi dan rentas sempadan seperti Penyakit Kuku Dan Mulut (FMD), *Lumpy Skin Disease* (LSD) dan penyakit pembiakan seperti Brusella.

Manakala, bagi peningkatan SSR susu, program berikut dilaksanakan:

(i) **Program Pembangunan Industri Tenusu Negara**

(a) **Skop Transformasi Usahawan Berskala Besar**

Kerajaan akan membuat bayaran balik (*reimbursement*) sebanyak 30 peratus daripada harga perolehan mengikut harga siling yang telah ditetapkan dengan kaedah *reimbursement 70:30* (70 peratus harga perolehan akan ditanggung oleh peserta manakala baki 30 peratus daripada harga perolehan akan dibayar oleh Kerajaan). Bantuan input yang disediakan oleh kerajaan dalam program ini adalah induk lembu tenusu bunting (*heifers*), tangki penyejuk susu (RFT) dan perincih rumput.

(b) **Skop Transformasi Penternak Kecil**

Kerajaan akan membuat bayaran balik (*reimbursement*) sebanyak 70 peratus daripada harga perolehan mengikut harga siling yang telah ditetapkan dengan kaedah *reimbursement 30:70* (30 peratus harga perolehan akan ditanggung oleh peserta manakala baki 70 peratus daripada harga perolehan akan dibayar oleh Kerajaan). Bantuan input yang disediakan oleh Kerajaan dalam program ini adalah

induk lembu tenusu bunting (*heifers*), tangki penyejuk susu (RFT) dan lori tangki susu.

(ii) **Program pengukuhan Keterjaminan Makanan 2024**

Melalui program ini, KPKM menjalinkan kerjasama dengan Negeri Selangor untuk melaksanakan Projek Pembangunan Ladang Lembu Tenusu di Ladang PKPS Sungai Tengi. Sebanyak 500 ekor lembu tenusu akan dibawa masuk dengan peruntukan berjumlah 10 juta ringgit ke arah meningkatkan nilai SSR susu segar negara.

(iii) **Program Pembiayaan dan Fasiliti Kewangan**

Antara dana yang disediakan oleh Agrobank dan Bank Negara bagi kemudahan para penternak untuk perolehan aset dan modal kerja adalah:

- (a) Dana Pertanian Agromakanan 3 (DPA 3) yang menyediakan jumlah pembiayaan sebanyak 10 ribu ringgit sehingga 5 juta ringgit oleh Agrobank;
- (b) Dana Program Pembiayaan Agroteknologi MADANI (DPPAM) yang menyediakan jumlah pembiayaan sebanyak 10 ribu ringgit sehingga 5 juta ringgit oleh Agrobank; dan
- (c) Kemudahan Automasi dan Digitalisasi (ADF) yang menyediakan jumlah pembiayaan sehingga 3 juta ringgit oleh Bank Negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR TUAN ABUN SUI ANYIT**

TUAN ABUN SUI ANYIT minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan program dan geran Kerajaan yang telah disediakan oleh Kementerian bagi masyarakat pelbagai etnik dan persatuan dari Sarawak untuk memohon bagi mempromosi dan mengekalkan keunikan budaya dan warisan masing-masing di Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) sentiasa giat merancang dan melaksanakan program-program serta memastikan ketersediaan bantuan dan insentif kepada para penggiat seni dan budaya dalam usaha mempromosi dan mengekalkan keunikan budaya dan warisan negara, termasuk di Negeri Sarawak.
2. Dari segi insentif, MOTAC menyediakan geran sepadan iaitu Geran Padanan Pelancongan, Seni dan Budaya (GPPSB). Di bawah GPPSB terdapat Geran Sokongan Sektor Pelancongan (GSSP) bagi penggalakan program pelancongan manakala Geran Sokongan Sektor Kebudayaan (GSSK) disediakan bagi penganjuran program seni dan budaya yang berimpak tinggi. Sehingga Julai 2024, sebanyak 11 permohonan yang membawa nilai RM790,000 telah diluluskan bagi penggiat seni dan budaya di Negeri Sarawak.
3. Insentif lain yang tersedia termasuklah potongan Cukai Penajaan Aktiviti Kesenian, Kebudayaan dan Warisan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967. Dalam usaha untuk membangunkan kesenian, kebudayaan dan warisan, pihak kerajaan telah meningkatkan had potongan cukai sehingga RM1 juta bagi satu tahun taksiran yang bertujuan menggalakkan tajaan bagi aktiviti kesenian, kebudayaan atau warisan melalui Potongan Cukai, Penajaan Aktiviti Kesenian, Kebudayaan dan Warisan di bawah perenggan 34(6)(k) Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP1967). Penajaan disediakan bagi aktiviti kesenian, kebudayaan dan warisan yang layak bagi program yang

dianjurkan oleh pihak kementerian, jabatan/agensi kerajaan, swasta atau NGO. Sehingga Jun 2024, sebanyak RM56,432.00 telah diluluskan kepada tiga (3) permohonan di Negeri Sarawak.

4. Selain itu, para penggiat seni dan budaya termasuk dari Negeri Sarawak turut disediakan bantuan daripada Kumpulan Wang Amanah Kebudayaan dan Kebajikan Penggiat Seni (KWAKKPS). Objektif penubuhan tabung ini adalah untuk memastikan kebajikan penggiat seni sentiasa terbela dan diberi perhatian sewajarnya sebagai tanda penghargaan ke atas jasa dan sumbangan yang diberikan. Terdapat lima (5) jenis bantuan yang disediakan di bawah KWAKKPS iaitu Bantuan Ehsan, Khairat Kematian, Bayaran Perubatan, Bencana dan Pengiktirafan Penggiat Seni. Antara yang mendapat manfaat tabung ini ialah para penghibur, penyanyi, pelakon dan lain-lain bidang seni budaya dan warisan. Sehingga Jun 2024, sebanyak RM40,000 sumbangan telah diberikan kepada sembilan (9) orang penggiat seni di Negeri Sarawak.

5. Selain itu, MOTAC menerusi Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) turut menyediakan Insentif Seni bagi membantu para penggiat seni budaya seperti NGO, universiti dan penggiat seni budaya bagi menambah upaya mereka untuk melaksanakan program dan aktiviti seni budaya. Antara insentif yang disediakan adalah insentif kewangan dengan had maksima sebanyak RM15,000. Sehingga Jun 2024, sebanyak 11 NGO dari pelbagai bidang seni budaya Sarawak telah menerima insentif ini dengan jumlah dana sebanyak RM84,000. Insentif Seni yang lain termasuklah Insentif Ruang, Kepakaran, dan Promosi turut disediakan.

NO. SOALAN : 47

6. Program Pelancongan Budaya bagi mempromosi pelancongan melalui aktiviti seni budaya telah dilaksanakan sejak tahun 2015. Bagi tahun 2024, Festival Gendang Sarawak akan diadakan pada 1 hingga 3 November 2024. Program seumpama ini dianjurkan bertujuan untuk menyemarak dan memelihara seni budaya di samping memaparkan keunikan Gendang Melayu Sarawak.

7. Program berbentuk pementasan seni persembahan iaitu *Colours of Malaysia* (COM) dianjurkan JKKN bertujuan memartabatkan seni persembahan dalam konteks seni dan budaya tempatan. COM Sarawak akan diadakan pada 24 Oktober 2024 di Muzium Budaya Borneo, Kuching dengan berkonsepkan persembahan pantomin 'Dayang Bulan – Lagenda Puteri Bulan yang diadaptasi dari Buku Cerita Rakyat Dayang Bulan – The Moon Princess oleh Datin Nikki Lugun.

8. Di samping pelbagai program dan insentif yang dinyatakan, kami di MOTAC sentiasa mengalu-alukan sebarang cadangan dan inisiatif, pendapat mahupun usaha sama berbentuk kegiatan seni dan budaya setempat daripada kalangan penggiat seni budaya tempatan dalam usaha merancang dan memartabatkan industri seni dan budaya negara terutama menjelang Tahun Melawat Malaysia 2026.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR TUAN ABUN SUI ANYIT**

TUAN ABUN SUI ANYIT minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tuntutan-tuntutan yang dikemukakan oleh negeri Sarawak kepada Kerajaan Pusat di bawah Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) yang telah dipenuhi dan masih belum dipenuhi serta apakah kekangan-kekangan yang menyebabkan yang belum diselesaikan walaupun diarahkan untuk dilaksanakan segera oleh YAB Perdana Menteri.

JAWAPAN

**YAB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN
MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan Persekutuan komited dalam meneruskan perundingan mengenai isu-isu di bawah Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Sarawak supaya dapat diselesaikan mengikut lunas-lunas Perlembagaan Persekutuan dan kerangka perundangan sedia ada.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini status kemajuan perundingan **bagi Negeri Sarawak** yang melibatkan **26 perkara adalah** seperti berikut:
 - a. **Selesai Sepenuhnya (8 Tuntutan)**
 - i. Penyerahan Kuasa Kawal Selia *Liquified Petroleum Gas (LPG)* kepada Kerajaan Negeri Sarawak;
 - ii. Pindaan Perlembagaan Persekutuan Perkara 1(2) dan Perkara 160(2) Perlembagaan Persekutuan;
 - iii. Pemberian kuasa (*empowerment*) mengenai pelesenan dan penangkapan ikan laut dalam kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak;
 - iv. Pengiktirafan Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Sabah dan Negeri Sarawak sebagai Jabatan Teknik di bawah Arahan Perbendaharaan 182 (AP182);
 - v. Pindaan Akta LHDN 1995 bagi melantik Wakil Kerajaan Negeri Sabah Dan Sarawak Sebagai Anggota Tetap Lembaga Hasil Dalam Negeri;
 - vi. Pentadbiran badan kehakiman di Sabah dan Sarawak;

- vii. Penyediaan Garis Panduan Penyerahan Semula Tanah Direzabkan bagi maksud Persekutuan di Negeri Sabah dan Negeri Sarawak; dan
- viii. Cadangan Pindaan Perkara 95B Perlembagaan Persekutuan mengenai ubah suaian bagi Negeri Sabah dan Sarawak mengenai pembahagian kuasa perundangan.

b. Selesai Sebahagian/Interim (1 Tuntutan)

- i. Kajian Semula Pemberian Khas bagi Negeri Sabah dan Sarawak di bawah Perkara 112D.

c. Telah Mempunyai Keputusan Dasar (4 Tuntutan)

- i. Pemberian kuasa (*empowerment*) mengenai alam sekitar;
- ii. Tenaga buruh di Negeri Sabah dan Sarawak;
- iii. Kuasa Mengenai Pelantikan Pesuruhjaya Kehakiman (Pindaan Perlembagaan Persekutuan); dan
- iv. Penukaran Status Pelabuhan Bintulu dari Pelabuhan Persekutuan ke Pelabuhan Negeri.

d. Dalam Perbincangan (8 Tuntutan)

- i. Obligasi kewangan Persekutuan di bawah Senarai III, Senarai Bersama, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan;
- ii. Pertambahan perjawatan perkhidmatan awam Negeri Sabah dan Sarawak di bawah Perkara 112 Perlembagaan Persekutuan;
- iii. Borneonisasi perkhidmatan awam Persekutuan di Negeri Sabah dan Sarawak;
- iv. Pembangunan Sempadan Sabah-Sarawak-Kalimantan;

- v. Pertambahan bilangan Ahli Dewan Rakyat dari Negeri Sabah dan Sarawak di Dewan Rakyat;
- vi. Cadangan pindaan item 25A (Pelancongan) dalam Senarai I (Persekutuan), Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan kepada Senarai III (Bersama), Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan;
- vii. Isu kesihatan; dan
- viii. Isu pendidikan.

e. *Agree to Disagree (5 Tuntutan)*

- i. Royalti minyak dan pembayaran tunai petroleum;
 - ii. Mineral minyak dan medan minyak;
 - iii. Akta Laut Wilayah 2012 [Akta 750];
 - iv. Hak negeri ke atas pelantar benua; dan
 - v. Duti setem dikenakan ke atas instrumen pemindahan, caj, menyewakan tanah di bawah Ordinan Tanah Sabah (Bab 68) dan Kanun Tanah Sarawak (Bab 81).
3. Semua tuntutan yang belum diselesaikan akan terus dipantau oleh Bahagian Hal Ehwal Sabah dan Sarawak, Jabatan Perdana Menteri (BHESS, JPM) selaku Sekretariat kepada Majlis Tindakan Penyelesaian Perjanjian Malaysia 1963 (MTPMA63) dan Jawatankuasa Teknikal di bawah MTPMA63, bersama-sama dengan semua pemegang taruh (*stakeholders*) di peringkat Kerajaan Persekutuan dan juga di peringkat Kerajaan Negeri Sarawak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR TUAN ABUN SUI ANYIT**

TUAN ABUN SUI ANYIT minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai klinik-klinik daif dan sekolah-sekolah daif yang dinaik taraf oleh Kerajaan Sarawak menggunakan dana Kerajaan Negeri Sarawak bagi membantu Kerajaan Pusat untuk menyelesaikan isu klinik dan sekolah daif ini serta bagaimanakah kaedah pemantauan pelaksanaannya.

JAWAPAN**YAB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN
MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan maklumat yang dikemukakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), senarai sekolah daif yang telah dan akan dinaik taraf dengan menggunakan dana Kerajaan Negeri Sarawak adalah seperti berikut:

BIL.	PROJEK	STATUS
1.	SK Merpati Jepang, Kuching	Siap
2.	SK Ulu Segan, Bintulu	Siap
3.	SK Maludam	Siap
4.	SK Kpg Panasu, Daro	Pembinaan
5.	SK Sageng, Simunjan	Prabina
6.	SMK Gedong, Simunjan	Prabina

2. Kesemua projek menaik taraf sekolah ini dipantau sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Sarawak.
3. Bagi naik taraf fasiliti kesihatan daif, berdasarkan maklumat yang dikemukakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), telah dimaklumkan bahawa Kementerian Kewangan (MOF) pada 26 Jun 2024 mengarahkan KPM dan KKM untuk menyalurkan peruntukan berjumlah RM100 juta kepada JKR Sarawak dengan agihan sebanyak RM50 juta bagi tujuan pembaikan sekolah daif dan RM50 juta bagi tujuan pembaikan klinik daif.

NO. SOALAN: 49

4. Bagi tujuan tersebut, KKM melalui surat bertarikh 17 Julai 2024 telah mengeluarkan surat pelantikan kepada JKR Sarawak sebagai Agensi Pelaksana untuk Projek Naik Taraf Fasiliti Kesihatan Daif di Negeri Sarawak dengan kos projek sebanyak RM50 juta.
5. Senarai fasiliti kesihatan daif yang akan dinaik taraf adalah seperti berikut:

BIL.	NAMA FASILITI KESIHATAN	KOS PROJEK DILULUSKAN
1.	Klinik Kesihatan Tun Abang Haji Openg, Subis	RM7 juta
2.	Klinik Kesihatan Biawak, Lundu	RM7 juta
3.	Klinik Kesihatan Uma Sambop, Belaga	RM7 juta
4.	Klinik Kesihatan Tepus, Selangau	RM7 juta
5.	Klinik Kesihatan Triboh, Serian	RM13 juta
6.	Klinik Kesihatan Kuala Lawas	RM7 juta
7.	Naik Taraf Wad Isolasi, Hospital Umum Sarawak	RM2 juta
JUMLAH		RM50 juta

6. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM) memaklumkan bahawa bagi kaedah pemantuan projek, ia dilaksanakan di bawah Arahan No. 1 2023, Mekanisme Penyelarasan Pelaksanaan Pembangunan Negara. Dalam hal ini, ICU, JPM sentiasa mengadakan sesi libat urus yang melibatkan peringkat Negeri dan Persekutuan bagi menyelaraskan dan memantau pelaksanaan projek pembangunan yang turut merangkumi sekolah daif dan fasiliti kesihatan.

7. Jawatankuasa-Jawatankuasa di bawah Arahan No.1 2023 adalah seperti berikut:

(a) Peringkat Persekutuan

- i. Majlis Tindakan Pembangunan Negara (MTPN) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri; dan
- ii. Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Negara (JTPN) yang dipengerusikan oleh YBhg. Ketua Setiausaha Negara.

(b) Peringkat Kementerian

- i. Majlis Tindakan Pembangunan Kementerian (MTPK) yang dipengerusikan oleh YB Menteri; dan
- ii. Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian (JTPK) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian.

(c) Peringkat Negeri

- i. Majlis Tindakan Pembangunan Negeri (MTPNg) yang dipengerusikan oleh YAB Menteri Besar/Ketua Menteri/Premier; dan
- ii. Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Negeri (JTPNg) yang dipengerusikan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri.

(d) Peringkat Daerah

- i. Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Daerah (JTPD) yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah; dan
- ii. Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Bahagian (JTPB) di Sarawak yang dipengerusikan oleh Residen.

8. ICU JPM bersama dengan Agensi Pemilik seperti KPM dan KKM serta Agensi Pelaksana seperti JKR Malaysia dan JKR Sarawak juga sentiasa mengadakan lawatan serta mesyuarat berkala bersama pejabat/agensi di bawah YAB Premier Sarawak bagi memantau pelaksanaan pembangunan sekolah daif dan fasiliti kesihatan di Sarawak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR TUAN MANOLAN BIN
MOHAMAD**

TUAN MANOLAN BIN MOHAMAD minta **MENTERI KEMAJUAN
DESA DAN WILAYAH** menyatakan jumlah tanah yang telah siap diukur
pada tahun 2023 dan telah dihantar ke Kerajaan negeri untuk pewartaan
bagi setiap negeri dan nama kampung.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2023, hanya dua (2) buah Kampung Orang Asli (KOA) sahaja yang telah selesai diukur seperti berikut:

BIL.	KOA	KELUASAN (HEKTAR)
1.	Kampung Orang Putra, Jelebu, Negeri Sembilan	50
2.	Kampung Orang Asli Kubang Badak (Tambahan), Alor Gajah, Melaka	3.812

Kerja-kerja pengukuran kebiasaannya dilaksanakan dalam tempoh 36 bulan. Memandangkan lantikan Jurukur Tanah Berlesen (JTB) baharu sahaja dilaksanakan pada tahun 2023, dijangkakan majoriti kerja pengukuran akan selesai pada tahun 2026.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR TUAN MANOLAN BIN
MOHAMAD**

TUAN MANOLAN BIN MOHAMAD minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) sama ada pihak Kerajaan masih atau sedang merancang untuk mengadakan program Kelas Dewasa Orang Asli dan Peribumi (KEDAP) di perkampungan Orang Asli; dan
- (b) maklumat terperinci berkenaan jumlah pelajar yang ada di setiap negeri dan jumlah elaun yang diberikan.

JAWAPAN**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberikan perhatian yang serius kepada pendidikan anak-anak Orang Asli. Antara pendekatan yang diambil oleh pihak KPM adalah Program Kelas Dewasa Ibu Bapa Orang Asli dan Peribumi (KEDAP). Program ini telah dilaksanakan mulai Mac 2008 bertujuan untuk meningkatkan kadar literasi dan numerasi dalam kalangan ibu bapa Orang Asli dan Peribumi. Selain itu, Program KEDAP ini juga dapat memberi kesedaran tentang kepentingan pendidikan sepanjang hayat serta memotivasi anak hadir ke sekolah seterusnya mengurangkan kadar keciciran murid.

Program KEDAP masih lagi dilaksanakan dengan jumlah ibu bapa/penjaga yang terlibat dalam program KEDAP pada tahun ini adalah sebanyak 2000 orang yang melibatkan 80 buah sekolah. Jumlah peserta Program KEDAP mengikut negeri adalah seperti jadual berikut:

Bil.	Negeri	Jumlah Peserta
1.	Johor	275
2.	Selangor	125
3.	Pahang	150
4.	Terengganu	50
5.	Kelantan	325
6.	Negeri Sembilan	100
7.	Perak	350
8.	Sabah	475
9.	Sarawak	150
Jumlah Keseluruhan Peserta		2000

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, kadar elaun KEDAP untuk ibu bapa/penjaga mengikut kadar yang telah ditetapkan berdasarkan Surat Pekeliling Kewangan Bil.7/2008 adalah seperti berikut:

- i. Elaun Kehilangan Pendapatan (RM15.00 sehari)
- ii. Elaun Makan (RM4.00 sehari)
- iii. Elaun Pakaian (RM50.00 setahun)
- iv. Elaun Kesihatan (RM50.00 setahun)
- v. Bantuan Buku dan Peralatan Pembelajaran (RM50.00 setahun)
- vi. Elaun Lawatan (RM50.00 setahun)

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR TUAN MANOLAN BIN
MOHAMAD**

TUAN MANOLAN BIN MOHAMAD minta **MENTERI KEMAJUAN
DESA DAN WILAYAH** menyatakan :

- (a) data terperinci pada tahun 2022 dan 2023 berkaitan dengan kadar kemiskinan dalam kalangan masyarakat Orang Asli mengikut negeri dan daerah berdasarkan Kadar Garis Kemiskinan peringkat nasional; dan
- (b) jumlah miskin dan jumlah miskin tegar secara terperinci.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian ini sentiasa mengambil berat terutamanya dalam menaik taraf kehidupan masyarakat Orang Asli agar keluar dari belenggu kemiskinan tegar. Pengurangan kadar kemiskinan tegar merupakan salah satu agenda utama Kerajaan Madani dalam meningkatkan taraf sosio ekonomi masyarakat Orang Asli agar setanding dengan masyarakat arus perdana dan selari dengan tekad kerajaan untuk menoktahkan terus miskin tegar dikalangan masyarakat dalam negara ini.

Berdasarkan rekod statistik JAKOA sehingga 2023 sebanyak 58,498 ketua isi rumah masyarakat Orang Asli berada di bawah paras kemiskinan Nasional. Berikut merupakan pecahan bilangan jumlah ketua isi rumah mengikut kategori miskin dan miskin tegar :

Negeri	Bilangan KIR	Miskin	Miskin Tegar	Di bawah paras kemiskinan Nasional
Johor	4,887	1,138	3,363	4,501
Kedah	87	14	70	84
Kelantan	4,719	3,55	4,293	4,648
Melaka	653	275	308	583
Negeri Sembilan	3,739	785	2,657	3,442
Pahang	24,801	3,626	20,236	23,862
Perak	16,983	3,578	11,933	15,511
Selangor	6,313	1,994	3,591	5,585
Terengganu	293	18	264	282
Jumlah	62,475	11,783	46,715	58,498

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATUK NORAINI BINTI
IDRIS**

DATUK NORAINI BINTI IDRIS minta **MENTERI KESIHATAN** apakah persediaan yang sedang dirangka bagi menghadapi sebarang kebarangkalian berlakunya wabak Streptococcal Toxic Shock Syndrome (STSS) di negara ini memandangkan sebanyak 1,019 kes jangkitan STSS dilaporkan di negara Jepun setakat 9 Jun 2024.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. *Streptococcal Toxic Shock Syndrome* (STSS) adalah jangkitan bakteria *Streptococcus pyogenes* yang jarang ditemui. Bakteria *Streptococcus pyogenes* selalunya menyebabkan jangkitan ringan seperti radang tekak, *impetigo*, dan *scarlet fever*. Walau bagaimanapun, bakteria ini boleh menyebabkan jangkitan yang teruk seperti *necrotizing fasciitis* dan STSS.
2. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa memantau sebarang kejadian wabak atau kejadian berkaitan kesihatan yang berlaku dalam dan luar negara dengan:
 - a. menjalankan kerjasama bersama pelbagai negara dan organisasi antarabangsa seperti ASEAN dan WHO bagi mendapatkan maklumat segera berkenaan kejadian wabak atau sebarang kejadian berkaitan kesihatan di negara lain yang berpotensi merebak merentas sempadan;
 - b. meningkatkan kesiapsiagaan, saringan dan pengendalian penyakit yang berpotensi menyebabkan wabak atau pandemik bagi memastikan negara selamat daripada ancaman sebarang penyakit berjangkit di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA);
 - c. menjalankan surveilan penyakit secara klinikal dan yang berasaskan makmal secara berterusan sebagai sistem amaran awal bagi sebarang potensi kejadian wabak; dan

- d. memantau kejadian wabak atau kejadian berkaitan kesihatan di Malaysia melalui *Event-based Surveillance* yang dilaporkan kepada CPRC Kebangsaan. Sehingga kini, CPRC Kebangsaan masih belum menerima laporan berlakunya kejadian wabak STSS di Malaysia.
3. Sebarang kejadian wabak termasuk wabak STSS akan diuruskan mengikut prosedur operasi standard (SOP) dan garis panduan wabak sedia ada.
 4. Bagi memastikan tahap kesiapsiagaan anggota kesihatan, fasiliti dan negara berada pada tahap optimum, KKM menjalankan latihan simulasi berkaitan kesiapsiagaan dan respon terhadap wabak di peringkat kebangsaan dan negeri dari semasa ke semasa.
 5. KKM juga memastikan akses kepada rawatan, ujian makmal, dan fasiliti kesihatan (termasuk kemudahan seperti klinik, hospital dan makmal) adalah berada pada tahap optima bagi menghadapi sebarang kejadian wabak.
 6. KKM mengambil pendekatan komprehensif terhadap komunikasi risiko dan penglibatan komuniti (*risk communication and community engagement - RCCE*) serta sentiasa telus berhubung situasi wabak bagi membolehkan orang ramai boleh mendapat akses kepada maklumat yang tepat mengenai perkembangan wabak (sekiranya ada).

7. Orang ramai dinasihatkan mengamalkan langkah-langkah pencegahan jangkitan penyakit seperti berikut:
- a. memastikan tahap kebersihan diri yang tinggi iaitu kerap membasuh tangan dengan menggunakan air dan sabun atau *hand sanitizer*;
 - b. mengamalkan adab batuk yang baik dengan menutup mulut dan hidung apabila batuk atau bersin (menggunakan tisu muka dan membuang tisu ke dalam tong sampah bertutup sejurus selepas ia digunakan);
 - c. berehat di rumah dan mengelakkan dari mengunjungi tempat tumpuan ramai jika bergejala seperti batuk dan selsema (sekiranya perlu ke tempat awam, menggunakan pelitup muka dengan betul); dan
 - d. Jika gejala berterusan atau bertambah teruk, dinasihatkan untuk ke fasiliti kesihatan berdekatan (kerajaan atau swasta) bagi mendapatkan pemeriksaan dan rawatan lanjut.

Sekian.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATUK NORAINI BINTI
IDRIS**

DATUK NORAINI BINTI IDRIS minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bagaimanakah Garis Panduan Keselamatan Makanan Bank Makanan (Food Bank) dapat dijadikan sebagai satu pematuhan mandatori kepada semua penyumbang dan penerima sumbangan makanan memandangkan garis panduan tersebut melibatkan pemberian maklumat awal berkenaan status makanan yang boleh diingkari penderma atau tidak dipedulikan oleh penerima.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Akta Perlindungan Penderma Makanan 2020 (Akta 826) di bawah KPDN adalah untuk mengadakan peruntukan bagi perlindungan penderma makanan daripada apa-apa liabiliti sivil dan apa-apa perkara berkaitan dengannya.
2. Akta ini menyatakan seseorang penderma makanan tidak menanggung apa-apa liabiliti sivil berkenaan dengan kecederaan diri atau penyakit yang dideritai oleh mana-mana orang, atau kematian mana-mana orang, yang diakibatkan daripada pengambilan makanan yang didermakan atau diedarkan oleh penderma makanan melainkan jika boleh dibuktikan bahawa:
 - a. Disebabkan oleh kecuaiian salah laku yang disengajakan;
 - b. Tidak mematuhi kehendak berhubung dengan keselamatan makanan dan kebersihan makanan di bawah mana-mana undang-undang bertulis;
 - c. Makanan tidak selamat untuk dimakan pada masa makanan itu didermakan;
 - d. Pendermaan tidak dibuat dengan suci hati
3. Dalam hal ini, KKM bertanggungjawab dalam memastikan kawalan keselamatan makanan adalah berkesan dan mematuhi perundangan yang ditetapkan bagi pengendalian makanan di sepanjang rantai pembekalan tersebut.

4. Kawalan keselamatan makanan sedia ada di bawah KKM adalah seperti berikut:
 - a. Garis Panduan Keselamatan Makanan Bank Makanan (*Food Bank*) telah dibangunkan dan diedarkan kepada semua JKN untuk rujukan oleh semua pihak termasuk agensi, organisasi atau individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam aktiviti *food bank*.
 - b. Pendidikan kesihatan berkaitan keselamatan makanan bagi *food bank* kepada penyumbang, penyelaras dan penerima secara berterusan.
 - c. Pemantauan keselamatan makanan secara berterusan di setiap peringkat rangkaian makanan *food bank*.

5. Bagi menyokong Program Food Bank Malaysia (PFBM) di bawah KPDM, KKM sentiasa memberikan kerjasama dalam menjalankan pemeriksaan kebersihan dan keselamatan makanan berdasarkan keperluan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATUK NORAINI BINTI
IDRIS**

SENATOR DATUK NORAINI BINTI IDRIS minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah potensi jangka pendek serta jangka panjang yang boleh dicapai oleh Malaysia dalam aspek keterjaminan produk daging halal menerusi rangkaian kerjasama dengan negara Uruguay dan bagaimanakah kolaborasi tersebut berupaya memberi nilai tambah kepada sektor penghasilan produk berasaskan makanan tempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2022, Kadar Sara Diri (SSR) daging lembu/kerbau negara berada pada tahap 14.7%. Bagi memenuhi permintaan dan keperluan pengguna, pihak Kementerian melaksanakan pengimportan daging dari negara luar seperti Brazil, Australia dan India. Setiap permohonan dari negara luar akan diteliti dengan terperinci oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dari sudut sanitari dan fitosanitasi serta Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dari sudut kehalalan sebelum ia dibenarkan dibawa masuk.

Kementerian sentiasa menerima permohonan dari negara luar untuk mengeksport produk daging ke Malaysia termasuk dari Uruguay. Dalam hal ini, daging merupakan eksport terbesar Uruguay diikuti selulosa, gandum, kacang soya dan beras. Sebagai salah satu negara pengeksport daging terbesar dunia, Uruguay mempunyai kelebihan untuk menjadi pengeksport daging lembu berkualiti yang utama ke Malaysia memandangkan negara tersebut mempunyai industri ternakan ruminan yang besar dengan keupayaan kilang dan teknologi pemprosesan yang kompeten.

Bagi potensi jangka masa pendek, Uruguay boleh menjadi salah satu negara yang dapat membekalkan daging yang selamat dan halal setelah mendapat semua kelulusan dari DVS dan JAKIM bagi memenuhi keperluan permintaan tempatan selain daripada negara luar lain. Oleh itu, rakyat dan industri hiliran tempatan bagi hasilan daging akan mempunyai lebih banyak pilihan produk daging dengan harga yang kompetitif.

Bagi potensi jangka masa panjang, negara tidak akan hanya bergantung kepada pengimportan daging dari satu sumber negara sahaja dan mempunyai pilihan untuk mengimport daging halal dari pelbagai negara yang mempunyai standard keselamatan makanan yang tinggi. Selain itu, peluang ini boleh diambil bagi Malaysia dan Uruguay untuk meningkatkan lagi kerjasama dalam aspek keterjaminan makanan termasuk memperkasa lagi isu-isu halal, fitosanitari dan keselamatan

NO SOALAN: 55

makanan, ke arah menjadikan Malaysia sebagai hab perdagangan daging lembu di rantau ini. Perkara ini adalah selari dengan hasrat Malaysia untuk menjadikan negara sebagai gerbang perdagangan kepada negara-negara ASEAN.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATUK NORAINI BINTI
IDRIS**

DATUK NORAINI BINTI IDRIS minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah langkah berfokus yang sedang dilaksanakan ke arah mewujudkan kesaksamaan dalam pertumbuhan industri yang melibatkan sumber manusia dan teknologi bagi negeri-negeri berpendapatan rendah khususnya negeri Sabah bersandarkan resolusi yang disimpulkan dalam Forum Ekonomi Sedunia (WEF) 2024 di Riyadh, Arab Saudi.

JAWAPAN

Tuan yang Di-pertua,

Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (*New Industrial Master Plan - NIMP 2030*) merupakan Pelan Induk Perindustrian edisi keempat yang telah dirangka untuk meningkatkan keupayaan sektor perindustrian negara agar lebih mampan dan berdaya saing di peringkat global.

Salah satu misi utama yang digariskan di bawah NIMP 2030 iaitu Misi Keempat adalah untuk menjamin sekuriti ekonomi serta keterangkuman dalam menggalakkan penyertaan saksama dalam aktiviti ekonomi, khususnya sektor pembuatan. Dalam hal ini, pelaksanaan NIMP 2030 tidak akan hanya tertumpu kepada sesuatu kawasan, tetapi ianya akan mengambil pendekatan pembangunan secara menyeluruh, merentasi kluster ekonomi sedia ada di samping mewujudkan kluster ekonomi baharu bagi menyokong bidang ekonomi baharu di bawah NIMP 2030.

NIMP 2030 adalah bersifat inklusif dan bertujuan untuk memastikan tiada negeri yang akan ditinggalkan bagi tujuan pelaksanaan. Kerajaan Negeri perlu bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan bagi merealisasikan hasrat pelaksanaan NIMP 2030 untuk memastikan pembangunan secara saksama di semua kawasan di Malaysia.

Untuk makluman, Sabah mencatatkan jumlah pelaburan berjumlah RM11.3 billion pada tahun 2023, di mana sektor perkhidmatan merupakan penyumbang utama kepada jumlah pelaburan tersebut, terutama dalam bidang hartanah dan pengedaran perdagangan (*distributive trade*). Sektor primer merupakan penyumbang kedua terbesar pelaburan di Sabah, diikuti oleh sektor pembuatan.

Di dalam industri pembuatan secara khusus, sebanyak RM1.5 billion pelaburan telah dicatatkan untuk tahun 2023, di mana kebanyakan pelaburan tersebut adalah dalam sektor mineral, pemprosesan makanan, besi dan keluli, mesin dan peralatan serta produk berasaskan getah.

Industri-Industri tersebut mempunyai potensi besar untuk terus di majukan di Sabah memandangkan pelaksanaan NIMP 2030 akan mengambil kira pembangunan industri-industri tersebut dalam usaha untuk mencapai misi dan objektif yang telah digariskan menjelang tahun 2030.

Kementerian ini mengambil maklum bahawa negeri Sabah merupakan negeri yang kaya dengan sumber asli seperti minyak dan gas, balak, mineral dan minyak sawit, dan ini memberi peluang bagi negeri tersebut untuk memacu pertumbuhan dalam pembuatan hiliran. NIMP 2030 menggariskan strategi agar Malaysia memanfaatkan sumber asli dan bahan mentah negara dengan menggalakkan pelaburan dalam aktiviti hiliran bagi sumber asli tersebut.

Dalam hal ini, NIMP 2030 telah mengenalpasti industri atau projek yang berpotensi tinggi untuk menarik lebih banyak pelabur serta memacu ekonomi negeri Sabah seperti berikut:

i. Sektor hiliran Kelapa Sawit, Biojisim dan Biogas di Lahad Datu

Kawasan ini merupakan pusat kawasan penanaman kelapa sawit di Sabah iaitu sekitar 1.55 juta hektar dan sehingga kini terdapat 128 kilang kelapa sawit yang beroperasi di Kawasan tersebut. Ini menjadikan industri hiliran berasaskan produk kelapa sawit sebagai salah satu industri yang berpotensi memberikan impak yang besar ke atas pembangunan di Sabah.

ii. Aktiviti berkaitan Pelabuhan dan Logistik di *Palm Oil Industrial Cluster (POIC)*, Sabah.

Kawasan ini mempunyai kemudahan zon perdagangan bebas, *bonded warehouse*, tempat penyimpanan sejukbeku, pemprosesan makanan, penampungan minyak dan gas. Selain daripada itu terdapat juga kemudahan pelabuhan bersepadu seperti Terminal Pukal Kering, Terminal Pukal Cecair, Terminal Kontena, Dermaga Tongkang dan Terminal Pukal.

iii. Industri Petrokimia seperti Kilang Penapis Minyak dan Pengedaran dan Penyimpanan di POIC Sabah.

Ketersediaan kemudahan pelabuhan bersepadu di POIC seperti terminal cecair, kering, kontena dan tongkang dapat memudahkan pengendalian pelbagai jenis kargo pelabur di dalam sektor industri petrokimia. Selain daripada itu, kawasan POIC ini juga luas bagi tujuan pembesaran pelabuhan atau memenuhi permintaan industri yang memerlukan kawasan tanah yang luas.

iv. Industri Halal di POIC Sabah.

POIC Lahad Datu telah diiktiraf sebagai taman perindustrian pertama berstatus HALMAS di Sabah. Dengan kawasan industri yang siap dibangunkan, kawasan ini sedia untuk menerima industri yang berasaskan halal. Selain daripada itu, kedudukannya juga berdekatan dengan pelabuhan kontena memudahkan aktiviti pengimportan dan pengeksportan untuk dijalankan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATUK NORAINI BINTI
IDRIS**

DATUK NORAINI BINTI IDRIS minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah justifikasi terhadap pemotongan serta suntingan yang ketara bagi filem arahan pengkarya filem Indonesia iaitu Joko Anwar yang bertajuk 'Siksa' yang pada asalnya bertajuk 'Siksa Kubur' memandangkan pemotongan akhir karya tersebut telah merencatkan jalan cerita serta konteks asal filem seram yang berunsurkan dakwah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Lembaga Penapis Filem (LPF), Kementerian Dalam Negeri (KDN) melaksanakan tugas dan tanggung jawabnya berdasarkan kepada Akta Penapisan Filem 2002 [Akta 620]. Merujuk kepada peruntukan tersebut, LPF bertanggungjawab dalam melaksanakan penapisan filem yang disiarkan, dipamer, disebar, ditayang, diedar atau dipancarkan secara fizikal (konvensional) kepada khalayak penonton di Malaysia (kecuali melalui internet/platform penstriman).

Dalam melaksanakan proses penapisan filem, LPF menggunakan Garis Panduan Penapisan Filem (GPPF), KDN Tahun 2024. Terdapat tiga (3) teras utama yang digariskan dalam garis panduan tersebut yang perlu diteliti dan diberikan perhatian khusus oleh anggota-anggota Lembaga semasa menapis sesebuah filem, iaitu:

- (i) Keselamatan dan Ketenteraman Awam;
- (ii) Keagamaan; dan
- (iii) Moral dan Sosiobudaya.

Berdasarkan GPPF 2024, kandungan sesuatu filem boleh menyentuh sebarang perkara yang merangkumi ketiga-tiga teras di atas asalkan ianya tidak menimbulkan kontroversi yang boleh menjejaskan keharmonian dan kesejahteraan masyarakat yang menonton sesebuah karya filem.

Di dalam konteks keagamaan (Islam), semua perkara Gha'ibiyat dan Samm'iyat yang tidak disebut secara jelas di dalam al-Quran dan al-Sunnah adalah dilarang untuk dipaparkan secara visual. Adegan-adegan yang berkaitan dengan perkara Gha'ibiyat dan Samm'iyat yang cuba menggambarkan rupa dan keadaan suasana azab kubur, gambaran di neraka dan syurga serta keadaan pada hari kiamat dan hari akhirat tidak boleh dipaparkan secara imaginasi di dalam filem kerana ianya bercanggah dengan akidah hukum dan ajaran Islam yang mana pengetahuan tentang dunia ghaib hanyalah setakat yang dijelaskan di dalam al-Quran dan al-Sunnah sahaja.

Selain itu, melalui Garis Panduan Penapisan Kandungan Bahan-Bahan Penyiaran Berunsur Islam yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada tahun 2015, pihak JAKIM juga melarang sebarang lakonan atau penayangan sebarang filem yang menggambarkan watak para Nabi, Malaikat, Syaitan dan perkara-perkara yang berkaitan dengan Samm'iyat dan Ghai'ibiyat ini.

Justeru, arahan-arahan perubahan yang diarahkan oleh LPF terhadap filem Siksa adalah melibatkan adegan-adegan yang mengandungi unsur Ghai'bbyat dan Samm'iyat di dalam filem berkenaan. Selaras dengan teras utama berkaitan keagamaan di dalam GPPF 2024, LPF tidak akan memberikan pertimbangan terhadap kandungan sesebuah filem yang secara terang-terangan mencemarkan kesucian agama Islam dan akidah umatnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATO' ABDUL HALIM BIN
SULEIMAN**

DATO' ABDUL HALIM BIN SULEIMAN minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah mekanisme yang akan diguna pakai oleh Malaysia dalam penyertaan ke dalam kumpulan negara Brazil, Rusia, India, China, dan Afrika Selatan (BRICS).

JAWAPAN

**YB DATO' SERI UTAMA HAJI MOHAMAD BIN HAJI HASAN
MENTERI LUAR NEGERI
KEMENTERIAN LUAR NEGERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Halim Bin Suleiman** di atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Malaysia telah memohon secara rasmi untuk menyertai BRICS. Penyertaan Malaysia dalam BRICS boleh direalisasikan melalui beberapa saluran. Keterlibatan Malaysia dalam BRICS tidak hanya terhad kepada keanggotaan penuh dalam BRICS, namun boleh direalisasikan melalui modaliti, dengan izin, *New Partner Country* di mana Malaysia boleh dilantik sebagai negara rakan kepada BRICS.

3. Dalam konteks ini, BRICS sedang dalam proses mengkaji dan memuktamadkan mekanisme, dengan izin, *BRICS Partner Country Model* dimana kategori khusus tersebut akan diwujudkan sebagai modaliti untuk menerima penyertaan negara-negara baharu dalam BRICS. Cadangan modaliti ini sedang dirunding oleh BRICS dan dijangka akan diterima pakai semasa Sidang Kemuncak BRICS ke-16 pada bulan Oktober 2024 di Kazan, Rusia, sekiranya cadangan ini mendapat konsensus Ketua-Ketua Negara/Kerajaan negara-negara anggota BRICS secara.

4. Malaysia juga boleh mempertimbangkan untuk menyertai Sidang Kemuncak BRICS di bawah mekanisme sedia ada, seperti, dengan izin, *BRICS Outreach* atau *BRICS Plus*. Mekanisme ini adalah berbentuk jemputan kepada Ketua-Ketua Negara/Kerajaan untuk menghadiri mesyuarat-mesyuarat tertentu semasa Sidang Kemuncak BRICS. Penyertaan di bawah mekanisme ini membolehkan negara terlibat menyumbang buah fikiran semasa perbincangan mengenai isu-isu berkepentingan bagi negara-negara membangun, termasuk Malaysia.

5. Ada negara telah menyertai mesyuarat, dengan izin, *BRICS Plus Dialogue* dan *BRICS-Africa Outreach* yang diadakan di sela-sela Sidang Kemuncak BRICS ke-15 pada tahun 2023 di Afrika Selatan. Ada juga yang telah menghadiri beberapa mesyuarat BRICS di peringkat Menteri pada tahun 2023 dan 2024 atas jemputan Pengerusi BRICS.

6. Justeru, kita tidak menolak kebarangkalian penglibatan Malaysia dalam BRICS boleh direalisasikan menerusi mekanisme-mekanisme ini bagi membolehkan Malaysia memberikan sumbangan bermakna dalam memperjuangkan agenda Selatan Global dan mendapatkan pelbagai manfaat demi kepentingan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR TAN SRI DATO' LOW
KIAN CHUAN**

TAN SRI DATO' LOW KIAN CHUAN minta **MENTERI PERDAGANGAN
DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan :-

- (a) jumlah penggunaan bahan api (per liter) dan subsidi pada tahun 2023 mengikut jenis bahan api (RON95, RON97 dan diesel); dan
- (b) bilangan ketirisan (melalui penyeludupan) untuk setiap jenis bahan api.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, Kementerian tidak merekodkan data penggunaan bahan api tetapi hanya menyimpan data pembekalan produk petroleum seluruh Malaysia. Jumlah pembekalan runcit bahan api (RON95, RON97 dan diesel) (per liter) bagi tahun 2023 adalah 27 bilion liter. Manakala, rekod pemberian subsidi pula adalah tertakluk di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan.

Pemantauan penggunaan bahan api diesel dan petrol melalui mekanisme pengeluaran Permit Barang Kawalan Berjadual dan Permit Khas dilaksanakan sebagai kaedah kawalan dan pemantauan bagi mana-mana orang yang membeli petrol dan diesel dalam bekas di stesen minyak. Sebagaimana kita sedia maklum, pada tahun 2023, harga jualan diesel dan petrol di stesen minyak masih diberikan subsidi oleh Kerajaan. Data pengeluaran Permit Khas bagi tahun 2023 yang dikeluarkan oleh KPDN telah merekodkan sebanyak 1,676,091 liter diesel dan 337,860 liter petrol.

Tindakan kes yang diambil oleh KPDN bagi merujuk kepada aktiviti ketirisan atau penyeludupan adalah berkaitan kesalahan memindahkan barang kawalan di tempat yang tidak dilesenkan, memiliki barang kawalan dengan niat untuk melakukan kesalahan, tidak menyelenggara buku stok, menyimpan serta mengguna barang kawalan tanpa permit dan berurus niaga barang kawalan tanpa lesen. Data tindakan kes di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 yang direkodkan pada tahun 2023 adalah sebanyak 944 kes melibatkan diesel dengan nilai sitaan sebanyak 7,672,575 liter, manakala sebanyak 340 kes melibatkan petrol dengan nilai sitaan sebanyak 319,277 liter.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR TAN SRI DATO' LOW
KIAN CHUAN**

TAN SRI DATO' LOW KIAN CHUAN minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah subsidi untuk bahan api, elektrik, gula, minyak masak dan telur, masing-masing pada tahun 2019, 2022, 2023 dan sehingga sekarang dalam tahun 2024.

JAWAPAN**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, tujuan utama pemberian subsidi adalah untuk menjaga kebajikan rakyat. Di antara program yang dilaksanakan oleh Kerajaan bagi meringankan bebanan kewangan yang dialami adalah melalui subsidi kepenggunaan. Jumlah subsidi yang telah diberikan bagi sektor kepenggunaan (termasuk bahan api, elektrik, gula, minyak masak, dan telur) untuk tahun 2019 hingga 2024 adalah seperti berikut:

Subsidi Tahun 2019-2024 (RM bilion)

Subsidi	Tahun					
	2019	2020	2021	2022	2023	2024
Sektor Kepenggunaan	7.3	2.8	12.9	66.3	54.2	26.5

Nota: 2019-2023 adalah merujuk kepada perbelanjaan sebenar manakala 2024 merujuk kepada peruntukan

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR TAN SRI DATO' LOW
KIAN CHUAN**

TAN SRI DATO' LOW KIAN CHUAN minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan peratusan kadar pelaburan yang direalisasikan bagi Pelaburan Langsung Dalam Negeri (DDI) dan Pelaburan Langsung Asing (FDI) yang diluluskan, masing-masing bagi tempoh tahun 2011- 2015, 2016-2020, dan 2021-2023.

JAWAPAN

Tuan yang Di-pertua,

Sukacita dimaklumkan bahawa MIDA dan Jabatan Perangkaan Malaysia (*Department of Statistics Malaysia - DOSM*), masing-masing menggunakan metodologi pengiraan yang berbeza mengenai nilai pelaburan, yang menyumbang kepada perbezaan atau jurang data bagi pelaporan oleh MIDA dan DOSM. Oleh itu, bagi mengelakkan kekeliruan, MIDA telah menggantikan penggunaan terminologi kepada Pelaburan Asing (*Foreign Investment – FI*) dan Pelaburan Domestik (*Domestic Investment – DI*), manakala DOSM kekal menggunakan terma Pelaburan Langsung Asing (*Foreign Direct Investment – FDI*) dan Pelaburan Langsung Domestik (*Domestic Direct Investment – DDI*).

Nilai pelaburan diluluskan yang diumumkan oleh MIDA adalah merujuk kepada cadangan projek pelaburan yang **diusulkan** oleh pelabur. Nilai pelaburan yang dicadangkan ini juga bertindak sebagai **ukuran proksi** kepada pelaburan yang **dilaksana/direalisasikan** dengan syarat projek tersebut telah mencapai salah satu status pelaksanaan, iaitu sama ada telah **memulakan operasi**; sedang membuat **pemasangan mesin**; **atau** sedang dalam proses **pembinaan/penyewaan kilang/bangunan/gudang**. Berdasarkan jumlah pelaburan yang dilaporkan, pecahan FI dan DI dihitung melalui **pengagihan ekuiti tempatan atau asing** dalam setiap projek untuk mendapatkan gambaran menyeluruh tentang pelaburan tersebut.

Manakala **nilai FDI** yang dilaporkan oleh **DOSM** pula merujuk kepada pelaburan dalam **konteks aliran masuk dan keluar** pelaburan asing, dengan fokus kepada aktiviti **pelaburan sebenar**, berdasarkan **transaksi kewangan** yang dilakukan oleh syarikat-syarikat asing. Tafsiran bagi FDI yang digunakan DOSM adalah pemilikan sekurang-kurangnya **10% pegangan dan kuasa undi** dalam syarikat gabungan di Malaysia.

Bagi memastikan Malaysia kekal sebagai sebuah negara **berdaya saing**, Kerajaan sentiasa komited dalam mempergiat dan mengukuhkan

usaha untuk terus menarik pelaburan, terutamanya yang **berkualiti tinggi** agar dapat memberi manfaat kepada negara dan rakyat melalui **limpahan aktiviti ekonomi**, termasuk dari aspek **peluang perniagaan** dan **pekerjaan bernilai tinggi**.

Sepanjang tahun **2011-2023**, **sektor perkilangan** di bawah seliaan **Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI)** dan agensi MITI, iaitu **Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)** telah mencatatkan jumlah pelaburan yang **diluluskan** sebanyak **RM1.11 trilion**. Daripada jumlah tersebut, **pelaburan asing** menyumbang sebanyak **RM756.3 bilion** atau **68.1 peratus** manakala **pelaburan domestik** menyumbang sebanyak **RM354.5 bilion** atau **31.9 peratus**, melibatkan sejumlah **10,492 projek** yang akan menjana sejumlah **978,288 peluang pekerjaan baharu**.

Jadual berikut menunjukkan **projek perkilangan yang diluluskan, direalisasikan** serta kadar **peratusan projek perkilangan yang direalisasikan berbanding yang diluluskan** sepanjang tempoh **2011-2023**:

Projek perkilangan yang diluluskan, direalisasikan dan kadar peratusan projek yang direalisasikan berbanding yang diluluskan bagi sektor perkilangan					
Tahun	Diluluskan / Direalisasikan	Jumlah Projek	Pelaburan Domestik (RM bilion)	Pelaburan Asing (RM bilion)	Jumlah Pelaburan (RM bilion)
2011-2015	Diluluskan	3,928	136.3	159.6	295.9
	Direalisasikan	3,315 (84.4%)	91.3 (67.0%)	113.8 (71.3%)	205.1 (69.3%)
2016-2020	Diluluskan	4,178	160.9	222.6	383.5
	Direalisasikan	3,854 (92.2%)	150.0 (93.2%)	191.4 (86.0%)	341.4 (89.0%)

2021-2023	Diluluskan	2,386	57.3	374.1	431.4
	Direalisasikan	1,772 (74.3%)	34.3 (60.0%)	260.2 (69.6%)	294.5 (68.3%)
Jumlah	Diluluskan	10,492	354.5	756.3	1,11.0
	Direalisasikan	8,941 (85.2%)	275.6 (77.8%)	565.4 (74.8%)	841.0 (75.7%)

Projek yang telah direalisasikan merujuk kepada projek yang telah **memulakan operasi**, sedang dalam **pembinaan bangunan** dan **kilang** atau sedang dalam **pemasangan mesin dan peralatan**. Daripada jumlah projek perkilangan yang diluluskan dalam tempoh tersebut (2011 – 2023), sebanyak **8,941 projek (85.2%)** dengan **jumlah pelaburan sebanyak RM841.0 bilion** telah **direalisasikan** dan **mewujudkan sebanyak 789,083 pekerjaan**. Mengambil kira data tersebut juga melibatkan kelulusan bagi tahun 2023, pencapaian ini adalah memberangsangkan memandangkan pelaksanaan projek perkilangan yang diluluskan secara lazimnya mengambil masa **18 hingga 24 bulan untuk direalisasikan**, bergantung kepada kompleksiti, skala projek dan keadaan ekonomi semasa.

MITI melalui MIDA akan memastikan projek-projek yang diluluskan ini dapat **direalisasikan** dalam kadar segera melalui Pejabat Pelaksanaan Projek dan Fasilitasi (TRACK) yang menyediakan **khidmat fasilitasi** dan **memudah cara proses kelulusan pada setiap peringkat**.

MITI dan MIDA juga akan terus **proaktif** dalam **memperkasakan reformasi polisi** bagi terus meningkatkan **keyakinan pelabur** serta **mengukuhkan** kedudukan Malaysia sebagai **destinasi** pelaburan **pilihan**. Segala usaha dan kolaborasi yang telah dilaksanakan, termasuk menerusi pendekatan “*Whole-of-Government*” dan “*Whole-of-Nation*” akan sentiasa **ditambah baik** mengikut keperluan dan maklum balas daripada semua pemegang taruh dan pihak-pihak yang berkepentingan, khususnya menerusi **sesi libat urus** yang dilaksanakan dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR TAN SRI DATO' LOW
KIAN CHUAN**

TAN SRI DATO' LOW KIAN CHUAN minta **MENTERI SUMBER
MANUSIA** menyatakan unjuran keperluan tenaga kerja negara mengikut
jenis kemahiran untuk menyokong Pelan Induk Perindustrian Baharu
(NIMP) 2030 dan jumlah besar pelaburan yang diluluskan pada 2021-
2023.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi unjuran keperluan guna tenaga dan unjuran berkaitan pasaran buruh, KESUMA mengguna pakai unjuran yang telah diterbitkan oleh Kementerian Ekonomi (KE) dalam Rancangan Lima Tahun. Unjuran terkini adalah dalam dokumen Kajian Separuh Penggal (KSP) RMKe-12. Berikut disertakan keperluan guna tenaga mengikut kategori kemahiran dan kumpulan pekerjaan berdasarkan KSP RMKe-12 (2015-2025) yang diterbitkan oleh KE:

Guna Tenaga mengikut kategori kemahiran dan kumpulan pekerjaan, 2015-2025

Perkara	Sebenar								Sasaran Dipinda	
	2015		2020		2021		2022		2025	
	'000 Oran g	% Jumlah	'000 Oran g	% Jumlah	'000 Oran g	% Jumlah	000 Oran g	% Jumlah	'000 Oran g	% Jumlah
Mahir	3,588	25.5	4,223	28.2	4,455	29.6	4,561	29.6	5,739.3	35.0
Pengurus	719	5.1	808	5.4	687	4.6	712	4.6	1,197	7.3

Profesional	1,462	10.4	1,868	12.5	1,961	13	1,993	12.9	2,181	13.3
Juruteknik dan Profesional Bersekutu	1,407	10	1,547	10.3	1,807	12	1,855	12.1	2,361	14.4
Separuh Mahir	8,534	60.7	8,953	59.9	8,694	57.7	8,987	58.4	8,854.9	54.0
Pekerja Sokongan Perkeranian	1,241	8.8	1,242	8.3	1,507	10	1,535	10	1,476	9
Pekerja Perkhidmatan dan Jualan	3,189	22.7	3,632	24.3	3,612	24	3,763	24.4	3,280	20
Pekerja Mahir	940	6.7	916	6.1	720	4.8	724	4.7	984	6

Pertanian, Perhutanan, Penternakan dan Perikanan										
Pekerja Berkemahiran dan Pertukangan yang berkaitan	1,579	11.2	1,473	9.8	1,301	8.6	1,381	9	1,640	10
Operator Mesin dan Loji dan Pemasang	1,585	11.3	1,690	11.3	1,554	10.3	1,584	10.3	1,476	9
Berkemahiran Rendah										
Pekerja Asas	1,946	13.8	1,780	11.9	1,915	12.7	1,844	12.0	1,804	11.0

Jumlah Guna Tenaga	14,0 68	100.0	14,9 57	100.0	15,0 64	100.0	15,3 92	100.0	16,39 8	100.0
-----------------------------------	--------------------	--------------	--------------------	--------------	--------------------	--------------	--------------------	--------------	--------------------	--------------

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR TAN SRI DATO' LOW
KIAN CHUAN**

TAN SRI DATO' LOW KIAN CHUAN minta **MENTERI PERALIHAN
TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan :-

(a) struktur kos penghasilan elektrik untuk pengguna domestik dan bukan domestik; dan

(b) jumlah subsidi masing-masing yang dibiayai oleh Kerajaan dan Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE) kepada setiap kumpulan pengguna utama bagi setiap enam bulan sejak pelaksanaan Ketidakseimbangan Pelepasan Kos Bahan Api (ICPT).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

a) Struktur kos penghasilan elektrik untuk pengguna domestik dan bukan domestik

1. Tarif elektrik kepada semua pengguna di Semenanjung (domestik dan bukan domestik) ditetapkan berdasarkan kerangka *Incentive Based Regulation* (IBR) yang terbahagi kepada dua komponen utama iaitu yang pertama adalah purata tarif asas elektrik yang disemak setiap tiga tahun dan yang kedua adalah pelarasan tarif elektrik di bawah mekanisme *Imbalance Cost Pass Through* (ICPT) yang disemak setiap enam bulan.

2. Bagi komponen yang pertama, Kerajaan pada 5 Januari 2022 telah bersetuju supaya purata tarif asas elektrik bagi tempoh kawal selia ketiga (*Regulatory Period 3 - RP3*) yang bermula pada 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2024 ditetapkan pada kadar 39.95 sen/kWj setelah mengambil kira unjuran harga bahan api iaitu arang batu dan gas, keperluan kos modal (*Capital Expenditure – CAPEX*), kos operasi (*Operational Expenditure - OPEX*) dan kadar keuntungan Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang munasabah bagi tempoh tiga tahun tersebut.

3. Seterusnya, komponen yang kedua adalah pelarasan tarif elektrik di bawah mekanisme ICPT yang dilaksanakan pada setiap enam bulan dengan mengambil kira kos bahan api dan penjanaan lain bagi tempoh enam bulan ke belakang. Berdasarkan mekanisme ini, semua pengguna di Semenanjung perlu membayar bil elektrik masing-masing setelah diselaraskan melalui pemberian rebat atau surcaj bergantung kepada semakan terhadap harga bahan api sebenar bagi tempoh setiap enam

bulan tersebut. Ini bermakna, semua pengguna sepatutnya membayar tarif elektrik mengikut penggunaan mereka berdasarkan harga bahan api di pasaran yang berada di luar kawalan Kerajaan.

4. Namun begitu, Kerajaan masih boleh memberikan subsidi terhadap tarif elektrik di Semenanjung ketika kos bahan api adalah tinggi berdasarkan semakan supaya surcaj bahan api sebenar yang tinggi tidak

dilepaskan sepenuhnya kepada semua pengguna. Ini adalah supaya kesejahteraan rakyat terus terjamin serta rakyat yang berpendapatan rendah terus dilindungi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

b) Jumlah subsidi masing-masing yang dibiayai oleh Kerajaan dan Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE) kepada setiap kumpulan pengguna utama bagi setiap enam bulan sejak pelaksanaan Ketidakseimbangan Pelepasan Kos Bahan Api (ICPT) adalah seperti berikut:

1. Secara keseluruhannya, kos subsidi elektrik di bawah mekanisme ICPT sejak pelaksanaannya pada tahun 2015 sehingga kini adalah dianggarkan sebanyak RM28.5 bilion yang dibiayai oleh Kerajaan atau dana KWIE. Perincian kos subsidi bagi setiap kumpulan utama adalah seperti Jadual berikut:

Jadual: Jumlah subsidi ICPT yang dibiayai oleh Kerajaan dan Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE) (RM juta)^[1]

PELAKSANAAN NICPT	SUBSIDI YANG DITANGGUNG KERAJAAN /DANA KWIE (RM juta)			
	DOMESTIK	BUKAN DOMESTIK	JUMLAH	SUMBER PEMBIAYAAN
Jul-Dis 2015	300.67	-	300.67	KWIE

Jan-Jun 2016	-	-	-	-
Jul-Dis 2016	-	-	-	-
Jan-Jun 2017	-	-	-	-

Jul-Dis 2017	1,303.00	-	1,303.00	KWIE
Jan-Jun 2018	929.37	-	929.37	KWIE
Jul-Dis 2018	114.42	-	114.42	KWIE
Jan-Jun 2019	308.38	-	308.38	KWIE
Jul-Dis 2019	107.16	-	107.16	KWIE
Jan-Jun 2020	-	-	-	-
Jul-Dis 2020	-	-	-	-
Jan-Jun 2021	-	-	-	-
Jul-Dis 2021	491.56	-	491.56	KWIE
Feb-Jun 2022	664.92	-	664.92	KWIE
Jul-Dis 2022	2,298.24	3,457.5 2	5,755.76	KWIE/Kerajaan
Jan-Jun 2023	4,909.83	5,498.7 9	10,408.6 2	Kerajaan
Jul-Dis 2023	2,686.96	2,010.1 2	4,697.08	Kerajaan
Jan-Jun	1,063.29	332.77	1,396.06	KWIE/Kerajaan

2024				n
Jul-Dis 2024	1,316	710	2,026.00	KWIE
Jumlah	16,493.8	12,009. 2	28,503	-

[1] Kos subsidi oleh Kerajaan/ dana KWIE kepada pengguna elektrik Tenaga Nasional Berhad

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATO' AHMAD BIN DATO'
SRI HJ IBRAHIM**

DATO' AHMAD BIN DATO' SRI HJ IBRAHIM minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan adakah Kementerian mempunyai strategi khas untuk menyokong pertumbuhan industri tempatan yang dapat mencipta lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat.

JAWAPAN

Tuan yang Di-pertua,

Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (*New Industrial Master Plan - NIMP 2030*) merupakan Pelan Induk Perindustrian edisi keempat yang telah dirangka untuk meningkatkan keupayaan sektor perindustrian negara agar lebih mampan dan berdaya saing di peringkat global.

Salah satu misi utama yang digariskan di bawah NIMP 2030 iaitu Misi Pertama adalah untuk memajukan kompleksiti ekonomi, khususnya sektor pembuatan. Misi ini bertujuan untuk menggalakkan industri untuk lebih berinovasi dan menghasilkan lebih banyak produk di segmen yang lebih bernilai tambah tinggi dan kompleks, seterusnya mewujudkan peluang pekerjaan begaji tinggi.

Dalam melaksanakan Misi ini yang membabitkan aktiviti tambah nilai yang lebih tinggi, inovasi dan peluang pertumbuhan baharu, Malaysia akan memerlukan kumpulan bakat berkemahiran tinggi yang besar dan pelbagai. Menyedari hakikat ini, agenda pembangunan bakat bagi memenuhi keperluan sektor-sektor kritikal telah digariskan sebagai salah satu pemacu perubahan (*enabler*) di bawah NIMP 2030.

Sebagai contoh dalam industri elektrik dan elektronik, beberapa langkah telah dan sedang dilaksanakan oleh pelbagai kementerian, termasuklah MITI dan agensi sebagai usaha untuk menyediakan bakat berkemahiran tempatan. Salah satunya adalah inisiatif Akademi dalam Industri (ADI) yang diterajui oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC).

Inisiatif ini dilaksanakan untuk menangani masalah kekurangan tenaga kerja berkemahiran yang sering dihadapi oleh industri dengan mensasarkan 50,000 bakat tempatan diberi penempatan dan latihan berstruktur di industri yang terpilih, termasuk industri elektrik dan elektronik (E&E). Syarat penyertaan untuk inisiatif ADI juga adalah pada kadar minimum bagi meningkatkan permohonan kumpulan sasar khususnya dari luar bandar.

Selain itu, MITI juga telah menubuhkan Pasukan Petugas Strategik Semikonduktor Kebangsaan (*National Semiconductor Strategic Task Force - NSSTF*), yang dianggotai oleh pelbagai kementerian, agensi, pemain industri dan Collaborative Research in Engineering, Science and Technology (CREST) sebagai Agensi Penyelaras. Salah satu fokus utama yang telah dikenalpasti di bawah NSSTF adalah untuk memenuhi keperluan bakat bagi pembangunan industri E&E tempatan.

Lanjutan daripada itu, Strategi Semikonduktor Nasional (*National Semiconductor Strategy - NSS*) telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri baru-baru ini akan membantu melonjakkan industri E&E tempatan ke peringkat global, salah satunya melalui penghasilan 60,000 bakat tempatan berkemahiran tinggi dalam tempoh lima tahun.

Sebagai usaha untuk menarik minat pelajar tempatan dalam kerjaya sektor E&E, MITI akan bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dan Kementerian Pendidikan (KPM) untuk melaksanakan program latihan rintis iaitu *Technical Skill Learning (TSL)*. Melalui pelaksanaan program ini, para pelajar di Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 daripada sekolah-sekolah terpilih akan diberikan latihan pengenalan awal selepas waktu persekolahan. Inisiatif ini juga memberikan peluang kepada pelajar dari luar bandar untuk melanjutkan kerjaya dalam sektor E&E, selain membuka peluang dan minat kepada pelajar yang lebih cenderung ke arah kemahiran berbanding pembelajaran akademik.

Modul yang akan digunakan untuk Program TSL ini adalah diperakui dan disahkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), di mana pelajar boleh memilih untuk meneruskan latihan di bawah Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) selepas menjalani SPM.

Dalam hal ini, MITI akan memperkukuhkan kerjasama dengan Kementerian serta agensi terlibat seperti Kementerian Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan, Kementerian Sumber Manusia, TalentCorp dan Majlis Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional Negara (MTVET) bagi merealisasikan hasrat yang telah digariskan di bawah NIMP 2030 berhubung pembangunan bakat tempatan bagi memenuhi peluang pekerjaan yang ditawarkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR TAN SRI DATUK SERI
PANGLIMA ANIFAH BIN AMAN**

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANIFAH BIN AMAN minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah langkah yang akan diambil bagi memastikan para peniaga tidak menaikkan harga barangan susulan penyasaran semula subsidi diesel.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah melaksanakan pelbagai usaha untuk memperkuat ekosistem perdagangan dalam negeri, mendayaupayakan pengguna dan sentiasa bersiap siaga untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik dan melindungi kepentingan rakyat.

Ekoran langkah kerajaan melaksanakan penyasaran subsidi ke atas bahan api diesel baru-baru ini, Kerajaan melalui Kementerian telah mengambil langkah-langkah khusus bagi membendung aktiviti mencatat atau mengambil kesempatan mengaut keuntungan yang tidak munasabah menggunakan penyasaran subsidi sebagai alasan.

Kementerian telah melaksanakan OPS KESAN 2.0 bermula 2 Mei 2024 bagi membendung aktiviti menaikkan harga barangan atau perkhidmatan ekoran penyasaran subsidi. Penguatkuasaan OPS KESAN 2.0 ini bertujuan untuk memastikan mana-mana pihak tidak mengambil kesempatan menaikkan caj perkhidmatan atau harga barangan dengan sewenang-wenangnya ekoran perubahan harga diesel kepada kadar RM3.35 seliter berbanding harga RM2.15 seliter sebelum ini.

Sehingga 28 Julai 2024, sebanyak 21,038 premis melibatkan 24,847 jenis SKU (*Stock Keeping Unit*) telah diperiksa di seluruh Semenanjung Malaysia. Daripada pemeriksaan ini, sebanyak 244 notis bertulis telah dikeluarkan bagi mendapatkan justifikasi kenaikan harga bagi barangan dan caj bagi perkhidmatan. Kesemua perniagaan yang terbabit dengan pemeriksaan ini telah diarah untuk mengemukakan perincian maklumat-maklumat dan caj-caj yang dikenakan mereka.

Setakat hari ini, sebanyak 19 buah syarikat telah dipanggil Kementerian bagi memberikan penjelasan dan mengemukakan dokumen serta perincian maklumat berkaitan notis kenaikan harga yang dilaksanakan oleh mereka. Daripada maklumat tersebut, analisa lanjut akan

dilaksanakan bagi menilai justifikasi kenaikan harga bagi mengetahui kewajaran kenaikan yang berlaku.

Aktiviti peningkatan caj atau harga barangan yang tidak selaras dengan Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011. Tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana pihak yang didapati cuba mengambil kesempatan dengan menaikkan harga barangan atau caj perkhidmatan yang tidak selaras dengan mekanisme untuk menentukan keuntungan tinggi yang tidak munasabah (mencatut) di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

Kementerian akan terus sentiasa bekerjasama rapat dengan kementerian lain terutamanya Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dalam memastikan pengeluaran bekalan makanan dan barang keperluan asas berada pada harga yang stabil.

Libat urus berterusan dengan industri, pengeluar, pengimport, pemborong, peruncit, persatuan pengguna dan lain-lain pihak berkaitan tetap dijalankan dari semasa ke semasa bagi mendapatkan input-input berkaitan kenaikan kos pengeluaran dan harga jualan.

Akhir sekali, KPDN juga melaksanakan tinjauan serta semakan berdasarkan kutipan harga yang dilaksanakan oleh Pegawai Pemantau Harga dan data harga melalui sistem '*Price Catcher*'.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR TAN SRI DATUK SERI
PANGLIMA ANIFAH BIN AMAN**

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANIFAH BIN AMAN minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan adakah terdapat perancangan Kerajaan Persekutuan bagi pembangunan projek *Carbon Capture, Utilisation and Storage* (CCUS) di Wilayah Persekutuan Labuan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, Jemaah Menteri pada 30 Ogos 2023 telah bersetuju dengan syor Memorandum daripada Menteri Ekonomi bertajuk Pemerangkapan, Penggunaan dan Penyimpanan Karbon (CCUS) Sebagai Sumber Baharu Pertumbuhan Ekonomi. Mesyuarat Jemaah Menteri juga telah memberi mandat kepada Kementerian Ekonomi untuk menyelaras semua inisiatif CCUS di Malaysia termasuk membangunkan satu rangka kawal selia CCUS yang optimum.

Jemaah Menteri seterusnya pada 21 Mei 2024 telah bersetuju antara lainnya agar satu rang undang-undang (RUU) kawal selia khusus mengenai CCUS digubal, diwarta dan dikuatkuasakan di seluruh Malaysia sebelum akhir tahun 2024.

Selain itu, Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) dan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) yang dilancarkan pada tahun 2023 juga telah mengiktiraf CCUS sebagai satu kaedah penyahkarbonan untuk industri *hard to abate*. CCUS mempunyai potensi untuk menjana pertumbuhan ekonomi baharu di Malaysia dengan menyasarkan pembinaan tiga (3) hab CCUS menjelang tahun 2030 dan tiga (3) hab pemerangkapan karbon dioksida (CO₂) menjelang tahun 2050.

Inisiatif yang melibatkan aktiviti pemerangkapan CO₂ untuk industri di Malaysia termasuk Wilayah Persekutuan Labuan memerlukan dasar

SOALAN NO : 66

yang jelas serta insentif dan teknologi yang bersesuaian. Tambahan pula, pelaksanaan inisiatif CCUS memerlukan pelaburan dan kos pelaksanaan yang tinggi.

Pada masa ini, Kerajaan Malaysia masih belum mempunyai perancangan khusus untuk menjalankan aktiviti pemerangkapan, penggunaan dan penyimpanan karbon di Wilayah Persekutuan Labuan.

Berdasarkan kajian dalaman yang dilaksanakan oleh PETRONAS, medan minyak dan gas yang beroperasi di Wilayah Persekutuan Labuan mempunyai kandungan CO₂ yang rendah. Oleh yang demikian, belum terdapat keperluan untuk melaksanakan projek CCUS sebagai kaedah untuk menangani isu pelepasan CO₂ bagi operasi hulu minyak dan gas di kawasan tersebut.

Walaupun bagaimanapun, pihak Kerajaan melalui PETRONAS akan terus melaksanakan kajian untuk mengenal pasti lokasi dan meneroka potensi tapak penyimpanan CO₂ yang bersesuaian di Wilayah Persekutuan Labuan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR TAN SRI DATUK SERI
PANGLIMA ANIFAH BIN AMAN**

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANIFAH BIN AMAN minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan laporan terkini kawalan keselamatan sempadan Sabah terutama sekali di Laut China Selatan yang sering dicerobohi kapal-kapal dari negara China.

JAWAPAN

Kementerian Pertahanan sentiasa berada pada tahap kesiagaan tertinggi dan memberi perhatian serius terhadap sebarang bentuk ancaman keselamatan di Sabah termasuk di perairan Laut China Selatan. Pihak Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sentiasa mengatur gerak aset dan anggota bagi memastikan keselamatan sempadan daratan, perairan dan ruang udara Sabah sentiasa dalam keadaan yang terpelihara dan selamat.

Berhubung dengan perkara ini, keselamatan sempadan daratan Sabah dipertanggungjawabkan kepada Markas 5 Divisyen yang berpangkalan di Kota Kinabalu. Atur gerak bagi mengawal keselamatan sempadan daratan adalah melalui Operasi BALASAH dengan menduduki pos-pos kawalan hadapan sepanjang sempadan Malaysia (Sabah) dengan Kalimantan Utara.

Bagi menguasai kawasan perairan Sabah dan Laut China Selatan, kapal-kapal Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) sentiasa ditugaskan di kawasan perairan Sabah melalui Operasi SINAR SAMUDERA, Operasi DAULAT BENUA dan Operasi SATRIA. Atur gerak TLDM ini melibatkan sekurang-kurangnya tiga buah kapal yang beroperasi sepanjang masa.

Pengawasan ruang udara Sabah termasuk di Laut China Selatan pula dilaksanakan oleh Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) menggunakan pesawat pejuang melalui Operasi DAYA. Manakala rondaan rutin pesawat TUDM adalah dengan menggunakan pesawat-pesawat yang berpangkalan di Pangkalan Udara Labuan dan

Pangkalan Udara Kuching. Rondaan udara dilaksanakan menggunakan sama ada pesawat pejuang, pesawat pengangkut atau helikopter bergantung kepada ketersediaan pesawat. Pada masa yang sama, Rondaan Maritim dan Rondaan Pelantar Minyak juga sentiasa dilaksanakan secara berkala. Pihak TUDM juga sentiasa memantau pencerobohan ruang udara Sabah melalui Operasi CURIGA dengan menggunakan aset Radar Pertahanan Udara.

Selain itu, ATM di bawah kawalan Markas Angkatan Bersama (MAB) juga melaksanakan Operasi Bersama iaitu Operasi PASIR yang melibatkan ketiga-tiga cabang Perkhidmatan ATM. Operasi PASIR dilaksanakan dengan tujuan untuk mengekalkan kedaulatan persisir pantai dan perairan Timur Sabah serta pulau-pulau strategik dari sebarang bentuk ancaman luar. Atur gerak Operasi PASIR meliputi enam sektor utama dengan penggunaan aset-aset Perkhidmatan Darat, Laut dan Udara yang dilaksanakan secara berterusan. Radar-radar *Coastal Surveillance System* (CSS) 1206 ditempatkan di kawasan-kawasan strategik bagi mengawasi dan mengesan unsur-unsur yang mencurigakan sebelum bot pemintas dan kapal TLDM diaturgerakkan bagi memintas unsur yang dikesan.

Pangkalan Laut Tun Sharifah Rodziah (PLTSR) dan Kapal Auksiliari Tun Azizan yang dijadikan sebagai *sea basing* dalam Operasi PASIR berperanan sebagai platform pangkalan operasi hadapan bagi menyokong dan memperkasa operasi keselamatan di Zon Selamat Timur Sabah (ESSZONE). Kehadiran PLTSR dan Kapal Tun Azizan berupaya mewujudkan elemen cegah rintang terhadap aktiviti jenayah rentas sempadan. Pesawat TUDM juga sentiasa melaksanakan rondaan bagi menunjukkan kehadiran (*Show of*

Presence) di kawasan operasi yang telah ditetapkan.

Kementerian Pertahanan turut memperkasakan amalan dan tradisi Perkongsian Berwibawa melalui kerjasama pertahanan dengan negara-negara lain. Perkongsian Berwibawa adalah strategi pertahanan negara melalui hubungan pertahanan bersama negara-negara jiran bagi mencapai persefahaman, pertukaran maklumat dan melaksanakan operasi secara bersama. Kerjasama Malaysia dengan Indonesia melalui *General Border Committee* (GBC) untuk memantau pelaksanaan aktiviti di sempadan kedua-dua negara. Kerjasama pertahanan dengan Filipina pula adalah melalui *Combined Committee on Defence Cooperation* (CCDC) yang telah mengeratkan kerjasama dalam aspek keselamatan maritim, kawalan sempadan dan aspek keselamatan bukan tradisional meliputi perairan Timur Sabah dan Selatan Filipina. Kerjasama bilateral ini terus diperkukuhkan dengan mewujudkan *Trilateral Cooperative Arrangement* (TCA) antara Malaysia, Indonesia dan Filipina yang menjadi platform perancangan serta pelaksanaan *Trilateral Maritime Patrol* (TMP) dan *Trilateral Air Patrol* (TAP) antara ketiga-tiga negara yang meliputi keselamatan di Timur Sabah.

Kementerian Pertahanan sentiasa komited dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab yang diberi untuk mempertahankan kedaulatan negara dan memastikan kesiagaan aset berada pada tahap yang optimum dalam menghadapi sebarang bentuk ancaman di semua sempadan negara termasuk di Sabah terutamanya di Laut China Selatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATO' AJIS BIN SITIN**

DATO' AJIS BIN SITIN minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan secara terperinci jumlah kampung Orang Asli dan keluasannya yang telah diwartakan di bawah Seksyen 6 dan Seksyen 7 Akta Orang Asli 1954 [Akta 134] serta perinciannya bagi setiap negeri.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, berikut adalah maklumat pewartaan Kawasan dan Rizab Orang Asli Seksyen 6 dan Seksyen 7 Akta Orang Asli 1954 (Akta 134):

Bil.	Negeri / Daerah	Akta Orang Asli 1954 (Akta 134)					
		Seksyen 6		Seksyen 7		Seksyen 6 & 7	
		KOA	Keluasan (Ha)	KOA	Keluasan (Ha)	KOA	Keluasan (Ha)
1	Terengganu	3	1,630.880	0	-	0	-
2	Kelantan	0	-	0	-	0	-
3	Johor	10	2,367.806	19	2,481.761	0	-
4	Selangor	4	220.252	7	683.468	0	-
5	Negeri Sembilan	2	166.830	51	6,569.708	0	-
6	Melaka	2	60.190	5	270.250	0	-
7	Perak	29	4,180.360	39	5,515.995	2	75.853
8	Kedah	0	-	0	-	0	-
9	Pahang	2	167.380	27	6,701.572	0	-
		52	8,793.698	148	22,222.755	2	75.853

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATO' AJIS BIN SITIN**

DATO' AJIS BIN SITIN minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan berapakah jumlah anak-anak Orang Asli yang bersekolah rendah, sekolah menengah dan di peringkat pengajian tinggi mengikut suku kaum dan negeri mulai tahun 2021.

JAWAPAN

Mengikut sumber data daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bilangan jumlah murid sekolah rendah dan menengah adalah seperti berikut :

Jumlah Murid Sekolah Rendah Mulai Tahun 2021 - 2023

Tahun	Jumlah Lelaki	Jumlah Perempuan	Jumlah Keseluruhan
2021	13,186	13,134	26,320
2022	13,452	13,452	26,904
2023	13,084	12,960	26,044

Perincian Enrolmen Murid Sekolah Rendah Tahun 2022/2023**Mengikut JAKOA Negeri**

Bil.	Negeri	Sekolah Rendah			
		Bil. Sekolah	Lelaki	Perempuan	Jumlah
1.	N. Sembilan & Melaka	182	935	945	1,880
2.	Perak & Kedah	234	3,663	3,691	7,354
3.	Selangor & WP (KL & Putrajaya)	273	1,428	1,280	2,708
4.	Johor	272	921	928	1,849
5.	Pahang	259	4,795	4,760	9,555
6.	Kelantan & Terengganu	54	1,342	1,356	2,698

7.	JUMLAH	1,274	13,084	12,960	26,044
----	---------------	--------------	---------------	---------------	---------------

Jumlah Murid Sekolah Menengah Mulai Tahun 2021 – 2023

Tahun	Jumlah Lelaki	Jumlah Perempuan	Jumlah Keseluruhan
2021	7,046	8,580	15,626
2022	6,837	7,770	14,607
2023	6,287	7,462	13,749

**Perincian Enrolmen Murid Sekolah Menengah Tahun 2022/2023
Mengikut Jakoa Negeri**

Bil.	Negeri	Sekolah Rendah			
		Bil. Sekolah	Lelaki	Perempuan	Jumlah
1.	N. Sembilan & Melaka	94	453	522	975
2.	Perak & Kedah	124	1,673	2,090	3,763
3.	Selangor & WP (KL & Putrajaya)	161	755	885	1,640
4.	Johor	153	471	545	1,016
5.	Pahang	127	2,128	2,526	4,654
6.	Kelantan & Terengganu	37	807	894	1,701
7.	JUMLAH	696	6,287	7,462	13,749

Data Bilangan Pelajar Orang Asli Di IPT Tahun 2021 – 2023

TAHUN	KEMASUKAN	JUMLAH PELAJAR TAJAJAN TAHUNAN (BAHARU & AKTIF)	TAMAT PENGAJIAN
2021	357	911	202
2022	363	906	60
2023	418	874	32

Jumlah Pelajar Orang Asli Tajaan JAKOA Mengikut IPT

BIL.	INSTITUSI	PERINGKAT PENGAJIAN	BIDANG	BIL. PELAJAR
1	AKADEMI PERIKANAN	SIJIL	SIJIL	1
2	AKADEMI BINAAN MALAYSIA	SIJIL	SIJIL	3
3	GIATMARA	SIJIL	SIJIL	1
4	GERMAN MALAYSIAN INSTITUTE (GMI)	DIPLOMA	TEKNOLOGI	1
5	INSTITUT	SIJIL	SIJIL	2

BIL.	INSTITUSI	PERINGKAT PENGAJIAN	BIDANG	BIL. PELAJAR
	KEMAHIRAN BELIA NEGARA (IKBN)	DIPLOMA	TEKNOLOGI	2
6	INSTITUT KEMAHIRAN TINGGI BELIA NEGARA (IKTBN)	SIJIL	SIJIL	2
7	INSTITUT LATIHAN JABATAN TENAGA MALAYSIA (ILJTM)	SIJIL	SIJIL	2
		DIPLOMA	TEKNOLOGI	1
8	INSTITUT LATIHAN KEMAHIRAN BELIA NEGARA (ILKBN)	SIJIL	SIJIL	1
9	INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN (ILP)	SIJIL	SIJIL	9
10	INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA (IPGM)	IJAZAH	SASTERA	57

BIL.	INSTITUSI	PERINGKAT PENGAJIAN	BIDANG	BIL. PELAJAR
11	INSTITUT PERTANIAN	SIJIL	SIJIL	1
12	KOLEJ FELCRA	SIJIL	SIJIL	2
		DIPLOMA	SASTERA	23
13	KOLEJ KETENGAH	DIPLOMA	SASTERA	1
14	KOLEJ KOMUNITI	SIJIL	SIJIL	160
15	KOLEJ MATRIKULASI	MATRIKULASI	MATRIKULASI	18
16	KOLEJ PERTANIAN	SIJIL	SIJIL	1
17	KOLEJ PROFESIONAL MARA	DIPLOMA	SASTERA	6
18	KOLEJ POLY TECH MARA (KPTM)	DIPLOMA	SASTERA	12
			TEKNOLOGI	2
			PERUBATAN	1
19	KOLEJ TEKNOLOGI TIMUR	DIPLOMA	SASTERA	1
20	MULTIMEDIA UNIVERSITY (MMU)	DIPLOMA	SASTERA	3
		IJAZAH	SASTERA	1
21	POLITEKNIK	DIPLOMA	SASTERA	37

BIL.	INSTITUSI	PERINGKAT PENGAJIAN	BIDANG	BIL. PELAJAR
			SAINS	3
			TEKNOLOGI	35
			SENIBINA	4
22	UNIVERSITI COLLEGE AGROSCIENCE MALAYSIA (UCAM)	DIPLOMA	SASTERA	8
			SAINS	1
		IJAZAH	SASTERA	4
23	UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA (UIA)	IJAZAH	SASTERA	3
			SAINS	2
			PERUBATAN	1
24	UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM)	ASASI	ASASI	1
		PRA DIPLOMA	PRA DIPLOMA	9
		DIPLOMA	SASTERA	73
			SAINS	8
			TEKNOLOGI	4
			SENIBINA	3
		IJAZAH	SASTERA	61
			SAINS	7
			TEKNOLOGI	8
25	UNIVERSITI	IJAZAH	SASTERA	10

BIL.	INSTITUSI	PERINGKAT PENGAJIAN	BIDANG	BIL. PELAJAR
	KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM)		SAINS	3
			TEKNOLOGI	2
			FARMASI	1
26	UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK)	ASASI	ASASI	1
		IJAZAH	SASTERA	18
			SAINS	5
			TEKNOLOGI	2
27	UNIVERSITI MALAYA (UM)	DIPLOMA	SASTERA	3
		IJAZAH	SASTERA	10
28	UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG (UMP)	DIPLOMA	SASTERA	2
		IJAZAH	SASTERA	8
			SAINS	6
			TEKNOLOGI	1
29	UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (UMS)	IJAZAH	SASTERA	12
			SAINS	3
30	UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)	DIPLOMA	SASTERA	1
		IJAZAH	SASTERA	1
			SAINS	2
			TEKNOLOGI	2
31	UNIVERSITI	DIPLOMA	TEKNOLOGI	1

BIL.	INSTITUSI	PERINGKAT PENGAJIAN	BIDANG	BIL. PELAJAR
	MALAYSIA PERLIS (UNIMAP)	IJAZAH	SASTERA	1
			TEKNOLOGI	3
32	UNIVERSITI KUALA LUMPUR (UNIKL)	DIPLOMA	SASTERA	1
			SAINS	1
		IJAZAH	TEKNOLOGI	1
33	UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK (UNIMAS)	IJAZAH	SASTERA	5
34	UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN (UNISZA)	DIPLOMA	SASTERA	1
		IJAZAH	SASTERA	1
35	UNIVERSITI TENAGA NASIONAL (UNITEN)	DIPLOMA	SASTERA	23
			TEKNOLOGI	4
			SENIBINA	55
		IJAZAH	SASTERA	1
36	UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA (UPNM)	IJAZAH	SASTERA	3
			SAINS	1
			TEKNOLOGI	1
37	UNIVERSITI PUTRA	IJAZAH	SASTERA	6
			SAINS	8

BIL.	INSTITUSI	PERINGKAT PENGAJIAN	BIDANG	BIL. PELAJAR
	MALAYSIA (UPM)		TEKNOLOGI	2
38	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)	DIPLOMA	TEKNOLOGI	1
		IJAZAH	SASTERA	2
			SAINS	2
			TEKNOLOGI	9
39	(UPTM)	IJAZAH	SASTERA	2
40	UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM)	ASASI	ASASI	1
41	UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM)	IJAZAH	SAINS	3
			TEKNOLOGI	3
			PERUBATAN	1
42	UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)	DIPLOMA	SASTERA	1
43	UNIVERSITI TEKNOLOGI PETRONAS (UTP)	ASASI	ASASI	1
		IJAZAH	TEKNOLOGI	1
44	UNIVERSITI TEKNIKAL MELAKA (UTEM)	DIPLOMA	TEKNOLOGI	2
		IJAZAH	TEKNOLOGI	7
45	UNIVERSITI TUN	DIPLOMA	TEKNOLOGI	2

BIL.	INSTITUSI	PERINGKAT PENGAJIAN	BIDANG	BIL. PELAJAR
	HUSSEIN ONN (UTHM)	IJAZAH	SASTERA	1
			SAINS	6
			TEKNOLOGI	8
46	UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)	IJAZAH	SASTERA	21
			TEKNOLOGI	2
JUMLAH KESELURUHAN				874

Perincian Pelajar IPT Mendapat Tajaan JAKOA Mengikut Negeri

BIL.	NEGERI	JUMLAH (ORANG)
1	Pahang	279
2	Perak	152
3	Selangor	135
4	Johor	140
5	Negeri Sembilan	70
6	Melaka	18
7	Terengganu	5
8	Kedah	7
9	Kelantan	68
JUMLAH		874

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATO' DR. NELSON A/L
RENGANATHAN**

DATO' DR. NELSON A/L RENGANATHAN minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapakah jumlah pusat penjagaan warga emas yang diiktiraf di negara ini mengikut negeri dan berapakah jumlah penginap keseluruhan di pusat-pusat tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Di Malaysia, terdapat Pusat Jagaan Warga Emas yang dikendalikan oleh kerajaan dan juga kendalian pihak swasta.
2. Pusat Jagaan Warga Emas kendalian kerajaan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dikenali sebagai Rumah Seri Kenangan (RSK) dan Rumah Ehsan (RE). RSK ditubuhkan untuk memberi jagaan dan perlindungan kepada warga emas yang daif demi menjamin kesejahteraan dan kualiti hidup mereka. Manakala RE pula ditubuhkan untuk memberi jagaan, rawatan dan perlindungan kepada warga emas yang uzur dan terlantar, daif dan tidak berwaris agar dapat terus hidup dalam suasana yang selesa dan tenteram.
3. Pada masa ini, terdapat 10 buah RSK serta dua (2) buah RE. Sehingga Jun 2024, seramai 1,022 orang telah ditempatkan di RSK dan 187 orang di RE. Pada tahun ini, terdapat satu (1) pusat penjagaan warga emas baru telah ditubuhkan iaitu Kompleks Penyayang Nibong Tebal di Pulau Pinang yang berkonsepkan intergenerasi di mana penghuninya terdiri daripada kanak-kanak dan warga emas. Kemasukan penghuni ke Kompleks ini dijangka akan bermula pada suku ketiga tahun 2024 secara berperingkat. Dalam pada masa yang sama, terdapat sebuah lagi kompleks yang kini sedang berada dalam fasa pembinaan iaitu Kompleks Ehsan Slim River di Perak. Kompleks ini dijangka siap secara berfasa antara tahun 2025 hingga 2027.

4. Sementara itu, sehingga Jun 2024, terdapat 425 Pusat Jagaan Warga Emas kendalian pihak swasta yang berdaftar dengan JKM di seluruh negara. Statistik pusat jagaan warga emas dan bilangan penghuni mengikut negeri adalah seperti berikut:

BIL.	NEGERI	JUMLAH PUSAT JAGAAN WARGA EMAS	JUMLAH PENGHUNI / ORANG YANG DITERIMA UNTUK JAGAAN
1	Perlis	3	32
2	Kedah	12	146
3	Pulau Pinang	34	1,106
4	Perak	87	1,582
5	Selangor	114	1,883
6	WP Kuala Lumpur/ Putrajaya	34	1,102
7	Negeri Sembilan	31	437
8	Melaka	17	297
9	Johor	63	1,488
10	Pahang	7	330
12	Kelantan	3	67
11	Terengganu	2	80
13	Sarawak	8	239
14	Sabah	9	195
15	WP Labuan	1	1
JUMLAH		425	8,985

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATO' DR. NELSON A/L
RENGANATHAN**

DATO' DR. NELSON A/L RENGANATHAN minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan jangkaan peratus mengikut kaum memandangkan dijangka 15 peratus daripada jumlah penduduk akan diklasifikasikan sebagai warga emas pada tahun 2030.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Dasar Warga Emas Negara (DWEN) mentakrifkan penuaan penduduk berlaku apabila penduduk yang berumur 60 tahun dan lebih telah mencecah 15 peratus.

Unjuran penduduk warga emas pada tahun 2030 secara keseluruhan adalah sebanyak 15.3% manakala kumpulan etnik Bumiputera adalah sebanyak 13.3%, Cina sebanyak 22.7%, India 18.4% dan lain-lain 7.0%.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATO' DR. NELSON A/L
RENGANATHAN**

DATO' DR. NELSON A/L RENGANATHAN minta **MENTERI
PENDIDIKAN** menyatakan berapakah keseluruhan pengambilan
matrikulasi tahun 2024, serta berapakah peratusan mengikut kaum.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, jumlah pengambilan pelajar Program Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) Sesi 2024/2025 ialah sebanyak 30,000 tempat mengikut kuota 90 peratus pelajar Bumiputera (27,000 tempat) dan 10 peratus pelajar bukan Bumiputera (3,000 tempat).

Untuk kouta bukan Bumiputera, KPM telah membuat penawaran kepada seramai 1,116 orang pelajar kaum India, 1,629 orang pelajar kaum Cina dan lain-lain kaum 225 orang pelajar dalam ambilan pertama pada 20 Jun 2024. Jumlah pelajar yang menerima tawaran dan melaporkan diri ke kolej matrikulasi hanya akan dapat dimuktamadkan selepas selesai penawaran kepada pelajar yang mendapat keputusan SPM 10A dan ke atas yang dilaksanakan secara berperingkat selewat-lewatnya pada minggu ketiga Ogos 2024.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR PUAN NOORITA BINTI
SUAL**

PUAN NOORITA BINTI SUAL minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan berapakah jumlah terkini belia-belia yang terlibat secara serius dalam industri pertanian dan usaha-usaha baharu untuk menarik minat penyertaan belia dalam sektor pertanian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan Laporan Survei Tenaga Buruh 2022 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah tenaga buruh di Malaysia pada tahun 2022 adalah dianggarkan seramai 15,391,700. Daripada jumlah ini, seramai 1,540,800 atau 10% merupakan tenaga buruh dalam kumpulan sektor pertanian, perhutanan dan perikanan. Jumlah tenaga buruh yang berumur antara 15 hingga 39 tahun yang terlibat dalam sektor ini adalah sekitar 913,500 atau 59%.

Dalam usaha untuk menggalakkan penyertaan golongan belia dalam sektor pertanian, KPKM telah menyediakan insentif seperti berikut:

(i) **Latihan dan Infrastruktur**

Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan (PLKPK) ditawarkan kepada golongan belia berusia antara 18 hingga 25 tahun di 15 buah Pusat Bertauliah. Kursus-kursus yang ditawarkan di bawah program ini diberi persijilan Sijil Kemahiran Malaysia dan Diploma Kemahiran Malaysia merangkumi sepuluh (10) bidang iaitu tanaman, akuakultur air tawar, akuakultur marin, perikanan tangkapan, poltri, ruminan, pemprosesan makanan, pengeluaran padi, pemasaran dan penyenggaraan jentera pertanian.

(ii) **Geran dan Kemudahan Pembiayaan**

Salah satu insentif untuk golongan muda yang berumur antara 18 hingga 40 tahun yang disediakan di bawah Kementerian ialah melalui Program Agropreneur Muda. Program Agropreneur Muda menawarkan bantuan geran dalam bentuk barangan sehingga RM20,000 bagi setiap penerima. Bantuan ini dapat membantu golongan muda mengurangkan kos permulaan projek-projek pertanian dan agromakanan. Skop projek pertanian di bawah program ini merangkumi projek tanaman, ternakan, perikanan dan industri asas tani.

Bagi usahawan muda yang ingin meningkatkan lagi penggunaan teknologi dalam bidang yang sedang diusahakan, KPKM melalui Agrobank menyediakan Dana Program Pembiayaan Agroteknologi Madani (DPPAM). Program ini menawarkan kemudahan pembiayaan sehingga RM5 juta pada kadar keuntungan serendah 2% untuk tempoh pinjaman sehingga 10 tahun termasuk 8 bulan *grace period*, iaitu tempoh penangguhan bayaran kepada usahawan.

Bagi memperluaskan program ini, Kementerian kini sedang mengkaji cadangan untuk pelaksanaan Geran Agropreneur Muda *Scale-Up*, bagi memberikan bantuan lanjutan khusus kepada usahawan yang melaksanakan projek hulu iaitu tanaman, ternakan dan perikanan. Geran ini dicadangkan untuk diberikan dalam bentuk barangan bernilai sehingga RM50,000 kepada usahawan yang berusia antara 21 hingga 45 tahun.

(iii) **Program Kerjasama Strategik**

Kementerian sentiasa meneroka ruang dan peluang baharu untuk berkolaborasi dengan para pemegang taruh bagi meningkatkan penglibatan para belia yang berpotensi dalam bidang pertanian. Antara program dan kerjasama strategik yang sedang dan akan dilaksanakan ialah seperti berikut:

- (1) program *outreach*, yang dilaksanakan seperti Program Santai Agropreneur Muda di Perlis dari 12 hingga 14 Julai 2024 dan di Keningau, Sabah dari 29 hingga 30 Ogos 2024. Selain itu, Lembaga Pertanian Kemajuan Kemubu (KADA) turut melaksanakan Jelajah Promosi Program Agropreneur Muda ke setiap jajahan kawasan di bawahnya yang dilaksanakan sepanjang tahun 2024;
- (2) Kementerian bersama-sama pihak Agrobank dan institusi pengajian tinggi tempatan bergabung tenaga melaksanakan Program Pembangunan Agropreneur Muda Siswazah (PROBEST). Program kerjasama ini dapat memberi peluang kepada para belia khususnya dalam golongan siswazah yang

NO SOALAN: 73

masih menuntut untuk mendapat pengalaman secara langsung, *hands-on experience*, dari segi teknik dan teknologi pertanian dan juga pemasaran hasil pertanian; dan

- (3) kerjasama strategik dengan pihak-pihak yang mempunyai bank tanah tetapi tidak digunakan untuk membolehkan golongan muda mendapat akses kepada tanah berkenaan bagi tujuan pertanian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR PUAN NOORITA BINTI
SUAL**

PUAN NOORITA BINTI SUAL minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik permohonan pendaftaran lewat kelahiran bagi tahun 2019 hingga tahun 2023 mengikut pecahan negeri dan punca utama permohonan pendaftaran lewat kelahiran.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dari tahun 2019 sehingga 30 Jun 2024, sebanyak **53,641 permohonan** Daftar Lewat Kelahiran (DLK) telah diterima di seluruh negara. Maklumat terperinci adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH
Johor	3,832
Kedah	1,882
Kelantan	3,101
Melaka	862
Negeri Sembilan	1,048
Pahang	2,247
Perak	1,931
Perlis	283
Pulau Pinang	1,307
Sabah	14,530
Sarawak	6,624
Selangor	5,888
Terengganu	1,259
W.P KL	2,918
W.P Putrajaya	5,475
W.P Labuan	454
JUMLAH KESELURUHAN	53,641

Punca utama pendaftaran lewat kelahiran yang dikenal pasti oleh JPN antaranya adalah ibu bapa kurang mengambil berat tentang kepentingan mendaftarkan bayi yang baru lahir dalam tempoh yang ditetapkan iaitu 60 hari selepas kelahiran bagi Semenanjung Malaysia dan dalam tempoh 42 hari bagi kelahiran yang berlaku di Sabah dan Sarawak. Selain itu, JPN juga sering kali menerima alasan masalah rumahtangga, kewangan dan juga dokumentasi yang dikemukakan tidak lengkap yang menyebabkan berlakunya kelewatan mendaftar kelahiran.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR PUAN NOORITA BINTI
SUAL**

PUAN NOORITA BINTI SUAL minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistik bagi tahun 2019 hingga tahun 2023 kanak-kanak perempuan berumur 18 tahun dan ke bawah menerima rawatan bagi kehamilan, keguguran dan melahirkan anak yang hidup atau mati di seluruh fasiliti kesihatan Kerajaan dan swasta di Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan statistik KKM, seramai 2,557 kanak-kanak perempuan berumur 10 tahun hingga 17 tahun telah menerima rawatan kehamilan bagi tempoh 2019 hingga 2023 di seluruh **fasiliti kesihatan Kerajaan dan swasta** di Sabah. Pecahan mengikut tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan Kanak-Kanak Yang Mendapatkan Rawatan Di Fasiliti Kerajaan & Swasta*	
	Berusia 10 - 17 Tahun	Berusia 18 - 19 Tahun
2019	693	1131
2020	525	923
2021	488	810
2022	452	784
2023	399	666
Jumlah	2,557	4,314

*Data yang direkodkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, KKM adalah mengikut kategori umur 10-17 tahun dan 18-19 tahun
Sumber: KKM, 2019-2023

2. Dalam tempoh yang sama, sebanyak 200 kes melibatkan pesakit berusia 18 tahun dan ke bawah telah mendapatkan rawatan di **hospital-hospital KKM** dengan masalah berkaitan keguguran seperti '*complete miscarriage*', '*threatened miscarriage*' dan '*incomplete miscarriage*' (dengan izin). Pecahan mengikut tahun adalah seperti berikut:

Tahun	18 Tahun dan Ke Bawah
2019	57 kes
2020	35 kes
2021	30 kes
2022	39 kes
2023	39 kes
Jumlah	200 kes

*Data yang direkodkan oleh KKM bagi umur 18 tahun dan ke bawah
Sumber: KKM, 2019-2023

3. Jumlah kanak-kanak perempuan berumur 18 tahun dan ke bawah yang melahirkan anak hidup/ mati di Sabah adalah seperti berikut:

(a) Kelahiran anak hidup (termasuk kelahiran selain daripada di fasiliti kesihatan Kerajaan dan swasta)

Tahun	18 Tahun dan Ke Bawah
2019	1,321
2020	1,025
2021	716
2022	790
Jumlah	3,852*

*Tidak termasuk data tahun 2023 yang belum dimuktamadkan
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2019-2022)

(b) Kelahiran anak mati (di fasiliti kesihatan Kerajaan dan swasta)

Tahun	18 Tahun dan Ke Bawah
2019	89
2020	67
2021	82
2022	84
2023	84
Jumlah	406

*Data yang direkodkan oleh KKM bagi umur 18 tahun dan ke bawah
Sumber: KKM, 2019-2023

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR PUAN NOORITA BINTI
SUAL**

PUAN NOORITA BINTI SUAL minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik bagi tahun 2019 hingga tahun 2023 pelajar lelaki dan perempuan yang berhenti di sekolah Kerajaan dan swasta daripada umur 13 hingga 17 tahun diseluruh wilayah Sabah dan nyatakan punca-punca utama penyebab mereka berhenti sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memandang serius isu murid berhenti sekolah bawah KPM yang direkod dan dipantau melalui Aplikasi Pangkalan Data Murid.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, berdasarkan rekod KPM peratus murid lelaki dan murid perempuan sekolah menengah bawah KPM di negeri Sabah yang berhenti sekolah dari tahun 2019 hingga tahun 2023 adalah seperti jadual yang berikut:

TAHUN	Peratus Bil. Murid Lelaki	Peratus Bil. Murid Perempuan	Peratus Keseluruhan
2019	0.79%	0.42%	0.60%
2020	0.37%	0.23%	0.30%
2021	0.15%	0.13%	0.14%
2022	1.40%	0.81%	1.11%
2023	1.36%	0.76%	1.06%

Berdasarkan jadual, bagi tahun 2020 hingga 2021 peratusan adalah rendah. Ini disebabkan kerana semua sekolah diarahkan untuk ditutup bagi mengelakkan penularan wabak COVID-19 dan murid menjalani pembelajaran di rumah (PdPR). Pada tahun 2022, sekolah telah beroperasi seperti biasa dan murid hadir semula ke sekolah secara bersemuka.

Antara punca murid berhenti sekolah adalah seperti bekerja, masalah keluarga, berkahwin, meninggal dunia, kemiskinan, sakit kronik dan masalah jarak jauh dari sekolah.

Bagi sekolah swasta di Sabah, jumlah murid yang berhenti sekolah dari tahun 2019 hingga Jun 2024 yang berumur antara 13 sehingga 17 tahun adalah seramai 2,787 orang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATUK NELSON
W ANGANG**

DATUK NELSON W ANGANG minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menyediakan sokongan yang lebih baik kepada ibu bapa dan penjaga kanak-kanak autisme termasuk program latihan dan bantuan kewangan. Adakah terdapat strategi bagi mengurangkan masa menunggu untuk mendapatkan temujanji dan seterusnya rawatan terapi bagi kanak-kanak autisme di pusat perkhidmatan kesihatan awam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. KKM sememangnya prihatin akan keperluan sokongan dan pemberian latihan kepada ibu bapa dan penjaga kanak-kanak *Autisme Spectrum Disorder* atau ASD. Keperluan latihan kepada ibu bapa dan penjaga telah dinyatakan dalam garis panduan klinikal iaitu *Clinical Practice Guideline (CPG) for ASD & Adolescent Ministry of Health, Malaysia*.
2. Bagi tujuan latihan:
 - (a) ahli Terapi Cara Kerja menjalankan penilaian khusus dan program-program berstruktur seperti *Parent-Mediated Intervention (PMI)* dengan aplikasi *Developmental Individual Differences (DIR Floortime) Model* dan *School Readiness Program (SRP)*; dan
 - (b) juruterapi memberikan bimbingan berstruktur secara intensif selama 3 bulan kepada ibubapa semasa sesi terapi dengan anak ASD.
3. Program ini telah dimulakan sejak 2016 bermula di beberapa tempat seperti Johor Bahru, Kuching dan Putrajaya dan kini dalam perancangan untuk diperluas ke seluruh negara.
4. Sebagai sokongan kepada ibu bapa dan penjaga di peringkat primer pula, ujian saringan khusus untuk autism iaitu M-CHAT (*Modified*

Checklist for Autism in Toddlers) telah dilaksanakan di semua klinik kesihatan di seluruh Malaysia. Tanda dan gejala awal autism juga ada diterangkan di dalam Buku Rekod Kesihatan Bayi dan Kanak-Kanak (0-6 tahun) untuk membimbing ibu bapa dalam mengenal pasti gejala-gejala awal autism. Saringan dibuat semasa kanak-kanak berumur 18 bulan dan diulang pada umur 2 tahun dan 3 tahun.

5. Setelah kanak-kanak ini didiagnos autism, mereka akan diberi intervensi awal mengikut keperluan. Antara terapi yang dijalankan di klinik kesihatan adalah terapi perubatan bagi kes-kes yang berkaitan, terapi cara kerja dan pemakanan sihat.
6. Selain itu, sokongan terhadap ibu bapa dan penjaga autism dilaksanakan melalui aktiviti seperti hari bersama pelanggan di Klinik Kesihatan, Kempen berkaitan Intervensi Awal Kanak-Kanak Autism, Kempen Kesediaan ke Sekolah bagi Kanak-Kanak Keperluan Khas oleh ahli terapi cara kerja. Sokongan seperti pendidikan kesihatan juga diberikan oleh jururawat terlatih di Klinik Kesihatan.
7. Intervensi yang melibatkan ibu bapa dan penjaga autism sebagai perantara juga dilaksanakan di klinik kesihatan yang mempunyai Ahli Terapi Cara Kerja (*Parent Mediated-Intervention*) dan Keibubapaan Positif (*Positif Parenthood*).
8. Berhubung tempoh mendapatkan temujanji, kanak-kanak dan individu dalam kategori OKU sememangnya telah diberi keutamaan termasuklah daripada aspek nombor giliran dan masa menunggu di fasiliti KKM. Penetapan temujanji dan masa menunggu dibuat berdasarkan keperluan individu pesakit.

9. Ibu bapa juga dinasihatkan untuk mendapatkan kad OKU bagi mendapatkan kelayakan seperti perkhidmatan kesihatan secara percuma, bantuan kewangan bulanan dan sebagainya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATUK NELSON W
ANGANG**

DATUK NELSON W ANGANG minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah perancangan untuk membantu wilayah Sabah dalam mengurangkan kadar kehilangan air tidak berhasil (NRW) secara tuntas ekoran kadar kehilangan air tidak terhasil adalah tinggi di Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi membantu mengurangkan Kadar Air Tidak Terhasil (NRW) di Negeri Sabah, Kementerian telah melaksanakan Program Pengurangan NRW Kebangsaan Pendekatan 1 bermula daripada RMKe-11 sehingga RMKe- 12, melibatkan peruntukan geran keseluruhan berjumlah RM171.1 juta, bagi menyediakan fasiliti asas pengukuran NRW yang tepat di Sabah. Pakej 1 dan Pakej 3 projek di Sabah telah siap manakala Pakej 2 dijangka siap pada bulan Ogos 2024.

2. Selain itu, Kerajaan Persekutuan juga telah meluluskan sebanyak RM137.5 juta secara pinjaman di bawah *Rolling Plan* Keempat (RP4) RMKe-12 bagi pelaksanaan Projek Mengurangkan Kadar NRW (Penggantian/Naik taraf paip di Kawasan Kota Kinabalu). Projek ini dalam peringkat pra pelaksanaan.

3. Pada masa ini, Kementerian juga sedang dalam proses untuk menambahbaik Program NRW Kebangsaan bagi mengurangkan lagi NRW kebangsaan dengan mengambil kira prestasi semasa pelaksanaan serta cabaran-cabaran dan isu-isu yang dihadapi dalam melaksanakan program tersebut. Antara penambahbaikan yang dicadangkan adalah pelaksanaan program penggantian paip kritikal di seluruh Malaysia dan penyelesaian NRW holistik di negeri-negeri dengan NRW melebihi 40%. Cadangan penambahbaikan ini akan dibentangkan untuk kelulusan Jemaah Menteri dalam masa terdekat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR PUAN NOORITA BINTI
SUAL**

PUAN NOORITA BINTI SUAL minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik dan faktor-faktor penyebab calon tidak menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun 2019 hingga tahun 2023 mengikut pecahan negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memaklumkan bahawa data kehadiran calon peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) adalah merujuk kepada calon yang pertama kali menduduki peperiksaan SPM dengan mendaftar sekurang-kurangnya enam mata pelajaran.

Statistik calon yang tidak hadir menduduki peperiksaan SPM bagi tahun 2019 hingga tahun 2023 mengikut pecahan negeri adalah seperti di Lampiran.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan analisis KPM, antara punca ketidakhadiran luar kawalan KPM yang dikenal pasti adalah seperti calon bekerja, masalah keluarga, kemalangan, sakit dan faktor-faktor lain.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATUK NELSON W
ANGANG**

DATUK NELSON W ANGANG minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan status pembinaan Kompleks Sukan Daerah Kuala Penyu, Sabah dan jika terdapat masalah untuk melaksanakan pembinaannya, apakah masalah-masalah tersebut serta apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan untuk mengatasi masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Belia dan Sukan (KBS) tiada cadangan untuk membina Kompleks Sukan di Kuala Penyu, Sabah. Sebarang projek baru dan naik taraf fasiliti selain di bawah KBS memerlukan pengesahan serta kelulusan daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN). Ini adalah kerana pembangunan infrastruktur sukan memerlukan perancangan khusus serta rapi daripada Kerajaan Negeri kerana kos penyelenggaraannya adalah tinggi serta melibatkan pertambahan perjawatan.

KBS hanya akan mempertimbangkan sebarang permohonan fasiliti sukan baru jika ia menepati syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Ekonomi iaitu memastikan tapak/tanah perlu didaftarkan atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) dengan memperoleh pengesahan pihak Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) bahawa tapak adalah bebas bebanan dan sedia untuk dimasuki serta tiada isu tapak/tanah projek seperti setinggan, bantahan penduduk dan lokasi tidak sesuai apabila membuat permohonan projek fizikal binaan baharu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATUK NELSON W
ANGANG**

DATUK NELSON W ANGANG meminta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah usaha dan perancangan untuk membangunkan serta mempromosikan sektor pelancongan khususnya di daerah Kuala Penyu Sabah memandangkan pada waktu ini Syarikat Club Med telah melabur sebanyak RM400 juta di Kuala Penyu untuk membina resort pertama di Borneo yang dijangka siap tidak lama lagi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Tourism Malaysia melalui Pejabat Penyeliaan Pusat Penerangan Pelancongan (TIC) Sabah dan Pusat Penerangan Pelancongan (TIC) Labuan sentiasa membantu menguar-uarkan Daerah Kuala Penyu Sabah sebagai salah satu destinasi yang harus dilawati dan juga mempromosikan program-program pelancongan yang diadakan di Daerah Kuala Penyu di pelbagai platform media sosial pejabat dan juga melalui secara bersemuka di Pusat Penerangan Pelancongan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu dan Pusat Penerangan Pelancongan Labuan. Antara program yang telah diadakan pada tahun 2023 adalah seperti:-

Program Xpresi Media Cuti-Cuti Malaysia-Sabah 2023 telah diadakan pada 25 hingga 29 September 2023. Lawatan ini melibatkan daerah Kota Kinabalu, Keningau, Kuala Penyu dan Tenom. Seramai 20 peserta media termasuk dari Sabah telah dijemput mengikuti program ini. Antara lawatan produk pelancongan yang terlibat di Kuala Penyu ialah Pantai Sawangan dan Pulau Tiga @ Survivor Island.

Hasil daripada lawatan ini, para media telah membantu mempromosikan Daerah Beaufort melalui *repost* dan *viral* di pelbagai platform media sosial mereka.

Promosi dan Hebahan Acara oleh TIC Sabah dan TIC Labuan akan turut membantu mempromosikan produk-produk pelancongan Daerah Kuala Penyu di platform social media.

Pejabat Penyeliaan TIC Sabah juga akan bekerjasama dengan Lembaga Pelancongan Sabah (Sabah Tourism Board) untuk mengadakan program lawatan produk pelancongan bersama Media dan Persatuan Agensi Pelancongan di Daerah Kuala Penyu Sabah bagi mempromosikan destinasi ini.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATUK NELSON
W ANGANG

NELSON W ANGANG minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah individu yang berstatus tanpa warganegara atau *stateless* yang dilahirkan di Sabah yang mana kedua-dua ibu bapa individu tersebut bukan berstatus warganegara Malaysia atau dikenal pasti sebagai pendatang asing tanpa izin (PATI).

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) hanya merekodkan pendaftaran kelahiran yang berstatus warganegara dan bukan warganegara sahaja. Justeru, JPN tidak mempunyai rekod bagi individu berstatus *stateless*.

Berdasarkan rekod JPN dari tahun 2019 sehingga 30 Jun 2024, sebanyak 31,404 pendaftaran kelahiran individu bertaraf bukan warganegara telah direkodkan di Sabah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DR. LINGESHWARAN A/L
DATO' SERI R. ARUNASALAM**

DR. LINGESHWARAN A/L DATO' SERI R. ARUNASALAM minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan kemudahan kesihatan dalam bidang sukan e-sports dan berapakah kes pemain e-sports yang tercedera atau meninggal dunia akibat intensive gaming. Apakah langkah-langkah Kementerian untuk memantau dan mengatasi kemudahan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga kini, tiada sebarang kecederaan serius atau kematian yang telah direkodkan dalam kejohanan sukan elektronik yang dianjurkan Kementerian mahupun mana-mana kes yang dilaporkan kepada pihak Kementerian.

Tidak dinafikan, sukan elektronik (*e-sports*) turut mempunyai risiko kecederaan seperti kecederaan muskuloskeletal, masalah kesihatan penglihatan dan pendengaran. Walaupun kecederaan ini berbentuk *non-traumatic*, ia berpotensi menjejaskan prestasi pemain dan implikasi jangka masa panjang kepada individu tersebut. Namun begitu, pengurusan pencegahan kecederaan seperti senaman regangan secara berkala, pengurusan ergonomik perkakasan (sama ada menggunakan komputer, konsol mahupun peranti mudah alih), dan menghadkan sesi permainan mampu mengurangkan risiko berkenaan.

Kementerian Belia dan Sukan menerusi penerbitan Garis Panduan Pembangunan Sukan Elektronik Kebangsaan (NESDEG) pada tahun lalu telah menekankan aspek kesedaran dan pencegahan kepada kecederaan dalam *e-sports* di dalam Teras 6 Aplikasi Sains dan Perubatan Sukan dalam Sukan Elektronik yang dibangunkan menerusi kerjasama Esports Integrated (ESI) dan Institut Sukan Negara (ISN). Ia adalah sebahagian usaha advokasi pendidikan yang dilakukan bagi membendung kemudaratan dalam *e-sports*. NESDEG adalah merupakan dokumen hidup (*living document*) yang akan dikemaskini dan ditambah baik dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DR. LINGESHWARAN A/L
DATO' SERI R. ARUNASALAM**

DR. LINGESHWARAN A/L DATO' SERI R. ARUNASALAM minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan berkenaan isu industri semikonduktor dan hasrat negara Malaysia untuk menjadi *Silicon Valley* di Asia. Apakah usaha-usaha pihak Kerajaan untuk menarik pelaburan asing (capital inflow), meningkatkan sumber manusia dan *talent pool* serta meningkatkan *value chain* Malaysia sebagai hab semikonduktor yang terunggul seantero dunia.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Industri semikonduktor memberi sumbangan yang besar kepada ekonomi negara. Sepanjang tahun 2023, sektor ini telah menyumbang sebanyak RM69.4 bilion (82%) daripada RM84.5 bilion jumlah pelaburan yang diluluskan bagi projek elektrik dan elektronik (E&E). Malaysia juga merupakan pengeksport keenam terbesar dunia bagi semikonduktor dengan nilai eksport direkodkan sebanyak RM387.45 bilion, iaitu mewakili 31.8% daripada keseluruhan eksport barangan pembuatan negara, dan 67.3% daripada eksport produk E&E.

Sungguhpun demikian, industri semikonduktor negara turut menghadapi beberapa cabaran dalam mengekalkan pertumbuhan dan daya saing di peringkat global. Antara isu - isu dan cabaran utama yang telah dikenalpasti di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dan Pelan Hala Tuju Elektrikal dan Elektronik (Pembangunan Teknologi) 2021-2030 ialah aktiviti semikonduktor tertumpu kepada pembuatan *back-end* yang mempunyai nilai ditambah yang rendah dan kurangnya aktiviti *front-end* yang lebih kompleks dan bernilai tambah lebih tinggi, termasuk aktiviti penyelidikan dan pembangunan (*research and development* - R&D) tempatan. Sektor semikonduktor turut menghadapi cabaran dalam mendapatkan bakat tempatan yang berkemahiran dan memenuhi keperluan industri semasa. Kelembapan ekonomi global serta ketegangan geopolitik seperti perang perdagangan Amerika Syarikat – China dan krisis Rusia - Ukraine turut memberi kesan secara tidak langsung kepada sektor semikonduktor negara seperti peningkatan kos perniagaan akibat daripada pengenaan tarif dan gangguan dalam rangkaian bekalan global.

Sehubungan itu, antara langkah - langkah yang dilaksanakan oleh Kerajaan dalam memperkukuhkan rangkaian ekosistem industri semikonduktor adalah merangkumi pemberian insentif fiskal berbentuk pengecualian cukai secara Taraf Perintis, Elaun Cukai Pelaburan atau Galakan Cukai Istimewa penempatan semula ke Malaysia serta pelaksanaan Program Pembangunan Pembekal Tempatan.

Kerajaan juga telah melancarkan Pelan Induk Perindustrian Baharu (*New Industrial Master Plan - NIMP*) 2030 pada 1 September 2023 dan Strategi Semikonduktor Nasional (SSN) pada 28 Mei 2024 yang menggariskan dengan jelas hala tuju pembangunan sektor semikonduktor sehingga tahun 2030 dalam usaha untuk meningkatkan keupayaan sektor semikonduktor negara agar lebih mampan dan berdaya saing termasuk di peringkat global.

NIMP 2030 sebagai contoh memberi tumpuan untuk membangunkan syarikat reka bentuk litar bersepadu (*Integrated Circuit Design – IC Design*) tempatan yang berdaya saing di peringkat global dan menarik pelaburan dalam aktiviti fabrikasi *wafer* yang mampu memperkukuhkan lagi kedudukan Malaysia sebagai pemain utama sektor pembuatan semikonduktor di rantau ini. NIMP 2030 menggariskan strategi Kerajaan ke arah meningkatkan pelaburan dalam keseluruhan rantaian nilai semikonduktor dengan menggalakkan penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi, serta menyediakan tenaga kerja berkemahiran tinggi.

SSN pula telah menggariskan lima sasaran utama seperti berikut:

- i. Menarik pelaburan sekurang-kurangnya RM500 bilion dalam sektor semikonduktor, khususnya di dalam *IC Design*, pembungkusan termaju, fabrikasi *wafer* dan pembuatan peralatan semikonduktor;
- ii. Melahirkan sekurang-kurangnya 10 syarikat Malaysia dalam reka bentuk dan pembungkusan termaju dengan pendapatan antara RM1 bilion dan RM4.7 bilion; dan melahirkan sekurang-kurangnya 100 syarikat berkaitan semikonduktor yang mampu meraih pendapatan hampir RM1 bilion, dan mewujudkan gaji yang lebih tinggi untuk pekerja – pekerja di Malaysia;
- iii. Membangunkan Malaysia menjadi sebuah pusat R&D global untuk semikonduktor, dengan menyediakan universiti bertaraf dunia, pusat R&D, pusat kecemerlangan yang menggabungkan bakat terbaik di Malaysia dan antarabangsa;

- iv. Melatih dan meningkatkan kemahiran 60,000 jurutera tempatan berkemahiran tinggi untuk memenuhi peluang pekerjaan dalam sektor semikonduktor; dan
- v. Memperuntukkan sekurang-kurangnya RM25 bilion dalam bentuk sokongan fiskal untuk menjayakan pelaksanaan SSN.

Dalam pada masa yang sama, Kerajaan juga telah mengambil pendekatan proaktif di dalam membentuk ekosistem semikonduktor yang mampan melalui kepimpinan dasar dan kerjasama strategik di antara pihak Kerajaan dan swasta dengan menubuhkan *Pasukan Petugas Strategik Semikonduktor Kebangsaan (National Semiconductor Strategic Task Force - NSSTF)* melalui Majlis Pelaburan Negara pada 9 Januari 2024. Kerjasama ini menandakan komitmen untuk memperkasa industri semikonduktor dan menarik pelaburan strategik dengan melibatkan pelbagai pihak berkepentingan, termasuk pemain industri, penggubal dasar, dan ahli akademik. Antara fokus utama NSSTF di peringkat awal ini adalah untuk menangani isu – isu asas yang berkaitan, seperti insentif, bakat dan ekosistem industri semikonduktor.

Langkah - langkah yang dinyatakan ini dijangka akan dapat mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai pemain utama dalam landskap semikonduktor global terutamanya di dalam bidang penyelidikan, pembangunan, perkilangan dan perkhidmatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DR. LINGESHWARAN A/L
DATO' SERI R. ARUNASALAM**

DR. LINGESHWARAN A/L DATO' SERI R. ARUNASALAM minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah orang yang memohon dan ditawarkan program-program sarjana dalam bidang perubatan di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) mengikut pecahan etnik bagi 5 tahun kebelakangan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan Sistem MyMohes di Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), bilangan kemasukan pelajar dalam program-program sarjana bidang perubatan di Universiti Awam (UA) bagi tahun 2019 hingga tahun 2023 mengikut taraf Bumiputera dan Bukan Bumiputera adalah seperti berikut:
 - i. Bumiputera: 2,570 orang.
 - ii. Bukan Bumiputera: 1,525 orang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DR. LINGESHWARAN A/L
DATO' SERI R. ARUNASALAM**

DR. LINGESHWARAN A/L DATO' SERI R. ARUNASALAM minta **MENTERI KESIHATAN** adakah strategi kawalan penyakit tidak berjangkit khususnya penyakit metabolik seperti kencing manis, darah tinggi dan kolesterol telah gagal. Apakah pendekatan baru yang akan diperkenalkan pihak Kerajaan untuk menangani isu ini memandangkan penyakit jantung, angin ahmar dan penyakit buah pinggang semakin meningkat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. KKM telah melaksanakan pelbagai strategi bagi menangani masalah penyakit tidak berjangkit di negara ini. Berdasarkan pemantauan yang dilakukan secara berkala bagi melihat keberkesanan strategi bagi tujuan tersebut, ia telah menunjukkan impak positif. Merujuk laporan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi atau National Health Morbidity Survey (NHMS) 2023 iaitu telah menunjukkan :
 - a) peningkatan tahap literasi kesihatan rakyat Malaysia yang mencukupi daripada 40.7% (NHMS 2019) kepada 48.5% dimana individu mempunyai keupayaan yang agak baik untuk mengakses, memahami, menilai, dan mengaplikasikan maklumat berkaitan kesihatan.
 - b) penurunan prevalen bagi:
 - i. Diabetes daripada 18.3% (2019) kepada 15.6% (2023)
 - ii. Tekanan Darah Tinggi – 30.0% (2019) kepada 29.2% (2023)
 - iii. Kolesterol tinggi – 38.1% (2019) kepada 33.3% (2023)
 - c) penurunan peratus mereka yang belum dikesan (undiagnosed) perbandingan NHMS 2019 dan NHMS 2023 iaitu
 - i. Diabetes: 8.9% (2019) kepada 5.9% (2023)
 - ii. Tekanan darah tinggi: 14.1% (2019) kepada 11.9% (2023)

- iii. Kolesterol tinggi: 24.6% (2019) kepada 18.0% (2023)
2. Penyakit tidak berjangkit (NCD) adalah antara cabaran paling penting di peringkat global termasuk negara Malaysia. NCD merupakan penyakit kronik dan adalah hasil daripada interaksi sepanjang hayat antara faktor genetik, tingkah laku dan persekitaran. Pendekatan yang boleh membantu dalam usaha menangani masalah NCD memerlukan komitmen padu daripada pelbagai sektor bagi menangani masalah NCD secara holistik dan komprehensif.
3. Justeru, dokumen Pelan Strategi untuk menangani masalah NCD dibangunkan dengan penglibatan daripada pelbagai sektor agensi kerajaan, bukan kerajaan, badan-badan persatuan, komuniti dan universiti yang berkaitan. Antaranya adalah Pelan Strategik Kebangsaan NCD (National Strategic Plan for Non-Communicable Diseases atau NSP-NCD) 2016-2025; Pelan Strategik Kebangsaan bagi Kawalan Tembakau dan Produk Merokok (2021-2030); Pelan Strategik Kebangsaan Memerangi Masalah Beban Berganda Malpemakanan dalam kalangan kanak-kanak (2023-2030); Pelan Strategik Kebangsaan bagi Hidup Secara Aktif (2017-2025), Child Health 2021-2030 A National Framework To Reduce The Under-5 Mortality And Support Child Growth & Development, Salt Reduction Strategy dan Pelan Komunikasi Agenda Nasional Malaysia Sihat.
4. Program pemerksaan masyarakat melalui Program Komuniti Sihat Pembina Negara (KOSPEN) yang telah diwujudkan semenjak tahun 2013 akan terus diperkukuhkan. KOSPEN menawarkan pelbagai aktiviti promosi dan advokasi yang dilaksanakan melalui pemerksaan komuniti, seperti amalan pemakanan sihat, saringan

kesihatan sendiri, program pengurusan berat badan, kesihatan minda, dan aktiviti fizikal. Sehingga kini terdapat 914 lokaliti KOSPEN di seluruh Malaysia dengan jumlah sukarelawan seramai 7419 orang.

5. Inisiatif Saringan Kesihatan Kebangsaan atau National Health Screening Initiatives (NHSI) yang telah dilaksanakan sejak 2022 yang mana sasaran saringan pada tahun 2024 adalah sebanyak dua (2) juta saringan. Aktiviti saringan kesihatan ini adalah bertujuan pengesanan awal masalah NCD, seterusnya membolehkan intervensi atau rawatan awal dapat diberikan. Sehingga 12 Julai 2024, jumlah saringan yang telah dilaksanakan adalah sebanyak 1,036,001 (51.8%). Hasil saringan kesihatan kepada individu yang tidak mempunyai sejarah NCD sebelum ini di fasiliti kesihatan KKM menunjukkan sebanyak 8.5% mempunyai paras glukosa tinggi, 16.3% mempunyai darah tinggi dan 40.9% mempunyai paras kolesterol tinggi.

6. Antara pendekatan baharu yang akan dilaksanakan oleh KKM adalah selari dengan matlamat Kertas Putih Kesihatan iaitu mereformasi sistem kesihatan negara secara sistemik bagi meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan rakyat dengan mengambil kira cabaran terkini termasuk peningkatan rakyat menua, memastikan sistem kesihatan lebih saksama, mampan dan berdaya tahan. Aspek pengukuhan sistem penjagaan kesihatan primer (Primary Health Care) akan lebih diteliti agar sumber dapat dioptimalkan, penglibatan *whole of nation*, kualiti perkhidmatan penyampaian kesihatan di peringkat primer dapat dipertingkatkan dan juga pemerkasaan kerjasama awam-swasta (*public private partnership*). Pengwujudan PPP ini bertujuan untuk memperkukuhkan strategi kawalan dan

pencegahan NCD seperti pemerksaan komuniti dalam aspek pelaksanaan intervensi gaya hidup sihat bagi meningkatkan kualliti kehidupan pesakit di peringkat komuniti dan juga di fasiliti kesihatan. Selain itu, PPP membantu dalam usaha pemantapan pengetahuan dalam kalangan anggota kesihatan dengan menggunakan aplikasi teknologi yang bersesuaian. Antara contoh PPP adalah mewujudkan memorandum kerjasama bersama Monash Universiti melalui program komuniti di Johor, memorandum *Diabetic Life Style Program* (DLP) bagi meningkatkan pengetahuan anggota kesihatan untuk memberikan intervensi gaya hidup sihat kepada pesakit Diabetes dan Memorandum Persefahaman (MOU) bagi Perkhidmatan Berhenti Merokok mQuit 2020 hingga 2025. Dengan pelbagai inisiatif baharu, usaha sama dengan beberapa kementerian lain seperti Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional (JPNIN) dan KEMAS, ia membolehkan perkongsian sumber dan menjadi tanggungjawab bersama bagi meningkatkan kawalan dan pencegahan penyakit NCD.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DR. LINGESHWARAN A/L
DATO' SERI R. ARUNASALAM**

DR. LINGESHWARAN A/L DATO' SERI R. ARUNASALAM minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada pihak Kerajaan bercadang untuk mewajibkan Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang Malaysia menerbitkan laporan tahunan yang mengandungi perincian pengoperasiannya serta statistik Peperiksaan Sijil Amalan Guaman bagi tahun tersebut dan laporan tahunan ini dibentangkan di Parlimen.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang Malaysia (Lembaga Kelayakan) tidak dikehendaki oleh undang-undang yang sedia ada, iaitu Akta Profesion Undang-Undang 1976 [*Akta 166*], untuk menerbitkan Laporan Tahunan. Oleh itu, pada masa ini tiada Laporan Tahunan yang disediakan oleh Lembaga Kelayakan.

2. Dalam hal ini, Lembaga Kelayakan bersedia menerbitkan Laporan Tahunan untuk memperincikan pengoperasian pejabat Lembaga Kelayakan dan statistik berkaitan dengan Peperiksaan Sijil Amalan Guaman. Walau bagaimanapun, Akta Profesion Undang-Undang 1976 perlu dipinda terlebih dahulu untuk mewajibkan Lembaga Kelayakan menerbitkan Laporan Tahunannya dan membentangkan Laporan Tahunan tersebut di Parlimen.

3. Berkenaan dengan statistik berkaitan dengan Peperiksaan Sijil Amalan Guaman, Lembaga Kelayakan memaparkan statistik tersebut pada setiap tahun dalam portal rasmi Lembaga Kelayakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR TUAN ROBERT LAU HUI
YEW**

TUAN ROBERT LAU HUI YEW minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan jumlah yang telah dibelanjakan dalam usaha mempromosikan pelancongan di Sarawak pada tahun 2023 dan 2024. Senaraikan projek-projek dan kawasan-kawasan di Sarawak yang telah dipromosikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tempoh 2023 sehingga 2024 sebanyak RM756,500.00 telah diperuntukkan kepada Tourism Malaysia selaku agensi pemasaran pelancongan di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya dalam usaha untuk mempromosikan Sarawak sebagai destinasi pelancongan.

Antara aktiviti promosi yang telah dijalankan ialah lawatan media ke Sarawak Delta Geopark yang merangkumi kawasan Kuching, Bau dan Padawan serta Daerah Sri Aman dan Betong, Bintulu dan Miri. Selain itu, jerayawara telah dilaksanakan di Johor dan Pulau Pinang bersama agensi pelancongan dari Sarawak untuk mempromosikan produk dan destinasi pelancongan. Beberapa pakej pelancongan juga telah dibangunkan seperti pakej pelancongan 'Sarawak Delta Geopark & Gawai 2024' dan '*Fly Borneo Specials* Edisi Kedua'.

Tourism Malaysia juga giat meneroka produk-produk pelancongan baharu yang berpotensi untuk dipromosikan di peringkat domestik dan antarabangsa. Antara yang sedang giat dipromosikan adalah Sarawak Delta Geopark yang merangkumi Daerah Kuching, Bau dan Daerah Kecil Padawan kerana terdapat unsur-unsur formasi geologi di samping pelbagai keindahan flora dan fauna selain keunikan budaya dan warisan.

Taman Negara Gunung Mulu yang merupakan Tapak Warisan Dunia yang diiktiraf UNESCO juga merupakan salah satu destinasi utama bagi penggemar pengembaraan dan warisan sejarah geologi. Antara lokasi

NO. SOALAN : 88

terkenal di taman negara berkenaan adalah Gua Clearwater, Gua Rusa, formasi batuan yang menyerupai Abraham Lincon serta formasi kelawar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR TUAN ROBERT LAU HUI
YEW**

TUAN ROBERT LAU HUI YEW minta **MENTERI PELABURAN,
PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah yang
diperuntukkan di bawah Strategi Semikonduktor Nasional (NSS) kepada
Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

YAB Perdana Menteri telah mengumumkan Strategi Semikonduktor Nasional (SSN) pada 28 Mei 2024 sewaktu persidangan SEMICON Southeast Asia 2024 di Kuala Lumpur. Pengumuman ini bertepatan dengan situasi dan peluang yang terbentang untuk Kerajaan memberi isyarat kepada syarikat-syarikat global dan tempatan dalam sektor semikonduktor mengenai halatuju Kerajaan dalam menyokong pembangunan sektor ini. Dasar dan halatuju yang diwarwarkan bertujuan menarik pelaburan berkualiti dalam sektor semikonduktor tempatan supaya Malaysia kekal relevan, mampu memikat pelaburan dan lebih berdaya saing sebagai salah sebuah hub semikonduktor dunia.

Pelaksanaan SSN ini melangkaui negeri dan tidak hanya tertumpu kepada negeri – negeri tertentu sahaja. Sehubungan itu, kerjasama dan sokongan daripada semua pihak Kerajaan Negeri amatlah dialu-alukan supaya sasaran yang telah ditetapkan dalam SSN dapat dilaksana dan dicapai sepenuhnya. SSN telah menggariskan lima sasaran utama seperti berikut:

- i. Menarik pelaburan sekurang-kurangnya RM500 bilion dalam sektor semikonduktor, khususnya di dalam reka bentuk litar bersepadu (*Integrated Circuit* – IC), pembungkusan termaju, fabrikasi wafer dan pembuatan peralatan semikonduktor;
- ii. Melahirkan sekurang-kurangnya 10 syarikat Malaysia dalam reka bentuk dan pembungkusan termaju dengan pendapatan antara RM1 bilion dan RM4.7 bilion; dan melahirkan sekurang-kurangnya 100 syarikat berkaitan semikonduktor yang mampu meraih pendapatan hampir RM1 bilion, dan mewujudkan gaji yang lebih tinggi untuk pekerja – pekerja di Malaysia;
- iii. Membangunkan Malaysia menjadi sebuah pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) global untuk semikonduktor, dengan

menyediakan universiti bertaraf dunia, pusat R&D, pusat kecemerlangan yang menggabungkan bakat terbaik di Malaysia dan antarabangsa;

- iv. Melatih dan meningkatkan kemahiran 60,000 jurutera tempatan berkemahiran tinggi untuk memenuhi peluang pekerjaan dalam sektor semikonduktor; dan
- v. Memperuntukkan sekurang-kurangnya RM25 bilion dalam bentuk sokongan fiskal untuk menjayakan pelaksanaan SSN.

Kerajaan melalui Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) sentiasa mengambil langkah-langkah yang proaktif dalam usaha menarik pelaburan asing dan tempatan, dalam pelbagai sektor ke mana-mana negeri di Malaysia dan akan terus bekerjasama secara strategik dengan kesemua pihak kerajaan negeri dan agensi-agensi berkaitan. MIDA akan berusaha memastikan strategi promosi pembangunan pelaburan adalah berdasarkan kepada kekuatan dan kesesuaian ekosistem sesebuah negeri.

Buat masa ini tiada peruntukan khusus mengikut negeri diberikan. Pelaksanaan serta peruntukan di bawah SSN ini adalah untuk mencapai lima sasaran utama yang telah digariskan, berdasarkan kepada aktiviti utama yang telah ditetapkan, iaitu seperti reka bentuk IC, pembungkusan termaju, fabrikasi wafer dan pembuatan peralatan semikonduktor.

Kerajaan Negeri Sarawak mempunyai kelebihan dalam sektor tenaga boleh diperbaharui, dan boleh digunakan sebagai daya tarikan untuk menarik pelaburan hijau dalam sektor semikonduktor. Kerajaan percaya melalui Strategi Pembangunan Pasca Covid – 19 (PCDS 2030) yang telah dilancarkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak serta ketersediaan infrastruktur yang baik dapat membantu industri semikonduktor di Sarawak terus berkembang dan membantu membuka peluang pekerjaan berpendapatan tinggi kepada anak tempatan.

Bagi negeri Sabah pula, Kerajaan negeri diharapkan boleh bersama menarik pelaburan dalam bidang reka bentuk IC dengan menyediakan

peruntukan kewangan atau menyediakan bantuan yang bersesuaian seperti memudahcara perniagaan terutamanya kepada syarikat *IC Design* tempatan. Sebagai contoh, inisiatif Kerajaan Negeri Selangor dan Pulau Pinang, yang masing – masing menubuhkan *Selangor IC Design Park* dan *IC Design and Digital Park* di Pulau Pinang dapat menyokong dan merancakkan lagi pembangunan syarikat *IC Design* di dalam negara.

MITI sentiasa terbuka untuk mengadakan sesi libat urus bersama kerajaan negeri Sabah dan Sarawak dalam meneroka potensi pembangunan industri semikonduktor. Kaedah ini adalah satu permulaan terbaik berlandaskan kepada pendekatan seluruh kerajaan, atau *whole-of-government* serta pendekatan senegara (*whole-of-nation*) yang diterapkan di bawah kepimpinan Kerajaan MADANI. Diharapkan kerjasama ini dapat membawa sektor semikonduktor negara ke peringkat yang lebih bernilai tinggi dan meningkatkan kompleksiti keluaran dan perkhidmatan dalam industri E&E negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATUK WIRA KOH NAI
KWONG**

DATUK WIRA KOH NAI KWONG minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang lebih memilih untuk terus bekerja berbanding menyambung pelajaran ke peringkat pengajian tinggi mengikut kaum dan negeri sejak 2019 dan apakah pendekatan pihak Kementerian bagi menangani fenomena dilema terhadap para pelajar ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) prihatin terhadap hala tuju murid lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) selepas tamat persekolahan untuk menyambung pendidikan ke peringkat tertiar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, KPM melaksanakan Pengesanan Lepas SPM bertujuan untuk mengumpul status murid selepas meninggalkan alam persekolahan. Berdasarkan maklumat pengesanan murid lepasan SPM melalui sistem eProfil Kerjaya Murid (ePKM), sejumlah 378,902 murid memilih bekerja berbanding 754,784 murid yang menyambung pelajaran selepas tamat persekolahan bagi tahun 2019 hingga 2022.

Menyedari kepentingan pendidikan tertiar kepada murid lepasan SPM, KPM telah melancarkan beberapa inisiatif baharu, seperti Program SUKSES Karnival Pendidikan Kerjaya Murid kerjasama universiti awam dan swasta serta agensi yang menawarkan biasiswa, pinjaman serta kemudahan bagi menarik minat murid melanjutkan pengajian ke peringkat tertiar. Program ini membawa konsep pusat sehenti bermaklumat dan perkongsian pintar berasaskan kepakaran seperti pameran kerjaya, konsultasi pilihan kerjaya, ujian minat kerjaya, bengkel temuduga dan promosi pengajian tinggi termasuk peringkat matrikulasi dan institusi latihan kemahiran.

Selain itu, KPM mengoptimumkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah melalui Program Pendidikan Kerjaya. Guru Bimbingan dan Kaunseling diberikan pendedahan kepada maklumat berkaitan pendidikan tinggi serta kerjaya terkini supaya mereka dapat memainkan peranan penting membimbing murid mengenal pasti peluang yang mereka ada selepas SPM mengikut bidang diminati dan bersesuaian dengan kemampuan serta kemahiran masing-masing.

NO SOALAN: 90

KPM juga melaksanakan Pentaksiran Psikometrik (PPsi) dalam Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) bagi membantu murid mengenal pasti kecenderungan, kebolehan semula jadi, personaliti, bakat dan minat dalam menentukan hala tuju kerjaya serta membuat pilihan bagi menyambung pelajaran selepas tamat persekolahan dengan lebih tepat dan bersesuaian semasa di peringkat sekolah lagi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATO' SIVARAJ A/L
CHANDRAN**

DATO' SIVARAJ A/L CHANDRAN minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:

- (a) statistik terkini mengenai jururawat Malaysia yang berhijrah ke luar negara; dan
- (b) langkah-langkah yang diambil untuk mengekalkan jururawat di dalam negara bagi memastikan sistem kesihatan tidak terjejas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi tahun 2023 seramai 2,445 orang jururawat telah berhijrah keluar negara iaitu 259 jururawat dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), 633 fasiliti kesihatan kerajaan selain KKM dan 1,553 daripada fasiliti kesihatan swasta. Manakala bagi tahun 2024, dari bulan Januari hingga April seramai 915 orang jururawat telah berhijrah ke luar negara iaitu 84 dari KKM, 32 fasiliti kesihatan kerajaan selain KKM dan 794 daripada fasiliti kesihatan swasta. Kebanyakan jururawat yang berhijrah adalah tertumpu kepada negara seperti Arab Saudi, Singapura, United Kingdom, Brunei dan lain-lain.

2. Antara faktor utama penarik untuk jururawat berhijrah keluar KKM adalah insentif serta gaji lebih tinggi yang ditawarkan oleh fasiliti swasta termasuk di luar negara. Sehubungan itu, bagi menangani isu penghijrahan jururawat, pelbagai inisiatif dalam bentuk monetari dan bukan monetari telah dilaksanakan, antaranya:
 - (a) menawarkan gaji permulaan pada gred lantikan bagi:
 - (i) jururawat gred U29 berjumlah RM2,876.00 dengan kenaikan gaji tahunan (KGT) sebanyak RM145.00; dan
 - (ii) jururawat gred U41 berjumlah RM3,450.45 dengan KGT sebanyak RM225.00.

NO SOALAN: 91

- (b) pemberian Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal (BIPK) atas kadar 15% daripada gaji pokok kepada jururawat dalam Kumpulan Pelaksana yang mana kadar tersebut adalah lebih tinggi berbanding BIPK diterima Kumpulan Pelaksana dalam skim perkhidmatan awam lain;
- (c) pemberian BIPK atas kadar 5% daripada gaji pokok kepada jururawat dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) atau 10% daripada gaji pokok kepada jururawat dalam Kumpulan P&P yang terlibat dalam pelaksanaan opsyen tukar lantik ke skim perkhidmatan Jururawat Bersepadu pada tahun 1 Januari 2005;
- (d) pemberian Bayaran Insentif Mengikut Lokasi dan Tahap Kesusahan atas kadar RM500.00 sebulan hingga RM1,500.00 sebulan kepada jururawat yang bertugas di fasiliti kesihatan yang dikategorikan sebagai kawasan pedalaman;
- (e) pemberian Bayaran Insentif Merawat Pesakit Psikiatri, Tibi dan Kusta sebanyak RM100.00 sebulan kepada jururawat yang terlibat secara sepenuh masa merawat pesakit psikiatri, tibi dan kusta;
- (f) pemberian Bayaran Insentif Perkhidmatan Kesihatan Udara sebanyak RM30.00 bagi satu penerbangan pergi dan balik kepada jururawat yang terlibat dalam perkhidmatan kesihatan udara;

NO SOALAN: 91

- (g) pemberian Bayaran Insentif Pos Basik sebanyak RM100.00 sebulan kepada jururawat yang memiliki sijil pos basik dan menggunakan kemahiran dalam bidang pos basik yang dimiliki;
- (h) peluang kenaikan pangkat bagi jururawat dalam Kumpulan Pelaksana (gred U29, U32, U36) ke jawatan jururawat gred U42 dalam Kumpulan P&P selaras dengan perbekalan kenaikan pangkat dibawah skim perkhidmatan bersepadu jururawat mulai 1 Januari 2005;
- (h) peluang kenaikan pangkat secara *time-based* berasaskan kecemerlangan (TBK) yang tidak terikat kepada kekosongan jawatan di gred kenaikan pangkat. Dalam hal ini, jururawat yang telah memenuhi tempoh 13 tahun atau lebih di gred U29 boleh dinaikkan pangkat secara TBK 1 ke Gred U32 manakala jururawat yang telah memenuhi tempoh 13 tahun atau lebih di gred U32 boleh dinaikkan pangkat secara TBK 2 ke Gred U36; dan
- (i) peluang untuk mengikuti kursus lanjutan (Pos Basik atau Diploma Lanjutan) dengan Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) untuk tempoh enam (6) hingga 12 bulan di Institut Latihan Kementerian Kesihatan (ILKKM).

4. Bagi menjaga kebajikan jururawat, KKM juga telah mengemukakan cadangan kepada agensi pusat untuk menambahbaik gaji, insentif, kemudahan dan laluan kerjaya Jururawat. Perkara ini masih dalam pertimbangan agensi pusat berikutan Kerajaan sedang memuktamadkan

Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA).

5. KKM dengan sokongan agensi pusat terus menambah baik persekitaran kerja, insentif dan kemudahan dari semasa ke semasa. Penambahbaikan yang dilaksanakan diharapkan dapat menangani atau sekurang-kurangnya meminimumkan kecenderungan jururawat untuk berhijrah keluar dari KKM. Perkara ini kerana isu penghijrahan pekerja dari satu organisasi ke suatu organisasi lain merupakan isu *universal* dan turut berlaku dalam bidang pekerjaan yang lain.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATO' SIVARAJ A/L
CHANDRAN**

DATO' SIVARAJ A/L CHANDRAN minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:-

- (a) jumlah penyertaan pelajar India dalam program Latihan Separa Perubatan di Institut Latihan Kementerian Kesihatan; dan
- (b) punca kurang penyertaan ini dan strategi khusus untuk meningkatkan penyertaan pelajar India dalam bidang kesihatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM) merupakan institusi latihan selain daripada institusi latihan swasta dalam negara yang menawarkan latihan paramedik dan auksiliari kesihatan kepada lepasan sekolah. Setelah menjalani latihan dengan jaya, pelatih akan ditawarkan pelantikan secara kontrak untuk berkhidmat dengan KKM dan kemudiannya pelantikan secara tetap tertakluk kepada kekosongan perjawatan dari semasa ke semasa.

2. Buat masa ini, sebanyak 13 program Latihan Separa Perubatan ditawarkan di 19 buah ILKKM seperti berikut:
 - (a) Diploma Kejururawatan;
 - (b) Diploma Sains Perubatan dan Kesihatan;
 - (c) Diploma Farmasi;
 - (d) Diploma Kesihatan Persekitaran;
 - (e) Diploma Teknologi Makmal Perubatan;
 - (f) Diploma Terapi Cara Kerja;
 - (g) Diploma Fisioterapi;
 - (h) Diploma Pengimejan Perubatan;
 - (i) Diploma Radioterapi;
 - (j) Diploma Terapi Pergigian;
 - (k) Diploma Teknologi Pergigian;
 - (l) Sijil Pembantu Pembedahan Pergigian; dan
 - (m) Sijil Pembantu Kesihatan Awam.

3. Pengambilan pelatih dilaksanakan sebanyak dua (2) kali dalam setahun iaitu pada Januari dan Julai menerusi Sistem Pendaftaran Pekerjaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA9). Calon dikehendaki melepasi Penilaian Peperiksaan Memasuki Perkhidmatan Awam (PSEE) secara dalam talian sebelum dipanggil untuk temuduga. Hanya calon yang berjaya dalam temuduga ditawarkan penempatan latihan. Analisis terhadap data SPA dalam tempoh 2020 hingga 2023 menunjukkan bahawa hanya **121 (18.2%)** daripada sejumlah 663 calon berketurunan India yang melepasi syarat lantikan mengikut skim perkhidmatan dan tapisan pengambilan khususnya penilaian peperiksaan (PSEE) telah ditawarkan ke Program Latihan Separa Perubatan di ILKKM.
4. Selain itu, data pengambilan tahun 2024 hingga Julai pula menunjukkan bahawa seramai **68 (24.2%)** daripada 321 calon berketurunan India yang telah melepasi tapisan pengambilan telah ditawarkan ke Program Latihan Separa Perubatan di ILKKM.
5. KKM mendapati jumlah masih rendah dan usaha perlu dipergiatkan bagi meningkatkan lagi kejayaan calon berketurunan India untuk mengikuti Program Latihan Separa Perubatan di ILKKM. Justeru, antara inisiatif yang dilaksanakan adalah:
 - (a) menggalakkan lagi calon berketurunan India untuk memohon dengan SPA. Selain itu, mereka juga perlu meningkatkan pengetahuan dan lebih bersedia semasa menjalani proses tapisan pengambilan khususnya perlu lulus penilaian peperiksaan PSEE secara dalam talian yang dilaksanakan oleh SPA;

- (b) membuka iklan pengambilan Jururawat menerusi SPA bagi mendapatkan calon swasta. Menerusi pengambilan ini, calon berketurunan India boleh memohon dengan SPA bagi tujuan berkhidmat dengan KKM; dan
- (c) melaksanakan lebih 100 aktiviti promosi berkaitan Program Latihan Separa Perubatan menerusi reruai pameran dan ceramah kerjaya sebagai paramedik dan auksiliari di Program Madani Rakyat dan program jangkauan luar (*outreach*) KKM.

6. Menerusi pendekatan ini, diharapkan lebih ramai calon berketurunan India menaruh minat dan memohon untuk mengikuti Program Latihan Separa Perubatan di ILKKM serta seterusnya berkhidmat dengan KKM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATO' SIVARAJ A/L
CHANDRAN**

DATO' SIVARAJ AL CHANDRAN minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan :

- a) kesan perubahan iklim global seperti La Nina terhadap cuaca dan hujan di Malaysia; dan
- b) langkah jangka panjang yang diambil untuk adaptasi dan pengurangan impak serta strategi menghadapi La Nina dan mengurangkan risiko hujan lebat dan banjir.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Fenomena La Niña merupakan fenomena cuaca berskala besar yang berlaku di tengah dan timur Lautan Pasifik. Fenomena La Niña dikatakan berlaku apabila suhu permukaan laut di kawasan tropika di tengah dan timur Lautan Pasifik adalah lebih sejuk dari biasa. Fenomena ini dijangka memberi kesan kepada perubahan cuaca di negara-negara sekitar Lautan Pasifik sehingga ke rantau Asia Tenggara. Kejadian fenomena La Niña berintensiti lemah pernah berlaku pada tahun 2022 sehingga 2023 manakala La Niña berintensiti sederhana pernah berlaku pada tahun 2020 sehingga 2021 dan pada tahun 2021 sehingga 2022.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan tinjauan kebarangkalian daripada *National Oceanic And Atmospheric* (NOAA) dan *Climate Prediction Center* (CPC) yang berpusat di Amerika Syarikat, pada masa ini, *El Niño Southern Oscillation* (ENSO) berada dalam fasa neutral. Peralihan kepada La Niña akan mula terjadi pada Julai-September 2024 dan dijangka berterusan sehingga awal tahun 2025.

3. Di Malaysia, fenomena La Niña ini dijangka akan meningkatkan jumlah taburan hujan yang diterima oleh negara terutamanya di kawasan Pantai Timur Semenanjung dan Sabah jika ia berlaku semasa Monsun Timur Laut (MTL) kerana kawasan yang lebih lembap dan berawan akan terbentuk di rantau Asia Tenggara. Secara amnya, tiada corak peningkatan jumlah hujan yang konsisten semasa La Niña di Malaysia kerana setiap kejadian La Niña memberikan kesan yang unik dan berlainan.

4. Rekod Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) menunjukkan La Niña berintensiti lemah hingga sederhana tidak memberi kesan ketara dari segi corak taburan hujan negara. Semasa La Niña lemah atau sederhana berlaku, ia juga tidak memberi kesan yang ketara kepada suhu harian di Malaysia. Namun begitu, MET Malaysia agensi di bawah Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) akan memantau perkara ini dan sentiasa memberikan maklumat terkini mengenai status La Niña di laman web mereka.

5. Seterusnya berhubung langkah adaptasi dan pengurangan impak serta risiko hujan lebat dan banjir di seluruh negara, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah membuat persediaan kesiapsiagaan untuk mengurangkan risiko banjir kepada penduduk di kawasan *hotspot* banjir seluruh negara seperti berikut:

- i. Bilik Kawalan Operasi Pusat Ramalan dan Amaran Banjir (PRABN) diaktifkan untuk beroperasi 24 jam dalam menghasilkan ramalan kejadian banjir 7 hari ke hadapan dan memberi hebahan seawal 2 hari selepas mendapat ramalan cuaca dari MET Malaysia kepada agensi berkaitan pengurusan bencana banjir untuk dihebahkan kepada orang awam;
- ii. Membuat penyelarasan bersama pihak Berkuasa Negeri bagi menetapkan SOP pelepasan air empangan untuk meningkatkan keupayaan takungan banjir empangan semasa Monsun Timur Laut (MTL);

- iii. Sebanyak 737 unit pam bergerak pelbagai kapasiti sedia ditempatkan di semua lokasi *hotspot* banjir seluruh negara dan operator-operator pam di semua negeri telah dikenalpasti untuk bersedia dipanggil bertugas serta merta jika perlu;
- iv. Sebanyak 1342 Stesen Hidrologi Telemetry dipantau untuk mendapatkan data-data hujan dan aras air semasa;
- v. Memastikan 534 Siren Amaran Banjir yang dipasang di sungai-sungai utama dapat berfungsi dengan baik;
- vi. 162 Kamera/ CCTV dipasang bagi memantau kenaikan aras air sungai semasa; dan
- vii. Semua saluran komunikasi antara Pengarah-Pengarah JPS Negeri, Jurutera-jurutera Daerah serta Pegawai Hidrologi Negeri di peringkat daerah/ negeri/ pusat telah diaktifkan untuk kesiapsiagaan MTL.

6. Sebagai penyelesaian jangka panjang, lebih 190 projek dengan anggaran kos sebanyak RM17 billion telah diluluskan dalam *Rolling Plan 4* (RP4) Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) bagi melaksanakan projek seperti menaiktaraf infrastruktur dan saliran bandar, rancangan tebatan banjir, saliran bandar, pengurusan sungai saliran mesra alam, pengorekkan muara-muara sungai dan pemuliharaan struktur. Selain itu, kementerian juga melaksanakan program memperbaiki, mengindah, membersihkan dan merawat air sungai dan infrastruktur yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATO' SIVARAJ A/L
CHANDRAN**

DATO' SIVARAJ A/L CHANDRAN minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- (a) jika terdapat undang-undang atau regulasi yang mengawal pemberian kontrak Kerajaan kepada saudara mara pegawai tinggi Kerajaan; dan
- (b) langkah-langkah yang diambil untuk mencegah rundingan di bawah meja dan kronisme dalam proses pemberian kontrak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti sedia maklum, Agensi Kerajaan dikehendaki melaksanakan proses perolehan secara tender terbuka dan memastikan semua urusan berkaitan perolehan Kerajaan dilaksanakan berdasarkan tata kelola/amalan tadbir urus baik (*good governance practices*) dengan mematuhi prinsip-prinsip perolehan Kerajaan iaitu akauntabiliti awam, diuruskan secara telus, memberi nilai faedah terbaik, dilaksanakan dalam saingan terbuka serta secara adil dan saksama.

Sebagai usaha untuk mengawal pemberian kontrak Kerajaan kepada saudara mara pegawai tinggi Kerajaan dan langkah-langkah yang diambil untuk mencegah rundingan di bawah meja dan kronisme dalam proses pemberian kontrak, Kerajaan telah menguatkuasakan Pekeliling Perbendaharaan (PK 1.6) Integriti Dalam Perolehan Kerajaan mulai 1 Jun 2022. PK1.6 merupakan proses pengisytiharan sendiri (*Integrity Pact*) oleh semua pihak yang terlibat dengan proses perolehan Kerajaan untuk tidak menawar atau memberi rasuah sebagai dorongan mendapatkan sesuatu kontrak, atau bagi mempercepatkan sesuatu urusan perolehan Kerajaan, atau terlibat dengan pakatan tipuan bida. *Integrity Pact* ini akan melibatkan Pegawai Awam yang berkaitan proses perolehan, Ahli Jawatankuasa berkaitan perolehan, Ahli Pihak Berkuasa Melulus, syarikat dan pembida.

Pengenalan *Integrity Pact* dalam PK 1.6 yang boleh diakses dilaman web Kementerian Kewangan ini adalah selaras dengan komitmen Kerajaan dalam meningkatkan integriti pentadbiran awam melalui

pengecahan amalan rasuah serta pembocoran maklumat perolehan Kerajaan oleh entiti yang terlibat dengan proses perolehan kerajaan.

Selain itu, terdapat penekanan khusus untuk mengawal pemberian kontrak Kerajaan oleh Pegawai Awam yang terlibat dengan proses perolehan Kerajaan kepada saudara mara dengan merujuk kepada Seksyen 23, Akta Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 [Akta 694]. Seksyen 23, Akta SPRM 2009 ini menyatakan kesalahan salah guna jawatan atau salah guna kuasa dimana Pegawai Awam atau Anggota Pentadbiran Kerajaan menggunakan kedudukannya dalam membuat keputusan atau mengambil apa-apa tindakan berhubung dengan sesuatu perkara di mana dia, saudara atau sekutunya (kronisme) mempunyai kepentingan.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah pencegahan dalam memastikan semua perolehan Kerajaan dilaksanakan dengan lebih telus dan diharapkan akan dapat mengelak berlakunya ketirisan, rasuah, tipuan bida, kronisme dan penyalahgunaan kuasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATO' SIVARAJ A/L
CHANDRAN**

SENATOR DATO' SIVARAJ A/L CHANDRAN minta **MENTERI
PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan:

- (a) tindakan yang diambil untuk memastikan ikan yang ditangkap dan dijual di Malaysia bebas daripada mikroplastik; dan
- (b) mekanisme pemantauan yang ada untuk memastikan keselamatan makanan laut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan mengambil serius berhubung keselamatan makanan termasuk hasil tangkapan perikanan agar tidak memberi kemudahan kepada pengguna. Isu mikroplastik ditemui di dalam organisma dan persekitaran bukan sahaja dihadapi oleh Malaysia, tetapi juga di seluruh dunia.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) sentiasa membuat pemantauan keselamatan makanan serta mengambil tindakan yang wajar agar hasil tangkapan perikanan bebas daripada mikroplastik. Antara tindakan yang diambil adalah:

- (i) Memperkasakan pengurusan “pukat hantu” (*Abandoned, Lost, or Otherwise Discarded Fishing Gear, ALDFG*) kerana pukat hantu ini juga menyumbang kepada salah satu sumber mikroplastik di lautan. DOF sedang meneliti untuk mewajibkan penandaan kepada semua peralatan menangkap ikan dan peranti pengumpul ikan agar dapat meningkatkan kesedaran nelayan kepada tanggungjawab menjaga lautan, mengurangkan insiden *Ghost Fishing* akibat dari *Ghost Net* dan mengurangkan sumber pencemaran mikroplastik;
- (ii) Menggalakkan nelayan-nelayan untuk membawa pulang sampah-sampah seperti plastik yang ditemui semasa melakukan aktiviti-aktiviti penangkapan ikan. Pelaksanaan aktiviti seumpama ini dapat membantu mengurangkan pencemaran mikroplastik dalam ekosistem marin serta kematian ikan dan organisma marin yang lain;
- (iii) Meningkatkan kesedaran masyarakat berhubung kesan pencemaran mikroplastik terhadap hidupan marin/akuatik serta tanggungjawab masyarakat dalam menangani isu ini;
- (iv) Menyarankan pengguna membuang organ seperti insang dan saluran perut yang menjadi saluran utama kemasukan mikroplastik

ke dalam ikan. Walaupun mikroplastik dijumpai di dalam tisu ikan, jumlahnya adalah sangat kecil berbanding dengan kelimpahan mikroplastik di dalam organ yang dibuang seperti insang dan saluran perut; dan

- (v) Bekerjasama dengan agensi seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta kerajaan negeri dalam mengawal selia dan menguatkuasa aktiviti pembuangan sisa ke persekitaran marin/akuatik dari semasa ke semasa bagi menjamin keselamatan makanan laut negara.

Sementara itu, antara usaha KPKM ke arah memperkasa pemantauan bagi memastikan keselamatan makanan laut adalah:

- (i) KPKM melalui melalui Institut Penyelidikan Perikanan (IPP) Batu Maung sentiasa melaksanakan penyelidikan berkala pada organ dan tisu ikan termasuk kerang-kerangan serta pemantauan mikroplastik di dalam air. Penyelidikan ini adalah penting bagi memastikan hasil tangkapan ikan di perairan negara di tahap selamat untuk dimakan. Sehingga kini, IPP telah menjalankan kajian mikroplastik di permukaan sungai dan laut di beberapa negeri, termasuk Pulau Pinang, Perak, Kedah, Terengganu, dan Labuan. IPP juga turut menjalankan kajian mikroplastik terhadap ikan melibatkan 30 spesies ikan liar dan ternakan komersial. Secara umumnya, mikroplastik lebih banyak ditemui di saluran perut dan insang berbanding tisu manakala bagi kerang-kerangan, jumlah partikel mikroplastik tertinggi yang pernah direkodkan adalah sebanyak 55 partikel/individu. Ini menimbulkan kebimbangan kerana kerang-kerangan dimakan secara keseluruhan; dan
- (ii) Kementerian Kesihatan di bawah Program Keselamatan dan Kualiti Makanan (PKKM) juga memantau keselamatan makanan yang dijual di pasaran tempatan termasuk makanan yang diimport dan dieksport bagi memastikan ianya adalah selamat dan mematuhi kehendak Akta Makanan 1983 dan peraturan-peraturan di bawahnya. Pensampelan produk makanan termasuk makanan laut dijalankan secara berkala sebagaimana ditetapkan dalam Pelan

NO SOALAN: 95

Tindakan Tahunan Program Keselamatan dan Kualiti Makanan dan juga berdasarkan risikan, aduan dan isu keselamatan makanan semasa. Bagi tahun 2023, pemantauan secara keseluruhan mendapati 99.0% iaitu 1,964 sampel daripada 1,984 yang dianalisis adalah mematuhi piawaian yang dibenarkan. Pensampelan tersebut termasuk ikan segar, ikan ternak, hasilan ikan dan ikan sedia dimakan bagi tujuan analisis pelbagai parameter seperti aditif makanan, cecair logam, cecair semulajadi, residu *drug* veterinar, residu racun perosak dan mikrobiologi sebagaimana diperuntukkan di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATUK WIRA KOH NAI
KWONG**

DATUK WIRA KOH NAI KWONG minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan intipati penubuhan Pasukan Khas Reformasi Pendidikan oleh Kementerian dan apakah kayu ukur yang ditetapkan bagi memastikan pembudayaan pelaksanaan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris diperkasakan secara komprehensif.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Reformasi Pendidikan bertujuan untuk memperkukuh dan mempertingkatkan usaha mencapai standard global yang telah termeterai dalam kerangka Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM) yang sedia ada, iaitu dengan memberikan tumpuan kepada enam fokus utama, iaitu Transformasi Digital, Kecekapan Bahasa, Literasi, Pendidikan STEM, Peluang TVET, dan Penyelarasan Pendidikan Prasekolah sejajar dengan aspirasi Malaysia MADANI. KPM telah menubuhkan enam pasukan petugas (taskforce) yang merangkumi enam fokus tersebut dalam melaksanakan inisiatif yang telah dirancang. Setiap taskforce bersidang dari semasa ke semasa bagi membincangkan isu dan status pelaksanaan aktiviti utama.

Pasukan Khas Reformasi Pendidikan oleh Kementerian telah digerakkan mulai tahun 2024. Untuk memastikan pembudayaan pelaksanaan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris diperkasakan secara komprehensif, garis panduan pelaksanaan melalui Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) dikekalkan penggunaannya oleh KPM. Antara SPI sedia ada yang telah digunakan ialah SPI Bilangan 12 Tahun 2011 Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI) serta Surat Siaran KPM Bilangan 5 Tahun 2011: MBMMBI. Kedua-dua dokumen tersebut telah menjelaskan pembudayaan aktiviti bagi mencapai matlamat Dasar MBMMBI serta pengekalan kedaulatan bahasa kebangsaan. Selain itu, semua aktiviti kebahasaan, kurikulum, pentaksiran dan latihan pembangunan profesionalisme berterusan perlu mematuhi piawai berbahasa dengan merujuk dokumen Kerangka Standard Bahasa Melayu (KSBM).

Pembudayaan Bahasa Melayu (BM) dan Bahasa Inggeris (BI) dilaksanakan secara seiring dalam apa-apa jua program dan aktiviti yang meliputi pelibatan semua warga KPM pada peringkat sekolah, PPD, JPN dan Bahagian KPM. Pelaksanaan dalam konteks jangka pendek dan jangka panjang menjadi ukuran penilaian keberhasilan program, iaitu penandaan dinamik #semarak mbmmbi #sahabatbahasa merupakan kayu ukur bagi pembudayaan pelaksanaan semua aktiviti kebahasaan

BM dan BI secara komprehensif dan menyeluruh yang disebarluaskan melalui ranah rasmi dan media sosial.

Selain itu, peningkatan berbahasa murid juga dapat dilihat melalui Program Perkampungan Bahasa yang dilaksanakan pada tahun 2023. Hasil pelaksanaan Perkampungan Bahasa menunjukkan peningkatan penguasaan kemahiran lisan murid tingkatan lima, iaitu 84 peratus daripada 12,974 orang mencapai tahap tinggi. Pencapaian ini meliputi murid di sekolah luar bandar dan pedalaman.

Seterusnya, KPM juga sentiasa komited dalam memastikan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan guru dan murid sentiasa dipertingkatkan melalui pelaksanaan program yang berimpak dan bermakna. Antaranya ialah *English Language Education Reform in Malaysia - The Roadmap 2015-2025*, iaitu perancangan 10 tahun untuk memastikan program BI di Malaysia dari peringkat prasekolah ke peringkat institusi pendidikan tinggi (IPT) termasuk latihan guru sejajar dengan piawaian antarabangsa, iaitu *Common European Framework of Reference for Languages (CEFR)*.

Penguasaan BI dalam kalangan murid juga sentiasa diberi perhatian yang teliti agar dapat dipertingkatkan dan langkah yang diambil oleh KPM juga memberi tumpuan kepada dua keberhasilan utama, iaitu meningkatkan penggunaan BI murid melalui *Highly Immersive Programme (HIP)* dan *Dual Language Programme (DLP)* serta menyediakan intervensi bersasaran kepada sekolah mengikut keperluan murid.

Kesimpulannya, KPM sentiasa memantau pelaksanaan Reformasi Pendidikan bagi memperkasakan pembudayaan BM dan BI melalui pelaporan aktiviti dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pasukan Petugas Khas Reformasi Pendidikan yang dipengerusikan oleh YB Menteri dan dilaksanakan secara berkala.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATUK WIRA KOH NAI
KWONG**

DATUK WIRA KOH NAI KWONG minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pandangan Kementerian terhadap kes buli di sekolah yang meningkat kepada 4,994 kes dan apakah inisiatif terbaru Kementerian bagi menangani peningkatan kes buli di sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memandang serius isu buli yang melibatkan murid sekolah. Menerusi teras kedua dalam 7 Teras Nadi Keunggulan KPM, KPM memberi penekanan kepada prinsip karamah insaniah melalui pembentukan adab, akhlak dan integriti bagi mencegah gejala sosial termasuk perbuatan buli dalam kalangan murid.

Berdasarkan rekod KPM, kes buli dalam kalangan murid sekolah adalah terkawal. Pada tahun 2023, sebanyak 0.12 peratus bilangan murid yang direkodkan terlibat dengan salah laku buli. Dalam tempoh Januari hingga Jun 2024, KPM merekodkan sebanyak 0.05 peratus bilangan murid terlibat dengan salah laku buli.

KPM sejak dahulu konsisten menangani gejala sosial dalam kalangan murid melalui aktiviti pencegahan, penguatkuasaan peraturan dan langkah intervensi oleh pengetua dan guru besar. KPM mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 6 Tahun 2000: Menangani Masalah Keselamatan, Dadah dan Gengster. Antara tindakan yang perlu diambil oleh pihak sekolah adalah mengadakan peti aduan di sekolah dan asrama, mengukuhkan Jawatankuasa Disiplin Sekolah dan Asrama serta mengambil tindakan terhadap murid yang melakukan perbuatan buli di sekolah atau asrama.

KPM juga telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 4 Tahun 2002 : Pelaksanaan Program Sekolah Selamat menetapkan program ini dilaksanakan di semua sekolah seluruh negara. Program ini bertujuan mewujudkan persekitaran sekolah yang selamat agar warga sekolah dapat menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta kegiatan kokurikulum tanpa gangguan daripada mana-mana pihak, termasuk perbuatan gengsterisme, dadah dan buli.

Terkini, Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 12 Tahun 2023: Pelaksanaan Garis Panduan Pengurusan Salah Laku Buli Di Institusi Pendidikan Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia dikeluarkan setelah mendapat pandangan pakar dalam *task force* khas dan semua pihak yang berkepentingan. Garis panduan ini menjadi rujukan kepada semua pihak berkepentingan di institusi pendidikan dalam menjelaskan kefahaman tentang salah laku buli, tatacara menanganinya dan implikasi serta peranan masing-masing dalam pengurusan salah laku buli terutamanya terhadap pembuli dan mangsa buli.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, KPM turut menyediakan saluran pelaporan bagi membolehkan pihak sekolah melaporkan kes buli. Pihak sekolah perlu merekodkan salah laku buli dalam Sistem Sahsia Diri Murid. Portal aduan buli juga disediakan bagi membolehkan warga sekolah termasuk murid, ibu bapa dan orang awam membuat aduan terus kepada pihak Kementerian dan maklumat yang diterima akan dilindungi. Terdapat empat saluran utama Portal Aduan Buli iaitu melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam KPM, e-mel, talian telefon dan aplikasi *WhatsApp*.

Di samping itu, KPM mengukuhkan kerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) melalui Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS). Setiap sekolah menengah dan sekolah rendah mempunyai seorang PPS yang sentiasa bekerjasama dengan pihak sekolah, termasuklah mengadakan program pencegahan bagi mencegah gejala buli dalam kalangan murid sekolah.

Guru bimbingan dan kaunseling di sekolah bertanggungjawab melaksanakan intervensi bersesuaian bagi memastikan kebajikan, keselamatan dan kesejahteraan murid. Terdapat empat jenis intervensi utama yang boleh dilaksanakan bagi menangani salah laku buli iaitu intervensi pencegahan, intervensi perkembangan, intervensi pemulihan dan intervensi krisis.

NO SOALAN: 97

Dalam konteks perundangan, KPM berpandangan akta dan peraturan yang sedang dikuatkuasakan oleh pihak berkuasa adalah mencukupi bagi menangani jenayah buli. KPM akan bekerjasama dan menyerahkan kes buli yang berunsur jenayah kepada pihak PDRM untuk tindakan lanjut.

KPM menghargai peranan agensi kerajaan, Persatuan Ibu Bapa-Guru, pertubuhan bukan kerajaan dan komuniti setempat yang sentiasa bekerjasama dengan pihak sekolah bagi menangani gejala buli dalam kalangan murid di sekolah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : DATUK WIRA KOH NAI KWONG**

DATUK WIRA KOH NAI KWONG minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan penjelasan Kementerian berhubung kritikan terhadap pakaian rasmi kontinjen negara ke Sukan Olimpik Paris 2024 yang menjadi imej negara dan adakah terdapat pertimbangan semula dari Kementerian mengenai isu ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Penyertaan Kontinjen Malaysia ke temasya sukan utama seperti Sukan Olimpik/Paralimpik, Sukan Komanwel, Sukan Asia/Para Asia dan Sukan SEA/Para ASEAN adalah di bawah bidang kuasa Majlis Olimpik Malaysia (MOM) yang diiktiraf oleh Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa (IOC) dan Majlis Paralimpik Malaysia (MPM) yang diiktiraf oleh Jawatankuasa Paralimpik Antarabangsa (IPC).

Penetapan pakaian rasmi Kontinjen Malaysia adalah di bawah bidang kuasa MOM dengan kerjasama pihak penaja. Walau bagaimanapun, pihak MOM telah mengemaskini corak pakaian rasmi kontinjen yang lebih sesuai dan melambangkan imej negara ke temasya Sukan Olimpik Paris 2024.

Selain itu, Kementerian juga telah mengeluarkan poster pakaian rasmi kontinjen Malaysia bertujuan memperjelaskan mengenai jenis-jenis pakaian yang akan dipakai iaitu:

- a) pakaian kontinjen yang akan ditentukan oleh MOM dan dipakai sepanjang temasya berlangsung termasuk upacara penyampaian pingat;
- b) pakaian pertandingan yang disediakan oleh Persatuan Sukan Kebangsaan mengikut spesifikasi pertandingan yang ditentukan oleh badan sukan antarabangsa; dan
- c) pakaian Majlis Perasmian disediakan oleh Majlis Sukan Negara (MSN) untuk dipakai ketika upacara perasmian pembukaan temasya sukan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATUK WIRA KOH NAI
WONG**

DATUK WIRA KOH NAI WONG minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan pemantauan Kementerian terhadap kegiatan mencuri kabel komunikasi sehingga menyebabkan gangguan perkhidmatan dan sejauh manakah penelitian semasa Kementerian dalam mempertimbangkan hukuman yang lebih berat untuk kesalahan ini dalam akta yang berkaitan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Komunikasi melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) bersama pemberi perkhidmatan sentiasa bekerjasama dengan pihak penguatkuasa serta penduduk setempat bagi mengurangkan risiko kecurian kabel menara komunikasi dan meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap isu kecurian dan vandalisme di tapak menara.

Pemberi perkhidmatan juga telah menjalankan usaha-usaha memperkasa (*hardening*) tapak-tapak menara dengan ciri-ciri anti-curi dan vandalisme, seperti pemasangan sangkar besi (*caging*) ataupun menggunakan bar yang diperkuatkan (*strengthened bar*) bagi melindungi peralatan-peralatan dan kabel di tapak menara. Selain itu, terdapat juga menara-menara yang dipasang dengan kamera litar tertutup (CCTV) bagi memantau dan membantu mengurangkan kes kecurian kabel menara dan vandalisme di kawasan-kawasan yang berisiko tinggi. Penggunaan kabel gentian optik juga berupaya memberikan *bandwidth* yang lebih tinggi dan ia tidak mempunyai nilai penjualan semula seperti kabel tembaga.

Beberapa siri libat urus dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah dilaksanakan oleh MCMC dan pemain industri. Pihak PDRM, MCMC dan pemain industri sentiasa merangka gerak-kerja bagi menjalankan operasi bersepadu di dalam masa terdekat bersama PDRM melalui aktiviti lawatan ke premis perniagaan atau pengumpulan barang lusuh yang

menjadi potensi tempat pelupusan barangan seperti kabel tembaga, bateri dan peralatan elektronik.

Kes kecurian kabel dan vandalisme boleh diambil tindakan di bawah Seksyen 235 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] di mana adalah menjadi suatu kesalahan di bawah seksyen tersebut bagi mana-mana orang yang dengan apa-apa tindakan atau peninggalan sengaja, tidak jujur atau cuai, memanjangkan, mengusik, mengubahsuaikan, mengubah, mengeluarkan, memusnahkan atau merosakkan apa-apa kemudahan rangkaian atau mana-mana bahagian daripadanya. Sabit kesalahan, pelaku boleh didenda tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya. Bagi membendung kegiatan kecurian kabel dan vandalisme dari terus berleluasa, pindaan kepada Seksyen 235, Akta 588 sedang dimuktamadkan.

Untuk makluman, sejak tahun 2023 sehingga suku pertama 2024, pemberi perkhidmatan telah melaporkan sebanyak 1,492 kes kecurian dan vandalisme di seluruh negara. MCMC bersama pemberi perkhidmatan menggesa orang awam untuk segera melaporkan kepada pihak berkuasa sekiranya mempunyai sebarang maklumat atau melihat sebarang aktiviti mencurigakan berhampiran dengan tapak infrastruktur telekomunikasi. Tindakan pencegahan dan kerjasama yang diberikan sememangnya dapat membantu MCMC bagi memastikan perkhidmatan komunikasi tidak terjejas di kawasan yang berkenaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR TUAN HAJI ABDUL NASIR
BIN HAJI IDRIS**

TUAN HAJI ABDUL NASIR BIN HAJI IDRIS minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan bersedia untuk mengkaji semula kadar geran per kapita kepada negeri-negeri terutamanya di negeri Kedah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman YB, Pemberian Mengikut Bilangan Orang (*Capitation Grant*) merupakan pemberian selaras dengan peruntukan Perkara 109(1)(a), Perlembagaan Persekutuan yang bertujuan membantu perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri. Pemberian ini telah dipinda beberapa kali dan kadar semasa adalah pindaan yang diluluskan melalui Akta Pemberian Mengikut Bilangan Orang 2002 (Akta 622) berkuat kuasa mulai 1 Januari 2002. Berdasarkan kadar semasa tersebut, jumlah peruntukan kepada negeri tetap meningkat pada setiap tahun.

Selain itu, Kerajaan Persekutuan juga sentiasa menambah baik semua pemberian yang diberikan kepada Kerajaan Negeri secara menyeluruh dan tidak hanya tertumpu kepada satu-satu pemberian sahaja. Pada tahun 2024, Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup (TAHAP) dinaikkan kepada RM400 juta, Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri dinaikkan kepada RM5.36 bilion dan Pemberian Insentif Kewangan Bagi Konservasi Biodiversiti (*Ecological Fiscal Transfer - EFT*) turut dinaikkan kepada RM200 juta. Pemberian-pemberian ini dimanfaatkan oleh kerajaan negeri bagi tujuan pembangunan dan kelestarian ekonomi negeri.

Mesyuarat Majlis Kewangan Negara tahun 2024 telah bersetuju supaya Kementerian Kewangan mengkaji semula Pemberian Mengikut Bilangan Orang untuk pertimbangan mesyuarat akan datang tertakluk kepada kemampuan kewangan semasa Kerajaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR TUAN HAJI ABDUL NASIR
BIN HAJI IDRIS**

TUAN HAJI ABDUL NASIR BIN HAJI IDRIS minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan usaha Kerajaan dalam memberi peruntukan lebih kepada Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) selaku Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan sentiasa berusaha dan meneruskan inisiatif untuk membangunkan Langkawi dan memajukannya sebagai destinasi pelancongan bertaraf dunia.

Dalam hal ini, Kerajaan sentiasa komited dan berusaha dalam **memberikan peruntukan yang sewajarnya dan mencukupi** bagi memastikan pengoperasian LADA dan pembangunan di Langkawi tidak terjejas.

Di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), Kerajaan telah meluluskan sebanyak RM171.09 juta dari tahun 2021 hingga 2024 bagi membiayai pelaksanaan projek-projek pembangunan LADA yang dapat membantu menjadikan Langkawi sebagai sebuah destinasi pulau pilihan para pelancong. Kelulusan peruntukan untuk projek pembangunan LADA juga adalah berdasarkan keutamaan kepada **projek-projek yang memberi impak besar kepada rakyat serta para pelancong yang hadir ke Langkawi yang akhirnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.**

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR TUAN HAJI ABDUL NASIR
BIN HAJI IDRIS**

TUAN HAJI ABDUL NASIR BIN HAJI IDRIS minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan hasrat dan langkah Kerajaan dalam meningkatkan aset rizab antarabangsa rasmi Malaysia bagi memenuhi potensi keperluan mata wang asing ekonomi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, **rizab antarabangsa BNM setakat 30 Jun 2024 berjumlah USD113.8 bilion atau bersamaan dengan RM537.3 bilion.** Paras rizab antarabangsa ini mencukupi untuk menampung 5.4 bulan import barangan dan perkhidmatan dan adalah 1.0 kali jumlah hutang luaran jangka pendek negara, selaras dengan piawaian antarabangsa.

Dalam **jangka masa terdekat, pemulihan kestabilan pasaran dunia, penambahbaikan sentimen pelabur dan lebih akaun semasa negara yang positif** dijangka akan menyokong paras rizab antarabangsa BNM.

Sementara itu, bagi tempoh **jangka masa panjang**, nilai pertukaran mata wang ringgit dan paras rizab antarabangsa adalah **didorong terutamanya oleh kekuatan asas ekonomi negara.** Oleh itu, kerajaan akan terus menumpukan usaha untuk **meningkatkan daya tahan ekonomi menerusi kepelbagaian sumber ekonomi, memperkukuh daya saing dan kedudukan fiskal negara.** Usaha ini bakal **menarik aliran masuk dana serta pelaburan asing** yang seterusnya akan meningkatkan lagi paras rizab antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR TUAN HAJI ABDUL NASIR
BIN HAJI IDRIS**

TUAN HAJI ABDUL NASIR BIN HAJI IDRIS minta **MENTERI
PENGANGKUTAN** menyatakan :-

- a. langkah Kerajaan dalam mengurangkan kadar kematian akibat kemalangan; dan
- b. statistik kematian akibat kemalangan dari tahun 2020 hingga 2023.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan (MOT) menjadikan Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (PKJRM) 2022-2030 sebagai rujukan dan panduan bagi perancangan inisiatif untuk mengurangkan kematian akibat kemalangan. PKJRM 2022-2030 mensasarkan untuk mencapai pengurangan jumlah kematian akibat nahas jalan raya sekurang-kurangnya pada kadar 50% menjelang tahun 2030. Hala tuju ini juga adalah selaras dengan seruan dan sasaran resolusi 74/299, Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), yang mengisytiharkan tahun 2021-2030, sebagai dekad tindakan keselamatan yang kedua sejurus tamatnya dekad yang pertama pada tahun 2020. Di bawah PKJRM 2022-2030, pelbagai program dan strategi telah disusun untuk menangani isu keselamatan jalan raya ini, dengan penglibatan semua pemegang taruh berkaitan termasuk di peringkat komuniti dan pihak swasta.

2. Berdasarkan analisis yang telah dijalankan oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) bersumberkan data Polis Diraja Malaysia (PDRM), didapati bahawa, faktor utama berlakunya kemalangan atau nahas jalan raya sehingga menyebabkan kematian adalah berpunca daripada sikap manusia (lebih daripada 80% daripada punca utama), diikuti dengan keadaan rekaan, kondisi atau binaan infrastruktur jalan (lingkungan 13% punca kemalangan) dan akhirnya hanya dalam lingkungan 7% adalah berpunca daripada keadaan *road-worthiness* atau aspek teknikal kenderaan motor yang digunakan.

3. Bagi menangani isu sikap manusia, MOT melalui Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) dan MIROS telah melaksanakan pelbagai program dan aktiviti advokasi mengenai keselamatan jalan raya dan intervensi terutamanya di lokaliti yang mempunyai kadar kemalangan yang tinggi. Kementerian melalui agensi-agensi berkaitan sentiasa menjalankan program-program kesedaran keselamatan jalan raya secara berterusan dalam pelbagai siri program, merangkumi pelbagai kumpulan sasaran bagi memupuk kesedaran tentang kepentingan keselamatan jalan raya.

4. Sebagai contoh, Program *Safety Awareness and Focused Advocacy for Road Users (SAFER)* telah dilaksanakan oleh JPJ di seluruh negara dengan memfokuskan kumpulan sasaran berbeza dalam memberi kesedaran tentang keselamatan jalan raya, khususnya penunggang motosikal. Melalui program ini, isu nahas jalan raya amat dititik beratkan oleh Kementerian memandangkan lebih 60% kematian akibat nahas jalan raya adalah melibatkan penunggang motosikal. Bagi tahun 2023, sebanyak 376 program telah dilaksanakan oleh MOT melalui JPJ di seluruh negara.

5. Seterusnya melalui pelaksanaan Pendidikan Keselamatan Jalan Raya (PKJR) formal, elemen keselamatan jalan raya akan turut diterapkan di peringkat taska, prasekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah rendah. Program usaha sama antara MOT dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ini adalah bertujuan melahirkan generasi pengguna jalan raya yang berhemah dan membudayakan keselamatan jalan raya seterusnya membentuk masyarakat yang peka terhadap kepentingan keselamatan jalan raya. Program ini telah dilaksanakan sejak tahun 2007 bagi peringkat sekolah rendah, 2012

peringkat sekolah menengah rendah dan 2021 bagi peringkat taska dan prasekolah. Inisiatif PKJR formal ini juga sedang diperhalusi oleh KPM untuk dipanjangkan bagi murid bekeperluan khas (MBPK) khususnya bagi ketidakupayaan penglihatan dan ketidakupayaan pendengaran peringkat sekolah rendah dan menengah rendah.

6. MOT menerusi MIROS dan JPJ juga telah mengadakan program keselamatan jalan raya di peringkat Institusi Pengajian Tinggi dengan memberi pendedahan keselamatan jalan raya kepada pelajar menerusi program orientasi dan pesta konvokesyen. Bimbingan kepada pelajar di Institut Pendidikan Guru (IPG) juga dilaksanakan menggunakan Modul Pendedahan Guru (DēGuru) PKJR sebagai persediaan kepada guru pra perkhidmatan.

7. Selain daripada program advokasi dan kempen keselamatan jalan raya, aktiviti-aktiviti penguatkuasaan juga sentiasa dilaksanakan oleh JPJ, bertujuan memastikan orang ramai mematuhi peraturan jalan raya semasa memandu. Undang-undang dan peraturan berkaitan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 juga sentiasa diteliti dan akan ditambahbaik termasuk dengan meminda kadar penalti bertujuan sebagai satu bentuk *deterrence* kepada orang ramai untuk mematuhi semua peraturan jalan raya terbabit.

8. Dari aspek memastikan tahap keselamatan dan *road-worthiness kenderaan motor*, pihak JPJ telah mewajibkan semua kenderaan motor baharu yang hendak dipasarkan dan didaftar di Malaysia untuk melepasi proses kelulusan jenis kenderaan motor *Vehicle Type Approval (VTA)*. Semua kenderaan terlibat akan diwajibkan untuk mematuhi standard dan

peraturan teknikal pembuatan kenderaan yang telah diiktiraf dan diguna pakai di peringkat antarabangsa di bawah seliaan UN.

9. Selain itu, pihak MIROS juga telah melancarkan program penilaian dan penarafan keselamatan kenderaan motor seperti *ASEAN New Car Assessment Program* (ASEAN NCAP) dan *Malaysia Motorcycle Assessment Program* (MyMAP). Di bawah dua program ini, penarafan bintang akan diberikan kepada kenderaan motor yang dikeluarkan dan dipasarkan di Malaysia yang memenuhi tahap keselamatan yang ditetapkan. Program ini bertujuan menambahbaik tahap keselamatan kenderaan motor dengan menggalakkan pemasangan teknologi keselamatan baharu dan terkini serta meningkatkan kesedaran orang ramai untuk memilih kenderaan motor yang lebih selamat.

10. Dari aspek teknologi keselamatan kepada motosikal pula, MOT telah mewajibkan pemasangan sistem *Anti-Lock Braking System* (ABS) kepada semua motosikal model baharu berkapasiti enjin 150cc mulai 1 Januari 2025 di Malaysia. Seperti umum mengetahui, sistem ABS ini akan meningkatkan tahap kawalan ke atas motosikal dalam suasana kecemasan apabila sistem *brake* digunakan.

11. Berhubung dengan statistik kematian akibat kemalangan jalan raya dari tahun 2020 hingga 2023 adalah sebanyak 21,726 kematian merangkumi:

- (a) 4,634 jumlah kematian pada tahun 2020;
- (b) 4,539 jumlah kematian pada tahun 2021;

- (c) 6,080 jumlah kematian pada tahun 2022; dan
- (d) 6,473 jumlah kematian pada tahun 2023.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR TUAN HAJI ABDUL NASIR
BIN HAJI IDRIS**

TUAN HAJI ABDUL NASIR BIN HAJI IDRIS minta **MENTERI SUMBER
ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan usaha Kerajaan dalam
mempromosikan dan mendidik masyarakat terhadap pencemaran alam
sekitar terutamanya sampah sarap.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah menggunakan pelbagai saluran dalam memperkasakan komunikasi, pendidikan dan kesedaran awam (CEPA) kepada masyarakat berkaitan isu-isu pengurusan dan pencemaran alam sekitar ke arah pembudayaan kelestarian alam sekitar di kalangan masyarakat.
2. Pihak Kementerian sering kali mengadakan sesi libat urus dengan orang awam melalui webinar atau temu bual di televisyen dan juga radio bagi mengetengahkan isu-isu semasa seperti pencemaran air, pencemaran udara dan pengurusan buangan berbahaya. Di samping itu juga, promosi dan hebahan mengenai alam sekitar dibuat melalui laman media sosial rasmi Kementerian dan Jabatan.
3. JAS di bawah Kementerian juga menggunakan pendekatan melalui pendidikan alam sekitar di peringkat pendidikan rendah melalui program Sekolah Lestari – Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) dan di peringkat pendidikan tinggi melalui program pertandingan Debat Alam Sekitar dan Kampus Lestari yang kini dalam peringkat awal pelaksanaan. Program-program seperti ini dapat memupuk kefahaman awal pelajar berkaitan isu-isu alam sekitar dan perubahan iklim.
4. Selain itu, melalui sambutan hari berkepentingan alam sekitar seperti Hari Alam Sekitar Negara, Hari Bumi, Hari Alam Sekitar Sedunia dan Hari Ozon Sedunia yang diraikan setiap tahun, pihak Kementerian

berusaha untuk memberi pendedahan yang lebih dekat dengan rakyat. Program-program berpaksikan alam sekitar dan orang awam seperti penanaman pokok, pengurusan buangan melalui pendekatan 3R (*Reduce, Reuse and Recycle*), kempen hindari penggunaan plastik sekali guna, pembersihan kawasan (*plogging*), pembersihan pantai, kem kesedaran alam sekitar dan amalan gaya hidup hijau dan lestari dijadikan kebiasaan supaya rakyat lebih tertarik dengan aktiviti-aktiviti alam sekitar yang lebih santai.

5. Kementerian melalui JAS juga telah memperkenalkan inisiatif yang menetapkan hari Sabtu terakhir setiap bulan sebagai Hari Pengumpulan Buangan Elektrik dan Elektronik (*e-waste*) dan mewujudkan sebanyak 178 pusat pengumpulan *e-waste* yang berdaftar di seluruh negara bagi memudahkan orang awam untuk menghantar dan melupuskan *e-waste* secara lestari dan mesra alam.

6. Pelaksanaan pengumpulan dan penghantaran *e-waste* telah dipermudahkan untuk orang awam dengan adanya aplikasi MyEwaste yang membolehkan orang awam mendapatkan maklumat lanjut mengenai pusat-pusat pengumpulan *e-waste* yang berdaftar dengan JAS. Kementerian menyeru Keluarga Madani yang prihatin untuk bersama-sama menjalankan tanggungjawab dengan melupuskan *e-waste* secara lestari.

7. JAS juga sedang giat memantapkan program dan meningkatkan keahlian Rakan Alam Sekitar (RAS) di seluruh negara. Program RAS telah dilancarkan pada 4 Jun 2009 merupakan inisiatif kementerian dalam membangunkan kesedaran dan menggerakkan anggota masyarakat

dalam aktiviti kelestarian alam sekitar. RAS melibatkan keseluruhan anggota masyarakat tanpa mengira umur yang berperanan menjadi 'mata dan telinga' untuk membantu agensi-agensi Kerajaan yang bertanggungjawab dalam membanteras kegiatan-kegiatan yang merosakkan atau mencemarkan alam sekitar, di samping terlibat dalam program-program berbentuk komuniti dan kesedaran alam sekitar. Ahli RAS juga diharap dapat bersama-sama memastikan keadaan persekitaran yang bersih dan pengurusan sisa buangan dilakukan dengan baik bagi memastikan sistem saliran dan longkang awam dapat berfungsi dengan sempurna dan seterusnya dapat menghindari kemungkinan faktor berlakunya banjir kilat.

8. Semua Kementerian dan Agensi digalakkan untuk mengajak semua kakitangan untuk turut serta menjadi ahli RAS dan melaksanakan program-program di bawah agensi masing-masing dengan melibatkan penyertaan ahli RAS tersebut. Untuk rekod, keahlian RAS setakat 30 Jun 2024 adalah seramai 191,000 orang.

9. JAS turut menjalinkan kerjasama bersama Rakan Strategik Alam Sekitar terdiri di kalangan industri, agensi Kerajaan dan swasta di dalam menganjurkan program-program kesedaran alam sekitar. Melalui penglibatan dan kerjasama di kalangan komuniti ini akan memberi impak dalam memastikan usaha penyampaian maklumat dan pembudayaan kelestarian alam sekitar di kalangan masyarakat dapat diperkasakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR TUAN MOHD HASBIE BIN
MUDA**

TUAN MOHD HASBIE BIN MUDA minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah peruntukan khas untuk Parlimen Temerloh sejak Disember 2022 hingga hari ini, serta melalui agensi atau jabatan mana ia disalurkan.

JAWAPAN

YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, bermula pada bulan Disember 2022 sehingga 22 Julai 2024, sebanyak 249 program / projek dengan jumlah kos sebanyak RM4.492 juta telah diluluskan untuk kawasan Parlimen Temerloh.
2. Bagi kelulusan yang melibatkan sumbangan, penyaluran peruntukan kepada penerima diselaraskan oleh Pejabat Pembangunan Negeri (PPN) Pahang. Manakala, bagi pelaksanaan projek fizikal, projek tersebut dilaksanakan oleh Agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan seperti PPN Pahang, Pejabat Daerah dan lain-lain.
3. Selain daripada itu, terdapat juga pelaksanaan program / projek di bawah pembiayaan peruntukan pembangunan (*Development Expenditure-DE*) RMKe-12. Bagi *Rolling Plan 4* (RP4) RMKe-12 tahun 2024, sehingga 15 Julai 2024, terdapat sebanyak 31 projek yang telah diluluskan bagi Parlimen Temerloh dengan peruntukan berjumlah RM101.7 juta.
4. Pemantauan untuk pelaksanaan projek-projek tersebut adalah melalui Kementerian dan Agensi yang memiliki projek berkenaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR TUAN MOHD HASBIE BIN
MUDA**

TUAN MOHD HASBIE BIN MUDA minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah kutipan dari Cukai Keuntungan Modal (CGT) untuk item-item yang baru diperkenalkan dalam Belanjawan 2024.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha mengukuhkan kewangan awam dan membina semula ruang fiskal, Kerajaan komited untuk meneruskan pelan konsolidasi fiskal, memperkukuh tadbir urus dan meningkatkan akauntabiliti fiskal, mengurangkan ketirisan perbelanjaan dan pembaziran, mengguna pakai rangka kerja subsidi lebih bersasar, meluaskan asas hasil serta menambah baik insentif cukai.

Seperti yang telah diumumkan dalam Belanjawan 2024, Kerajaan mengambil pendekatan lebih progresif sebagai langkah meluaskan asas cukai dengan memperkenalkan dua cukai baharu iaitu Cukai Keuntungan Modal (CKM) dan *Global Minimum Tax* (GMT).

Mulai 1 Mac 2024, CKM dikenakan ke atas keuntungan daripada pelupusan saham tidak tersenarai pada kadar 10% ke atas keuntungan bersih (bagi saham yang diperoleh mulai 1 Januari 2024) atau 2% ke atas harga jualan kasar (bagi aset yang diperoleh sebelum 1 Januari 2024) yang melibatkan syarikat, perkongsian liabiliti terhad dan koperasi.

Pelaksanaan CKM adalah sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk mewujudkan sistem percukaian yang lebih adil kepada golongan yang berkemampuan lebih tinggi untuk menyumbang lebih banyak kepada negara. Berdasarkan jumlah dan nilai transaksi semasa bagi saham tidak tersenarai, adalah dianggarkan kutipan hasil daripada CKM adalah sebanyak RM800 juta setahun.

GMT pula akan dilaksanakan mulai tahun 2025 iaitu pengenaan kadar cukai efektif minimum di peringkat global pada kadar 15%. Di bawah GMT, negara atau yurisdiksi yang terlibat akan diberi hak untuk mengenakan perbezaan kadar cukai atau *top-up tax* dengan izin, sekiranya pentadbir percukaian negara syarikat pemastautin tidak mencukai atau mengenakan cukai efektif minimum pada kadar kurang daripada 15%.

Pelaksanaan GMT adalah seiring dengan piawaian percukaian antarabangsa khususnya dalam mengekang aktiviti penghakisan asas cukai dan pemindahan keuntungan ke negara yang mempunyai kadar cukai yang rendah. GMT akan dikenakan ke atas kumpulan syarikat multinasional yang mempunyai pendapatan global tahunan kumpulan sebanyak 750 juta Euro.

Selain pengenalan cukai baharu, Kerajaan juga mengambil langkah meluaskan asas cukai dengan menambahbaik dasar cukai sedia ada, antaranya dengan meluaskan skop kenaaan cukai jualan untuk meliputi barang bernilai rendah yang diimport ke dalam negara dan menetapkan kadar baharu cukai perkhidmatan sebanyak 8%, kecuali bagi perkhidmatan makanan dan minuman, telekomunikasi, ruang letak kenderaan dan logistik yang kekal dikenakan cukai perkhidmatan pada kadar 6%.

Melalui pelaksanaan CKM dan penambahbaikan dasar cukai sedia ada yang dilaksanakan melalui Belanjawan 2024, Kerajaan dijangka akan memperoleh hasil cukai tambahan yang keseluruhannya dianggarkan sebanyak RM3 billion. Hasil tambahan ini akan disalurkan semula kepada semua kementerian untuk membiayai pelbagai program dan aktiviti yang

NO SOALAN: 106

memberi manfaat kepada rakyat, mengikut peruntukan belanjawan tahunan yang diluluskan oleh Parlimen.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR TUAN MOHD HASBIE BIN
MUDA**

TUAN MOHD HASBIE BIN MUDA minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah pertambahan hasil selepas Kerajaan menaikkan kadar dan meluaskan skop Cukai Perkhidmatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peluasan skop dan perubahan kadar cukai perkhidmatan yang dilaksanakan bermula 1 Mac 2024 merupakan satu langkah reformasi percukaian dengan hasrat utama untuk meningkatkan mutu perkhidmatan serta dapat menjana hasil yang mampan kepada negara.

Hasil tambahan yang diperoleh melalui inisiatif ini dapat dimanfaatkan untuk menambah baik bantuan bersasar kepada rakyat selain memperbanyak penambahbaikan dan penyelenggaraan prasarana awam kritikal seperti kesihatan, sekolah serta jalan raya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh Mei 2024 hingga 30 Jun 2024, Kerajaan telah mengutip cukai perkhidmatan sebanyak RM3.4 bilion. Jika dibandingkan dengan kutipan cukai perkhidmatan dalam tempoh yang sama pada tahun 2023, terdapat peningkatan hasil sebanyak RM800 juta.

Selain daripada faktor peluasan skop dan perubahan kadar cukai perkhidmatan, terdapat pelbagai faktor lain yang turut menyumbang kepada pertambahan hasil ini seperti kenaikan harga perkhidmatan serta peningkatan orang berdaftar bagi perkhidmatan bercukai sedia ada.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR TUAN MOHD HASBIE BIN
MUDA**

TUAN MOHD HASBIE BIN MUDA minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan jumlah belia yang terlibat dalam program-program di bawah Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) dan berapakah yang telah berjaya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Ekonomi melaksanakan Inisiatif Pendapatan Rakyat atau IPR yang merupakan pelengkap kepada program-program pembasmian kemiskinan sedia ada yang telah dilaksanakan oleh pelbagai kementerian dan agensi.

Sehingga Julai 2024, sejumlah 4,648 golongan sasar miskin tegar, miskin dan B40 telah menyertai program IPR. Jumlah berkenaan turut mengambil kira penglibatan 1,924 peserta yang terdiri dalam kalangan belia yang berusia 15 – 40 tahun dan merangkumi 44 peserta Inisiatif Usahawan Makanan (INSAN), 618 peserta di bawah Inisiatif Usahawan Tani (INTAN), 314 peserta di bawah Inisiatif Operator Perkhidmatan (IKHSAN) serta 948 peserta di bawah pendekatan basmi miskin tegar (BMT).

Pelaksanaan IPR juga telah terbukti memberikan impak dalam membantu golongan sasar menjana pendapatan tambahan secara mampan. Sebagai contoh, di bawah pelaksanaan program IPR - INTAN, para peserta yang mengusahakan tanaman cili fertigasi di Putrajaya telah berjaya meraih pendapatan bersih bulanan berjumlah antara RM2,200 hingga RM5,600 untuk pusingan pertama tanaman cili. 4 daripada peserta tersebut adalah dalam kategori usia belia.

Selain itu, menerusi pelaksanaan IPR – INSAN pula, terdapat peserta belia yang telah berjaya meraih hasil jualan bulanan yang memberangsangkan. Sebagai contoh, seorang peserta di Hospital

Melaka yang merupakan golongan belia berjaya meraih hasil jualan berjumlah RM17,600 pada bulan Jun 2024 melibatkan mesin layan diri yang beroperasi di Hospital Melaka.

Bagi memperluaskan lagi program INSAN di lebih banyak lokasi di seluruh negara, baru-baru ini Kementerian Ekonomi telah memuktamadkan perolehan sewaan 4,900 unit mesin layan diri bagi membolehkan lebih ramai golongan sasaran termasuk belia mendapat manfaat daripada program IPR ini di seluruh negara.

Di bawah pendekatan membasmi kemiskinan tegar (BMT) pula, terdapat peserta yang memperolehi pendapatan sehingga RM8,000 sebulan hasil daripada perniagaan makanan kiosk berkelompok di medan selera yang dibangunkan di Kampung Rhu Muda, Marang, Terengganu.

Selain itu, golongan sasaran termasuk belia juga turut diberi latihan semasa bekerja (*on-the-job training*) yang dikendalikan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JKP). Melalui kaedah ini, 33 golongan sasaran belia yang turut merangkumi masyarakat Orang Asli diberi berpeluang untuk memperolehi Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) sehingga ke tahap 3 melalui penglibatan di bawah IPR – INTAN di Ulu Kinta, Perak.

Natijahnya, usaha mengurangkan kemiskinan tegar ini memerlukan tekad yang berterusan melalui pembangunan modal insan, pewujudan pelbagai peluang pekerjaan berpendapatan tinggi dan pengukuhan perlindungan sosial.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR TUAN MOHD HASBIE BIN
MUDA**

TUAN MOHD HASBIE BIN MUDA minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan perkembangan terkini pelaksanaan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) 3.0.

JAWAPAN:

Kerajaan telah bersetuju supaya Kementerian Pertahanan melaksanakan semula Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) dengan konsep dan format baharu untuk semua remaja warga negara Malaysia yang berumur 17 tahun dan ke atas yang dijangka bermula seawal Jun 2025. PLKN yang baharu ini akan memberi nilai tambah dari segi konsep yang lebih menyeluruh, modul latihan yang lebih fokus, tempoh dan tempat latihan yang lebih bersesuaian, dan penyertaan pelatih yang lebih ramai. Pelaksanaan semula program ini akan menjadi wadah pembentukan satu generasi baharu yang menitikberatkan semangat patriotisme (cinta negara), mengamalkan nilai-nilai murni, sentiasa memupuk semangat perpaduan dan menanamkan semangat kesukarelawanan.

PLKN yang baharu ini akan melibatkan tiga fasa iaitu Fasa Pra PLKN yang akan diperkenalkan di peringkat sekolah sebagai persiapan mereka menjalani latihan khidmat negara selepas berusia 17 tahun. Program ini akan melibatkan pelajar-pelajar di Tingkatan 4 sahaja semasa kegiatan ko-kurikulum. Program Pra PLKN ini berpandukan Program Pembinaan Karakter Generasi MADANI (GenMADANI) yang dibangun dan disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Pada fasa seterusnya (Fasa Asas), remaja yang berusia 17 tahun dan ke atas akan dipilih untuk menjalani latihan asas di 13 buah kem Askar Wataniah di seluruh negara, 20 buah universiti awam, dan beberapa politeknik. Fasa asas ini merangkumi pengisian latihan yang terdiri daripada modul asas kenegaraan sebanyak 30 peratus dan latihan asas ketenteraan sebanyak 70 peratus. Modul Asas

Kenegaraan dibangunkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi, mengandungi Modul Kenegaraan Elemen Jati Diri, Modul Kenegaraan Elemen Cinta Negara, dan Modul Kenegaraan Elemen Perpaduan.

Manakala Modul Asas Ketenteraan pula dibangunkan oleh Kementerian Pertahanan yang berkonsepkan pembelajaran melalui pengalaman serta latihan berkumpulan. Pelatih akan dilatih untuk mempraktikkan budaya kehidupan tentera seperti disiplin, ketepatan masa, tersusun (*organised*), dan mandiri (*independent*). Modulnya mengandungi Kemahiran Asas Ketenteraan, mempelajari Dasar Keselamatan dan Pertahanan Negara, meningkatkan kemahiran kepimpinan, dan meningkatkan asas kesejahteraan hidup Malaysia MADANI.

Di samping itu, Pelatih PLKN juga diberi peluang untuk menjalani latihan lanjutan (Fasa Lanjutan) mengikut bidang yang mereka minati. Modul bagi setiap latihan khusus dibangunkan khusus untuk anggota angkatan tetap, angkatan simpanan dan sukarelawan. Latihan tersebut berbentuk intensif, lapangan dan praktikal. Semua latihan ini akan menggunakan kemudahan latihan kerajaan sedia ada. Pelatih PLKN boleh memilih untuk menyertai pasukan tetap atau pasukan simpanan atau menjadi sukarelawan.

Fasa Pra PLKN dan Program Perintis PLKN akan dilaksanakan mulai bulan Jun 2025. Latihan asas yang dilaksanakan di 13 buah Kem Askar Wataniah dijangka dimulakan seawal bulan April 2026, dan latihan asas di IPTA dan Politeknik dijangka bermula semasa pengambilan pelajar sesi Akademik 2026/2027. Dari segi penyertaan, PLKN yang baharu dijangka akan dapat melatih lebih daripada 300,000 pelatih (Pra PLKN)

dan lebih 100,000 pelatih (Fasa Asas) dalam setahun.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR TUAN HAJI HUSSIN BIN
ISMAIL**

TUAN HAJI HUSSIN BIN ISMAIL minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan pelan Kerajaan bagi memastikan bekalan telur mencukupi ekoran pengumuman penurunan 3 sen untuk harga runcit telur bagi gred A,B dan C di seluruh negara oleh YAB Perdana Menteri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada 17 Jun 2024, YAB Perdana Menteri melalui kenyataan akhbar telah memaklumkan harga telur diturunkan sebanyak RM0.03 sen dengan matlamat mengembalikan hasil penjimatan penyasaran subsidi kepada rakyat. Untuk memastikan industri ternakan ayam penelur dapat terus kekal beroperasi dan bekalan mencukupi, Kerajaan bersetuju supaya subsidi telur sebanyak RM0.10/biji diteruskan. Selain itu, Kerajaan turut melaksanakan langkah-langkah berikut:

- (i) pemantauan kemasukan anak ayam *pullet* di ladang agar pengeluaran telur dapat dioptimalkan;
- (ii) pemantauan terhadap kos bahan mentah yang terlibat dalam pengeluaran telur agar ianya kekal stabil;
- (iii) pencegahan dan kawalan penyakit ayam terutamanya penyakit *High Pathogenic Avian Influenza* dan *Newcastle Disease* bagi mengelakkan kematian yang boleh mengurangkan pengeluaran;
- (iv) mengadakan sesi libat urus dengan pemegang taruh di dalam industri ini bagi mengenalpasti isu-isu semasa dan penyelesaian yang berkaitan diambil segera;
- (v) kerjasama dengan pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN) dan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) untuk memastikan tiada elemen monopoli dan manipulasi harga berlaku yang boleh menyebabkan kekurangan stok di lapangan; dan
- (vi) melaksanakan sesi libat urus dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi mempercepatkan kebenaran merancang dan menggalakkan pemodenan bagi menarik penternak baharu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR TUAN HAJI HUSSIN BIN
ISMAIL**

TUAN HAJI HUSSIN BIN ISMAIL minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah rentas Kementerian untuk mewujudkan lebih ramai lagi pakar dan ahli profesional bertauliah bagi mengendalikan program pendidikan untuk murid autisme.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) prihatin terhadap keperluan guru bagi mengajar murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) termasuk autisme. Sehubungan dengan itu, KPM telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi melahirkan lebih ramai guru pendidikan khas untuk ditempatkan di sekolah rendah dan menengah.

Sehingga 30 April 2024, jumlah keseluruhan guru pendidikan khas adalah seramai 19,607 orang. KPM telah berjaya menempatkan seramai 2,008 guru pendidikan khas baharu untuk mengisi kekosongan jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) DG41. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,865 guru telah ditempatkan di sekolah yang melaksanakan Program Pendidikan Khas Integrasi, manakala 143 guru lagi ditempatkan di sekolah pendidikan khas.

Dijangkakan seramai 508 orang calon guru pendidikan khas akan dibekalkan untuk mengisi kekosongan perjawatan PPP DG41 yang terdiri daripada 125 orang graduan Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PISMP), 55 orang graduan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP), 7 orang graduan Skim Latihan Tenaga Kepakaran Pendidikan Khas (SLTKP) dan 321 orang graduan pendidikan secara Lantikan Kontrak (Interim).

Latihan pemantapan profesionalisme bagi meningkatkan kompetensi dan kemahiran guru dalam bidang pendidikan khas turut diberikan khususnya berkaitan penggunaan peralatan dan perisian serta alat bantu teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran kategori MBPK. Sehingga 30 Jun 2024, sejumlah 26,347 guru pendidikan khas termasuk guru bimbingan dan kaunseling serta guru bukan opsyen pendidikan khas seluruh negara telah diberi latihan bagi pembangunan kapasiti dalam bidang berikut:

- i. Pengurusan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas;
- ii. Program Literasi dan Numerasi Sekolah Rendah;

- iii. Pemantapan Pedagogi dan Kandungan Mata Pelajaran Guru Pendidikan Khas;
- iv. Pemantapan Kemahiran Digital dan ICT Guru Pendidikan Khas; dan
- v. TVET Pendidikan Khas (Guru Kemahiran Vokasional).

KPM juga menyediakan perkhidmatan sokongan pendidikan khas yang berkesan dan berkualiti kepada MBPK melalui Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas (3PK). Sehingga kini terdapat 13 buah 3PK di seluruh negara yang menempatkan 52 pegawai bidang khusus yang melaksanakan saringan dan penilaian; intervensi dan rehabilitasi; akomodasi dan modifikasi persekitaran; konsultasi; dan latihan kepada guru, ibu bapa atau penjaga. Pegawai bidang khusus ini merangkumi audiologis, psikologis, psikologis klinikal, terapis cara kerja, fisioterapis dan pegawai intervensi.

Selain itu, KPM melalui program PERMATA Kurnia telah menjalinkan kerjasama yang erat bersama Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan menyediakan kepakaran melalui pegawai yang ditempatkan secara kader. Program PERMATA Kurnia ini beroperasi di dua lokasi iaitu di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya dengan menawarkan perkhidmatan intervensi awal secara antara disiplin yang menggabungkan lima (5) bidang kepakaran:

- i. Pendidikan (bidang Pendidikan Khas dan Pendidikan Awal Kanak-kanak);
- ii. Pemulihan Perubatan (Cara Kerja);
- iii. Pemulihan Perubatan (Pertuturan);
- iv. Pembangunan Masyarakat; dan
- v. Psikologi Klinikal

Konsep antara disiplin sepenuh masa ini membezakan perkhidmatan di Pusat PERMATA Kurnia dengan perkhidmatan intervensi awal di hospital dan pusat-pusat perkhidmatan pendidikan khas yang lain.

KPM turut melaksanakan pembangunan profesionalisme secara berterusan yang menjurus kepada bidang intervensi dan aktiviti rangsangan pendidikan khas kepada guru-guru prasekolah. Program Pengesanan Perkembangan dan Intervensi Murid Prasekolah (ProsPIM) telah direka khas bertujuan untuk mengesan kelewatan perkembangan dalam kalangan murid prasekolah empat hingga enam tahun dan berusaha untuk menyediakan intervensi yang bersesuaian kepada mereka. Oleh itu ProsPIM membantu guru prasekolah menyediakan intervensi, bahan pembelajaran tambahan dan pelbagai bentuk perkhidmatan sokongan yang bersesuaian kepada mereka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, KPM juga telah berkongsi kepakaran berkaitan ProsPIM dengan Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) bagi membantu memantapkan sistem pendidikan prasekolah di bawah KEMAS.

KPM yakin semua usaha yang dilaksanakan ini dapat membantu memastikan lebih ramai personel dalam bidang pendidikan khas tersedia untuk mengendalikan program pendidikan bagi MBPK termasuk autisme, sekaligus meningkatkan kualiti pendidikan yang diterima oleh murid-murid ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR TUAN HAJI HUSSIN BIN
ISMAIL**

TUAN HAJI HUSSIN BIN ISMAIL minta **MENTERI PELABURAN,
PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan

- a. statistik jumlah pelaburan *Foreign Direct Investment* (FDI) sejak tahun 2022; dan
- b. (b) berapakah jumlah *Memorandum of Understanding* (MOU) dan jumlah *Memorandum of Agreement* (MOA) serta jumlah nilainya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Ingin dimaklumkan bahawa MIDA dan Jabatan Perangkaan Malaysia (Department of Statistics Malaysia - DOSM), masing-masing menggunakan metodologi pengiraan yang berbeza mengenai nilai pelaburan, yang menyumbang kepada perbezaan atau jurang data bagi pelaporan oleh MIDA dan DOSM. Oleh itu, bagi mengelakkan kekeliruan, MIDA telah menggantikan penggunaan terminologi kepada Pelaburan Asing (Foreign Investment – FI) dan Pelaburan Domestik (Domestic Investment – DI), manakala DOSM kekal menggunakan terma Pelaburan Langsung Asing (Foreign Direct Investment – FDI) dan Pelaburan Langsung Domestik (Domestic Direct Investment – DDI).

Nilai pelaburan diluluskan yang diumumkan oleh MIDA adalah merujuk kepada cadangan projek pelaburan yang diusulkan oleh pelabur. Nilai pelaburan yang dicadangkan ini juga bertindak sebagai ukuran proksi kepada pelaburan yang dilaksana/direalisasikan dengan syarat projek tersebut telah mencapai salah satu status pelaksanaan, iaitu sama ada telah memulakan operasi; sedang membuat pemasangan mesin; atau sedang dalam proses pembinaan/penyewaan kilang/bangunan/gudang. Berdasarkan jumlah pelaburan yang dilaporkan, pecahan FI dan DI dihitung melalui pengagihan ekuiti tempatan atau asing dalam setiap projek untuk mendapatkan gambaran menyeluruh tentang pelaburan tersebut.

Manakala nilai FDI yang dilaporkan oleh DOSM pula merujuk kepada pelaburan dalam konteks aliran masuk dan keluar pelaburan asing, dengan fokus kepada aktiviti pelaburan sebenar, berdasarkan transaksi kewangan yang dilakukan oleh syarikat-syarikat asing. Tafsiran bagi FDI yang digunakan DOSM adalah pemilikan sekurang-kurangnya 10% pegangan dan kuasa undi dalam syarikat gabungan di Malaysia.

Bagi tempoh **2022 sehingga Mac 2024**, Malaysia telah mencatatkan sejumlah **RM680.9 bilion** nilai **pelaburan diluluskan** dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan utama yang **melibatkan 10,875**

projek dan dijangka akan mewujudkan 296,799 peluang pekerjaan baharu di negara ini. Pelaburan asing merupakan penyumbang utama dengan nilai pelaburan yang diluluskan sebanyak **RM398.7 bilion (58.6 peratus)**, manakala pelaburan domestik menyumbang sebanyak **RM282.2 bilion (41.4 peratus)**.

Maklumat terperinci **kelulusan pelaburan asing** mengikut sektor ekonomi bagi tahun **2022 sehingga Mac 2024** adalah seperti berikut:

Jadual 1: Jumlah Pelaburan Asing Yang Diluluskan Mengikut Sektor Ekonomi Bagi Tahun 2022 - Mac 2024

Sektor	Pelaburan Asing (<i>Foreign Investment</i>)			
	2022 (RM bilion)*	2023 (RM bilion)*	Jan-Mac 2024 (RM bilion)*	Jumlah (RM bilion)*
Perkilangan	66.0	128.4	38.2	232.6
Perkhidmatan	84.9	57.9	8.7	151.5
Utama	12.4	2.0	0.2	14.6
Jumlah	163.3	188.4	47.0	398.7

*Nota: *Nilai penjumlahan mungkin berbeza disebabkan pembundaran*
Mengenai persoalan berkaitan Memorandum Persefahaman (*Memorandum of Understanding – MOU*) dan Memorandum Perjanjian (*Memorandum of Agreement – MOA*), dimaklumkan bahawa Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) merupakan **urus setia** bagi **Jawatankuasa Verifikasi** (*Vetting Committee*) yang bertanggungjawab melaksanakan **pendaftaran** dan **verifikasi** terhadap **MOU dan MOA** di antara **syarikat-syarikat tempatan dengan syarikat-syarikat asing**. Secara lazimnya, **majlis tandatangan atau pertukaran dokumen** yang berkenaan akan dihadiri dan **disaksikan** oleh **anggota Jemaah Menteri atau wakil Kerajaan**.

Berdasarkan rekod Kementerian ini, dari tahun **2022 sehingga Julai 2024**, Jawatankuasa ini telah menyelaraskan **urusan verifikasi** terhadap **179 MOU/MOA** antara **syarikat-syarikat Malaysia dan rakan perniagaan** (*Business-to-Business – B2B*) dengan anggaran nilai terkumpul **sebanyak RM199.27 bilion**. MOU/MOA ini antara lain menyatakan **komitmen** pihak-pihak yang terlibat untuk **melaksanakan**

aktiviti-aktiviti yang dicadang atau dipersetujui, antaranya seperti kajian kebolehlaksanaan; jualan dan pembekalan; peruncitan; perolehan; penganjuran persidangan; pembangunan hartanah; aktiviti pertanian; perancangan bandar dan kawalan trafik serta komunikasi satelit.

Kerajaan akan terus **proaktif dan responsif** dalam **menarik pelaburan baharu** ke dalam negara dan dalam masa yang sama menggalakkan **perkembangan pelaburan domestik**. Usaha dan langkah **memperkukuhkan ekosistem pelaburan** dan **rantaian bekalan** akan terus dilaksana termasuk dalam **menambahbaik polisi dan strategi** sedia ada ke arah **memperkasa sistem penyampaian perkhidmatan** bagi memastikan para pelabur dapat **menjalankan perniagaan dalam persekitaran yang kondusif**.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR TUAN HAJI HUSSIN BIN
ISMAIL**

TUAN HAJI HUSSIN BIN ISMAIL minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah pelancong dari negara China dan India yang memasuki Malaysia sejak kemudahan pengecualian visa dilancarkan dan berapakah jumlah pelancong tersebut yang tidak keluar menurut peraturan yang ditetapkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan telah melaksanakan Pelan Liberalisasi Visa bermula 1 Disember 2023 sehingga 31 Disember 2024. Antara inisiatif yang diperkenalkan melalui Pelan ini termasuklah:

- (i) pengecualian visa bagi tempoh 30 hari kepada warganegara China dan India;
- (ii) pemberian kemudahan Multiple Entry Visa (MEV) hingga 30 hari kepada pelancong;
- (iii) pemberian Pas Lawatan Sosial (PLS) Jangka Panjang hingga 12 bulan kepada pelajar antarabangsa yang tamat pengajian;
- (iv) pemberian visa transit umrah bagi tempoh tujuh hari; dan
- (v) penambahbaikan tempoh sah laku visa dan tempoh kelayakan Pas Lawatan Sosial.

Jumlah bilangan pelancong daripada Negara China dan India yang masuk dengan kemudahan pengecualian visa 30 hari daripada 1 Januari sehingga 15 Julai 2024 adalah seramai jutaan orang melibatkan pelawat warganegara Republik Rakyat China (RRC) dan pelawat warganegara India.

Jumlah pergerakan keluar dan masuk bagi pelawat warganegara tersebut didapati berbeza. Ini disebabkan tempoh sah Pas Lawatan Sosial bagi satu-satu pelawat adalah berdasarkan kepada tarikh kemasukan ke Malaysia. Namun demikian, bagi mengurangkan kes-kes tinggal lebih masa, Jabatan Imigresen Malaysia secara berterusan melaksanakan operasi penguatkuasaan warga asing yang tinggal lebih masa. Sehingga 18 Julai 2024, seramai 395 orang warga China ditahan dan seramai 906 orang warga India yang telah ditahan.

Selain dari operasi penguatkuasaan, Program Repatriasi Migran juga dilaksanakan dan masih berlangsung bermula 1 Mac 2024 sehingga 31 Disember 2024, tujuan program ini adalah menggalakkan warga asing yang telah tinggal lebih masa menyerah diri untuk proses pulang ke

negara asal dengan kenaan denda dan pengecualian daripada tindakan pendakwaan. Sehingga 21 Julai 2024, seramai 98 warganegara China yang telah mendaftar dan 81 telah disahkan pulang. Manakala bagi warganegara India seramai 14,597 telah mendaftar dan seramai 12,752 orang disahkan pulang. JIM akan terus memantau situasi ini melalui proses naziran, risikan dan operasi penguatkuasaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : TUAN HAJI HUSSIN BIN ISMAIL**

TUAN HAJI HUSSIN BIN ISMAIL minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan statistik kemasukan pelancong dari negara China dan India yang memasuki Malaysia sejak kemudahan pengecualian visa dilancarkan dan adakah kemudahan ini akan diperluaskan kepada negara-negara lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bermula dari 1 Disember 2023, Jabatan Imigresen Malaysia melalui Program Liberalisasi Visa telah memperkenalkan pengecualian visa selama 30 hari kepada warganegara China dan India yang datang ke Malaysia. Pelaksanaan program ini telah mendapat sambutan yang positif dari pelancong kedua-dua negara tersebut. Ianya dapat dilihat melalui peningkatan jumlah pelancong dari kedua-dua negara semenjak program tersebut dilaksanakan.

Jumlah ketibaan pelancong dari China bagi tempoh Disember 2023 hingga Mei 2024 adalah seramai 1,353,514 iaitu peningkatan sebanyak 202.6% berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya iaitu seramai 447,355 orang pelancong. Jumlah ketibaan pelancong dari India juga meningkat sebanyak 85.3% iaitu seramai 509,819 bagi tempoh Disember 2023 hingga Mei 2024 berbanding dengan tempoh yang sama tahun sebelumnya iaitu seramai 275,206 orang pelancong.

Kemudahan kemasukan ke Malaysia tanpa visa ini bukan sahaja dapat meningkatkan ketibaan pelancong malah ianya juga merangsang ekonomi pelbagai segmen di dalam negara. Justeru itu, usaha ini wajar diperluaskan lagi kepada negara-negara lain, namun ianya tertakluk kepada tapisan keselamatan negara melalui perbincangan bersama pihak KDN dan JIM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATO' HAJI HUSAIN BIN
AWANG**

DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG minta **MENTERI KESIHATAN** menyenaraikan inisiatif dan usaha yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian bagi meningkatkan bilangan fasiliti kesihatan di seluruh negeri Terengganu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian sentiasa berusaha meningkatkan capaian perkhidmatan kesihatan kepada penduduk dan menambah baik status kemudahan kesihatan sedia ada. Antara inisiatif dan usaha yang dilaksanakan di negeri Terengganu adalah :

a) Membina hospital dan klinik kesihatan yang baharu atau pun gantian. Di antaranya adalah:

- i. Pembinaan Hospital Kemaman
- ii. Pembinaan Hospital Dungun
- iii. Pusat Pakar Pergigian di Kuala Terengganu
- iv. Pembinaan Klinik Kesihatan Kuala Jengal
- v. Klinik Kesihatan Rhu Sepuloh, Setiu
- vi. Klinik Kesihatan Paya Datu, Kuala Terengganu; dan
- vii. Klinik Kesihatan Kampung Raja, Besut.

b) Menaiktaraf hospital dan klinik sedia ada iaitu:

- i. Menaiktaraf Sistem Kejuruteraan HSNZ
- ii. Menaiktaraf HDW Hospital Besut
- iii. Menaiktaraf Klinik Kesihatan Hiliran serta blok tambahan; dan
- iv. Penggantian bangunan Klinik Kesihatan Batu Rakit, Kuala Terengganu.

2. Pelan pembangunan fasiliti kesihatan bagi negeri Terengganu adalah berdasarkan bilangan populasi penduduk, perkembangan perkhidmatan, beban kerja serta peningkatan pesakit dan keadaan fasiliti sedia ada.

3. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya perlu dikaji dari aspek ketersediaan tapak dan sumber manusia, rangkaian perkhidmatan sedia ada di sekitarnya dan keupayaan kewangan kerajaan. Ini untuk memastikan capaian perkhidmatan kesihatan kepada rakyat adalah optimum.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATO' HAJI HUSAIN BIN
AWANG**

DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah komitmen serta usaha pembaharuan Kementerian bagi memastikan aspek pendigitalan sistem kesihatan dan fasiliti penjagaan termasuk Rekod Perubatan Elektronik (EMR) mengambil kira cabaran seperti isu ketersambungan internet yang tidak sama rata di kawasan luar bandar dan pedalaman selain infrastruktur sedia ada yang masih daif.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan komited untuk melaksanakan usaha pembaharuan dalam aspek pendigitalan sistem kesihatan khususnya memastikan rekod kesihatan pesakit dapat dikongsi antara fasiliti kesihatan awam mahupun swasta dan menjadikannya sebagai *Electronic Lifetime Health Record* (dengan izin).
2. Sehubungan itu, suka saya memaklumkan status capaian internet bahawa KKM kini menerima kemudahan capaian internet menerusi tiga (3) perkhidmatan iaitu:
 - (a) perkhidmatan MyGov*Net.
 - (b) perkhidmatan *Very Small Aperture Terminal High Throughput Satellite* (VSAT HTS); dan
 - (c) menggunakan teknologi *mobile cellular*.
3. Perkhidmatan *MyGov*Net* merupakan Rangkaian Telekomunikasi Bersepadu Kerajaan atau *Government Integrated Telecommunications Network* (dengan izin) yang diuruskan secara berpusat oleh Jabatan Digital Negara (JDN). Infrastruktur rangkaian yang disediakan ini selamat dan dapat menyokong penyampaian perkhidmatan kesihatan.
4. Setakat Julai 2024, perkhidmatan MyGov*Net dengan kelajuan internet antara 10 Mbps hingga 800 Mbps telah disediakan di 2,625 fasiliti kesihatan di seluruh negara.

5. Bagi kawasan pedalaman pula, Kementerian Kesihatan telah menerima perkhidmatan *Very Small Aperture Terminal High Throughput Satellite* (VSAT HTS) di 117 fasiliti kesihatan dengan kapasiti capaian internet antara 60 GB hingga 300 GB. Kapasiti capaian internet menerusi perkhidmatan tertakluk kepada faktor geografi dan lokasi kawasan serta keupayaan pemasangan kabel gentian optik.
6. Bagi kawasan yang sukar mendapat liputan VSAT HTS, Kementerian Kesihatan telah menyediakan teknologi *mobile cellular* berkapasiti capaian internet antara 10 GB hingga 200 GB dan setakat ini sebanyak 148 fasiliti kesihatan telah mendapat kemudahan ini.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Antara faktor ketersambungan internet di kawasan luar bandar dan pedalaman adalah ketersediaan infrastruktur telekomunikasi. Dalam hal ini, Kementerian Kesihatan akan terus bekerjasama dengan Kementerian Komunikasi dalam usaha meningkatkan dan memperluaskan lagi liputan capaian internet di luar bandar dan kawasan pedalaman bagi membolehkan fasiliti kesihatan di kawasan berkenaan mendapat capaian internet yang lebih baik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATO' HAJI HUSAIN BIN
AWANG**

DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan secara terperinci syarat kelayakan bagi pelantikan guru dari Singapura serta negeri yang terlibat dalam pelantikan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa prihatin dan mengambil langkah proaktif untuk terus memantapkan keupayaan guru Bahasa Inggeris (BI) dalam melaksanakan pedagogi bermakna yang memanfaatkan pembelajaran murid dalam Bahasa Inggeris.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil perbincangan antara YAB Perdana Menteri bersama-sama Perdana Menteri Singapura baru-baru ini mencadangkan agar diwujudkan skim bantuan atau sukarelawan berbentuk hubungan diplomasi antara dua negara dan dibiayai oleh kerajaan Singapura. Skim ini bertujuan untuk membantu meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris murid di kawasan miskin bandar, pinggir bandar dan luar bandar, termasuk Sabah dan Sarawak.

KPM menyambut baik dan sedang meneliti cadangan sukarelawan ini terutama dari sudut pelaksanaannya di institusi pendidikan KPM agar perkara ini selari dengan dasar dan peraturan sedia ada. KPM juga akan mengenal pasti sukarelawan yang mempunyai kelayakan tertentu bagi menjamin kualiti pengajaran dan pembelajaran. Inisiatif seperti ini pernah dilaksanakan oleh KPM dengan melibatkan tenaga pengajar dari negara maju seperti Australia, Amerika Syarikat dan Korea.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATO' HAJI HUSAIN BIN
AWANG**

DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perincian bilangan terkini bagi pelancong asing yang berada dalam negara mengikut kategori seperti Pas Lawatan Sosial, Pas Lawatan Jangka Panjang, Pas Lawatan Ikhtisas, Pas Residen dan Pas Pelajar.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Berdasarkan rekod terkini Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) iaitu dari tahun 2023 hingga 30 Jun 2024, bilangan warganegara asing yang berada di Malaysia menggunakan kemudahan imigresen seperti Pas Lawatan Sosial Jangka Panjang, Pas Lawatan Ikhtisas, Pas Residen dan Pas Pelajar adalah seperti berikut:

TAHUN	STATISTIK PAS AKTIF MENGIKUT KATEGORI BAGI TAHUN 2023 SEHINGGA 30 JUN 2024				
	PAS LAWATAN SOSIAL JANGKA PANJANG	PAS LAWATAN IKHTISAS	PAS RESIDEN	PAS PELAJAR	JUMLAH
2023	253,108	10,653	9,158	125,080	397,999
2024	255,510	10,445	8,801	128,567	403,323

Statistik dari tahun 2023 sehingga 2024 telah merekodkan seramai 253,108 orang pemegang aktif Pas Lawatan Sosial Jangka Panjang pada tahun 2023 dan 255,510 orang pada tahun 2024. Manakala bagi pemegang pas aktif di bawah Pas Lawatan Ikhtisas, seramai 10,653 orang telah direkodkan bagi tahun 2023 dan 10,445 orang bagi tahun 2024. Melalui semakan data teras imigresen, jumlah pemegang aktif bagi Pas Residen pada tahun 2023 adalah berjumlah 9,158 orang dan 8,801 orang pada tahun 2024. Bilangan pelajar yang memegang kemudahan Pas Pelajar di Malaysia sehingga tahun 2024 adalah seramai 125,080 orang berbanding 128,567 orang pada tahun 2023.

Statistik dari tahun 2023 sehingga 2024 telah merekodkan seramai 28,906,053 orang pelawat asing ke Malaysia menggunakan Pas Lawatan Sosial pada tahun 2023 dan 17,414,882 orang pada tahun 2024.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATO' HAJI HUSAIN BIN
AWANG**

DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- a) bilangan isu sensitif berkaitan agama Islam yang berlaku sejak tahun 2013 hingga Jun 2024.
- b) sejauh manakah peranan dasar Pelan Transformasi Al-Falah (PTF) mampu menangani isu pemerkasaan Syariah di Malaysia.

JAWAPAN

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM
BIN HAJI MOKHTAR
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL AGAMA)**

(a) Bilangan isu sensitif berkaitan agama Islam yang berlaku sejak tahun 2013 hingga Jun 2024.

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli yang Berhormat, statistik berkaitan ajaran meragukan dan sesat yang telah difatwakan menyeleweng oleh negeri-negeri seluruh Malaysia dan juga di peringkat Persekutuan berkaitan agama Islam yang berlaku sejak tahun 2013 hingga Jun 2024 adalah sebanyak 21 kes. Statistik seperti berikut:

Tahun	Kes
2014	1
2015	4
2016	3
2017	1
2018	1
2019	3
2020	2
2021	1
2023	4

2024	1
------	---

2. Manakala berdasarkan statistik lain-lain isu sensitif berkaitan agama Islam yang berlaku sejak tahun 2018 hingga 2023 penguatkuasaan kes di bawah akta/enakmen/ordinan kesalahan jenayah syariah negeri-negeri seluruh Malaysia melibatkan pemujaan salah, perbuatan/ajaran salah, doktrin palsu, dakwaan palsu, mengembangkan doktrin agama dan dakyah agama lain seperti berikut:

Tahun	Kes
2018	30
2019	36
2020	35
2021	16
2022	18
2023	31
2024	2

3. Kerajaan sentiasa memantau perkara-perkara yang melibatkan ajaran sesat/menyeleweng termasuk melibatkan sensitiviti agama, isu berkaitan eksploitasi agama dan isu penghinaan terhadap agama. Selain itu, JAKIM juga telah mengambil tindakan mengaktifkan kembali talian hina agama bermula pada bulan Mei 2024. Ini berikutan isu antara agama, hina agama dan Islamofobia dalam negara yang perlu diambil perhatian dan tindakan sewajarnya. Talian ini menjadi platform kepada masyarakat untuk menyalurkan aduan dan maklumat berkaitan penghinaan terhadap agama agar perkara tersebut dapat dibendung dan diambil tindakan oleh pihak berkuasa.

4. Dalam melaksanakan pemantauan, sekiranya terdapat mana-mana individu atau kumpulan yang didapati cuba menyebarkan ajaran atau fahaman yang bertentangan dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah atau mentafsirkan ajaran Islam secara salah dan menyeleweng, laporan mengenai perkara tersebut akan dirujuk kepada agensi penguatkuasaan di peringkat persekutuan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) atau Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri (JAIN) bagi membolehkan tindakan undang-undang diambil ke atas mereka yang terlibat.
 5. JAKIM sebagai agensi hal ehwal Islam di peringkat persekutuan sentiasa bekerjasama dengan pihak berkuasa agama negeri bagi membanteras ajaran-ajaran yang menyeleweng daripada ajaran Islam. Pihak Penguat Kuasa Agama di Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri (JAIN) juga telah melakukan tindakan penguatkuasaan terhadap aktiviti ajaran sesat berpandukan aduan awam.
- (b) sejauh manakah peranan dasar Pelan Transformasi Al-Falah (PTF) mampu menangani isu pemerkasaan Syariah di Malaysia. – (JKSM)**
6. Pelan Transformasi Al-Falah, juga dikenali sebagai Pelan Transformasi Hal Ehwal Agama Menuju Malaysia Madani, merupakan inisiatif yang diperkenalkan oleh Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) untuk mencapai objektif dan sasaran dalam tempoh lima tahun. Pelan ini bertujuan untuk menjadi

peneraju pengurusan hal ehwal Islam dan kesejahteraan Malaysia Madani. Ia mengandungi 5 teras, 10 fokus, 21 strategi, dan 31 program yang direncanakan bagi mencapai visi agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). Pelan ini berfokus kepada lima teras utama, iaitu Pentadbiran Islam Mampan, Kesejahteraan Insan, Kemuliaan Syariah, Kepimpinan Kreatif, dan Kehormatan Institusi-institusi Islam.

7. Melalui **dasar Pelan Transformasi Al-Falah (PTF) pemeraksanaan syariah** dinyatakan di dalam Teras Tiga: Kemuliaan Syariah, Pelan Transformasi al-Falah, yang meliputi skop yang berikut:

(a) Memperkasakan Sistem Kehakiman Mahkamah Syariah—

- (i) Pemeraksanaan Mahkamah Syariah kepada Empat (4) Peringkat
- (ii) Pemeraksanaan Bidang Kuasa (Jenayah) Mahkamah Syariah – melalui pindaan RUU Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah)

(b) Meningkatkan Penyampaian Perkhidmatan Pentadbiran Keadilan Yang Berkesan—

- (i) Seminar/ outreach dan sistem pendidikan undang-undang Syariah;
- (ii) Klinik Guaman dan Bimbingan Khidmat Guaman Mahkamah Syariah; dan
- (iii) Penambahbaikan perkara-perkara yang berhubungan dengan hal ehwal penguatkuasaan dan pendakwaan Syariah serta peguam Syarie.

- (c) Mewujudkan Akademi Kehakiman Syariah Malaysia bagi membangunkan dan melaksanakan modul latihan untuk Pegawai dan kakitangan Kehakiman dan Perundangan Syariah di Malaysia
8. Dasar Pelan Transformasi al-Falah ini yang telah menggariskan komitmen kerajaan dalam memperkasakan mahkamah Syariah secara tidak langsung turut memberi impak dalam setiap segi penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATO' SHAMSUDDIN BIN
HAJI ABD GHAFAR**

DATO' SHAMSUDDIN BIN HAJI ABD GHAFAR minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimanakah Kementerian menangani masalah kekurangan zat makanan atau nutrisi di kalangan murid miskin supaya proses pembelajaran mereka tidak terjejas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil pelbagai langkah proaktif untuk menangani masalah kekurangan zat makanan atau nutrisi di kalangan murid miskin bagi memastikan proses pembelajaran mereka tidak terjejas.

Salah satu inisiatif utama ialah pelaksanaan Program Rancangan Makanan Tambahan (RMT) yang bertujuan menyediakan makanan tambahan kepada murid sekolah rendah yang layak mengikut syarat yang telah ditetapkan iaitu murid daripada keluarga miskin tegar berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) nasional, murid di sekolah Orang Asli/Penan, dan murid berkeperluan khas (MBK).

Program RMT bertujuan membekalkan sebahagian daripada keperluan harian kalori murid iaitu sebanyak $\frac{1}{4}$ - $\frac{1}{3}$ (anggaran 450-500 kalori) daripada jumlah keseluruhan keperluan kalori harian murid. Makanan RMT dibekalkan pada hari persekolahan sahaja.

KPM dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menyediakan 20 menu pilihan RMT. Menu RMT disediakan berdasarkan Piramid Makanan dan Saranan Pengambilan Nutrien Malaysia yang dikeluarkan oleh KKM. Pelaksanaan RMT ini telah ditambah baik mulai tahun 2022 dengan pemberian susu pada setiap hari persekolahan berbanding dua (2) kali seminggu sebelum ini. Bagi tahun 2023, KPM telah membelanjakan RM777 juta dalam program RMT dan PSS yang memberi manfaat kepada lebih 700 ribu orang murid.

KPM juga telah menyediakan buku panduan pengurusan kantin sekolah yang meliputi segala aspek pengurusan kantin sekolah termasuk penyediaan makanan yang sihat. KPM dengan kerjasama KKM telah menyediakan cadangan menu makanan yang boleh dijual di kantin sekolah bagi memastikan murid mendapat makanan yang berkhasiat dan seimbang untuk membantu proses tumbesaran mereka. Menu tersebut mengambil kira keperluan kalori bagi seorang murid berdasarkan

Saranan Pengambilan Nutrien Malaysia oleh KKM.

Menu makanan yang disediakan di kantin sekolah juga hendaklah memenuhi saranan Piramid Makanan Malaysia yang mengambil kira kumpulan makanan iaitu bijirin, buah-buahan, sayur-sayuran, protein dan susu. Cara penyediaan makanan berkhasiat turut ditekankan dengan mengurangkan penggunaan minyak, gula dan garam dalam hidangan.

KPM dengan nasihat KKM juga telah mengeluarkan senarai makanan dan minuman yang dilarang penjualannya di kantin sekolah yang boleh menjejaskan kesihatan murid. Senarai ini juga terpakai di koperasi sekolah, mesin layan diri serta seluruh kawasan sekolah. Hal ini bagi mewujudkan persekitaran yang menyokong amalan pemakanan dan gaya hidup sihat di sekolah dengan turut memastikan tiada penjualan makanan yang dilarang di kawasan sekolah.

Bagi menyokong amalan pemakanan sihat dalam kalangan murid, KPM menggalakkan sekolah menyertai program Hidangan Berkhasiat di Sekolah (HiTS) yang diperkenalkan oleh KKM. Program HiTS adalah program pemakanan sihat yang melibatkan pembekalan set makanan sihat yang disediakan oleh pengusaha kantin sekolah dan ditanggung oleh ibu bapa atau penjaga masing-masing.

KPM juga telah melancarkan Kempen Amalan Pemakanan Sihat Peringkat Kebangsaan pada 14 Jun 2024. Ini membuktikan KPM sentiasa komited dalam membudayakan pemakanan sihat di sekolah. Pengoperasian kantin sekolah dipantau dari semasa ke semasa oleh jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah dan pentadbir sekolah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATO' SHAMSUDDIN BIN
HAJI ABD GHAFAR**

DATO' SHAMSUDDIN BIN HAJI ABD GHAFAR minta **MENTERI
DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah keterlibatan anggota
keselamatan dalam penyalahgunaan dadah dan apakah langkah-langkah
untuk membanterasnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik, Polis Diraja Malaysia (PDRM) amat memandang serius gejala penyalahgunaan dadah dan sentiasa komited untuk membendung masalah dadah dalam negara. Seramai 932 orang penjawat awam telah disabitkan menyalahguna dan menagih dadah pada tahun 2023.

Antara usaha yang dilaksanakan oleh AADK untuk membanteras penyalahgunaan dadah di tempat kerja adalah menjalinkan kolaborasi dengan majikan untuk melaksanakan program pendidikan pencegahan di tempat kerja bagi sektor awam dan swasta melalui Program Tempat Kerja Bebas Dadah (TEKAD). Pada tahun 2023, sebanyak 54 program TEKAD telah dilaksanakan di jabatan-jabatan kerajaan di seluruh negara bertujuan untuk mewujudkan kawasan dan persekitaran kerja yang menyokong kepada pembudayaan kerja yang berintegriti di samping memastikan warga kerja bebas daripada masalah dadah dan sentiasa mengamalkan gaya hidup sihat.

Pihak PDRM pula melalui Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) sentiasa menjalankan pemantauan dan pemeriksaan secara berterusan bagi memastikan isu dadah dalam kalangan warga PDRM dapat dibendung.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATO' SHAMSUDDIN BIN
HAJI ABD GAFFAR**

DATO' SHAMSUDDIN BIN HAJI ABD GAFFAR minta **MENTERI
PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah benar graduan universiti di
negara ini telah merosot dan apakah punca kemerosotan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan sistem MyMohes di Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), bagi **tahun 2021 hingga tahun 2023, keseluruhan bilangan kemasukan pelajar** ke Universiti Awam (UA) adalah berjumlah **563,845 pelajar**.
2. Berdasarkan jumlah tersebut, **trend kemasukan pelajar ke UA menunjukkan peningkatan bagi tiga tahun terkini** iaitu pada tahun 2023 seramai 193,029 pelajar meningkat sebanyak 2.2% berbanding seramai 188,915 pelajar pada tahun 2022. Pada tahun 2021 pula, kemasukan pelajar ke UA adalah seramai 181,901 pelajar.
3. Dalam hal ini, kenyataan bahawa graduan universiti di negara ini telah merosot adalah tidak tepat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATO' SHAMSUDDIN BIN
HAJI ABD GHAFAR**

DATO' SHAMSUDDIN BIN HAJI ABD GHAFAR minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah terdapat suatu dasar atau peraturan mengenai pemasangan sistem kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan-kawasan perumahan terutamanya bagi perumahan berkepadatan tinggi. Dalam konteks pembangunan rumah mampu milik, adakah disyaratkan kepada pemaju-pemaju mengenai pemasangan CCTV. Sekiranya ada, sejauh manakah pihak berwajib menjalankan penguatkuasaan bagi pemasangan dan penyelenggaraan CCTV di kawasan-kawasan perumahan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kerajaan MADANI komited memastikan **setiap rakyat mempunyai tempat tinggal tanpa mengira sama ada secara pemilikan atau sewaan (*shelter for all*)**. Dalam melaksanakan komitmen ini, Kerajaan MADANI memandang serius aspek memelihara keselamatan nyawa dan harta rakyat.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang terhormat, **Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757]** memperuntukkan ruang daripada aspek undang-undang bagi tujuan pemasangan CCTV ini seperti yang dinyatakan dalam **Perkara 70(2), Bab V Pengurusan Strata Selepas Kewujudan Perbadanan Pengurusan, Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757]** seperti berikut:

“Perbadanan Pengurusan boleh, melalui satu ketetapan khas, membuat undang-undang kecil tambahan itu, yang selaras dengan undang-undang kecil yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Seksyen 150 bagi mengawal selia kawalan, pengurusan, pentadbiran, penggunaan dan penikmatan bangunan atau harta yang dipecah bahagi dan harta bersama termasuk semua atau mana-mana perkara yang berikut: (a) langkah-langkah keselamatan dan perlindungan.....”

Namun, pada masa ini, pemasangan CCTV sebagai kriteria dalam projek pembangunan rumah mampu milik adalah **tidak diwajibkan** termasuk projek perumahan awam iaitu Projek Perumahan Rakyat (PPR). Ini kerana pemasangan CCTV pada projek perumahan mampu milik akan mengakibatkan peningkatan kos keseluruhan projek. Namun, **KPKT amat menggalakkan para pemaju** yang boleh menyediakan keperluan keselamatan contohnya pemasangan CCTV pada kadar yang minimal dan tidak memberi impak yang besar kepada nilai/harga rumah terutamanya bagi rumah mampu milik. Bagi perumahan berstrata, **Badan Pengurusan Bersama (JMB) boleh menyediakan keperluan keselamatan** termasuk pemasangan CCTV demi memastikan keselamatan penghuni terjamin.

Mengambil kira perkara ini, Kerajaan MADANI menerusi cadangan penjenamaan semula projek perumahan awam iaitu **Program Residensi Rakyat (PRR)** akan **menambah baik projek perumahan awam** termasuk dalam aspek keselamatan kepada bakal penghuni. **Antara penambahbaikan yang akan dilaksanakan adalah pemasangan CCTV di ruang lobi perumahan PRR.** Dengan mewujudkan sistem keselamatan yang teratur, ia akan memudahkan kerja-kerja pemantauan oleh pihak pengawal keselamatan sekaligus dapat menghindarkan kes-kes jenayah dan melindungi harta benda warga penghuni PRR.

Selain dari sudut pencegahan, penggunaan CCTV juga akan membantu daripada segi siasatan sekiranya sesuatu kejadian berlaku dan ia boleh dijadikan bukti dalam siasatan yang dijalankan. Keprihatinan Kerajaan terhadap aspek keselamatan terutamanya bagi projek-projek perumahan awam dapat memberi ketenangan fikiran kepada penghuni.

NO SOALAN: 123

sekaligus memberi kesan positif dan mewujudkan suasana kondusif di kawasan perumahan rakyat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATO' SHAMSUDDIN BIN
HJ. ABD GHAFFAR**

DATO' SHAMSUDDIN BIN HJ. ABD GHAFFAR minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan satu program kerjasama antara National Technology and Innovation Sandbox (NTIS) dan Agensi Inovasi Malaysia (AIM) serta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) dalam menangani isu sekuriti makanan. Apakah status program kerjasama tersebut dan sejauh manakah pencapaian syarikat-syarikat pemula (*startup*) yang menyertai program berkenaan dimana 100 hektar tanah telah dikhususkan sebagai tapak ujian untuk pengkomersialan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat Senator, Agensi Inovasi Malaysia (AIM) telah dibubarkan pada tahun 2020. Walau bagaimanapun, kesemua aktiviti yang dijalankan oleh AIM sebelum ini masih dilaksanakan oleh MOSTI melalui agensi-agensinya seperti MRANTI, MTDC dan CRADLE.

Mengenai isu sekuriti makanan, National Technology and Innovation Sandbox (NTIS) telah bekerjasama dengan *Northern Corridor Implementation Authority* (NCIA) untuk menyediakan kawasan ujian yang berfungsi sebagai platform untuk menyatukan penyelidik, pakar, dan ahli akademik dalam mencipta inovasi baharu di Malaysia.

Melalui inisiatif Sandbox Keterjaminan Makanan, syarikat rintis dapat meneroka teknologi seperti pertanian, dron, Sistem Penentuan Global (GPS), Sistem Maklumat Geografi (GIS), dan Internet of Things (IoT) untuk menangani isu tersebut. Untuk makluman, terdapat dua tapak ujian di bawah Sandbox Keterjaminan Makanan, iaitu di Chuping, Perlis seluas 25 hektar (*superfruits*) dan di Pendang, Kedah seluas 64 hektar (padi).

Sehingga kini, satu syarikat, iaitu STRP Global Sdn. Bhd., telah memohon untuk melakukan ujian dalam Sandbox Keterjaminan Makanan. Syarikat tersebut kini berada dalam peringkat awal permohonan dan sedang menunggu kelulusan untuk menjalankan pengujian di tapak ujian di Pendang, Kedah.

Teknologi yang digunakan oleh syarikat ini dikenali sebagai "Teknologi Pengimejan Satelit LatConnect60" yang membolehkan pengenalanpastian

plot tanaman dengan tepat dengan kurang daripada 30% kebergantungan pada pengimejan dron. Teknologi ini membantu mengesan tahap NPK (*nitrogen, phosphorus, potassium*), kelembapan tanah, suhu, hujan, kandungan air tumbuhan, dan keadaan keseluruhan tumbuhan termasuk penuaan. Ia membolehkan penggunaan sumber dengan lebih cekap, meningkatkan pengurusan pembajaan dan kawalan perosak. Dengan memanfaatkan imej satelit dan analitik data, penanam dapat mencapai produktiviti dan kelestarian yang lebih baik dalam pertanian, memberi sumbangan yang signifikan kepada keselamatan makanan.

Sekian , terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATO' KESAVADAS A/L
A.ACHYUTHAN NAIR**

DATO' KESAVADAS A/L A.ACHYUTHAN NAIR minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan bagaimanakah komitmen bersama Malaysia dalam *EU Deforestation Regulation* (EUDR) dapat menjadikan Pensijilan Minyak Sawit Mampan (MSPO) sebagai dukungan perdagangan antarabangsa yang boleh memperkukuh keyakinan global terhadap kredibiliti penghasilan serta rantai bekalan minyak sawit negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Komitmen Malaysia dalam pematuhan kepada *European Union Deforestation-free Regulation* (EUDR) dapat memberikan impak yang signifikan dalam memperkukuh keyakinan global terhadap minyak sawit mampan yang dihasilkan di Malaysia.
2. Justeru, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian dalam mengetengahkan dan memastikan pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) dapat memenuhi perundangan EU tersebut dan kekal relevan di pasaran antarabangsa.
3. Antara usaha-usaha yang sedang diambil Kementerian melalui agensi-agensinya termasuklah perbincangan *trilateral* di antara Malaysia, Indonesia dan EU di bawah *Ad Hoc Joint Task Force on EUDR* (*Ad Hoc JTF*). Di bawah *Ad Hoc JTF* tersebut, pematuhan terhadap perundangan EUDR diteliti dan diperhalusi melalui lima (5) aliran kerja yang merangkumi lima (5) elemen penting iaitu keterangkuman (*inclusivity*) pekebun kecil dalam rantai bekalan sawit; pelaksanaan skim pensijilan yang mampan; kebolehjejukan (*traceability*) produk; pengumpulan data saintifik mengenai penyahhutan serta degradasi hutan; dan perlindungan data peribadi.
4. Selain itu, satu siri webinar telah dianjurkan oleh Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) pada 2 Mei 2024, yang menampilkan pakar daripada *European Forest Institute* (EFI) dan pakar pensijilan kemampunan minyak sawit dari Belgium, iaitu Encik Pierre Bois d'Enghien. Webinar tersebut bertujuan untuk membentangkan analisis jurang perbezaan antara skim pensijilan MSPO dengan perundangan EUDR. Secara amnya, analisis tersebut menunjukkan bahawa pensijilan MSPO berpotensi memenuhi keperluan EUDR. Hal ini adalah kerana Malaysia telah menyemak semula piawaian MSPO 2.0 agar selari dengan norma antarabangsa. MSPO 2.0 ini juga dapat meningkatkan kredibiliti dengan skop yang lebih luas

untuk pengiktirafan daripada pasaran global. Dalam masa yang sama, usaha penambahbaikan dalam pensijilan tersebut sentiasa dijalankan bagi memastikan bahawa MSPO boleh diterima pakai oleh Suruhanjaya Eropah sebagai salah satu '*compliance tool*' EUDR.

5. Justeru, Satu sistem baharu yang lengkap dan komprehensif iaitu e-MSPO akan dibangunkan sebagai platform untuk mematuhi kesemua keperluan EUDR termasuk elemen kebolehjejukan dan pemetaan poligon.
6. Secara keseluruhan, pengiktirafan MSPO sebagai skim pensijilan yang dapat memenuhi keperluan EUDR akan meningkatkan kredibiliti dan kepercayaan pemegang taruh antarabangsa. Hasilnya, produk sawit mampan yang dihasilkan di negara ini memperoleh akses pasaran luar yang lebih luas. Malaysia sentiasa berusaha untuk mempertahankan kepentingan industri minyak sawitnya dalam menghadapi cabaran luar terutama dari EU melalui usaha di peringkat domestik dan antarabangsa, serta melalui penekanan kepada amalan penanaman sawit secara mampan dan pematuhan terhadap pensijilan kemampanan yang diiktiraf.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATO' KESAVADAS A/L
A.ACHYUTHAN NAIR**

DATO' KESAVADAS A/L A.ACHYUTHAN NAIR minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan peranan inklusif yang dimainkan oleh Malaysia dalam mewujudkan sinergi ekonomi yang berdaya tahan dengan negara-negara barat yang berpendapatan tinggi sejajar dengan prinsip kebersamaan globalisasi yang dizahirkan oleh YAB Perdana Menteri dalam Mesyuarat Khas Forum Ekonomi Sedunia (WEF) 2024 di Riyadh, Arab Saudi.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Malaysia merupakan sebuah negara dagang yang mengamalkan dasar untuk berdagang dengan mana-mana negara asalkan tidak bertentangan dengan perundangan antarabangsa. Dalam hal ini, Malaysia telah menandatangani pelbagai Perjanjian Perdagangan Bebas (*Free Trade Agreement-FTA*) sama ada dua hala, serantau dan pelbagai hala untuk memudahkan akses pasaran bagi produk-produk keluaran Malaysia. Setiap FTA yang dirundingi akan melalui proses tertentu seperti sesi libat urus dengan pemain-pemain industri agar kepentingan industri tempatan terjamin. Ini dapat dilihat menerusi cadangan tempoh transisi yang lebih panjang agar industri dapat bersedia dan beberapa klausa seperti *safe guard*; *carve-out*; dan terma pengecualian yang telah dirundingkan dalam pelbagai FTA. Hasil daripada pendekatan yang progresif dalam pembangunan ekonomi, FTA telah menyumbang kepada peningkatan nilai perdagangan dengan negara-negara rakan FTA termasuk menggalakkan pelaburan asing.

Bagi memastikan keterangkuman ke dalam ekonomi global tidak akan memudaratkan daya saing industri-industri yang strategik kepada kemampanan ekonomi negara, pelbagai dasar ekonomi seperti Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030, Strategi Semikonduktor Nasional dan Pelan Hala Tuju Industri Kimia 2030 telah digubal secara inklusif. Dasar-dasar ini bertujuan untuk mentransformasikan industri perkilangan negara dan perkhidmatan terpilih termasuk mewujudkan gaji median sebanyak RM4,510 dalam sektor perkilangan menjelang tahun 2020 serta mengoptimumkan potensi Malaysia sebagai hab pengeluaran cip serantau.

Kerajaan positif dengan impak pelaburan langsung asing kepada pertumbuhan ekonomi negara kerana hanya yang berkualiti dan menawarkan nilai tambah ekonomi akan dipermudahkan dan disokong dengan insentif-insentif cukai seperti Taraf Perintis dan Elaun Cukai Pelaburan. Sebagai contoh, pengoperasian syarikat-syarikat multinasional di Pulau Pinang telah mewujudkan kluster elektrik dan

elektronik yang stabil dan kukuh di mana hasilnya banyak syarikat-syarikat milik tempatan (*homegrown companies*) telah berkembang maju secara berperingkat-peringkat dan ada di kalangan syarikat-syarikat tersebut yang tersenarai di Bursa Malaysia. Selain itu, kebingkasan (*resilience*) industri tempatan yang strategik dengan nilai kompleksiti ekonomi yang tinggi turut diperkasakan dengan kerjasama rakan kongsi strategi umpamanya dalam industri semikonduktor, di mana satu Memorandum Kerjasama antara Malaysia dengan Amerika Syarikat telah dimeterai.

Pada masa yang sama, Malaysia sentiasa mendokong rejim perdagangan antarabangsa yang menerap keadilan dan berbentuk inklusif sebagaimana yang digariskan dalam perjanjian-perjanjian di bawah Pertubuhan Perdagangan Dunia (*World Trade Organization - WTO*). Antara yang ditekankan adalah aspek pembangunan dan pemeliharaan prinsip *Special & Differential Treatment (S&DT)* di kalangan negara anggota WTO yang bertujuan meningkatkan peningkatan ekonomi negara-negara membangun dan kurang membangun (*Least Developed Countries- LDC*).

Selain itu, Perjanjian Fasilitasi Perdagangan (*Trade Facilitation Agreement - TFA*) di bawah WTO juga berperanan penting dalam mewujudkan sinergi ekonomi yang berdaya tahan dan saling melengkapi antara satu sama lain. Malaysia telah meratifikasi Perjanjian ini pada tahun 2015 dan telah melaksanakan TFA sepenuhnya pada 1 Jun 2021. Tujuan utama Perjanjian ini adalah untuk mengintegrasikan negara-negara membangun dan LDC dalam rangkaian bekalan global dengan disokong oleh peruntukan-peruntukan perundangan bagi memudahkan dan mempercepatkan aliran eksport dan import, antaranya melalui penyelarasan prosedur kastam, pengurangan kos transaksi perdagangan dan peningkatan kecekapan proses berkaitan perdagangan. Hasil daripada Perjanjian tersebut, negara-negara membangun dan LDC akan lebih terdorong untuk terlibat dalam rangkaian bekalan global, dan seterusnya ianya akan menarik lebih banyak pelaburan asing ke negara-negara tersebut serta berupaya meningkatkan nilai eksport.

Elemen S&DT dan fasilitasi perdagangan ini merupakan antara komponen kritikal bagi menyokong negara-negara anggota WTO yang untuk turut menerima manfaat daripada inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh WTO, terutamanya berhubung pembangunan kapasiti ekonomi yang akan memudahkan dan mempercepatkan integrasi ke dalam sistem perdagangan global. Berhubung perkara ini, Malaysia sebagai sebuah negara anggota WTO yang cakna, sering memperjuangkan aspek pembangunan ekonomi yang inklusif di peringkat WTO bagi memastikan faedah perdagangan global dapat dimanfaatkan secara sama rata oleh semua pihak, termasuk Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana, peniaga-peniaga wanita, belia dan golongan kurang bernasib baik.

Malaysia turut mengamalkan sikap terbuka untuk bekerjasama dengan mana-mana negara yang menawarkan prospek ekonomi yang lebih baik seperti akses pasaran yang lebih luas dan mudah bagi produk-produk Malaysia, pembangunan kapasiti teknikal yang akan memperkasakan daya saing pemain-pemain industri tempatan, menangani rintangan bukan berbentuk tarif (*Non-Tariff Barriers*) serta menerokai peluang pembinaan kapasiti dan kerjasama bantuan teknikal dalam bidang yang dikenal pasti bersama melalui Jawatankuasa Bersama Dua Hala (*Joint Committee*).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATO' KESAVADAS A/L
A.ACHYUTHAN NAIR**

DATO' KESAVADAS A/L A.ACHYUTHAN NAIR minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan bentuk kerjasama yang dijalinkan dengan Kementerian Dalam Negeri, Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM), kelab-kelab Liga Super dan Malaysia Football League (MFL) dalam mewujudkan jaringan perlindungan keselamatan kepada para pemain dan barisan jurulatih yang sering kali terdedah dengan risiko jenayah:

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Aspek kebajikan dan keselamatan atlet dan seluruh ekosistem sukan merupakan keutamaan dan sentiasa diberi perhatian yang sewajarnya oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Pengenalan Kod Sukan Selamat bermula pada bulan Mac 2023 merupakan langkah pertama pihak Kerajaan dalam usaha memastikan seluruh komuniti sukan bebas daripada segala bentuk penderaan dan gangguan dalam sukan.

Dalam melindungi para pemain dan barisan jurulatih yang sering kali terdedah dengan risiko jenayah, KBS telah mengeluarkan arahan bahawa semua jurulatih dan pegawai yang akan dilantik perlu melalui tapisan keselamatan oleh Polis Diraja Malaysia bagi memastikan mereka bebas daripada rekod jenayah lampau yang boleh memberi risiko kepada atlet yang berada dibawah pengawasan mereka.

Bagi menambah baik langkah-langkah keselamatan sedia ada, semua badan sukan kebangsaan termasuk Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) dan ahli gabungan masing-masing telah dimohon untuk membangunkan polisi sukan selamat dengan menyatakan langkah keselamatan yang perlu diambil mengikut latar belakang sukan masing-masing bagi mengelakkan berlaku perkara yang tidak diingini dalam sukan. Dengan adanya polisi yang jelas, ia dapat memastikan unsur keganasan dan jenayah kepada atlet dapat dihentikan yang boleh menjejaskan pembangunan sukan secara keseluruhan.

Kod Sukan Selamat juga telah menggariskan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh seluruh ekosistem sukan serta mekanisme pelaporan untuk mengendalikan sebarang isu berkaitan. Sebarang aduan

berhubung salah laku yang melanggar Kod Sukan Selamat boleh dikemukakan terus kepada KBS melalui <http://kbs.spab.gov.my> atau mana-mana saluran aduan lain seperti Talian Kasih 15999 yang dikendalikan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan juga boleh dilaporkan terus kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Perbuatan yang menyebabkan kecederaan secara sengaja kepada seseorang termasuk kepada atlet, boleh dianggap sebagai suatu kesalahan jenayah di bawah Kanun Keseksaan dan siasatan akan dijalankan oleh pihak PDRM. Pihak Kementerian tidak mempunyai kuasa untuk campur tangan dalam penyiasatan yang dijalankan oleh pihak polis. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian akan membantu menyalurkan sebarang maklumat yang boleh membantu proses siasatan.

Selain itu, KBS dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN), badan-badan sukan di peringkat negeri akan terus menggiatkan usaha melaksanakan program advokasi dan kefahaman di seluruh negara bermula pada bulan Julai tahun ini. Program ini diharapkan dapat meningkatkan kefahaman dan pengetahuan berkaitan Kod Sukan Selamat kepada para penggiat sukan di peringkat negeri dan daerah yang terlibat secara langsung dalam aktiviti-aktiviti sukan di peringkat akar umbi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATO' KESAVADAS A/L
A.ACHYUTHAN NAIR**

DATO' KESAVADAS A/L A.ACHYUTHAN NAIR minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bagaimanakah garis panduan penapisan filem berupaya mendorong kepada penerbitan filem tempatan yang berkualiti tinggi tanpa menjejaskan penyampaian mesej dalam satu-satu babak atau jalan cerita dan sejauh manakah garis panduan tersebut tidak menjejaskan penawaran bagi karya-karya filem dari negara-negara luar.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Lembaga Penapis Filem (LPF), Kementerian Dalam Negeri (KDN) melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya berdasarkan kepada Akta Penapisan Filem 2002 [Akta 620] serta Garis Panduan Penapisan Filem.

Garis Panduan Penapisan Filem (GPPF) yang terbaharu telah dilancarkan pada 20 Mei 2024 bagi menggantikan GPPF tahun 2010 dengan penambahbaikan yang mengambil kira beberapa pertimbangan seperti berikut :

- (i) Kepadatan perkembangan teknologi digital industri perfileman;
- (ii) Tahap kematangan penonton yang selaras dengan perkembangan zaman;
- (iii) Isu sosial yang semakin kompleks dan kerap mempengaruhi golongan remaja dan kanak-kanak;
- (iv) Mengikuti perkembangan dan kehendak semasa industri; dan
- (v) Mengekalkan prinsip dan dasar penapisan serta klasifikasi filem.

LPF dari semasa ke semasa sentiasa menggalakkan penerbitan karya-karya kreatif industri perfileman tempatan, namun tugas dan tanggungjawab seharusnya dipikul oleh pengkarya filem dalam menetapkan piawaian sesebuah karya kreatif filem dengan cara yang bertanggungjawab kepada setiap lapisan penonton terutama bagi penonton dalam kategori di bawah umur 18 tahun. Setiap karya filem yang dihasilkan seharusnya mematuhi teras-teras utama di dalam GPPF yang telah menggariskan peraturan-peraturan yang jelas bagi memastikan sesebuah filem yang bakal dihasilkan tidak mengandungi kandungan yang tidak sesuai atau menjejaskan keharmonian dan keselamatan masyarakat berdasarkan kepada tiga teras utama penapisan filem iaitu Keselamatan dan Ketenteraman Awam, Keagamaan serta Moral dan Sosiobudaya.

Garis Panduan Penapisan Filem yang baru dilancarkan pada 20 Mei 2024 turut dihasilkan atas sumbangan, input dan maklum balas yang telah diterima daripada pihak pemegang taruh industri perfileman sendiri sejak

beberapa tahun yang lepas. GPPF ini memberikan lebih ruang kepada para pengkarya filem untuk menerokai idea bagi sesebuah filem dengan lebih kreatif dan kritis, bergantung kepada kelompok penonton yang disasarkan berdasarkan klasifikasi filem semasa. Justeru, sesebuah filem yang dihasilkan itu dapat diterjemahkan melalui naratif dan jalan cerita yang lebih mencabar minda, menghiburkan dan dalam masa yang sama, mampu membawa mesej yang positif kepada khalayak penonton.

Bagi karya-karya filem dari negara-negara luar, tiada halangan yang dikenakan oleh LPF untuk ianya ditayangkan di dalam negara ini, dengan syarat filem-filem tersebut hendaklah terlebih dahulu dikemukakan untuk penapisan, mematuhi ketetapan-ketetapan yang digariskan di dalam GPPF terbaharu dan disesuaikan kepada klasifikasi filem yang tersedia di negara ini. Penetapan GPPF dan Klasifikasi Filem oleh LPF ini sama sekali tidak menjejaskan kemasukan karya-karya filem dari negara-negara luar. Melalui statistik LPF, sejumlah 812 buah filem telah diterima untuk penapisan oleh LPF pada tahun 2022 dan ianya telah mencatatkan peningkatan kepada 985 buah filem pada tahun 2023, iaitu peningkatan sebanyak 21.3% berbanding pada tahun sebelumnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATO' KESAVADAS A/L
A.ACHYUTHAN NAIR**

DATO' KESAVADAS A/L A.ACHYUTHAN NAIR minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah tanggungan kewangan untuk membiayai pembayaran pencen setiap tahun bagi mantan Anggota Pentadbiran, Ahli Parlimen kedua-dua Majlis dan Setiausaha Politik setakat 31 Disember 2023 dan apakah langkah progresif daripada Perbendaharaan Negara untuk mencapai penjimatan signifikan yang boleh memanfaatkan ekonomi rakyat.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, jumlah perbelanjaan tahunan yang ditanggung oleh Kerajaan antara tahun 2018 sehingga 2023 untuk membiayai bayaran persaraan bekas Anggota Pentadbiran, Ahli Parlimen merangkumi bekas Perdana Menteri, Menteri, Ahli Dewan Negara dan Ahli Dewan Rakyat serta Setiausaha Politik adalah seperti jadual di bawah:

Tahun	Bil. Pesara dan Penerima Pencen Terbitan (orang)	Jumlah pembayaran pencen (RM juta)
2018	1,561	209.1
2019	1,389	100.4
2020	1,460	115.4
2021	1,432	110.8
2022	1,597	161.1
2023	1,492	119.5

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR TAN SRI HJ. MOHAMAD
FATMI BIN HJ. CHE SALLEH**

TAN SRI HJ. MOHAMAD FATMI BIN HJ. CHE SALLEH minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah jenis-jenis cukai dan hasil yang dikutip oleh Kerajaan Persekutuan dari sesebuah negeri dan berapakah jumlah kutipan ini untuk negeri Kelantan bagi tahun 2021 hingga 2023.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil cukai terdiri daripada hasil cukai langsung dan hasil cukai tidak langsung. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dipertanggungjawab untuk mengutip hasil cukai langsung yang merangkumi cukai pendapatan syarikat dan individu, cukai pendapatan petroleum, cukai keuntungan harta tanah dan duti setem. Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) pula mengutip hasil cukai tidak langsung yang terdiri daripada duti import, duti eksport, duti eksais, duti hiburan, cukai jualan, cukai perkhidmatan, cukai pelancongan, levi keuntungan luar biasa, levi kenderaan barang-barang dan levi pelepasan.

Hasil kutipan cukai langsung dan cukai tidak langsung yang dikutip oleh Kerajaan Persekutuan melalui LHDNM dan JKDM akan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan (KWDP), melainkan duti hiburan yang merupakan salah satu sumber hasil yang telah diserahkan kepada Kerajaan Negeri seperti yang termaktub di bawah Bahagian III, Jadual Kesepuluh, Perlembagaan Persekutuan. Hasil cukai pelancongan juga dimasukkan ke dalam KWDP, namun 50% daripada kutipan cukai pelancongan di setiap negeri akan disalurkan semula kepada Kerajaan Negeri bagi tujuan promosi dan kempen pelancongan, menambah baik infrastruktur serta perkhidmatan pelancongan di negeri masing-masing.

Pertanyaan Ahli Yang Berhormat mengenai jumlah kutipan hasil cukai di Negeri Kelantan bagi tahun 2021 hingga 2023 adalah melibatkan

data yang luas dan terperinci. Sebahagian maklumat mengenai hasil kutipan cukai mengikut negeri juga berkaitan dengan perkara yang dirujuk dalam saman yang telah difailkan ke mahkamah terhadap Kerajaan Persekutuan. Oleh yang demikian, Kementerian Kewangan tidak dapat mengemukakan maklumat tersebut pada masa ini atas dasar *sub judice*.

Walau bagaimanapun, hasil cukai langsung dan cukai tidak langsung yang diterima oleh Kerajaan Persekutuan pada setiap tahun boleh dilihat dalam Laporan Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan yang diterbitkan oleh Kementerian Kewangan. Dokumen tersebut boleh disemak dan dimuat turun daripada portal belanjawan tahunan di laman web Kementerian Kewangan. Data kutipan hasil cukai dilaporkan secara agregat mengikut jenis-jenis cukai dan bukannya mengikut negeri.

Berdasarkan Laporan Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2023 dan 2024, jumlah hasil cukai yang dikutip mengikut jenis cukai langsung dan cukai tidak langsung bagi tahun 2021 sehingga 2023 antaranya adalah seperti berikut:

Hasil Cukai Langsung (RM Juta)	Tahun		
	2021	2022	2023
Cukai Pendapatan Syarikat	79,829	82,133	98,435
Cukai Pendapatan Individu	27,051	33,776	39,725
Cukai Pendapatan Petroleum	11,570	23,421	20,520

Hasil Cukai Tidak Langsung	Tahun
-----------------------------------	--------------

(RM Juta)	2021	2022	2023
Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan	25,616	31,368	34,200
Duti Eksais	10,241	12,556	13,100
Duti Import	2,645	3,192	3,038
Duti Eksport	2,057	2,622	1,800

Nota: Kutipan 2023 adalah anggaran disemak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR TAN SRI HAJI MOHAMAD
FATMI BIN CHE SALLEH**

TAN SRI HAJI MOHAMAD FATMI BIN CHE SALLEH minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan jumlah projek melibatkan penukaran paip di negeri Kelantan di bawah program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) sejak RMK 8 dan kepada pihak mana ia diserahkan setelah projek tersebut siap.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah sentiasa komited dalam meningkatkan taraf infrastruktur dan prasarana asas luar bandar termasuk bekalan air melalui program Bekalan Air Luar Bandar (BALB).

Untuk makluman YB, penukaran/ penggantian paip air sedia ada adalah di luar skop pelaksanaan program BALB yang sedang berkuatkuasa. Ia adalah di bawah tanggungjawab pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN) / Operator Air.

KKDW melaksanakan projek-projek BALB yang melibatkan pembinaan loji, rumah pam, tangki air, serta pemasangan paip-paip utama dan komunikasi yang melibatkan akaun/ rumah baharu sahaja.

Untuk makluman YB jua, sepanjang RMKe-11 dan RMKe-12, terdapat sepuluh (10) butiran projek yang telah diluluskan oleh Kementerian Ekonomi kepada KKDW bagi pelaksanaan BALB di negeri Kelantan dengan kos keseluruhan projek bernilai RM388.69 juta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATUK SERI DR
MUJAHID BIN YUSOF**

DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF minta **PERDANA MENTERI** menyatakan isu pensijilan halal dan sejauh mana Malaysia berjaya menjadi peneraju dalam memenuhi pasaran halal yang semakin meningkat di pasaran dunia.

JAWAPAN

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM
BIN HAJI MOKHTAR
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. JAKIM telah memperkenalkan Inisiatif Segera Pensijilan Halal Malaysia 2.0 (ISPHM 2.0) hasil daripada *Business Process Reengineering (BPR)*, yang bertujuan untuk menambahbaik proses pensijilan halal Malaysia. Objektif ISPHM 2.0 adalah untuk mempercepatkan proses pensijilan halal Malaysia dan memperkasa penyampaian perkhidmatan selaras dengan ucapan YAB Perdana Menteri dalam pembentangan Belanjawan tahun 2024 di Dewan Rakyat pada 13 Oktober 2023, yang menyatakan komitmen bahawa Kerajaan akan memendekkan tempoh proses pensijilan daripada 60 hari kepada 30 hari bekerja.
2. Berdasarkan pencapaian pengurusan permohonan SPHM di JAKIM, setakat permohonan sehingga Jun 2024, peratus pencapaian keseluruhan proses dalam tempoh 30 hari melebihi 90%, manakala tiada permohonan yang diproses melebihi 60 hari. Tempoh keseluruhan ini tidak termasuk tempoh yang diambil oleh pihak pemohon untuk melaksanakan tindakan penambahbaikan dan tempoh menunggu bayaran.

3. Mengikut laporan *State of Global Islamic Economy* (SGIE) 2023 yang dikeluarkan oleh *Dinar Standards*, Malaysia berada di tempat pertama bagi sektor makanan halal dalam Petunjuk Ekonomi Islam Global (GIEI) 2023. Perkara ini menunjukkan bahawa jenama halal Malaysia semakin berkembang pesat jika dibandingkan dengan negara-negara lain. Pencapaian ini juga telah menyumbang kepada kedudukan Malaysia untuk mengekalkan tempat pertama daripada 81 buah negara bagi tahun ke-10 berturut-turut.

4. Selain itu, Pusat Analisis Halal Malaysia atau lebih dikenali dengan MyHAC di bawah JAKIM, telah berjaya memperolehi pengiktirafan akreditasi di bawah Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM) daripada Jabatan Standard Malaysia berdasarkan keperluan MS ISO/IEC 17025:2017: *General Requirements for the Competence of Testing and Calibration Laboratories* pada 20 April 2022. Akreditasi tersebut telah memberi pengiktirafan kepada MyHAC untuk mengendalikan ujian pensampelan dengan lebih cekap dan diyakini.

5. JAKIM berhasrat untuk menaik taraf MyHAC sebagai Pusat Analisis Halal Antarabangsa Malaysia dengan menawarkan perkhidmatan analisis kepada pihak industri dan badan pensijilan halal dalam dan luar negara berpaksikan gabungan syariah dan sains. MyHAC juga akan berfungsi bagi menjalankan kegiatan penyelidikan, latihan dan pembangunan kaedah analisis halal selaras untuk menjadikan JAKIM sebagai rujukan utama dalam pensijilan halal dunia.

6. Dalam masa yang sama, JAKIM juga sedang dalam usaha untuk menaik taraf Sistem Digital Pengurusan Halal bagi menangani isu keperluan penambahbaikan teknologi pengurusan maklumat pensijilan halal Malaysia. Antaranya ialah Sistem Maklumat Halal Bersepadu dan Sistem MYeHALAL 2.0.
7. Manakala dari aspek pendidikan, JAKIM sedang membangunkan Modul Eksekutif Halal Antarabangsa dengan kerjasama UPM, UM, UIAM dan USIM, bagi mengeksport Eksekutif Halal untuk pasaran luar negara. Melalui program ini, Malaysia akan melahirkan modal insan yang kompeten dan berintegriti bagi memenuhi kebolehpasaran bakat halal tempatan di luar negara, sekaligus membuka peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia yang berpengalaman dan berkepakaran dalam industri halal di luar negara.
8. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan Malaysia terus kekal sebagai peneraju dalam pensijilan halal dan berdaya saing di peringkat global, Kerajaan sentiasa komited melaksanakan agenda pemerksaan melalui keterlibatan dalam memberi khidmat latihan dan sumbangan kepakaran berkaitan pensijilan, standard dan pembangunan produk halal kepada badan pensijilan halal luar negara serta negara-negara lain di dunia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATUK SERI DR.
MUJAHID BIN YUSOF**

DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sejauh mana kejayaan pendekatan Kerajaan dengan Kerajaan (G2G) dalam perolehan aset pertahanan bagi mengatasi kartel yang mengaut untung dalam memperkasakan benteng pertahanan negara.

JAWAPAN:

Perolehan aset pertahanan melalui pendekatan Kerajaan dengan Kerajaan atau *Government to Government* (GtoG) yang dilaksanakan oleh Kementerian Pertahanan adalah berdasarkan *Memorandum of Understanding* (MoU) yang dimeterai dengan kerajaan negara yang berkenaan. Dalam hal ini, kerajaan negara berkenaan akan mengenal pasti *Original Equipment Manufacturer* (OEM) atau syarikat yang mempunyai keupayaan untuk berkontrak dengan Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pertahanan. Pendekatan ini secara tidak langsung dapat mengurangkan penglibatan orang tengah atau kartel yang dikatakan mengaut keuntungan daripada perolehan aset pertahanan negara. Kerajaan sangat optimis bahawa kaedah perolehan secara GtoG ini akan dapat mengelakkan kelewatan selain dapat mengoptimumkan '*value for money*'.

Selaras dengan prinsip dan tatakelola Kementerian Pertahanan, perolehan yang dilaksanakan melalui GtoG ini dipastikan mematuhi peraturan dan pekeliling yang berkuatkuasa. Rundingan hanya dilaksanakan dengan syarikat yang dipilih oleh kerajaan negara berkenaan setelah Kementerian Pertahanan melaksanakan proses *due diligence* berkaitan keupayaan dan kemampuan kewangan syarikat serta memenuhi ketetapan spesifikasi yang diperakukan oleh pihak pengguna (*end user*) di peringkat Perkhidmatan ATM.

Setakat ini, hanya satu pendekatan GtoG yang sedang digunakan.

Sekan, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATUK SERI DR.
MUJAHID BIN YUSOF**

DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan sejauh mana usaha memperkenalkan konsep Madani dari sudut hiburan dan kesenian.

JAWAPAN

**YB DATO SRI TIONG KING SING
MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan Malaysia MADANI telah meletakkan bidang kebudayaan sebagai sebahagian dari keutamaan negara. MOTAC telah membangunkan Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) pada tahun 2021 yang menjadi penentu hala tuju seni, budaya dan warisan serta keunikan identiti Negara agar terus terpelihara dan dimartabatkan sehingga ke peringkat antarabangsa selaras dengan enam (6) nilai teras MADANI. Strategi dan Pelan Tindakan Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) bermatlamat membantu penghasilan nilai kreatif dalam kalangan rakyat selaras dengan teras ke-3 Malaysia MADANI iaitu Daya Cipta. MOTAC bersama Jabatan/Agensi di bawah sektor kebudayaan menjelajah seluruh negara bagi merakamkan seni budaya dan warisan melalui program penyemarakan seni budaya di seluruh Malaysia dengan peruntukan berjumlah RM30.3 juta.

2. DAKEN menggariskan visi, misi dan strategi yang jelas ke arah menjadikan Malaysia sebagai sebuah Negara Maju, Rakyat Berbudaya dengan memfokuskan kepada tujuh (7) teras utama iaitu Budaya Nilai Tinggi, Keharmonian Masyarakat, Pemeliharaan dan Pemuliharaan Warisan Budaya, Pembangunan dan Pengembangan Budaya, Pemerksaan Budaya, Penjanaan Ekonomi Kebudayaan dan Kecemerlangan Budaya.

NO. SOALAN : 134

3. Dalam usaha mencapai visi dan misi kebudayaan negara, sebanyak 39 strategi dengan 95 pelan tindakan telah dikenal pasti, dirancang dan dirangka bagi tempoh pelaksanaan lima (5) tahun (2021-2025) yang akan berakhir pada tahun hadapan. Berdasarkan tujuh (7) teras utama tersebut, seni, budaya dan warisan negara dipelihara, dan seterusnya mampu diangkat sehingga ke peringkat antarabangsa.

4. MOTAC menyediakan sokongan dan bantuan geran kepada para penggiat khususnya di peringkat akar umbi dalam melaksanakan program atau acara kebudayaan untuk memperkasa dan mengubah landskap seni, budaya dan warisan negara agar lebih inklusif, berdaya saing dan berdaya tahan. Ini jelas mendukung teras Malaysia MADANI melalui teras Kemampanan, Hormat dan Yakin.

5. Geran Sokongan Sektor Kebudayaan (GSSK) MOTAC merupakan satu inisiatif kerajaan yang diumumkan melalui pembentangan Bajet 2024 di bawah Pelan Pemulihan Pelancongan MOTAC. Bagi memastikan ekosistem kesenian dan kebudayaan di negara ini terus kekal berdaya saing dan diperkasa, GSSK MOTAC diteruskan selari dengan matlamat dan nilai teras Malaysia MALAYSIA serta Teras 5 Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) iaitu Pemeriksaan Budaya.

6. Program Penyemarakan Seni Budaya yang tertumpu di seluruh negara pula akan menyediakan peluang dan ruang berkarya kepada semua pemain industri daripada setiap peringkat. Aktiviti silang budaya turut menjadi sebahagian agenda program sekaligus diharapkan menjadi jambatan menghubungkan integrasi nasional dan naratif Malaysia ke arah pembentukan identiti nasional, Malaysia MADANI.

7. Melalui Program Penyemarakan Seni Budaya ini, MOTAC

berharap dapat menjayakan aspirasi negara untuk mengangkat aset-aset warisan seni budaya yang bersesuaian melalui pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Usaha ini adalah penting bagi memastikan kesinambungan, keunikan dan keaslian yang diwarisi terus terpelihara selaras dengan Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) yang dilancarkan pada tahun 2021.

8. Melalui pemerksaan sektor pelancongan budaya, seni budaya menjadi sebahagian dari usaha di bawah konsep membangun Malaysia MADANI. Melalui sektor pelancongan dan kebudayaan, seluruh rakyat dapat menikmati kemakmuran ekonomi melalui penjanaaan pendapatan jualan produk termasuk makanan warisan, inap desa@homestay dan lain-lain aktiviti perniagaan yang berkaitan dengan aktiviti pelancongan, kesenian dan kebudayaan.

9. Kami di MOTAC sentiasa mengalu-alukan sebarang cadangan dan inisiatif, pendapat mahupun usaha sama berbentuk kegiatan seni dan budaya setempat daripada kalangan penggiat seni budaya tempatan dalam usaha merancang dan memartabatkan industri seni dan budaya negara terutama menjelang Tahun Melawat Malaysia 2026.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATUK SERI DR.
MUJAHID BIN YUSOF**

DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan pemerksaan aset Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan sejauh mana masalah kapal-kapal usang telah berjaya digantikan bagi mengatasi pencerobohan di zon maritim kapal.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) sentiasa komited dalam usaha memelihara keselamatan di Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) Malaysia dari ancaman keselamatan tradisional dan bukan tradisional serta tugas mencari dan menyelamatkan (SAR) di perairan negara. Semasa di awal penubuhannya pada tahun 2005, APMM telah memperoleh aset daripada pelbagai Jabatan/Agensi Kerajaan seperti Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Perikanan (DOF), Kastam Diraja Malaysia (KDRM) dan Jabatan Laut Malaysia (JLM) serta sumbangan aset dari negara luar seperti Jepun dan Australia bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diberikan. Mengambil kira usia aset sumbangan tersebut dan setelah penubuhan APMM hampir 19 tahun, maka ini menjadikan hampir 80% daripada kapal-kapal yang dimiliki oleh APMM ini telah berusia dan usang.

Berpandukan kepada Pelan Perancangan Strategik Maritim Malaysia (PPSMM) 2040, APMM menyasarkan pemilikan sebanyak 116 buah kapal iaitu 20 buah kapal bersaiz besar dan 96 buah kapal bersaiz sederhana dan kecil. Sehingga kini, APMM telah berjaya memiliki 5 buah kapal bersaiz besar dan 66 buah kapal bersaiz sederhana dan kecil. Oleh yang demikian, bagi memperkasa keupayaan aset APMM yang seterusnya akan dapat memantapkan pengoperasian APMM, beberapa projek perolehan telah dimohon dan diluluskan yang melibatkan perolehan kapal bersaiz besar dan sederhana iaitu:

1. Kapal bersaiz besar:
 - i. Perolehan 3 buah kapal *Offshore Patrol Vessel* (OPV). Sebuah kapal telah diserahkan pada tahun 2024 manakala baki 2 buah kapal masih dalam proses pembinaan; dan
 - ii. Perolehan sebuah kapal *Multi Purpose Mission Ship* (MPMS). Perolehan telah diluluskan dalam *Rolling Plan* Pertama (RP1) Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMke-12) Tahun 2021 dan sedang dalam proses peralihan syarikat yang berkecualan.

2. Kapal bersaiz sederhana:

- i. Perolehan 6 buah kapal *New Generation Patrol Craft* (NGPC). Kesemua siap dibina dan diserahkan secara berperingkat mulai tahun 2017 hingga 2021; dan
- ii. Perolehan 2 buah kapal *New Generation Patrol Vessel* (NPGV). Perolehan telah diluluskan dalam *Rolling Plan* Keempat (RP4) Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMke-12) Tahun 2024. Sesi semakan Makmal Pengurusan Nilai bagi projek ini telah selesai dilaksanakan pada 12 – 14 Jun 2024.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR TAN SRI DATUK SERI
PANGLIMA ANIFAH BIN AMAN**

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANIFAH BIN AMAN minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status terkini dan bilakah tarikh pembinaan projek Lebuhraya Pan Borneo di Sabah siap sepenuhnya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, pelaksanaan projek Fasa

1 Lebuhraya Pan Borneo (LPB) Sabah dengan anggaran jarak keseluruhan 706 km dibahagikan kepada 35 pakej kerja di mana sehingga kini, 19 pakej kerja telah dibuat pelantikan kontraktor bagi tujuan kerja- kerja pembinaan manakala baki 16 pakej kerja diperingkat perolehan.

Pelaksanaan projek LPB Sabah Fasa 1A sedang giat dilaksanakan di tapak dengan status kemajuan terkini adalah 76.0%. Sehingga kini, daripada keseluruhan pakej kerja LPB Sabah Fasa 1A yang telah dikeluarkan SST, sebanyak 4 pakej kerja telahpun berjaya disiapkan dan dibuka untuk pengguna jalan raya. Manakala, projek LPB Sabah Fasa 1A yang sedang dalam pembinaan dijadualkan dapat disiapkan pada suku pertama tahun 2026.

Bagi pelaksanaan projek LPB Sabah Fasa 1B pula, 4 pakej kerja baru sahaja diberikan Surat Setuju Terima (SST) kepada kontraktor yang berjaya dan kontraktor tersebut telah mula masuk tapak bermula April 2024. Selain daripada itu, baki 16 pakej kerja diperingkat perolehan dijadualkan dapat dikeluarkan SST pada suku ketiga tahun 2024. Projek LPB Sabah Fasa 1B ini akan dilaksanakan dengan tempoh pembinaan selama 5 tahun.

Secara keseluruhan, pelaksanaan 16 pakej kerja LPB Sabah Fasa 1A adalah dengan menggunakan peruntukan pembangunan (*Development Expenditure – DE*). Manakala, pelaksanaan 19 Pakej Kerja LPB Sabah Fasa 1B pula akan dibiayai secara hibrid menggunakan peruntukan pembangunan dan melalui terbitan sukuk/bon oleh DanaInfra Nasional Berhad.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator juga, memandangkan pelaksanaan keseluruhan Lebuhraya Pan Borneo Sabah ini memerlukan peruntukan kewangan yang besar, keutamaan pelaksanaan Projek LPB Sabah pada masa kini adalah untuk menyiapkan keseluruhan Fasa 1 terlebih dahulu. Untuk Fasa selanjutnya iaitu Fasa 2 dari Tamparuli ke Ranau dan Fasa 3 yang merangkumi jajaran di daerah Tawau sehingga Keningau, pelaksanaan adalah tertakluk kepada kaedah dan juga penelitian lanjut bersama Agensi Pusat dan Kerajaan Negeri Sabah serta status kewangan semasa Kerajaan.

Namun begitu, Kerajaan sentiasa perihatin dan komited dalam memastikan kelancaran dan kelangsungan Projek LPB Sabah sebagai pemangkin pembangunan sektor sosio-ekonomi, perindustrian serta pelaburan di sepanjang jajaran projek tersebut dan seterusnya dapat memberikan manfaat kepada rakyat Sabah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR TAN SRI DATUK SERI
PANGLIMA ANIFAH BIN AMAN**

SENATOR TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANIFAH BIN AMAN minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan pertimbangan dalam melantik seorang wakil dari Sabah sebagai Ahli Lembaga Pengarah Malaysian Investment Development Authority (MIDA) agar kepentingan Kerajaan Negeri Sabah dalam menarik pelabur dapat diwakili di peringkat kebangsaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Lantikan **Ahli Lembaga Pengarah (ALP)** bagi Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (**MIDA**) adalah tertakluk dan berpandukan kepada **Akta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Pemerbadanan) 1965** [*Malaysian Investment Development Authority (Incorporation) Act*] atau **Akta 397**. Selain keperluan dan keadaan semasa, ekosistem industri juga mempengaruhi pelantikan ALP MIDA tersebut.

Berdasarkan Akta 397 tersebut, ALP MIDA yang dilantik hendaklah terdiri daripada:

- i. **Pengerusi MIDA** yang **dilantik** oleh **YB Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI)**;
- ii. **Ketua Setiausaha Perbendaharaan**, atau wakil;
- iii. **Ketua Setiausaha (KSU), MITI**;
- iv. Tidak lebih daripada sepuluh orang **ahli lain** yang **dilantik** oleh **YB Menteri MITI**, yang mana, tidak lebih daripada tujuh (7) orang hendaklah mewakili sektor komersial, perkilangan, kewangan, perindustrian dan perkhidmatan; *dan*
- v. **Ketua Pegawai Eksekutif, MIDA**.

Antara **wakil** daripada negeri **Sabah** yang pernah **dilantik** sebagai **ALP MIDA** adalah seperti berikut:

- i. **YBhg. Datuk Seri Panglima Haji Hashim Paijan**, yang kini merupakan Ketua Eksekutif, Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA). Beliau merupakan ALP MIDA bermula dari tahun 2009 sehingga 2018;

- ii. **Encik Nordin Ening**, yang kini merupakan Pengerusi, Sabah *Cross Border Trade*. Beliau merupakan ALP MIDA bermula dari tahun 2018 sehingga 2020;
- iii. **Encik Nip Wing Hon @ John Nip**, yang kini merupakan Pengarah Urusan, Sipadan Mangrove Resort Sdn. Bhd. Beliau merupakan ALP MIDA bermula dari tahun 2018 sehingga 2020; dan
- iv. **Puan Rahimah Majid**, yang kini merupakan seorang Peguambela dan Peguamcara RM Janin & Co di Kota Kinabalu. Beliau merupakan ALP MIDA bermula dari tahun 2020 sehingga 2022.

Meskipun **buat masa ini tiada wakil dari negeri Sabah** di dalam komposisi ALP MIDA, ia **tidak menjejaskan** usaha MITI melalui MIDA dalam **meningkatkan keyakinan** para **pemain industri** dan **pelabur tempatan serta pelabur asing** untuk **melabur** di negeri **Sabah**. Malahan, selaku agensi yang dipertanggungjawabkan untuk mempromosi dan menggalakkan pelaburan ke dalam negara, di antara usaha yang **telah dan sedang dilaksanakan oleh MIDA** (Ibu Pejabat) dan MIDA Negeri (termasuk pejabat MIDA di Sabah) adalah seperti berikut:

- i. Membangunkan **ekosistem rantaian bekalan tempatan** menerusi penganjuran **Seminar Rantaian Bekalan** (*Supply Chain Seminar*) bertujuan mengukuhkan ekosistem rantaian bekalan di antara syarikat tempatan, syarikat multinasional dan syarikat besar tempatan. Selain itu, ianya dapat **mewujudkan peluang perniagaan** kepada syarikat tempatan dan **pembekalan yang berterusan** daripada projek-projek pelaburan syarikat multinasional dan syarikat besar domestik;
- ii. Menganjurkan **sesi dialog** dengan Dewan Perdagangan / Perniagaan (*Business Chambers*) dan Persatuan-persatuan Industri bagi mencari penyelesaian kepada cabaran dan halangan yang dihadapi oleh para pelabur dalam melaksanakan projek;

- iii. Melaksanakan inisiatif **Platform Koordinasi Pelaburan Domestik** (*Domestic Investment Coordination Platform - DICP*), sebagai satu inisiatif bagi membantu syarikat-syarikat tempatan, khususnya **Perusahaan Kecil dan Sederhana** (PKS) untuk meningkatkan kemampuan dalam aspek sumber kewangan. Pasukan ini akan bekerjasama rapat dengan pengawal selia tempatan dan institusi kewangan termasuk **Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan** (*Government Linked Investment Company - GLIC*) seperti Khazanah, serta firma penasihat ekuiti dan korporat, untuk memudahkan syarikat tempatan mendapatkan dana bagi mengembangkan perniagaan;
- iv. Mempergiatkan **sesi libat urus** dengan **pelabur baharu** dan **pelabur sedia ada** melalui penganjuran Seminar Pelaburan seperti **MIDA Invest Series Conference**, Mesyuarat Meja Bulat, Lawatan Kerja, dan Majlis Rangkaian (*networking sessions*);
- v. Menganjurkan **Seminar Pelaburan Tempatan** dan '**SME Investment Desk**' mengenai inisiatif dan fasiliti terkini yang disediakan oleh Kerajaan serta memberi **khidmat nasihat** kepada syarikat tempatan yang majoritinya merupakan syarikat Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dan Persatuan Industri / Dewan Perniagaan Tempatan;
- vi. Mengadakan **lawatan** ke **syarikat-syarikat berpotensi** bagi mengadakan perbincangan mengenai rancangan baharu dan **pengembangan** projek pelaburan syarikat;
- vii. Menubuhkan **Unit Taman Perindustrian** di Ibu Pejabat MIDA yang bertanggungjawab **memantau, mengurus dan membangunkan Taman Perindustrian** di Malaysia, termasuk di Sabah. Portal *MySite Selection* telah dibangunkan sebagai salah satu '**promotion tool**' bagi **menghebahkan** maklumat ketersediaan Taman Perindustrian kepada para pelabur, termasuk untuk menggalak dan merencanakan pembangunan Taman Perindustrian baharu; dan

- viii. Menubuhkan **Pusat Memudahcara Pelaburan Malaysia** (*Invest Malaysia Facilitation Centre - IMFC*) sebagai **Pusat Sehenti di Ibu Pejabat MIDA** bertujuan **memudah cara** dan memberi **khidmat nasihat** kepada komuniti perniagaan dan para pelabur. **Penempatan pelbagai agensi pelulus di bawah satu bumbung** di IMFC akan dapat mempercepatkan kelulusan berkaitan dan dalam masa yang sama mengurangkan karenah birokrasi.

MITI melalui MIDA akan terus **mempertingkatkan usaha** untuk **meningkatkan pelaburan** domestik di samping menarik pelaburan asing ke dalam negara, termasuk ke Sabah. Dalam hal ini, **sokongan dan kerjasama erat** Kerajaan Negeri Sabah adalah mustahak dalam mewujudkan **suasana perniagaan yang kondusif**, antaranya dari aspek infrastruktur dan polisi mesra pelaburan. Sinergi di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri harus terus diperkukuh dalam mengembleng tenaga dan sumber-sumber yang berkenaan ke arah memastikan **Malaysia kekal sebagai destinasi pilihan pelabur**.

Sekian, terima kasih.